



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 49**

**Isnin**

**4 November 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 29)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 29)
Anggaran Pembangunan 2020	(Halaman 29)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 4 November 2019**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah pembuangan pekerja dalam semua sektor sepanjang 2018, dan setakat ini 2019. Berapakah bilangan yang ditawarkan VSS dalam tempoh yang sama dan berapakah bilangan peluang pekerjaan yang telah diwujudkan sepanjang tahun 2019 mengikut sektor.

**Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan notifikasi oleh majikan, bilangan pekerja yang diberhentikan bagi sektor swasta tahun 2018 adalah seramai 23,168 orang pekerja yang melibatkan 17,236 (74.4 *percent*) pemberhentian biasa dan 5,932 (25.6 *percent*) pemberhentian suka rela, VSS.

Manakala, sehingga 30 September 2019 seramai 24,600 orang pekerja yang terlibat. Daripada jumlah tersebut, seramai 21,625 iaitu 87.9 peratus orang pekerja terlibat dengan pemberhentian biasa. Manakala, seramai 2,975 iaitu 12.1 peratus orang pekerja pula terlibat dengan pemberhentian suka rela, VSS.

Bagi tahun semasa, pekerja yang terjejas merupakan di sektor-sektor pembuatan mencatatkan bilangan seramai 7,944 orang iaitu 32.29 peratus terlibat dan seramai 7,309 orang di sektor aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan. Seramai 2,123 orang di sektor perdagangan, borong dan runcit. Seramai 1,748 orang di sektor aktiviti kewangan dan insurans. Seramai 1,049 orang di sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan, makanan dan minuman. Manakala, seramai 679 orang di sektor maklumat dan komunikasi.

Berdasarkan statistik daripada portal pekerjaan, sehingga tahun 2019, kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan kategori siswazah adalah sebanyak 50,326 orang. Manakala, sebanyak 642,798 kekosongan jawatan adalah untuk kategori bukan siswazah. Pengiklanan oleh lebih 20,000 majikan aktif yang menawarkan pelbagai jawatan di semua sekretari pekerjaan sektor awam dan swasta. Portal JobsMalaysia di bawah kementerian ini merupakan portal rasmi pasaran pekerja. Pusat JobsMalaysia seluruh negara menawarkan pelbagai informasi kekosongan pekerjaan. Ia terbuka dan juga diadakan di semua *Urban Transformation Centre* (UTC) di seluruh negara sepanjang tahun. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adalah berkaitan dengan peluang pekerjaan baharu yang diwujudkan. Saya mahu tanya sama ada ia meliputi sektor informal, sektor ekonomi *gig* dan juga sektor ekonomi digital? Sama ada ILMIA di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Perangkaan bercadang untuk memantapkan angka-angka? Ini kerana sektor ini semakin membesar di masa akan datang.

Berkaitan dengan pengangguran anak muda dan siswazah satu perkara yang penting. Apakah sambutan setakat ini kepada inisiatif belanjawan kepada inisiatif *#MalaysiaKerja*? Sama ada kementerian bercadang untuk melibatkan rakyat Malaysia khususnya siswazah dan juga Ahli Parlimen sebelum skim ini *#MalaysiaKerja* dimuktamadkan? Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sektor informal, sektor *gig economy* termasuk perniagaan atas talian menawarkan salah satu cabang ekonomi masa yang membolehkan siswazah dan anak muda serta belia merebut peluang untuk meningkatkan pendapatan. Kementerian sedang memperhalus undang-undang dan peraturan yang berkaitan untuk menjaga kebajikan dan kepentingan mereka di bela dan terjaga. Baru-baru ini, telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa ada inisiatif-inisiatif yang tertentu supaya anak muda mendapat kerja.

Satu, di antaranya adalah mengawarkan sebanyak RM500 kepada setiap graduan yang menganggur lebih dari satu tahun di mana mereka akan diserap oleh majikan dan majikan akan membayar RM300. Ini bukan baharu kerana ada banyak negara yang telah menjalankan inisiatif tersebut dan berjaya. Harap ini boleh diperluaskan dan ILMIA telah diberikan tugas yang khas untuk menarik analisis dalam hal *gig economy* ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dijanjikan di dalam manifesto bahawa pihak Kerajaan Pakatan Harapan akan mewujudkan sebanyak 1 juta peluang pekerjaan baharu dalam masa tempoh lima tahun.

#### ■1010

Setakat hari ini, berapakah jumlah pekerjaan baharu yang telah pun diwujudkan? Saya tahu tadi mungkin Yang Berhormat Menteri sudah menjawab berapa orang yang telah dibuang kerja dan berapa tambahan baharu selama satu tahun lebih ini? Adakah janji 1 juta pekerjaan itu boleh ditepati apabila sampai tempoh lima tahun nanti?

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Yang Berhormat Bera. Semestinya janji itu akan ditepati, akan dijayakan. Tidak ada masalah langsung. Ini kerana pada masa sekarang saya memberikan jawapan, Yang Berhormat, kita ada kekosongan 640,000 pekerjaan yang sedia ada. Bukan sahaja untuk kerja-kerja apa yang dikatakan 3D. Kita ada untuk pengurusan sebanyak 6,000 lebih, untuk profesional sebanyak 21,000 lebih, untuk juruteknik dan profesional bersekutu lebih daripada 22,000.

Satu lagi aspek ini adalah di mana *green-economy* dikatakan boleh mewujudkan 250,000 pekerjaan. Ini sudah mula. Kalau kita tengok dalam satu tahun ini, lebih dari 150,000 pekerjaan sudah pun disediakan di mana kekosongan sekarang telah diisi. Akan tetapi, masalah kita yang

besar, Yang Berhormat Bera, adalah ada kekosongan yang banyak tetapi tidak ada anak-anak kita yang ingin mengambil pekerjaan tersebut. Terima kasih.

**2. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan hasrat kementerian untuk melaksanakan tempoh percubaan untuk menguji keberkesanan prosedur operasi standard (SOP) baru perlombongan dan pengeksportan bauksit.

**Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Yang Berhormat Kemaman telah menanyakan soalan tentang SOP bauksit.

Tuan Yang di-Pertua, prosedur operasi standard (SOP) Perlombongan dan Pengeksportan Bauksit Negeri Pahang yang disediakan ini telah merangkumi seluruh rangkaian aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit, pra-perlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan.

SOP ini telah mengambil kira pandangan-pandangan dari semua *stakeholders* yang terlibat termasuklah masyarakat tempatan, penggiat industri, badan-badan bukan kerajaan, persatuan penduduk dan SOP ini dinilai secara bebas oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian SOP Perlombongan dan Pengeksportan Bauksit Negeri Pahang. SOP tersebut telah mengenakan syarat-syarat yang ketat bermula dari proses permohonan, pengangkutan, *stockpile* berpusat dan pengeksportan. Antara syarat yang perlu dipatuhi oleh penggiat industri adalah kelulusan laporan *environmental impact assessment* (EIA), saiz minimum tapak lombong, pemprosesan bijih bauksit dan lain-lain.

Pada peringkat awal, kementerian berhasrat untuk meneliti keupayaan penggiat-penggiat industri untuk mematuhi semua syarat dalam SOP tersebut dan juga keupayaan agensi-agensi penguatkuasaan untuk menilai operasi perlombongan dan pengeksportan bauksit. Kementerian juga ingin memastikan supaya aktiviti perlombongan bauksit dan mineral-mineral lain dapat dilaksanakan secara mampan dan mempunyai nilai tambah bagi meningkatkan aktiviti ekonomi negara.

Bagi menguji keberkesanan SOP yang baharu ini, pihak Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju supaya hanya beberapa operator sahaja dibenarkan di kawasan Gebeng, Kuantan setelah mendapatkan kelulusan-kelulusan seperti yang telah ditetapkan. Kementerian ini dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Pahang mencadangkan tempoh selama enam bulan diperlukan bagi menguji keberkesanan SOP yang baharu ini sebelum aktiviti perlombongan bauksit boleh dibuka untuk seluruh negeri Pahang dan di negara kita. Terima kasih.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu, saya mengalu-alukan wakil pegawai daripada Parlimen Hulu Langat ke Parlimen Malaysia. *[Tepuk]*

Yang Berhormat Menteri, isu bauksit ini sering dibincangkan kerana ia melibatkan isu alam sekitar. Soalan saya. Saya ingin tahu daripada kementerian dari segi pemilihan kontraktor

dalam melakukan perlombongan bauksit ini. Apakah kriteria yang dipilih dan diambil berat serta bagaimana ia dilaksanakan bagi memastikan keupayaan pihak yang terlibat dapat mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan tidak mengulangi insiden pencemaran seperti mana sebelum ini? Terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih. Memang kita akan menggunakan SOP ini dengan cara yang ketat. Siapa-siapa pun boleh mula bekerja dalam industri ini tetapi mereka kena ikut SOP yang kita telah tetapkan. Kementerian dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang telah pun kita pastikan bahawa siapa pun yang akan minta untuk lesen perlombongan dan lesen untuk *mining activity* itu, dia perlulah ikut SOP yang ada. Kalau tidak ada, kita akan tamatkan serta-merta syarikat-syarikat yang berkenaan.

Sebab itulah kita ada enam bulan sahaja kita akan bagi untuk sebuah syarikat untuk tengok macam mana SOP itu boleh digunakan dengan sepenuhnya. Itu pun kita akan buat kajian juga. Kalau kita perlu ada sedikit perubahan dengan SOP selepas enam bulan yang kita nampak syarikat mana yang telah buat kerja itu, kita akan ambil tindakan sewajarnya pada waktu itu.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja. Menurut laporan, antara dalam SOP yang diberikan syarat tambahan itu adalah *processing* dan juga *washing*. Sejauh mana kepatuhan terhadap proses tambahan dalam SOP untuk bauksit? Terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Memang kita akan bagi prioriti kepada cara pemrosesan pencucian bauksit. Kita telah buat keputusan bahawa pengeksportan bauksit itu ialah daripada pencucian sahaja, *the washed ore* sahaja. Yang itu, lebih daripada 40 peratus alumina *contentnya* sahaja boleh dieksport. Kalau di bawah 40 *percent* alumina, dia tidak boleh eksport. Dia kena kembali balik kepada sistem proses dia dan dia kena pastikan bahawa ada 40 peratus lebih alumina sahaja dia boleh buat pengeksportan.

So, memang di dalam SOP itu kita adakan syarat-syarat yang terketat dengan proses untuk dia— *tailingnya*, *washingnya* dan sebagainya. So, itu semua kita akan bagi tumpuan di dalam enam bulan ini dan selepas itu sahaja kita boleh katakan inilah SOP yang kita akan guna pakai untuk masa depan dan akan datang. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua. Satu, Tuan Yang di-Pertua. Paya Besar ada bauksit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya dua soalan tambahan sahaja.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua? Minta jasa baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minggu lalu saya beri kelonggaran, ada orang yang membantah. Jadi, saya ingin ikut aturan mesyuarat ya.

**3. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan kaedah bagi memastikan setiap aktiviti atau projek yang menggunakan bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) saban tahun adalah lebih akauntabiliti dan telus bagi mengelakkan sebarang salah laku guna kuasa, penyelewengan dan rasuah berlaku.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd. Samad]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahir Rahmanir Rahim.* [Membaca selawat]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, matlamat pelaksanaan tadbir urus yang baik adalah untuk memastikan kerajaan dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak rakyat berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban.

Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 telah menggariskan pemisahan bidang kuasa Menteri dengan ketua setiausaha sebagai ketua agensi kerajaan. Ini dilakukan sebagai usaha untuk memisahkan pentadbiran kerajaan daripada pengaruh politik. Ini perlu untuk memastikan pihak perundangan pendakwaan dan agensi penguatkuasaan dapat melaksanakan fungsi dengan bebas dan adil berlandaskan undang-undang yang berkuat kuasa.

#### ■1020

Pelan khusus ini telah dibangunkan oleh Pusat *Governance*, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain. Sambil itu, ketelusan dan pertanggungjawaban dicapai oleh DBKL melalui tiga tahap pemantauan iaitu:

- (i) pematuhan DBKL kepada panduan-panduan dan dasar pengurusan dalaman DBKL itu sendiri; sebagai contoh tatacara pelaksanaan perolehan melalui punca kuasa yang jelas seperti terkandung dalam Perintah Tetap Perolehan Datuk Bandar Tahun 2015;
- (ii) menyedia dan mengguna pakai garis panduan pengurusan projek pembangunan fizikal;
- (iii) memantau prestasi perbelanjaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan;
- (iv) pelaporan hasil dan perbelanjaan dalam penyata kewangan tahunan DBKL yang diaudit oleh Ketua Audit Negara setiap tahun;
- (v) Sambil itu, DBKL telah mewujudkan beberapa jawatankuasa baharu supaya keputusan dibuat secara kolektif atau melalui sebuah jawatankuasa;
- (vi) Sambil itu juga, persoalan pemisahan tugas dititikberatkan di mana sesuatu proses kerja melibatkan jabatan berbeza bagi tujuan semak dan imbang; dan

- (vii) penggiliran tugas juga dilaksanakan dengan menempatkan semula pegawai dan kakitangan ke bahagian jabatan baharu dari semasa ke semasa.

Tahap kedua Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua – maaf panjang sedikit, ialah melalui pendekatan separa luaran yang telah diperkenalkan di DBKL melalui Mesyuarat Majlis Menteri yang melibatkan kesemua Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk turut sama membincang dan mengesyorkan dasar serta hala tuju kepada DBKL.

Kedua, pembentukan MPP yang lebih bersifat akar umbi yang dapat menilai pemilihan dan pelaksanaan projek adalah wajar dan tidak membazir. Pendekatan yang ketiga yang terakhir adalah pendekatan luaran bersama rakyat jelata di mana aduan boleh dibuat terus kepada DBKL melalui portal *e-Complaint* ataupun aduan terus kepada Kementerian Wilayah melalui portal FB dan *Twitter* kementerian dan juga Menteri.

Ketiga, aduan terus kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemantauan terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban adalah tanggungjawab kita bersama. Terima kasih.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen, kami sentiasa terpaksa mengeluarkan peruntukan untuk memperbaiki jalan-jalan yang berlubang, saluran longkang yang rosak dan tersumbat, padang-padang yang berlumpur dan perlu diratakan. Kerja-kerja seperti ini sepatutnya dijalankan oleh *term contractor* yang telah mendapat kontrak untuk setiap kawasan. Jadi, apakah langkah yang akan diambil oleh DBKL untuk memantau prestasi *term contractor* itu supaya *efficiency* DBKL meningkat. Sekian.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Seperti mana yang dinyatakan, memang DBKL telah mengadakan tender-tender terbuka untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang melibatkan persoalan jalan, perparitan, landskap dan sebagainya. Bagi kawasan-kawasan dan zon-zon yang terletak di bawah Ahli-ahli Parlimen, mereka boleh memantau prestasi kerja kontraktor-kontraktor itu.

Sekiranya didapati bahawa pihak Ahli Parlimen terpaksa banyak mengeluarkan peruntukan untuk melakukan kerja-kerja yang sepatutnya dilakukan oleh kontraktor itu, maka ia bolehlah dibuat laporan untuk diambil kira terhadap prestasi kontraktor sama ada kontraktor itu akan diberikan teguran ataupun akhirnya mungkin kalau tidak meningkat prestasinya, mungkin terus ditamatkan. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya sangat menghargai jawapan yang telah diberi Menteri berkait dengan isu *accountability* dan penggalakan salah guna kuasa. Soalan saya, saya ingin bertanya tentang isu yang tular sekarang ini membabitkan pegawai khas kepada Yang Berhormat Menteri. Video tersebut mendakwa pegawai khas tersebut telah meminta wang perlindungan di beberapa lokasi di sekitar Kuala Lumpur dan mengganggu tugas DBKL.

Saya juga mengambil maklum bahawa pegawai khas tersebut telah membuat laporan polis bertarikh 3 Oktober yang mana dia menyatakan tujuan laporan polis itu bagi menafikan

tuduhan dan akan mengambil tindakan mahkamah. Saya kalau boleh ingin penjelasan Menteri berhubung dengan isu ini. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya mengucapkan terima kasih juga kepada pihak yang membuat aduan tetapi apabila dah membuat aduan itu, kita kena bertanggungjawablah atas aduan yang kita buat. Maka kita tidak adalah hendak menghalang aduan itu daripada ditular dan sebagainya tetapi pegawai khas saya telah pun membuat laporan polis dan telah juga mengambil tindakan undang-undang terhadap orang yang membuat aduan tersebut. Ini kadangkala apabila seseorang bertindak terhadap kelab-kelab malam, dia mungkin juga akan menjadi sebagai sasaran terhadap fitnah oleh golongan tertentu.

Pegawai khas saya memang telah banyak terlibat dalam operasi-operasi terhadap kelab-kelab malam yang mana didapati adanya pengambilan dadah, adanya pelacuran dan sebagainya sehingga menyebabkan beberapa kelab-kelab malam itu terpaksa ditutup dan disita. Tidak mustahil dalam keadaan yang sedemikian, maka pihak-pihak yang berkepentingan membuat aduan ataupun menyebarkan khabar angin dan fitnah bahawa mereka telah memberi duit kepadanya dan sebagainya yang mana kesemua tuduhan-tuduhan itu semestinya dibuktikan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya menjemput Tuan Haji Awang bin Hashim.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak mulakan dengan pantun, boleh? Kita tradisi Melayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pantun, okey.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:**

*Dari Pendang ke Pokok Sena,*

*Siji, loro, telu, papat,*

*Kerajaan PH jangan gundah-gulana,*

*Soalan saya nombor empat.*

**4. Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan sejauh manakah dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 yang dilancarkan oleh kerajaan mampu menyelesaikan masalah ekonomi negara dan kehidupan rakyat yang semakin susah sekarang.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Pokok kecupu pokok sena,*

*Tiada langsung gundah-gulana. [Tepuk]*

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) merupakan hala tuju baharu pembangunan negara untuk tempoh 10 tahun mulai tahun 2021 hingga 2030. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya walaupun pertumbuhan ekonomi negara



menunjukkan prestasi yang menggalakkan, namun ianya masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum.

Selain itu, terdapat pelbagai isu struktur yang perlu ditangani. Antaranya sumber pertumbuhan yang masih bergantung pada faktor pengeluaran tradisional seperti modal serta buruh dan bukannya peningkatan produktiviti. Isu produktiviti berkait rapat dengan tahap kemahiran pekerja.

Pada masa ini, industri masih didominasi oleh pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah yang merangkumi sebanyak 72.8 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja. Sebahagian besar industri di Malaysia masih bergantung kepada perdagangan komoditi mentah yang tidak mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta kurang menghasilkan produk baharu. Industri sedia ada juga terlalu bergantung kepada pekerja asing dan hanya 37 peratus daripada industri dalam sektor pembuatan dan 20 peratus dalam sektor perkhidmatan menggunakan pakai teknologi tinggi.

Situasi ini mendorong kepada kadar gaji pekerja yang rendah dan tidak banyak berubah ataupun *stagnant* dengan izin. Berdasarkan laporan tahunan Bank Negara Malaysia 2017, gaji pekerja Malaysia adalah lebih rendah dan tidak setimpal berbanding dengan produktiviti buruh. Bahagian pampasan pekerja kepada KDNK Malaysia masih rendah iaitu 35.7 peratus pada tahun 2018 berbanding negara maju seperti Jerman sebanyak 51.5 peratus, United Kingdom– 49.4 peratus dan Korea Selatan– 45.7 peratus.

#### ■1030

Oleh yang demikian, objektif utama pertama WKB adalah untuk menstrukturkan semua ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi. Penekanan akan diberikan kepada peningkatan produktiviti sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi. Usaha juga akan dilaksanakan bagi menggalakkan industri untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi.

Selain memperkukuhkan sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, kerajaan akan terus meningkatkan inisiatif pendigitalan dan penerimgunaan teknologi secara lebih meluas terutamanya di kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Selain daripada isu struktur, masih wujud jurang ekonomi yang ketara di setiap peringkat kumpulan pendapatan wilayah etnik dan rantaian bekalan.

Objektif kedua WKB, akan menumpukan kepada usaha untuk merapatkan jurang tersebut. Jurang pendapatan yang ketara di antara kelas pendapatan berlaku berikutan pendapatan kumpulan isi rumah B40 lebih bergantung kepada penggajian dan kumpulan ini juga kurang memiliki aset yang boleh menjana pendapatan lain.

Kerajaan yakin tumpuan kepada ekonomi bernilai tinggi dan perwujudan pekerjaan berpendapatan tinggi akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan. Di samping itu, teras strategik lima WKB kesejahteraan sosial memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40.

Dalam konteks jurang pembangunan antara wilayah, khususnya di kawasan bandar dan luar bandar, kerajaan sedar bahawa jurang pengagihan ekonomi antara kedua-dua kawasan ini semakin melebar. Dalam teras strategik kedua, terdapat 15 cadangan aktiviti pertumbuhan ekonomi utama (KEGA). Antaranya adalah tumpuan kepada pertanian pintar yang akan meningkatkan produktiviti hasil tanaman terutamanya untuk agropreneur di luar bandar. Selain itu, penekanan kepada Komoditi Malaysia 2.0 membolehkan tumpuan diberikan kepada penghasilan produk hiliran daripada komoditi seperti sawit dan getah supaya dapat menjana nilai ditambah dan pulangan yang lebih tinggi.

Dalam teras strategik keenam WKB iaitu keterangkuman wilayah, pemetaan titik tumpuan ekonomi dengan izin, *economic hotspot* akan dilaksanakan. Usaha ini bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Malaysia akan memanfaatkan peluang daripada perkembangan peralihan ekonomi dunia dari Eropah ke Asia dengan menjadikan negara sebagai hab khas ekonomi ASEAN.

Bagi menggembleng pelbagai usaha di bawah WKB, Dasar Strategi dan Inisiatif khusus sedang dirangka oleh kerajaan dan di jadual akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pada tahun hadapan. Penjajaran WKB akan diteruskan dalam RMKe-13. Kerajaan yakin matlamat WKB untuk melihat seluruh rakyat mengecap satu kehidupan yang wajar menjelang tahun 2030 akan dapat direalisasikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi kerana menjawab dengan ada perancangan tetapi tidak meletakkan bila tarikh itu akan mencapai pelaksanaannya.

Cuma soalan saya, saya tengok di sini kita mesti ada indeks kos sara hidup yang perlu memastikan pendapatan isi rumah mampu memenuhi tahap dengan izin, *minimum acceptable standard*. Jadi, kita tengok ini ia perlu melangkaui keperluan makanan dan minuman serta pakaian, untuk tempat berlindung juga dimasukkan bagi dalam *index minimum acceptable standard* ini. Jadi maknanya kemampuan individu untuk *bermuamalah* dengan masyarakat secara bermakna, peluang untuk membangunkan diri dan juga keluarga serta bebas daripada tekanan kewangan yang serius.

Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dengan soalan saya ini, jika kerajaan bercadang untuk memperkenalkan indeks kos sara hidup yang baru, adakah kerajaan juga bercadang untuk memperkenalkan gaji kehidupan wajar ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, *living wage* untuk diaplikasikan bagi menggantikan gaji minimum RM1,200 yang telah ditetapkan sekarang. Sekian.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Pertama berkaitan dengan tarikh pelaksanaan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa WKB ini akan bermula pada tahun 2021 selari dengan RMK-12 dan tempohnya adalah sehingga tahun 2030, itu yang pertama. Berkaitan dengan indeks kos sara hidup dan juga *living wage*. Inilah antara penekanan yang saya sebutkan tadi bahawa apabila kita membentuk hala tuju jangka panjang negara yang baharu, kita melihat secara mendalam tentang isu berkaitan dengan struktur-struktur ekonomi dan daripada sinilah

kita dapat fahamkan keadaan termasuklah isu pendapatan yang dikatakan agak rendah terutamanya dalam konteks pendapatan garis kemiskinan.

Jadi perkara-perkara ini sedang dilihat dan diteliti oleh kerajaan dan segala yang berkaitan dengan hal ini akan diterjemahkan di dalam RMKe-12 pada tahun hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiawangsa, pertama ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian akan melihat isu gaji kehidupan wajar ataupun *living wage* ini daripada segi insentif percukaian kepada pihak korporat dan juga daripada segi *procurement* pihak kerajaan.

Kedua, adakah kerajaan setuju bahawa wujud banyak salah faham sebab gaji kehidupan wajar ini bukan ganti untuk gaji minimum tetapi *complimentary* kepada gaji minimum sebab gaji minimum bersifat *statutory* dan gaji kehidupan wajar bersifat *expressional*.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih, Yang Berhormat Setiawangsa. Pertama sekali seperti mana Yang Berhormat nyatakan untuk apabila kita bercakap tentang kehidupan yang wajar ini itu membolehkan seseorang itu hidup dengan keadaan yang selesa, apa yang dikatakan dengan bermaruah. seperti mana yang saya sebut tadi bahawa kerajaan sedang melihat secara keseluruhannya apakah kaedah-kaedah yang boleh digunakan bagi memastikan bukan sahaja dari segi gaji ya. Dari segi gaji, satu sudut tetapi secara keseluruhannya bagaimana kita menstrukturkan semula ekonomi itu supaya secara tidak langsung industri-industri bernilai tinggi dapat diwujudkan dan rakyat secara keseluruhannya dapat merasai pendapatan yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Selamat Tuan Yang di-Pertua.

*“Dari Jelutong kita ke Pekan,*

*Mencari-cari buah delima,*

*Larinya Pekan ke kaki lima,*

*Soalan Jelutong soalan kelima”. [Tepuk]*

**5. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menjamin keselamatan para penyokong dan pemain bola sepak Malaysia ketika berada di Indonesia dan memastikan kejadian yang berlaku baru-baru ini tidak berulang.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** *[Ketawa]* Terlalu hebat pantunnya, tidak terjawab saya. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan jawapan saya kepada Yang Berhormat daripada Jelutong, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah kepada Harimau Selatan, JDT yang telah menjuarai Piala Malaysia pada hujung minggu yang lalu menewaskan Helang Merah, Kedah. *[Tepuk]*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan amat prihatin terhadap keselamatan pasukan kebangsaan dan juga pasukan penyokong kita tidak kira di mana-

mana perlawanan, sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Untuk insiden yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong tadi, saya percaya beliau merujuk kepada perlawanan pusingan kedua kelayakan Piala Dunia 2022 dan Piala ASEAN 2023 di mana pasukan kebangsaan bola sepak kita bertemu dengan pasukan Indonesia di Stadium Bung Karno, Jakarta pada 5 September 2019. Keadaan itu, kejadian tersebut memang dipandang serius oleh kerajaan dan pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, FAM sebenarnya telah pun mengambil beberapa langkah sebagai untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku sebelum perlawanan tersebut. Contohnya, dua sesi mesyuarat bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan Indonesia pada 20 Ogos dan 27 Ogos telah pun diadakan. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) yang telah membincangkan aspek keselamatan pemain dan juga penyokong yang perlu diberi perhatian oleh Persatuan Sepak Bola Seluruh Indonesia (PSSI).

PSSI dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan Indonesia telah mengambil tindakan dengan menyediakan polis pengiring dari lapangan terbang ke stadium khususnya untuk pasukan Harimau Malaya dan lebih 300 penyokong negara pada hari perlawanan berlangsung. Namun, insiden rusuhan masih berlaku semasa perlawanan akibat tindakan agresif penyokong tuan rumah iaitu Indonesia.

#### ■1040

Kementerian Belia dan Sukan telah pun mengeluarkan kenyataan tegas supaya Konfederasi Bola Sepak Asia ataupun AFC dan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) memberikan perhatian serius bagi menangani isu tersebut dan berharap tindakan wajar akan diambil. Pihak AFM juga telah memastikan pegawai pertandingan ataupun *match commissioner* menghantar laporan kejadian kepada FIFA melalui AFC.

Kes tersebut Tuan Yang di-Pertua, telah pun dibawa ke Jawatankuasa Disiplin FIFA dan PSSI telah dikenakan denda oleh FIFA sebanyak CHF45 ribu ataupun bersamaan dengan RM191,700 berserta amaran ke atas kejadian yang telah berlaku di Jakarta. Pada masa yang sama, FAM juga telah memohon nasihat daripada Konfederasi Bola Sepak Asia untuk membantu menyediakan pelan komprehensif menjelang pertemuan perlawanan kedua dan seterusnya untuk perlawanan-perlawanan lain di masa yang akan datang supaya peristiwa ini tidak berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, pihak kementerian turut mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pemuda dan Olahraga Indonesia ataupun MENPORA bagi kedua-dua negara ini mencari kaedah yang terbaik membendung sensitiviti yang wujud di antara penyokong-penyokong Indonesia dan Malaysia. Ini kerana, jika dilihat dari sejarah yang dahulu sensitiviti penyokong-penyokong sukan ini lebih menonjol melibatkan pertandingan sukan tertentu sahaja seperti bola sepak, badminton dan sepak takraw. Akan tetapi, jarang berlaku semasa pertandingan sukan-sukan yang lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Saya bertanyakan soal itu kerana saya ingin memastikan

keselamatan pemain-pemain Malaysia dan juga jurulatih dan Menteri yang telah hadir itu terjamin pada masa akan datang. Kita lihat bahawa prestasi bola sepak telah meningkat baru-baru ini. Akan tetapi, pada masa yang sama saya ingin tanya adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan teknologi baharu seperti *video assistant referee* ataupun *goal line technology*? Ini kerana, baru-baru ini bila saya menyaksikan sebagai seorang penyokong bola sepak pasukan Kedah— walaupun saya Ahli Parlimen Pulau Pinang, tetapi saya lahir di Kedah.

Jadi saya menyokong Kedah dan saya tertanya-tanya, gol jaringan kedua dalam pertandingan baru-baru ini yang melibatkan pemain Safawi Rasid, gol itu sebenarnya kelihatan tidak masuk. Jadi cuma ada seorang pengadil di bahagian belakang yang menjaga kerana kita belum lagi memiliki *goal line technology* dan *video assistant referee* yang telah diperkenalkan dalam Liga Perdana Inggeris. Jadi persoalan saya adalah, bilakah perkara-perkara ini akan diperkenalkan dalam pertandingan-pertandingan bola sepak tanah air kita? Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong:** Saya rasa gol Safawi Rasid tersebut telah pun dimuktamadkan oleh *referee*. Jadi, tidak ada pertikaian dalam Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, FAM sebenarnya pernah mencadangkan teknologi *video assistant referee* ataupun VAR pada tahun 2018 selepas Piala Dunia tetapi terpaksa menangguhkan cadangan tersebut. Ini kerana ujian kesesuaian berkaitan dengan VAR ini memerlukan belanja yang amat besar, sedangkan FAM tidak mempunyai dana ataupun keperluan setakat ini untuk menggunakan VAR.

Justeru, laporan teknikal daripada FAM dan juga FIFA adalah amat penting sebelum perlawanan liga kita menggunakan teknologi tersebut. Memandangkan ada dibangkitkan isu-isu seperti gol saudara Safawi Rasid tersebut, jadi kementerian mencadangkan kepada Liga Malaysia agar menggunakan mekanisme yang terbaik untuk memperkenalkan sistem seperti teknologi VAR bagi mengelakkan pertikaian yang tidak sepatutnya berlaku daripada berlaku. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya yakin rusuhan-rusuhan yang berlaku ini akan merosakkan imej negara. Apa yang berlaku, skuad Malaysia di Indonesia sudah pastinya meruntuhkan imej Indonesia. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah persediaan kerajaan supaya apabila kita pula menjadi tuan rumah, bagaimana pula kaedah dari kementerian untuk dilaksanakan supaya rusuhan-rusuhan ini tidak berlaku di negara kita. Ini kerana kita akan menghadapi piala dunia kelayakan kumpulan G 2022 dan 2023 untuk Piala Asia. Minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Kementerian di sini memberikan jaminan bahawa apabila ada perlawanan timpa balik contohnya yang akan berlangsung pada 19 November 2019 nanti di Stadium Bukit Jalil, kita akan memastikan bersama dengan pihak berkuasa contohnya polis dan sebagainya memastikan keselamatan di kawal ketat bagi mengelakkan insiden yang sama berlaku dan saya percaya penyokong kita dan juga pemain kita tidak akan mempunyai ataupun menunjukkan kelakuan yang tidak senonoh dan menonjolkan

keganasan seperti yang telah ditonjolkan oleh pasukan lawan di Indonesia tersebut. Terima kasih.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya saya menjemput Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Awalnya saya hendak mengalu-alukan kehadiran guru dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Buloh dan pelawat-pelawat yang lain ke Dewan ini. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat pagi.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua,  
*Tanjung Piai insya-Allah BN menang,*  
*Saya kemukakan soalan nombor enam.*

**6. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Industri Utama menyatakan apakah usaha dalam menangani penurunan stok minyak sawit Malaysia yang merosot 10.3 peratus dalam tempoh 10 bulan kepada 2.45 juta tan metrik. Bagaimanakah Kementerian bertindak dalam memastikan penurunan stok minyak sawit ini tidak memberi kesan kepada bekalan domestik dan eksport.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah, musim pilihan raya kecil. Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Bunga kemboja, bunga siantan,*

*Sayangi sawitku saya ucapkan.*

*Kemapanan sawit kami usahakan.*

*Kebajikan pekebun kecil kami utamakan.*

*[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Maran berkenaan dengan stok minyak sawit. Stok minyak sawit Malaysia sedang mengalami trend penurunan pada tahun ini iaitu daripada 3 juta tan pada Januari tahun ini kepada 2.25 juta tan pada Ogos tahun ini. Manakala paras stok minyak sawit semasa adalah sebanyak 2.45 juta tan pada 10 Oktober tahun ini iaitu pada paras yang optimum.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pengurangan stok adalah fenomena yang baik yang positif kerana ia membuktikan usaha kerajaan untuk meningkatkan eksport minyak sawit negara telah berjaya dilaksanakan. Berdasarkan rekod, eksport minyak sawit negara telah meningkat sebanyak 19.7 peratus kepada 12.6 juta tan daripada Januari hingga Ogos tahun ini berbanding dengan 10.53 juta tan bagi tempoh yang sama pada tahun lepas. Ini akan menyumbang kepada kenaikan paras harga minyak sawit yang lebih baik.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menggantung duti eksport CPO iaitu minyak sawit mentah daripada Jun hingga Disember tahun ini demi mengatasi stok minyak sawit yang tinggi. Kerajaan sememangnya berusaha untuk menurunkan paras stok minyak sawit negara ke satu paras yang optimum kerana penawaran minyak sawit pada awal tahun ini telah berada pada paras yang melebihi permintaannya iaitu 3 juta tan.

Justeru itu, kementerian saya telah cuba sedaya upaya untuk mengurangkan stok minyak sawit bagi menstabilkan harga minyak sawit demi meningkatkan pendapatan seluruh rangkaian industri sawit termasuknya pekebun kecil. Namun begitu, kementerian saya sentiasa memantau situasi stok minyak sawit negara agar ia berada di paras yang optimum bagi menampung permintaan semasa pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah kerajaan telah memastikan bekalan minyak sawit sentiasa mencukupi di pasaran sama ada untuk pasaran tempatan mahupun eksport adalah seperti berikut. Satu, mengadakan siri perbincangan dengan pihak *refinery* supaya mereka tidak mengimport terlalu banyak minyak sawit dari negara luar, tetapi sebaliknya menggunakan stok minyak sawit tempatan. Kedua, menurunkan kadar duti eksport ke atas minyak sawit mentah bermula 1 Januari 2020 daripada 4.5 peratus kepada 3 peratus demi membantu industri sawit untuk mengeksport minyak sawit pada harga yang lebih kompetitif.

Secara amnya bekalan minyak sawit pada tahun 2019 dijangka akan sentiasa mencukupi kerana paras bekalan stok minyak sawit di pasaran melebihi paras 2 juta tan atau melebihi paras minimum 5 peratus daripada jumlah pengeluaran minyak sawit mentah. Sekian, terima kasih.

#### ■1050

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ekoran tekanan daripada negara-negara EU dan juga tindakan India untuk memboikot pembelian minyak kita, terutama dalam bulan November dan Disember ini di samping pergolakan ekonomi dunia.

Jadi, berapakah sebenarnya penurunan eksport kita, sawit ini ke luar negara yang merupakan pembeli sawit kita dan apakah langkah kerajaan dalam menangani hubungan baik antara negara-negara pembeli sawit daripada negara kita ini. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih. Yang Berhormat, seperti apa yang saya katakan tadi stok minyak sawit di negara kita ini telah pun jatuh kerana eksport kita telah meningkat dan itu sebabnya harga juga telah pun meningkat. Jadi, walaupun terdapatnya boikot di sana sini tetapi kita lihat keadaan fenomena yang positif bagi industri sawit kita kerana harga kita ini memang tengah meningkat.

Jadi bagi pasaran EU memang kementerian saya akan bekerjasama dengan pihak Indonesia. Sebenarnya pada minggu ini, pegawai di kementerian saya akan bertemu dengan kementerian di Indonesia, Jakarta untuk membincangkan macam mana kita menangani situasi pasaran ataupun industri sawit di kedua-dua negara.

Bagi negara India dan China juga merupakan negara pengimport yang besar kita akan sentiasa mengadakan lebih perjumpaan, rundingan dan melalui saluran diplomatik untuk menggalakkan eksport minyak sawit kita ini ke luar negara. Sekian, terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang. Yang Berhormat Menteri tahniah di atas usaha yang diberikan untuk mengutamakan penanaman dan juga penghasilan pokok kelapa sawit. Persoalan saya adalah tentang jangkitan kulat bagi pokok-pokok kelapa sawit di seluruh Malaysia. Jangkitan kulat Ganoderma yang telah mengakibatkan hampir 60 peratus daripada hasil tanaman itu dijangkiti lebih-lebih lagi seawal dua tahun selepas ia ditanam.

Ini bukan isu baru tetapi memandangkan Yang Berhormat Menteri baru sahaja melawat beberapa kilang pemprosesan di Johor yang menggunakan ejen kawalan biologi, apakah tindakan kementerian untuk memastikan masalah dan fenomena bahaya kulat ini dapat ditangani supaya setiap hasil itu tidaklah terbazir dengan begitu sahaja. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Sebenarnya ini memang satu isu yang dihadapi oleh penanam sawit kita yang mana agak susah bagi kita untuk menangani kecuali bagi jangkitan yang terlalu teruk. Kalau menggunakan racun tidak dapat mengatasi penyakit itu kita terpaksa tebang pokok di kawasan tersebut supaya penyakit itu tidak dijangkiti ke kawasan penanaman sawit yang berdekatan.

Bagi MPOB sebenarnya yang penyelidik kita ini juga mengadakan banyak penyelidikan untuk lihat sama ada guna baja jenis mana ataupun racun jenis mana untuk mengubati atau menangani jangkitan penyakit pokok ini. Sebenarnya yang penyakit pokok seperti ini ia bukan sahaja berlaku bagi pokok sawit tapi juga bagi pokok getah. Kita lihat di sebelah utara Semenanjung ini ada terdapat ladang getah telah pun dijangkiti sesetengah penyakit termasuk juga di negara Thailand.

Begitu juga dengan tanaman seperti lada dan juga koko. Semua tanaman ini selepas satu tempoh mereka tentu diserang penyakit tertentu. Ini mungkin ada berkaitan dengan racun ataupun baja yang kita gunakan dan semua kajian ini tengah dilakukan oleh pihak MPOB dan juga pihak swasta. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya menjemput Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi. Silakan.

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]:** Terima kasih Tuan yang di-Pertua,  
*Pergi muara naik perahu,  
Sehabis daya berdayung sampan,  
Tentang FELCRA saya hendak tahu,  
Soalan saya nombor lapan.*



**8. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan apakah perancangan pihak FELCRA Berhad di kawasan Parlimen Igan untuk meningkatkan hasil pendapatan para peserta tanaman kelapa sawit. Apakah pihak FELCRA Berhad mempunyai perancangan meluaskan kawasan tanaman kelapa sawit. Berapa jumlah dividen yang telah dibayar oleh FELCRA Berhad selama ini kepada setiap peserta dan senaraikan mengikut nama dan keluasan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Berpantun juga ya.

*Tanjong Piai milik Pakatan,*

*Saya jawab soalan lapan. [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi memastikan tahap pengeluaran sawit yang optimum dapat dicapai supaya pulangan hasil yang lebih baik kepada peserta, FELCRA telah melaksanakan pemerkasaan pengurusan ladang termasuk ladang-ladang di kawasan Parlimen Igan.

Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti mengadaptasi sistem penuaian yang lebih sistematik *block harvesting system* dengan izin, menerusi aplikasi sistem D10 di mana penuaian buah tanah segar dapat dituai secara optimum dan meningkatkan tahap pematuhan disiplin pekerja. FELCRA juga mempertingkatkan penggunaan mekanisasi bagi pengurusan rumpai, pembajaan dan pemeliharaan tanaman.

Di samping itu, penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan pertanian dan perparitan dilaksanakan secara berkala supaya ia berfungsi dengan baik. Perancangan FELCRA Berhad untuk meluaskan kawasan tanaman sawit bergantung kepada kesesuaian dari segi keluasan dan daya maju kawasan yang akan dibangunkan. Sebanyak lapan buah projek berkeluasan 453 hektar telah disenaraikan sebagai cadangan projek kawasan tanaman sawit baharu di negeri Sarawak.

Daripada jumlah tersebut, terdapat sebuah projek tanaman sawit baharu melibatkan kawasan seluas 53 hektar dengan seramai 107 orang peserta di kawasan Parlimen Igan bakal dimajukan pada tahun 2020. Jumlah dividen keseluruhan yang diterima oleh 2,009 orang peserta dalam kawasan Parlimen Igan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM5.25 juta dan pada tahun 2018 sebanyak RM262,520. Pencapaian purata produktiviti di Parlimen Igan adalah berada pada tahap yang baik iaitu 26 metrik tan per hektar.

Namun, kejatuhan harga sawit telah memberi kesan kepada jumlah dividen untuk peserta. Selain daripada itu, elemen pembayaran balik hutang pembangunan berjadual berjumlah RM30 juta setahun turut menjejaskan pendapatan keseluruhan projek di Parlimen Igan. FELCRA telah bersetuju supaya bayaran balik hutang kos pembangunan ini ditangguhkan secara sementara bagi tahun 2019 sehingga 2020 bagi mengimbangi kejatuhan harga komoditi ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini kerana masih ramai lagi para peserta yang

merungut tentang pengurusan FELCRA khususnya tentang dividen yang terlalu sedikit. Malah ada yang menerima, ada yang tidak menerima langsung sejak empat tahun yang lepas.

Contohnya, blok Loba Balu 3 dan blok Kuala Matu langsung tidak menerima dividen sejak empat tahun yang lepas. Malah rakan saya jiran saya di sebelah ini kawasan Tanjong Manis juga menghadapi masalah yang sama. Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapa perkara ini berlaku? Para peserta pekebun-pekebun kecil dimaklumkan oleh FELCRA mereka masih lagi menanggung hutang.

Hutang apa yang tidak habis-habis ini? Sedangkan usia ladang berkenaan sudah lebih kurang 25 tahun sepatutnya hutang sudah habis dan saya rasa kalau pihak FELCRA tidak berminat untuk menguruskan ladang-ladang ini saya bercadang supaya ladang-ladang ini diserahkan kembali kepada pemilik-pemilik asalnya.

Selain daripada itu Yang Berhormat Timbalan Menteri para peserta juga dijanjikan oleh FELCRA mula-mula dahulu bahawa mereka akan membantu pemilik-pemilik tanah ini untuk mendapatkan geran tanah. Akan tetapi setelah hampir 25 tahun, janji ini tidak ditunaikan. Malah untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri mereka tidak diberi salinan perjanjian yang sah.

Oleh itu, saya memohon pihak kementerian melihat dengan serius masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil yang terlibat dengan FELCRA ini. Masalah ini saya rasa bukan sahaja berlaku di kawasan Parlimen Igan tetapi berlaku di seluruh negeri Sarawak yang melibatkan pengurusan FELCRA. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali saya mengambil maklum kesemua maklumat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan kawasan-kawasan FELCRA dalam Parlimen Igan. Pihak FELCRA akan melihat perkara ini dengan lebih spesifik terutamanya apabila bercakap tentang hutang dan seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, apabila kita bercakap dengan hutang ini adalah antaranya komponen yang paling besar adalah kos pembangunan ladang.

Oleh sebab itulah untuk di Parlimen Igan pada tahun ini, untuk tahun 2019 hingga 2020 pihak FELCRA menanggungkan dahulu tentang bayaran balik hutang ini untuk kedua-dua tahun tersebut.

#### ■1100

Tentang dividen ini seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi sejak empat tahun lepas dividen – ada kawasan yang tidak ada dividen. Antara seperti mana yang akhir-akhir ini kita sedari bahawa kesan seperti mana saya sebut tadi kesan daripada kejatuhan harga sawit itu memberi kesan yang besar kepada hasil yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta dan juga akan tetapi dalam pengurusan baharu FELCRA telah mengambil langkah untuk meningkatkan produktiviti dan Alhamdulillah hasil 26 tan metrik per hektar itu merupakan satu jumlah hasil yang baik hasil daripada usaha pihak pengurusan baharu meningkatkan produktiviti di kawasan-kawasan FELCRA. Sekian, terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Harga komoditi sawit terutamanya turun dan naik sekarang trendnya harga sawit naik ada ketika dia turun. Itu berlaku sepanjang masa. Soalan saya ialah apakah pengurusan FELCRA ada memikirkan satu mekanisme tentang pembayaran balik dan dividen ketika harganya rendah dan ketika harganya tinggi supaya tidak membebankan peserta. Maksudnya ialah kalau tinggi, mungkin potongannya lebih sedikit dan kalau rendah digunakan dahulu diberikan *advancement* misalannya terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih ahli Yang Berhormat. Seperti mana saya sebut tadi ada usaha-usaha pihak FELCRA untuk memastikan bahawa peserta-peserta mendapat dividen yang wajar terutamanya apabila harga sawit yang jatuh seperti mana saya sebut tadi di Parlimen Igan bagaimana FELCRA menanggungkan dahulu pembayaran untuk 2019 dan 2020 bagi membolehkan pembayaran balik ini tidak mengurangkan jumlah dividen yang akan diterima oleh peserta. Jadi, pihak pengurusan sedang melihat kaedah-kaedah yang lebih baik untuk memastikan apabila harga sawit itu turun, maka kesannya tidak begitu besar kepada peserta-peserta FELCRA. Sekian, terima kasih.

**9. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah impak Projek Kuala Linggi International Port terhadap geopolitik, ekonomi dan sosial penduduk setempat.

**Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat cadangan pembangunan Kuala Linggi International Port (KLIP) adalah merupakan satu inisiatif pembangunan pelabuhan daripada pihak swasta dan kerajaan pada masa ini belum mengambil sebarang keputusan dasar berhubung cadangan tersebut.

Berdasarkan pelan induk pembangunannya, Kuala Linggi International Port akan berfungsi sebagai pelabuhan industri antara lain sebagai hab bagi aktiviti *bunkering* dan *port of* ..... bagi kapal-kapal dagang yang melalui perairan Selat Melaka. Cadangan pembangunan Kuala Linggi International Port telah diperhalusi dan diteliti oleh kerajaan melalui platform Majlis Pembangunan Fizikal Negara pada 24 Oktober 2019 dan syarat-syarat yang diletakkan adalah seperti berikut:

- (i) Menambahkan jarak anjakan dari sempadan maritim Negeri Sembilan serta mengurangkan keluasan tambakan di bahagian selatan pembangunan projek di negeri Melaka;
- (ii) menyediakan laporan impak ekonomi bagi membuktikan cadangan pembangunan ini lebih memberikan manfaat ekonomi mengatasi kos sosial dan alam sekitar;
- (iii) memastikan pembangunan ini tidak memberikan saingan dan menjejaskan Jeti Kuala Linggi sedia ada dan mengambil kira penemuan

Kajian National Port Strategy yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri melalui kerjasama dengan pihak World Bank Group pada tahun 2016;

- (iv) mengenal pasti jangkaan pengurangan hasil perikanan akibat daripada kesan cadangan pembangunan pelabuhan ini;
- (v) mengambil kira kesan daripada ekosistem hutan paya bakau sedia ada dan penduduk tempatan;
- (vi) mengambil kira lokasi sumber pasir bagi aktiviti tambakan;
- (vii) menyasarkan pengurangan sebanyak 45 peratus pelepasan karbon melalui reka bentuk bangunan hijau;
- (viii) Rangka pelan tindakan kecemasan ataupun *emergency response* pelan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sebarang pembangunan melibatkan sektor pengangkutan maritim adalah tertakluk kepada kajian-kajian asas seperti Environmental Impact Assessment (EIA), Kajian Hydrography dan Marin Traffic Re-assessment (MTRA). Sekian terima kasih.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tersebut dan saya ingin bertanyakan apakah perancangan pihak kementerian supaya misi agar KLIP ini dapat ditambah baik dan juga dapat *transform* ia menjadi penambahbaikan fasiliti KLIP ini tercapai dan juga ia menjadi pilihan dunia untuk di sepanjang Selat Melaka dan kita melihat bahawa sepanjang 13 tahun ini sehingga 500 juta *barrel* telah pun diurusniagakan di sepanjang penubuhan KLIP dan saya ingin bertanya apakah kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan sebarang pemberian geran ataupun insentif bagi menambah baik lagi urusan KLIP ini supaya ia dapat lagi diangkat dan juga menjadi pilihan utama untuk kapal-kapal yang berdagang di sepanjang Selat Melaka. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi Pelabuhan Kuala Linggi Internasional Port ini adalah satu projek yang merupakan inisiatif daripada pihak swasta. Pihak swasta akan meletakkan pelaburan untuk membangunkan pelabuhan ini sekiranya diluluskan dan pelabuhan ini merupakan satu pelabuhan *dedicated* ataupun pengkhususannya kepada sektor *oil and gas*.

Jadi, itu sebabnya kita akan melihat bahawa bagaimana untuk membentuk satu ekosistem untuk memastikan bahawa pelabuhan ini berjaya dan dia dapat menarik kapal-kapal yang terlibat dengan sektor *oil and gas* ini berlabuh di sana dan berdagang dalam sektor *oil and gas* ini di pelabuhan tersebut dan pelabuhan tersebut oleh kerana lokasinya berdekatan dengan Port Klang dan juga PTP, Kementerian Pengangkutan telah mengatakan bahawa kita hendak menjadikan pelabuhan ini sebagai satu pelabuhan yang khusus dan dia tidak melibatkan pelabuhan kontena.

Dari segi pembangunannya memang kerajaan akan sedia untuk memberikan sokongan akan tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan walaupun Majlis

Pembangunan Fizikal Negara telah pun memberikan pandangan dan juga syarat-syarat tersebut dan terpulanglah kepada syarikat tersebut untuk memenuhi semua syarat yang ditetapkan. Terima kasih.

**11. Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan usaha-usaha kementerian bagi membantu persatuan dan pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) bagi memupuk kepimpinan baru susulan penurunan had umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun. Adakah Kementerian mempunyai inisiatif lain bagi membantu golongan yang tercicir daripada takrifan belia terus aktif berkhidmat dalam masyarakat.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada saudari Yang Berhormat dari Merbok. Untuk makluman saudari Yang Berhormat dari Merbok, sebenarnya pada masa kini sudah hampir separuh ataupun lebih kurang 44 peratus daripada jumlah pemimpin pertubuhan belia sebenarnya berumur di bawah 30 tahun. Jadi kita sudah ada satu angka ataupun kumpulan pemimpin yang sudah pun memenuhi syarat terbaharu dalam Akta 668 tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan telah menggariskan empat strategi bagi membantu pertubuhan belia sedia ada untuk memenuhi pindaan kepada Akta 668 iaitu;

Pertama, kita memberikan masa ataupun tempoh peralihan yang mencukupi. Tarikh berkuat kuasa perkara baharu tersebut ataupun pindaan tersebut pada 1 Januari 2022, ada dua tahun lagi. Akan tetapi jika pemegang jawatan sesebuah persatuan itu telah dilantik pada tahun 2021 dan mempunyai tempoh dua tahun maka pemegang jawatan tersebut boleh memegang ataupun menghabiskan tempoh perjawatannya sehingga tahun 2023. Maka secara kesimpulannya pertubuhan-pertubuhan belia sedia ada mempunyai masa dua sehingga empat tahun untuk memenuhi pindaan terbaharu penurunan umur belia. Kita perlu ingat bahawa perancangan untuk menurunkan umur belia ke 30 tahun ini sebenarnya sudah pun bermula, perbincangan sudah pun bermula sejak tahu 2015 lagi.

Keduanya, Pejabat Pertubuhan Belia sentiasa mengadakan sesi *engagement* contohnya pada tahun ini sahaja kita telah menganjurkan lebih kurang 15 Bengkel Urus Tadbir Pertubuhan Belia di setiap negeri melibatkan 766 peserta secara keseluruhannya. Bengkel tersebut bertujuan untuk memastikan pergerakan-pergerakan pertubuhan belia terus aktif dan mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta 668.

Ketiganya, menerusi penyelarasan semula dana kepada pertubuhan belia. Kementerian Belia dan Sukan kini kita hanya memberikan dana pentadbiran kepada pertubuhan belia peringkat kebangsaan dan maksima ataupun majoriti jumlah besar dana itu akan disalurkan sebagai dana aktiviti kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang lain. Ini bagi menggalakkan pertubuhan belia di negara kita supaya bergerak aktif menganjurkan aktiviti, melakukan program-program di setiap peringkat bagi menarik ataupun bagi menarik penyertaan ahli-ahli baharu di kalangan belia. Setakat ini pada tahun ini sebanyak RM14 juta telah pun disalurkan melalui dana aktiviti ini.

Keempat, Kementerian Belia dan Sukan meneruskan *engagement* dengan bekas pemimpin-pemimpin persatuan belia menggunakan pengetahuan, pengalaman, dan menggunakan rangkaian perhubungan mereka bagi memperkukuhkan lagi pergerakan belia.

■1110

Contohnya, KBS telah bekerjasama dengan Federasi Kebangsaan Pekerja Belia yang sebenarnya bukan berdaftar di bawah Pertubuhan Belia (ROY) tetapi berdaftar di bawah ROS untuk memainkan peranan sebagai mentor kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang lain.

Sekian, terima kasih.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapannya begitu meyakinkan. Cuma soalan ringkas saya adalah, penurunan takrifan belia ini suatu yang sangat kita sokong. Cumanya, adakah kementerian mengenal pasti kelompangan besar yang berlaku di sesetengah kawasan, maksud saya yang kritikal, khususnya di kawasan pedalaman yang mana rata-rata belia mereka itu masih lagi bergelut dengan ekonomi dan juga kurangnya pengalaman? Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat dari Merbok. Peranan Kementerian Belia dan Sukan menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan juga Pejabat Belia dan Sukan Daerah, kita berperanan sebagai pemangkin dan juga fasilitator. Tidak kira di kawasan bandar ataupun di luar bandar, pegawai-pegawai kita sentiasa bersedia untuk memainkan peranan, bukan sahaja sebagai fasilitator malah sebagai mentor. Tadi saya sudah sebut, kita bekerjasama dengan bekas pemimpin-pemimpin belia untuk memperkukuhkan lagi pergerakan dan aktivisme belia di semua peringkat, termasuk di kawasan luar bandar.

Jadi, saya rasa dalam aspek ini, kita tidak perlu bimbang dan saya punya keyakinan penuh terhadap belia di Malaysia ini bahawasanya walaupun di luar bandar sekali pun, mereka mempunyai keinginan dan kemampuan untuk memimpin pergerakan belia di tempat masing-masing. Saya juga memohon Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini supaya memainkan peranan masing-masing sebagai wakil rakyat bagi memperkukuhkan lagi usaha kita memperkasakan pergerakan belia di seluruh negara. Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri.

Saya ingin mendapat penjelasan soal pelarasan. Sebab, bila kita turunkan had umur, kita dapati ada beberapa buah negeri yang membuat keputusan yang tidak selaras dengan pendirian di peringkat kementerian. Contohnya, Selangor dan Perlis masih lagi tidak menerima soal pelarasan tersebut.

Persoalan saya yang kedua ialah bagaimana kita hendak *develop*, membangunkan persatuan-persatuan belia, khusus di kawasan-kawasan kampung dan pedalaman sebagai satu mekanisme bagi melahirkan kepimpinan belia pada masa hadapan? Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berkaitan dengan isu beberapa buah kerajaan negeri yang tidak mengikuti pindaan Akta 668 tersebut, sebenarnya mereka menggunakan kaedah ini berkaitan dengan dasar-dasar di peringkat negeri. Pindaan akta ini sebenarnya hanya melibatkan persatuan-persatuan ataupun pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia. Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa *engage* ataupun berkomunikasi dengan pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa tempatan bagi memastikan agar Dasar Belia Kebangsaan yang meliputi takrifan belia di bawah 30 tahun ini diterima bersama oleh semua peringkat di dalam negara ini.

Keduanya ialah tentang bagaimana kita memperkasakan para belia termasuk di kawasan luar bandar. Sebenarnya tadi saya pun sudah sedikit sebanyak menjawab dalam jawapan saya kepada Yang Berhormat Merbok iaitu di bawah Kementerian Belia dan Sukan, kita tidak ada diskriminasi terutamanya kepada pergerakan belia di luar bandar. Kita akan sentiasa memainkan peranan. Pegawai-pegawai kita, kita ada lebih kurang 5,000 orang pegawai Kementerian Belia dan Sukan di seluruh negara. Pegawai-pegawai kita akan terus memainkan peranan bukan sahaja sebagai fasilitator malah sebagai mentor kepada pertubuhan-pertubuhan belia ini agar mereka boleh merealisasikan misi masing-masing sebagai pergerakan belia negara. Terima kasih.

**12. Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]** minta Perdana Menteri menyatakan bentuk bantuan yang disediakan khusus kepada masyarakat India melalui Jabatan Perdana Menteri ataupun kementerian-kementerian lain terutama dalam membantu pembangunan ekonomi kaum India.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa soalan yang sama telah diutarakan oleh Yang Berhormat pada 10 Julai 2019 dan saya telah pun memberikan penjelasan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, memandangkan Yang Berhormat telah membangkitkan soalan yang sama pada hari ini, saya akan memberikan penjelasan sekali lagi.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan kerajaan demi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India di Malaysia adalah disalurkan melalui Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sejumlah RM100 juta telah diluluskan bagi tahun 2019. Peruntukan ini adalah untuk membantu masyarakat India Malaysia terutamanya daripada golongan B40 bagi meningkatkan kualiti hidup mereka melalui pelaksanaan pelbagai program, latihan dan kursus dalam bidang-bidang terpilih. Program sebegini dapat meningkatkan kapasiti dan menjadikan masyarakat India di Malaysia lebih berkebolehan, berdaya saing dan mempunyai kompetensi yang diperlukan serta tidak lagi tergolong dalam kemiskinan tegar.

Dalam hal ini, MITRA dipertanggungjawabkan dalam memastikan peruntukan yang diberikan sampai kepada masyarakat India Malaysia pada peringkat akar umbi agar jurang polarisasi sosioekonomi *inter* dan *intra* kaum dapat ditangani.

Program-program pembangunan sosioekonomi bagi masyarakat India di Malaysia yang dilaksanakan melalui Jabatan Perdana Menteri, iaitu dalam hal ini adalah MITRA, telah pun dijelaskan dalam sesi-sesi sebelum ini secara terperinci.

Secara ringkasnya, bentuk bantuan khusus yang disediakan kepada masyarakat India boleh dibahagikan kepada empat bidang iaitu pendidikan dan latihan, ekonomi dan kerjaya, kebajikan dan sosial serta kerohanian dan keagamaan.

Pada masa ini, MITRA sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan bagi 211 program dan aktiviti melalui kerjasama strategik dengan badan-badan bukan kerajaan, syarikat, pertubuhan persatuan serta institusi pengajian tinggi swasta yang mempunyai kepakaran serta pengalaman khusus dalam bidang-bidang keutamaan yang dikenal pasti oleh MITRA bagi tahun ini.

Selain itu, MITRA turut bekerjasama dengan kementerian dan agensi kerajaan bagi membolehkan masyarakat India turut serta menerima bantuan sewajarnya dan melibatkan diri dalam inisiatif-inisiatif kerajaan yang bertujuan untuk membangunkan semula rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Berkaitan ini, masyarakat India juga mempunyai peluang yang sama untuk menikmati inisiatif-inisiatif tersebut.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri M. Saravanan [Taph]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat jawapan Yang Berhormat Menteri, ia selari dengan apa yang kita buat sebelum ini untuk memastikan masyarakat India khususnya golongan B40 tidak tercicir daripada arus pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, apabila kita lihat program-program sebelum ini khususnya menambahkan latihan kemahiran dan kursus dan sebagainya, ia berterusan dengan bantuan dana khas. Apabila kita beri latihan kepada kumpulan tercicir ini, mereka dapat ilmu tambahan tetapi dari segi melaksanakan program ini, mereka perlukan dana. Hanya kursus sahaja tidak akan memberi jaminan bahawa masyarakat India akan dibangunkan. Maka, kita perlukan bantuan untuk mendorong mereka.

Kalau kita lihat sebelum ini di bawah SEDIC, mereka telah melaksanakan program-program yang lebih kurang sama tetapi tambahan pula, mereka ada bantuan daripada TEKUN. Apabila SEDIC ataupun MITRA memberi latihan kepada golongan tercicir, TEKUN akan memberi bantuan dana untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan. Hari ini, kita lihat kita tidak lagi nampak bantuan seperti TEKUN sebelum ini.

Maka, saya minta pendapat Yang Berhormat, sama ada, adakah tambahan pula RM4 bilion yang diminta oleh Yang Berhormat yang sampai sekarang kita belum dapat? Maka, adakah apa-apa cadangan untuk memberi dana tambahan kepada golongan tercicir ini supaya selepas latihan, mereka meneruskan dalam aktiviti perniagaan? Terima kasih Yang Berhormat.



**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut.

Yang Berhormat menyatakan apa yang dijalankan oleh MITRA pada hari ini adalah selari dengan apa yang dibuat sebelum ini oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi masyarakat B40. Saya dengan jelas ingin menyatakan sekali lagi. Tiada bukti-bukti yang konkrit yang dapat dikemukakan. Daripada apa yang kita tahu, Jabatan Audit telah pun membuat audit kepada segala peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada program-program pembangunan masyarakat India sebelum ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional dan tiada ketelusan— didapati tiada rekod siapa yang sebenarnya menjadi, dengan izin, *beneficiary* kepada program-program tersebut.

■1120

Banyak salah laku telah berlaku, banyak penyelewengan telah berlaku malah MACC sedang menyasiat segala penyelewengan-penyelewengan tersebut. Jadi adalah tidak benar bagi Yang Berhormat menyatakan apa yang kami lakukan sekarang ini adalah selari dengan apa yang telah dijalankan oleh kerajaan terdahulu.

Bagi menjawab soalan berikutnya, untuk makluman Yang Berhormat TEKUN juga menyediakan bantuan kepada mereka yang telah menjalani latihan-latihan dan ingin menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Selain daripada itu, atas inisiatif MITRA sendiri terdapat banyak lagi program-program yang disediakan untuk membantu mereka-mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan atau keusahawanan. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada jawapan dan penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya, apakah terdapatnya kebenaran dalam rungutan bahawa semua dana yang disalurkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu telah diberikan kepada pihak-pihak tertentu dan parti-parti politik khususnya Malaysian Indian Congress (MIC). Di mana, dana-dana itu tidak sampai kepada pihak-pihak yang sepatutnya menerima bantuan untuk memberi manfaat kepada golongan-golongan sasaran? Adakah cadangan kementerian untuk mendedahkan individu-individu tersebut dan adakah cadangan untuk membuat laporan dengan pihak SPRM supaya individu-individu tersebut atau parti-parti politik tersebut dan NGO-NGO berkenaan diheret ke mahkamah sekiranya terdapat apa-apa unsur ketirisan dan rasuah. Terima kasih.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Minta Yang Berhormat Jelutong tarik balik kenyataan bantuan disalurkan kepada MIC. Dia tidak layak jadi Ahli Parlimen, mana boleh bantuan kerajaan disalurkan kepada parti-parti politik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagilah Yang Berhormat Menteri menjawab. Itu soalan.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Bolehkah Tuan Yang di-Pertua syorkan bantuan kerajaan boleh disalurkan kepada parti-parti politik? Yang Berhormat Menteri minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan tanya saya, Yang Berhormat Menteri akan menjawab Yang Berhormat Tapah.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Sama ada boleh diberikan kepada persatuan ataupun kepada parti politik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri kesempatan kepada semua pihak ...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat Menteri jawab.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Kenapa setiap kali Yang Berhormat Jelutong dalam Dewan ini menjadi kecoh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sila jawab. Soalan telah diajukan sila jawab.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Yang Berhormat Menteri sila jawab dengan telus. Saya ucapkan terima kasih, orang macam—mahluk macam Yang Berhormat Jelutong akan bangkitkan kecoh dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tapah. Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong pun duduklah.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tapah pun duduk. Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas soalan susulan tersebut. Memang benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa terdapat rungutan-rungutan yang berasas bahawa dana yang dikemukakan semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dahulu tidak sampai kepada golongan-golongan sasaran. Walau bagaimanapun, saya dapat nyatakan di sini untuk bagi pihak Yang Berhormat Tapah bahawa daripada apa yang kita dapati tiada apa-apa dana yang diberikan kepada parti politik MIC ini.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa sebagaimana yang saya nyatakan terdahulu bahawa terdapat salah laku dalam penyampaian dana tersebut dan juga sesetengah dana atau sejumlah dana tertentu telah disampaikan terus kepada seorang mantan Menteri dan dua mantan Timbalan Menteri. Dalam perkara-perkara ini, masih dalam siasatan MACC jadi setelah mengambil kira kesemua salah laku yang lampau ini buat masa kini MITRA sedang dan akan terus memastikan bahawa wang diperuntukkan kepada masyarakat India sampai kepada mereka di peringkat akar umbi sekian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Boleh beritahu siapa mahluk-mahluk yang menerima wang itu? Boleh beritahu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk memanggil...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita mahu makhluk-makhluk itu diheret ke mahkamah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jelutong duduklah. Pagi-pagi hendak gaduh kah.

**14. Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah jangkaan bandar integrasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) akan disiapkan sepenuhnya, dan apakah matlamat jangka panjang yang ingin dicapai oleh Kementerian melalui kewujudan bandar integrasi tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat sebelum saya jawab soalan saya hendak ambil kesempatan untuk ucapkan tahniah kepada JDT jadi juara Piala Malaysia. Tidak lupa saya hendak ucap tahniah kepada negeri saya Kedah; hijau kuning helang merah yang menjadi naib juara Piala Malaysia baru-baru ini. Jadi negeri lain itu pakai tidak ada apalah, yang negeri lain itu kira *kemereh...*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih dari pihak negeri Johor atas ucapan. Ini kerana Yang Berhormat hadir agaknya kalah Kedah itu. [*Ketawa*].

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, apa-apa pun negeri kami yang naib juara negeri Yang Berhormat sebagai juara, negeri Perlis tidak ada apa.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tarik balik Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Melaka pun tidak ada.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jawab soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab soalan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Lupa makan ubat kah apa ini?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi saya ucap tahniah kepada pasukan Kedah memang *hangpa* hebat, *hangpa pulun* sampai habis walaupun tidak menang. Syabas. Baik, berkaitan dengan...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Jadi Menteri Kedah lah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Perak pun tidak ada tahun ini...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Jadi Menteri Kedah lah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Akan tetapi, Kedah juara FA *Cup* dengan naib juara Piala Malaysia. Baik, terima kasih.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tidak boleh jadi menteri Malaysia ini, dia kena jadi Menteri Kedah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Okey menjawab soalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jadi Menteri Belia dan Sukan lah sesuai.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Cadangan untuk membina bandar TVET ini satu cadangan awal, cadang awal yang dilontarkan untuk kita mendapat input-input, pandangan-pandangan daripada pelbagai pihak terhadap bagaimana usaha untuk kita hendak membina satu kehebatan

TVET di negara kita. Sebab, mentaliti sesetengah masyarakat kita masih tidak melihat tentang TVET merupakan satu laluan pendidikan yang menjadi keperluan masa kini kepada anak-anak mereka. Jadi ini kita lontarkan dan kita sentiasa terbuka untuk mendapat apa-apa pandangan, cadangan daripada semua pihak. *Insyah-Allah*.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya adalah mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan bilakah jangkaan Bandar Integrasi Pendidikan Teknikal Latihan Vokasional ini akan disiapkan sepenuhnya? Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan itu. Dan keduanya, sebenarnya saya ada soalan disediakan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dengan penuh ini soalnya, saya harap boleh jawablah sekadar dua soalan saya ini.

Apakah competitive *advantage* dari segi Revolusi Industri 4.0 yang boleh ditawarkan oleh Bandar Integrasi TVET ini dari aspek penghasilan graduan-graduan teknikal dan vokasional berbanding universiti-universiti dan institusi-institusi TVET yang sedia ada sekarang? Industri mana dan sektor mana yang berpotensi dijadikan rakan industri untuk Bandar Integrasi TVET ini? Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih. Itu saya jawab tadi bahawa ini baharu di peringkat cadangan awal yang kita masih belum mengemukakan untuk pertimbangan tetapi di dalam bajet baru-baru ini kerajaan memberikan perhatian yang serius dengan meningkatkan bajet untuk TVET— berbanding dengan tahun 2019 di bawah RM5.7 bilion tetapi untuk tahun 2020 kita naikkan kepada RM5.9 bilion dan ini menunjukkan usaha kita untuk hendak membina, hendak membangunkan TVET secara lebih meluas.

Sebab itu di dalam bajet ini juga ditunjukkan bagaimana laluan pendidikan TVET dengan kita membuka laluan kepada projek MTUN, empat universiti bagi memberikan laluan kepada graduan-graduan TVET di peringkat persijilan dan juga diploma melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda. Ini yang telah pun kita mulai sejak daripada tahun ini. *Insyah-Allah*.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tidak jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri, bandar integrasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan kedua terakhir secara ringkas Yang Berhormat Bagan Serai silakan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan hendak galakkan TVET ini satu langkah yang baik. Di Malaysia kita ada 20 universiti awam, lima universiti pendidikan dan tadi kita dengar *comprehensive university* dan juga *Mechanical Technical University* MTUN. Untuk mengoptimumkan kemudahan dan *infra* dan juga menjimatkan dana awam, adakah kerajaan akan mencadangkan supaya beberapa universiti awam ini dijadikan pusat pengajian tinggi TVET yang cemerlang? Dalam erti kata lain, universiti TVET seperti juga universiti-universiti *Fachhochschule* di Jerman, yang mana tenaga-tenaga pengajarnya adalah pemain-pemain industri dan mereka lebih kepada aplikasi kepada teori yang

ini lebih mementingkan *know how* daripada *know why*. Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

■1130

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Satu cadangan yang sangat baik yang dilontarkan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya, kita mengharapkan supaya institusi-institusi TVET yang ada yang menjalankan kursus diploma sekarang ini seperti di bawah Kementerian Sumber Manusia sendiri iaitu ADTEC dan juga JMTi di Seberang Perai. Seboleh-bolehnya kita mengharapkan untuk satu masa yang akan datang nanti akan dinaikkan taraf menjadi sebuah universiti. Begitu juga di bawah KBS ada institut kemahiran yang menjalankan program diploma dapat dinaikkan taraf menjadi sebuah universiti.

Sebenarnya dalam Kementerian Sumber Manusia pada kerajaan yang dahulu, pernah mengemukakan satu cadangan untuk mewujudkan satu Universiti Kemahiran Malaysia tetapi Kabinet menolak pada waktu itu. Itu di bawah kerajaan dahulu. *Insyallah* kami akan memberikan satu pertimbangan untuk melihat selepas daripada kejayaan projek MTUN ini untuk kita dapat melahirkan sebuah universiti kemahiran khusus yang menunjukkan universiti TVET itu sendiri, *Insyallah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan jawapan itu tamatlah sesi soal jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta Yang Berhormat Pokok Sena tolong makan ubat.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil kesempatan hendak mengalu-alukan rombongan daripada Perlis terdiri daripada sukarelawan polis, pelajar-pelajar KUIPs dan juga persatuan penduduk. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang ke Dewan Rakyat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Harumanis.

**USUL**  
**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN**  
**DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.31 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran semua kementerian menjawab perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan diputuskan bacaan kali yang kedua dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 05 November 2019.”

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[31 Oktober 2019].**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab masih terdapat enam kementerian yang belum memberi jawapan, saya ingin cadangkan masa dihadkan sedikit kecuali bagi Kementerian Kewangan untuk memberikan masa yang lebih kepada Kementerian Kewangan yang sudah tentu akan mengambil masa yang agak lama. Untuk lain-lain kementerian, saya cadangkan di antara 45 minit hingga satu jam. Kalau 45 minit lagi bagus ya. Kalau boleh, jadi...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya ingin merujuk kepada – Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 44 yang bertajuk Tertib Dalam Mesyuarat. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, pada hari Khamis yang lepas Yang Berhormat Pasir Salak telah diarahkan untuk meninggalkan Dewan dan pada hari ini beliau tidak hadir, mematuhi dan akur kepada arahan Tuan Yang di-Pertua.

Namun demikian, saya ingin mendapat satu Petua, satu penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua mengenai satu kelainan yang berlaku ekoran daripada perintah keluar kepada Yang Berhormat Pasir Salak iaitu kita melihat di atas meja Yang Berhormat Pasir Salak ini *mic*-nya telah dicabut, *mic* telah dicabut. Jadi saya ingin mendapat penjelasan yang pertama, adakah *mic* dicabut kerana arahan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, adakah mencabut *mic* ini adalah satu amalan baru yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua ataupun kerajaan yang ada pada hari ini. Ketiga, kalau ianya dibuat, di bawah Peraturan mana? Saya tidak jumpa dalam *Standing Order* ini bahawa ahli yang digantung dan tidak hadir *mic*-nya dicabut. Ini satu perkembangan yang baru. Saya mohon Petua Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Cabut kerusi sekali.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kerusinya ada, kerusi tidak diangkat, kerusinya ada. Terima kasih.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** *Mic* rosak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Ahli Yang Berhormat boleh memberi pengesahan bahawa seorang yang sudah diminta keluar akan keluar, *mic* tidak akan dicabut. Ini arahan saya. Sekarang pun saya boleh arahkan *mic* diletakkan kembali. Oleh sebab Yang Berhormat yang telah diusir akur pada arahan *Speaker* atau Timbalan *Speaker*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Peraturan mana itu Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Budi bicaralah. Bukan semua perkara melibatkan peraturan yang tertulis.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya, betul Tuan Yang di-Pertua, budi bicara *you must...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Malah tempat setiap Yang Berhormat duduk pun tertakluk kepada budi bicara-budi bicara...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Budi bicara Tuan Yang di-Pertua berdasarkan kepada undang-undang, *you must act your declaration judicious* sendiri Tuan Yang di-Pertua, sebagai hakim pun macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Itu *judiciously* lah. Kalau semua ikut arahan *Speaker*, tidak perlu kita mengambil...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Betul, tetapi tidak ada peraturan cabut *mic* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada peraturan? Baik *bubuh* baliklah kalau tidak ada peraturan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Bubuh* baliklah, ini memalukan Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa masalahnya. *Bubuh* baliklah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ini kah yang menjamin kebebasan...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang tidak keluar itu yang memalukan Parlimen.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Boleh cabutlah semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi kalau seorang itu masih degil, saya akan cabut balik. Itu budi bicara saya. Sekarang boleh *bubuh* balik, tidak ada masalah, tidak ada masalah. [*Dewan riu*] Tidak ada orang yang hendak cakap.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, begini, kita hendak tahu sebagai ahli Dewan. Adakah ini satu peraturan baru yang akan dilaksanakan semua sekali, sebelah sana, saya sebelah sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kedua-dua belah pihak.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ini satu yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kedua-dua belah pihak.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Benda remeh tetapi memalukan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mesti...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Mic* dicabut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Memastikan Aturan Mesyuarat dipatuhi. Kalau tidak, tidak akan berlaku keadaan di mana Dewan ini boleh dianggap sebagai Dewan yang mulia. Jadi kadangkala, tindakan seperti mencabut *mic* perlu diambil.

**Seorang Ahli:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Pasang balik, pasang balik.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak pasang balik sekarang boleh, pasang balik. Yang Berhormat Baling ada *mic*-nya sekarang, apa masalahnya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey, okey saya Tuan Yang di-Pertua.



**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit tambahan apa yang dibuat. Begini, saya orang yang pertama yang dicabut *mic* walaupun saya sudah keluar. Hari itu apabila Tuan Yang di-Pertua, halau saya keluar, usir saya keluar dengan kata-kata keluar, keluar. Saya keluar, memang saya tidak keluar *immediately* tetapi selepas 10 minit saya sudah keluar dan saya tidak datang pada keesokan harinya. Pada masa yang sama, saya tidak datang pun *mic* saya dicabut juga.

Jadi kalau kita tengok dalam Peraturan Mesyuarat, saya pohon Tuan Yang di-Pertua untuk *consider* perkara ini. Macam hari ini, contohnya sebelah kami, tetapi Yang Berhormat Jelutong masih bangun mengganggu, Tuan Yang di-Pertua tidak pernah pun hendak tegur dia, hendak usir dia keluar. Itu saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, tadi dia bangun...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Saya ingat Dewan lebih aman kalau cabut *mic* Yang Berhormat Jelutong ini.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia kacau, dia tanya makhluk mana dan sebagainya. Saya dengar, Tuan Yang di-Pertua nampak, Tuan Yang di-Pertua perasan tetapi Yang Berhormat Jelutong ada *special provision* dalam Dewan yang mulia ini, itu kita nampaklah. Jadi sebab itu saya minta kalau hendak jadi adil, adil dan saksamalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pendapat Yang Berhormat Baling ya.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Cukuplah Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *No, no.* Ini fakta, rakyat di luar nampak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang sah saya mengambil tindakan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, satu Malaysia sedang bercakap dengan ketidakpatutan apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Jelutong. Satu Malaysia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling telah membuat banciaan kah?

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Dewan sudah menjadi *standard* Yang Berhormat Jelutong sudah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, saya sudah pergi merata.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, sila duduk.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *People are talking about it* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Kita ada urusan-urusan yang lebih penting...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Daripada mendengar daripada Yang Berhormat Baling. Silakan, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri, Kementerian Industri Utama. Silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Keputusannya apa dari segi *mic*? Pasang balik atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasang baliklah *mic*.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Pasang balik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya cadang *mic* tidak payah pasang, cabut dengan kerusi sekali. Campak keluar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan pertolongan Yang Berhormat Arau, lain kali kita buat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hendak saya buang kerusi sekarang? Tolak kerusi sekali supaya puas hati.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat hendak buat, buatlah. Silakan Yang Berhormat Menteri. Jangan habiskan masa.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap selepas ini tidak timbul lagi isu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap selepas ini apabila diarahkan keluar, sila keluar. Silakan Yang Berhormat Menteri.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**11.39 pg.**

**Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Sayangi Komoditi Malaysiaku. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Industri Utama (MPI) dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 peringkat dasar di Dewan yang mulia ini.

Kementerian juga merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Kewangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]:** Yang telah membentangkan Belanjawan 2020.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri tunggu sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada peraturan-peraturan berbahas.

■1140

Saya akan menguatkuasakan Perkara 35(1), '*Sesiapa seorang Ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan hanya apabila dipanggil oleh Pengerusi maka ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi, seseorang Ahli tidak boleh bercakap melainkan setelah dipanggil oleh Pengerusi*'. Saya berikan nasihat ini kepada kedua-dua belah

pihak dan untuk mengelakkan kejadian pada hari Khamis minggu lepas. Maka sesiapa yang tidak mengikut peraturan mesyuarat apabila diusir keluar, dia hanya boleh salahkan dirinya dan jangan salahkan speaker. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Belanjawan 2020 yang dicadangkan, MPI diperuntukkan sebanyak RM670.15 juta iaitu RM259.52 juta untuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM410.62 juta. MPI menerima peningkatan sebanyak 32.19 peratus berbanding dengan peruntukan tahun 2019. Sektor agri komoditi yang ketika ini meliputi industri sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf adalah salah satu penyumbang utama kepada pendapatan eksport dan pemangkin yang signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Pada tempoh Januari hingga Ogos 2019, nilai eksport sektor ini adalah sebanyak RM82.4 bilion atau 12.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport negara.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian merakamkan ucapan terima kasih kepada 33 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu dasar berkaitan sektor agri komoditi serta cadangan dan pandangan untuk menambah baik perkara-perkara berkaitan bidang kuasa Kementerian Industri Utama pada sesi perbahasan RUU Perbekalan 2020 peringkat dasar.

Untuk penggulangan ini, saya akan memberikan maklum balas dan penjelasan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat melalui sembilan urutan topik seperti berikut:-

- (i) kejatuhan harga komoditi dan kebajikan pekebun kecil;
- (ii) Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS);
- (iii) langkah-langkah menangani diskriminasi minyak sawit di Eropah dan pengurangan import minyak sawit oleh India dan China;
- (iv) pengurusan lambakan stok minyak sawit tempatan;
- (v) cadangan penghapusan cukai eksport dan cukai jualan minyak sawit di Sabah dan Sarawak;
- (vi) kajian melaksanakan penggunaan biodiesel B30 seperti yang dilaksanakan di Indonesia;
- (vii) perancangan baharu terhadap pembinaan jalan raya berasaskan getah atau *rubberized road*;
- (viii) cadangan harga lantai bagi komoditi getah; dan
- (ix) potensi tanaman buluh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mula dengan kemerosotan harga komoditi dan kebajikan pekebun kecil. Kementerian hendak menjawab pertanyaan daripada...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh saya mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, hendak bagi? Ini ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tidak bagi, belum masuk isi lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Selepas dia habis mukadimah dahulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya hendak bertanya mengenai statement mula-mula itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tidak perlu. Saya belum masuk bagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian, sabar dahulu. Nanti Menteri jawab, baru – okey, sila duduk dahulu. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih. Saya hendak menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Kudat, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Betong, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Serian mengenai usaha menstabilkan harga komoditi negara.

Kementerian menyedari hakikat cabaran harga komoditi yang rendah ketika ini. Pihak kementerian sentiasa meneroka pasaran baharu sebagai salah satu usaha bagi menstabilkan harga komoditi negara. Antara pasaran baharu yang telah diterokai adalah Afrika, Turki, Mesir, Iran, Maghribi, Colombia dan sebagainya melalui beberapa siri misi ekonomi pelaburan dan teknikal serta mesyuarat.

Kementerian yakin hubungan mesra dan akrab dengan negara-negara ini akan memudahkan produk komoditi mendapat akses pasaran yang lebih luas di negara-negara tersebut. Bagi komoditi sawit, beberapa tindakan segera telah diambil untuk menstabilkan harga komoditi ini. Antara langkah yang serta-merta telah dilaksanakan oleh kementerian adalah melalui peningkatan adunan bio bahan api sawit dengan diesel petroleum daripada program B7 kepada program B10 bagi sektor pengangkutan. Ini bertujuan meningkatkan lagi penggunaan minyak sawit dan pelaksanaannya adalah mandatori mulai Februari tahun ini.

Kerajaan juga melaksanakan program B7 bagi sektor industri bermula Julai tahun ini secara mandatori. Pelaksanaan program B10 di sektor pengangkutan dan B7 di sektor industri...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ...Dijangka akan melibatkan penggunaan minyak sawit...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ...sebanyak 761,000 tan setahun...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ...Ini akan mengurangkan stok...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** ...Ramai yang hendak mencelah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ...Minyak sawit tempatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak bagi siapa?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ...Mengukuhkan harga minyak sawit.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri boleh Jelebu? Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak bagi siapa?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah di sini.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu. Jelebu Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kanan, kanan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Okey. Terima kasih..

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Rasah mana ada sawit.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu budi bicara Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Rasah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Rasah tidak ada sawit.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengambil kesempatan pada pagi ini mengalu-alukan kehadiran wakil termasuk pihak pentadbiran dan murid-murid daripada Sekolah Tinggi Chung Hwa iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri merupakan alumni kepada sekolah ini. Terima kasih [*Tepuk*]

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Alamak, itu sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bukan hendak bertanya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Itu bukan pencilahan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Baling. Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu mengalu-alukan. Kita ucapkan selamat datang. Ya, Ketua Pembangkang. Saya bagi Ketua Pembangkang, sila.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bera.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, memaklumkan bahawa kita sekarang sudah pun mendapat pasaran baharu seperti di Afrika, Turki dan sebagainya. Soalan saya, berapa jumlah import daripada negara-negara pasaran baharu tersebut?

Kedua, difahamkan bahawa negara India yang mengimport 4 juta tan setahun minyak kelapa sawit daripada Malaysia, difahamkan oleh media bahawa India akan memberhentikan import tersebut. Jadi, adakah dengan adanya negara baharu tadi boleh *cover* dengan izin import yang akan kita hilang daripada India itu tadi, pengimportan sawit.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri boleh sambung sedikit tidak yang tadi fasal saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tadi ada beritahu tentang kita punya negara, Afrika dan sebagainya, Yang Berhormat Menteri *mention* tadi. Saya hendak setuju ataupun saya hendak sambung sedikit dengan Ketua Pembangkang. Kalau kita – saya hendak tanya pandangan dan pendapat Yang Berhormat Menteri, kalau dibandingkan dia punya *GDP on purchasing power priority* antara India, China dan juga negara-negara yang baharu yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi, yang mana yang lebih besar yang harus diberikan prioriti oleh pihak kerajaan. Itu yang pertama.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya lihat harga sawit. Bulan ini adalah bulan yang terbaik kalau dibandingkan dengan Januari sehingga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Harga sudah meningkat 20 peratus.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** ...Ke bulan Oktober yang terbaik Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi masih lagi tidak sampai ke tahap yang boleh menjamin pendapatan selesa untuk para pekebun ataupun peladang-peladang sawit ini, peneroka-peneroka dan sebagainya. Adakah tidak perancangan kerajaan *by all means* Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan masalah peneroka, orang kampung, golongan-golongan pengeluaran sawit dan sebagainya ini? Kerajaan *set up*, buat satu harga lantai. Peneroka banyak minta harga lantai RM500, kita letakkan harga lantai, Yang Berhormat Menteri. Cuba Yang Berhormat Menteri fikir sedikit bagaimana untuk kita menyelesaikan *once for all* ada masa rugi, ada masa untung kita letakkan harga lantai dan sebagainya. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya sudah bangun daripada awal Tuan Yang di-Pertua, berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Berkaitan, sila teruskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini mengenai sawit. Setakat manakah langkah yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan supaya EU tidak melakukan sekatan sebagaimana yang dilakukan. Adakah kementerian bercadang untuk membawa EU ke muka pengadilan, Mahkamah Antarabangsa sehingga ke tahap itu bagi memastikan kita diberikan keadilan yang sewajarnya? Itu yang pertama.

Kedua, kementerian ini termasuk tiga kementerian yang mendapat peruntukan di bawah RM1 bilion, Kementerian Pembangunan Usahawan, kementerian Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Luar Negeri. Adakah RM670.1 juta ini mencukupi? Saya kira tidak mencukupi ditambah dengan kementerian luar yang juga tidak sampai RM1 bilion, bagaimana usaha-usaha untuk mempromosikan sawit antara kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Luar Negeri boleh dilaksanakan jika peruntukan pun sebegini kecil. Terima kasih.

■1150

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ramai sudah bertanya, saya beri peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih atas keprihatinan anda semua terhadap kementerian saya. Saya hendak mula dengan Yang Berhormat Pontian yang kata, tanya sama ada kita akan bawa EU ke muka pengadilan. Memang kementerian saya sedang berbincang dengan pihak AGC, pihak Jabatan Peguam Negara untuk lihat macam mana kita bawa *complaint*, aduan kita ini kepada *World Trade Organization* (WTO). Jadi semua ini sedang diadakan.

Berkenaan dengan harga lantai. Harga lantai pada waktu ini, ia masih dalam kajian kerana harga lantai berapa yang paling sesuai, kita harus fikir dan juga kita harus fikir kemampuan kewangan kerajaan.

Juga berkenaan dengan usaha mempromosikan sawit ke negara-negara lain. Pasaran baharu ...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh kita buat satu kesimpulan, *assumption* ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Beri Menteri jawab dahulu Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Maksud saya, Yang Berhormat Menteri sedang jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jika asyik tanya Menteri tidak sempat jawab, mana ada jawapan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Boleh atau tidak ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, okey. Cepat, cepat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Pihak kerajaan – Maknanya, kita dimaklumkan, kita buat *assumption* bahawa kerajaan akan mengenakan ataupun melakukan harga lantai ini untuk jangka masa terdekat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh kita faham jawapan Menteri yang sebegitu rupa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terpulang kepada kebijaksanaan Menteri. Sila.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Menteri, boleh?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kami akan buat kajian. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya hendak balik kepada usaha tentang promosi sawit. Tadi ada yang tanya yang pasaran mana kah yang India, China dan sebagainya. Saya hendak beri sedikit angka, jadi dengar baik-baik. Berkenaan dengan eksport minyak sawit kita ke India, kalau kita lihat Januari ke September, kalau kita lihat pada tahun lepas, kuantitinya adalah 2,113,839 metrik tan tetapi pada tempoh yang sama pada tahun ini, telah pun meningkat 98.2

peratus ke 4,189,954 metrik tan. Satu peningkatan di pasaran India yang mendadak. Kalau kita lihat daripada segi nilai, pada tahun lepas, pada tempoh ini, nilainya adalah RM5,465.80 juta tetapi yang tahun ini, pada tempoh yang sama adalah RM8,907.18 juta. Ini adalah eksport kita ke India.

Kita mesti tahu yang Kerajaan India tidak pernah kata mereka hendak boikot ataupun *banned* pengimportan minyak sawit Malaysia. Ia hanya dikeluarkan daripada persatuan industri *Solvent Extractors Association* (SEA) di India pada 21 Oktober yang menasihati ahli-ahlinya untuk mengelakkan pembelian minyak sawit dari Malaysia buat sementara waktu. *Should avoid purchases from Malaysia for the time being*. Ini masih merupakan saranan persatuan industri kepada ahlinya.

Jadi saya rasa apa yang perlu kita buat adalah sebagai permulaan langkah yang positif adalah hubungan perdagangan dua hala di antara Malaysia dan India. Itu sebab saya telah mengumumkan bahawa Malaysia akan mengimport gula mentah dan daging kerbau dari India. Di samping itu, usaha diplomatik akan diteruskan untuk menangani keadaan ini dan meyakinkan Kerajaan India bahawa hubungan baik di antara kedua-dua negara ini perlu dikekalkan.

Sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada minggu lepas sahaja, saya bertemu dengan dua buah syarikat yang kata mereka hendak mainkan peranan untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala melalui perdagangan dua hala di antara Malaysia dan India. Saya lihat tanda-tanda yang positif. Sebenarnya saya rasa yang kita tidak perlu bimbang atas kenyataan yang dibuat oleh SEA iaitu persatuan *Solvent Extractors Association* India sahaja tetapi kita haruslah lihat secara yang makro yang mana yang boikot ini memang waktu ini tidak wujud.

Berkenaan dengan pertanyaan tentang pasaran baharu sama ada ini patut diadakan. Tentang potensi pasaran baharu, kita lihat rantau Asia Tengah merupakan pasaran baharu minyak sawit Malaysia yang berpotensi. Negara-negara seperti Kazakhstan, Uzbekistan telah meningkatkan import produk minyak sawit dari Malaysia dan Azerbaijan juga dilihat mempunyai potensi bagi minyak sawit Malaysia. Jadi semua ini adalah pasaran baharu. Bagi Benua Afrika, Benua Afrika mempunyai pasaran yang besar untuk minyak sawit kerana di Benua Afrika meliputi 54 buah negara dan mempunyai jumlah populasi seramai 1.2 bilion penduduk. Antara negara-negara yang mempunyai potensi yang besar untuk pasaran minyak sawit ialah Nigeria, Afrika Selatan, Mozambique, Tanzania, Kenya, Ghana dan Chiputi.

Jadi itu sebab saya sudah pergi ke Afrika pada bulan lepas dan saya juga telah bertemu dengan pihak Kerajaan Kenya, Tanzania dan juga Ethiopia untuk mempromosikan pengimportan minyak sawit Malaysia. Ini kerana kalau kita tidak mula menjalankan promosi di negara-negara pengimport ini, orang lain akan buat, yang saya difahamkan syarikat macam Sunflower Oil dan juga lain telah pun masuk ke negara-negara Afrika ini, mempromosi minyak mereka dan juga merendahkan minyak sawit Malaysia.

Saya hendak juga bagi sedikit angka tentang negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Yaman dan Afghanistan juga merupakan pasaran penting bagi minyak



sawit kita dan berpotensi akan berkembang. Negara-negara ini mempunyai jumlah penduduk yang besar. Negara-negara ini tidak dapat menghasilkan minyak dan lemak yang mencukupi dan bergantung kepada import untuk memenuhi keperluan domestik industri minyak dan lemak mereka. Kita lihat yang jumlah – kalau saya hendak lihat kuantiti. Kalau kita lihat daripada segi kuantiti, pada Januari ke September, bagi tempoh ini pada tahun lepas, bagi Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Yaman dan Afghanistan, jumlahnya adalah 51,760 metrik tan dan tahun ini bagi tempoh yang sama telah meningkat ke 54,881 metrik tan. Satu peningkatan sebanyak enam peratus.

Akan tetapi sedikit kesannya ialah kerana pada tahun lepas dan juga tahun ini, harga sawit agak rendah. Kita lihat yang eksport kita naik tetapi nilai yang kita dapat itu tidak begitu menarik. Ia telah pun jatuh daripada tempoh yang sama Januari ke September pada 2018 iaitu RM154.61 juta ke RM145 juta. Kejatuhan 6.2 peratus. Akan tetapi yang menggalakkan ialah kuantiti yang kita eksport itu sama ada ke Timur Tengah, Afrika, semua ini telah pun naik. Akan tetapi bagi India kerana kuantitinya naik 98.2 peratus, itu juga menyebabkan nilai pendapatan eksport kita itu naik.

Daripada segi pasaran China. Kita lihat dari Januari ke September pada tahun lepas, kuantiti yang kita eksport ialah 2,000, 296 metrik tan dan pada tahun ini meningkat ke 2,481,235 kenaikan minyak sawit eksport ke negara China 24 peratus. Daripada segi nilai pula, pada Januari ke September pada tahun lepas adalah RM5,578.70 juta dan tahun ini ia meningkat ke RM5,695.63 juta. Perbezaannya ada positif ya, 2.1. Jadi kita lihat angka-angka yang saya bentangkan tadi menunjukkan satu trend yang mana eksport kita memang telah meningkat. Trend ini sekarang kita lihat bila stok minyak sawit di Malaysia ini telah pun kurang, jadi kita lihat satu trend yang mana harga minyak sawit dalam trend yang sedang meningkat.

#### ■1200

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi sedikit angka juga berkenaan dengan harga minyak sawit kita. Kita lihat pada 18 Oktober iaitu pada bulan lepas ya, harga CPO di Bursa Malaysia adalah RM2,287. Pada 31 Oktober, harganya telah pun menaik ke RM2,485, peningkatan hampir RM200 setiap metrik tan dalam tempoh 2 minggu sahaja. Saya lihat trend ini akan terus menaik. Jadi, ini menunjukkan yang usaha bagi kerajaan yang mana kita telah pun menggantung duti eksport minyak sawit dari Jun ke Disember ini telah pun menggalakkan eksport dan dengan lebih eksport ke luar negara dan stok minyak sawit kita ini kurang, kita lihat satu *tendency*, satu trend ialah harga minyak sawit tengah naik.

Jadi, saya memang Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak tahu kenapakah rakan-rakan Ketua Pembangkang pergi membawa pekebun kecil membuat bantahan terhadap saya. Pada waktu yang mana harga sawit tengah naik...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya tidak faham.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya masuk sedikit.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat saya, boleh bagi saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat hendak bagi siapa?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh bagi saya, Jelebu?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey bagi Yang Berhormat Jelebu dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelebu dulu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri bagi tahu keadaan sedang menaik harga sawit, saya sudah bagi tahu tadi harga memang sekarang cantik. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Menteri tengok balik ke belakang ya tahun 2018, kita punya harga sawit Yang Berhormat *at average* 2,488. Sekarang ini *at average* 2,100. Kita ada perbezaan antara tahun 2018 dengan 2019 sebanyak nilai RM388.

Ini memberi kesan besar kepada golongan-golongan yang kebanyakannya mengeluarkan hasil utama sawit oleh kerana hasil daripada hubungan kita dengan negara besar. Kalau Yang Berhormat kata tadi, apa pelawa baru kita Ethiopia, Tanzania, *again I repeat*. Saya *repeat* sekali lagi dalam soal GDP *purchasing power parity* bagi tiga negara itu terlalu rendah. Berbanding dengan India, berbanding dengan China.

Kalau Yang Berhormat kata hubungan kita dibaiki dengan import daging lembu, import barang-barang pengeluar India dan sebagainya. Itu tidak cukup Yang Berhormat. Saya hendak tanya tadi, bagaimana langkah kerajaan untuk memulihkan hubungan Malaysia dengan India yang sekarang ini sejak akhir-akhir ini sudah tercalar Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih. Bagi saya jawab dulu, nanti-nanti Yang Berhormat Bera, nanti-nanti. Bagi topik ini lari fikiran saya. Saya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Ethiopia pada bulan lepas. Ethiopia mempunyai penduduk 100 juta penduduk. Bila saya tanya pegawai kerajaan dekat sana, apakah kadar kenaikan ekonomi. *What is your economy growth rate*. Dia kata 9 sehingga 11 peratus kenaikan kadar ekonomi mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** GDP.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** GDP, berbanding dengan negara kita 4.7 peratus sahaja. Jadi memang satu kita lihat yang populasi yang begitu besar di Ethiopia. Saya ambil Ethiopia sebagai satu contoh dan ekonomi negara itu tengah berkembang. Minyak sawit kalau berbanding *sun flower oil, olive oil, soya bean oil* semua ini kita ini paling murah. Sudah jadi Yang Berhormat tanya tentang sama ada mereka mempunyai kemampuan beli ataupun tidak.

Mereka hanya kebanyakan mampu beli minyak sawit. Itu sebab kita kena buat promosi lebih. Kalau tidak, negara jiran kita akan merampas pasaran itu dan bila orang di sana lebih kaya mereka dicuci otak oleh yang *soft oil* dekat Eropah itu, kita akan hilang pasaran kita. Kita, apa yang kita lakukan sekarang ialah *to secure our market for future*. Kita kena mendidik dan membangkitkan kesedaran penduduk di Afrika.

Kita hendak katakan, Malaysia *palm oil is the best oil. It's the most sustainable oil*. Ini adalah cara kita mempromosi minyak sawit kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, bukan cuci otak, merangka fikiran.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, merangka fikiran.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, okey terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey Yang Berhormat Bera dulu, kerana...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ketua Pembangkang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bukan 'bra' ya, Bera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bera bukan 'bra'.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat belum menjawab soalan yang saya bangkitkan. Yang saya tanya berapa jumlah import daripada keseluruhan pasaran baru tersebut jumlahnya tadi dua negara disebut 30,000, 50,000 tan dan sebagainya. Jadi, keseluruhan negara Afrika, Kazakhstan kah *whatever* lah di negara pasaran baru ini. Sebab *threat*, ancaman kepada kita dari segi pasaran India misalnya kempen untuk memboikot masih lagi berterusan oleh persatuan di India. EU, EU tidak selesai masih lagi tidak selesai sebab isu EU bukan soal minyak sawit itu murah ataupun minyak sawit itu membahayakan kepada kesihatan dan sebagainya tetapi adalah dari segi *deforestation* pembalakan haram dan sebagainya, penebangan hutan yang tidak terkawal.

Itu merupakan isu yang menyebabkan EU memboikot kita, cuba memboikot kita. Isunya adalah itu bukan soal harga dan sebagainya. Jadi, adakah mampu negara-negara baru menampung kekurangan import apabila EU meneruskan boikot dan kalau India meneruskan boikot dari segi persatuan. Kedua, harga Yang Berhormat, harga sekarang buah tandan segar (BTS) RM420 satu tan. Betul naik meningkat sedikit tetapi tidak mampu lagi menampung hidup peneroka-peneroka dan pekebun kecil. Jumlah RM420 bukan net, tolak upah potong buah, tolak upah lori, tolak racun, baja dan sebagainya upah, berbagai-bagai upah lagi.

Kalau peneroka FELDA terpaksa bayar hutang, walaupun kerajaan sebelum pilihan raya dulu berjanji hutang peneroka akan dihapuskan, dilupuskan tetapi tidak berlaku. Akan tetapi yang berlaku baru-baru ini lupus *interest* hutang mereka. Jadi net yang mereka perolehi pada hari ini RM100 sehingga RM200 sebulan. Jadi, tak perlu bangga naik sedikit harga itu dan peneroka boleh hidup dengan selesa, belum. Sebab itu mereka datang ke Parlimen hari ini kerana kehidupan mereka terlalu terhimpit. Hendak *survive* pun tak boleh Yang Berhormat. Jadi saya hendak tanya, apa perancangan strategi pelan, dari segi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang untuk menyelesaikan isu ini secara tuntas. *Complete solution*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Menteri sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih. Tentang apakah perancangan strategik, Yang Berhormat Bera selama ini telah berada di dalam kerajaan, Yang Berhormat juga tahu yang kebanyakan minyak sawit yang dikeluarkan di Malaysia ini adalah untuk eksport. Jadi pada tahun lepas kita lihat pengeluaran CPO kita adalah 19.5 juta metrik tan dan kita eksport 16.45 juta

metrik tan. Kita di dalam negara, domestik hanya kita guna lebih kurang 3 juta tan pada tahun lepas sahaja. Jadi, apa yang perlu kita buat? Kita perlu pergi buka lebih pasaran baru. Kita perlu ada lebih, mengadakan lebih promosi atas minyak sawit kita. Kita juga perlu buat baik macam kementerian saya begitu gigih melaksanakan, minta pekebun sawit kita itu menjalani pensijilan MSPO.

Kita nak jadikan minyak sawit kita ini adalah mampan kita ada cara melaksanakan cara penanaman yang baik. Kita hendak jadi kita Malaysia ini contoh kepada dunia, dari segi penghasilan minyak sawit. Ini adalah hala tuju kita. *We are the best; we have the five-star oil* produk minyak sawit yang terbaik. Berkenaan dengan tuduhan yang dilemparkan oleh EU terhadap minyak sawit kita, termasuk *deforestation* dan sebagainya, itu sebab kementerian saya sebab sekarang kita adakan satu kempen tanam 1 juta pokok dengan menggunakan *size* dan juga derma yang dikutip daripada pihak industri sawit.

Saya hendak minta Yang Berhormat Bera dan juga rakan-rakan di sebelah sana juga sama-sama kita tanam pokok *forest species* jenis hutan...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bera, Bera.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bera okey, Yang Berhormat Bera dan juga yang lain.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kita hendak tunjukkan kita ini ada *good agriculture practices* dan juga kita sayangi alam sekitar, kita tanam lebih banyak pokok jenis hutan. Semua ini adalah hala tuju yang kita hendak buat. Berkenaan dengan boikot daripada EU, saya juga hendak beritahu Yang Berhormat Bera dan juga rakan-rakan sekalian, yang mana yang boikot dijalankan oleh EU adalah terhadap *biofuel*, bio bahan api kita ini yang menggunakan sawit ini.

#### ■1210

Maksudnya, mereka akan mengecualikan subsidi ataupun insentif terhadap *biofuel* yang menggunakan sawit. Akan tetapi, kita masih boleh eksport ke negara mereka tetapi tidak ada subsidi dan tidak ada insentif. Jadi, *no point*-lah. Ini kerana *biofuel* ini memang harganya lebih tinggi berbanding dengan diesel yang lain.

Okey, Yang Berhormat Ayer hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan tadi. Nombor satu, lebih kurang 4.2 juta metrik tan dieksport ke India dengan harga RM89 bilion. Negara China pula, eksportnya lebih kurang hampir RM4 bilion setahun iaitu kedudukan nombor yang kedua. Dua buah negara ini lebih daripada separuh daripada eksport kita. Maka, tumpuan kementerian ialah kepada dua buah negara ini.

Apabila Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebut tadi, kita rasa kluatir kehidupan 600,000 pekebun kecil iaitu apabila hubungan tegang Malaysia dengan India. Walaupun Yang Berhormat kata itu bukan daripada kerajaan tetapi stesen TV yang disokong oleh kerajaan telah membuat seruan sebegitu. Maka, ia adalah mendatangkan satu implikasi yang sangat serius.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah tindakan kementerian dan juga kerajaan secara total untuk menyelesaikan kekusutan apabila terdapat protes terhadap kenyataan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri di PBB? Ini yang pertama. Bagaimana kita hendak memastikan ia tidak terjejas iaitu semakin meningkat mengikut sasaran kita lebih daripada lima juta? Yang Berhormat, itu yang pertama.

Kedua, baik, kepada China sekarang. Kita lihat US dengan China, mereka sedang berunding. Salah satu ialah *soya oil*. Dia hendak China beli dengan banyak. Kita juga lihat jiran kita begitu agresif iaitu Indonesia. Indonesia telah menawarkan harga rendah sikit daripada Malaysia. Bermaksud, India hendak beli dengan Indonesia, dia terus-terang cakap. China pula, dia nampak ada insentif yang lebih daripada Indonesia. Bagaimana kementerian selesaikan ini?

Ini kerana ini persaingan global, pertama. Kedua, apabila wujudnya dua kuasa besar berunding tentang pembelian soya, maka ia juga akan menyebabkan *demand* daripada Malaysia ini turun. Bagaimana kita hendak memastikan dua buah negara gergasi ini dia beli dengan lebih banyak? Hubungan diplomasi ini adalah salah satu faktor yang sangat penting seperti yang disebut oleh Ketua Pembangkang.

Berbalik kepada tadi yang disebut kos pengeluaran kelapa sawit, ia sudah jauh berbeza sejak 18 bulan ini kerana baja, racun semua naik. Ini yang menyebabkan orang sengsara di bawah. Saya bertanya, apakah tindakan dan bantuan daripada kementerian untuk membantu mereka yang sedang sengsara? Minta jawapan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sedikit lagi tambah, Yang Berhormat Seputeh. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh.

Yang Berhormat Menteri, tadi saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan tidak wujudnya boikot daripada India buat masa ini— saya ucap terima kasih— dan juga mencari pasaran baharu yang disebut tadi seperti Azerbaijan, Uzbekistan dan juga di benua Afrika yang disebut tadi iaitu Utopia. Utopia ini dia tidak makan minyak, dia tidak guna minyak, dia banyak bakar. Jadi, kita cari kaedah pasaran baharu lainlah selain daripada Utopia ini. Afrika tidak banyak guna minyak seperti apa yang kita faham sebab Afrika ini terutamanya Utopia, ia banyak menggunakan bakar makanannya selain daripada untuk kegunaan lain. Begitu juga di Timur Tengah.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, apabila tidak ada boikot, kenapa harga komoditi sawit ini masih lagi tidak naik? Dahulu kita pernah menikmati sehingga RM900 per tan. Sekarang ini tidak pernah mencapai melebihi RM300. Jadi, kita minta pihak kementerian tolong usahakan supaya stabilkan harga kelapa sawit sehingga paling kurang RM500 untuk keselesaan pengusaha-pengusaha kelapa sawit.

Seterusnya saya hendak tanya, Columbia dan Papua New Guinea antara *potential producer* minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia. Columbia mempunyai 21 juta hektar tanah yang sesuai untuk menanam kelapa sawit. Tanah mereka lebih luas berbanding Malaysia dan Indonesia jika digabungkan. Apakah tindakan Malaysia? Adakah Malaysia bersedia untuk melabur di sana atau adakan *collaboration* antara Malaysia dan Columbia? Minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang dan juga Tuan Yang di-Pertua. Banyak soalan yang ditujukan kepada saya iaitu adalah macam mana itu berlaku, sama ada kita akan pergi melabur di Columbia ataupun tidak. Kerajaan ini tidak melabur ya. Syarikat swasta di Malaysia ini kalau mereka berminat hendak melabur di banyak tempat, ini adalah pilihan mereka.

Saya hendak jawab tentang pasaran Afrika. Pasaran Afrika secara keseluruhan boleh menampung kira-kira 5.3 juta tan minyak sawit setahun. Ini adalah satu volum yang sangat besar. Jadi, ini memanglah satu pasaran yang mana kita perlu buat lebih promosi kerana ini adalah pasaran baharu. Kita lihat ekonomi di benua Afrika ini juga tengah naik dan berkembang.

Bagi negara China pula, sebenarnya yang— pada kali kedua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melawat ke China, Presiden Xi Jinping dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan persetujuan bahawa pihak negara China akan beli lebih minyak sawit daripada Malaysia. Kita lihat dari segi volum yang kita eksport ke negara China pada Januari hingga September tahun ini, memang ia telah pun naik 24 peratus berbanding pada tahun yang lepas bagi tempoh yang sama. Jadi, ini menunjukkan walaupun harga minyak sawit Malaysia ini harga kita sedikit lebih tinggi berbanding dengan negara jiran tetapi kerana kualiti minyak sawit kita *five stars oil* ini lebih baik, kita lihat pihak syarikat swasta di negara China ini, mereka tetap beli daripada Malaysia. Kita harus lihat yang kita ada kelebihan kita ini di pasaran China.

Bagi India, belum lagilah. Saya sudah sebut tadi, Januari sehingga September telah pun naik dari segi volum 98.2 peratus. Jadi, apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat baca itu memang ini berlaku dan saya cuba juga berhubung dengan pihak SEA di India dan sebagainya dan juga merapatkan lagi hubungan di antara Malaysia dengan India. Oleh sebab itu, kita keluarkan kenyataan Malaysia akan beli lebih daging kerbau dari India, beli *sugar*— apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Gula mentah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Gula mentah dari India dan sebagainya. Jadi, perlulah sabar.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat semua ini pernah ada dalam kerajaan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat semua tahu yang harga sawit kita adalah komoditi. Komoditi bergantung kepada harga pasaran antarabangsa. Apabila wujudnya lambakan minyak sawit dan juga lambakan *soft oil* juga yang lain, ia akan menjejaskan harga minyak sawit kita. Jadi, perlulah sabar. Sekarang kita lihat selepas setahun lebih pada harga yang rendah, ia dalam trend tengah naik.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Menteri, saya cuma minta penjelasan sedikit. Lambakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Minta kebenaran dahulu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta kebenaran, Yang Berhormat?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. Okey, sila.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tadi Yang Berhormat ada sebut lambakan dengan sekatan ia lain. Bermaksud, apa yang telah dibeli dan akan dibeli, ia terus sekat. Ini merupakan kekhuatiran kita. Lambakan yang sedia ada, ya, kita cari pasaran baharu. Akan tetapi yang kita khuatir, 4.2 juta tan metrik ini berjumlah RM89 bilion sekiranya sentimen ini tidak dipadamkan dengan cepat, ia akan semakin menular. Itu kekhuatiran kita. Kita bukan kata sewenang-wenangnya kita berharap perkara ini berlaku.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Faham, faham, faham.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta supaya satu tindakan cepat. Kita merayu kepada kementerian atau kerajaan terus cepat-cepat bincang padam api. Itu yang kita minta.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, bagi Baling sikit, Yang Berhormat Menteri. Tinggal lima minit lagi. *Please*, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya tidak ada masa lagi, tahu?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya Baling belum dapat lagi.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya ingat komoditi lain tidak ada masa untuk saya...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itulah. Saya hendak cakap fasal getah. Tinggal lima minit lagi. *So, you only got five...*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Sekarang hendak pindah ke getah kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak cakap fasal getah sebab saya pengeluar getah terbesar...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, Ketua Pembangkang. Dia bawa orang datang protes. Saya bagi dia satu *chance* lagi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Okey.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Selepas Ketua Pembangkang, saya ya. Terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *I will wait, I will wait.*  
Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ya, Ketua Pembangkang dahulu. Lain, sila duduk.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, Malaysia mengeksport 566,618 tan minyak sawit ke Iran pada tahun 2018 bernilai RM1.59 bilion. Sekarang kita dapat tahu bahawa US sedang mengadakan sekatan dagangan Malaysia dengan Iran hari ini.

■1220

Jadi, adakah ia melibatkan eksport sawit ke Iran? Kalau ia terlibat, bermakna kita akan berkurangan balik 566 ribu tan. Tambah lagi kekurangan kita dari segi eksport produk kita.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Bera.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, saya sikit saja lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya baca *statement* ini ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bagi Yang Berhormat Menteri jawab dulu Yang Berhormat Jelebu. Semua tanya-tanya nanti...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, tinggal tiga minit. Nombor, komoditi tidak masuk lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti tidak ada peluang untuk menjawab.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oleh sebab saya singkatkan. Ahli Yang Berhormat...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya nasihatkan kita gunakan Peraturan Mesyuarat 24. Jangan guna pertanyaan sebagai helah untuk berbahas.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ya. Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jika semua panjang-panjang soalan, selepas itu Yang Berhormat Menteri tidak ada masa hendak jawab.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Apa erti sebenarnya kita bertanya?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya tanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bermaksud kita tidak hendak jawapan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sekarang saya tanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak tanya soalan daripada tadi lagi. Saya belum dapat getah lagi.



**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri hendak bagi siapa?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tinggal tiga minit. *We only have three minutes only.*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, saya tanya soalan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Fasal getah ini. *You got only three minutes.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri hendak bagi siapa?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bagi...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Hendak bagi— siapa itu?

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Jelebu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Jelebu. Yang lain duduk.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Baling tidak bagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Budi bicara Yang Berhormat Menteri, dia bagi Yang Berhormat Jelebu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Tidak jelas]*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Selepas ini Kuala Krai minta sikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai minta sikit, selepas ini.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri kata, jangan risau ya. Kita jangan risau fasal import daripada India bertambah. Akan tetapi, peristiwa baru-baru ini Yang Berhormat Menteri, baru berlaku pada September 2019 yang akan mengakibatkan 866 ribu tan akan terkesan pada September-November. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, duduk-duduk. Saya faham. Soalan ini semua, isu telah pun berulang-ulang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Soalan jangan berulang. Sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Sudah berulang banyak kali. Memang saya tidak nampak kesan sekarang. Saya rasa hubungan— Saya memang setuju. / pun sudah kata, kita haruslah menambahbaikkan lagi hubungan di antara India dan juga Malaysia. Kementerian saya akan memainkan peranan, pihak industri juga akan memainkan peranan dan juga Kementerian Luar Negeri dan juga kawan saya, MITI. Mereka juga semua akan mainkan peranan. Ini kita tengah buatlah. Sabar sikit. Tidak ada apa-apa yang tidak baik berlaku...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Itu sebab harga minyak sawit kita ini tengah naik.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, kawan lama.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, Yang Berhormat Baling. *Last, last.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Thank you* Yang Berhormat Menteri. *Thank you*, kawan lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang lain, yang lain duduk.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai, Kuala Krai, selepas ini.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, saya cuma mewakili rakyat, khususnya daripada Kedah di Baling. Kami, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, pengeluar terbesar dalam pengeluaran getah pekebun kecil. Jadi, hari ini saya tengok Yang Berhormat Menteri tidak sempat lagi hendak bahas fasal getah ini.

Saya cuma hendak tanya, apakah cadangan dan kaedah Kerajaan Pakatan Harapan, yang mana Yang Berhormat cakap tadi, banyak, panjang lebar berkaitan semua rakan-rakan Menteri akan bantu untuk adakan harga lantai getah ini. Kita minta, kalau dulu pernah sampai RM7. Hari ini tinggal RM1.90, RM2. Harga ikan kembung pun RM14 satu kilo. Bagaimanakah mereka hendak makan hari ini? Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah kaedah, solusi yang ada dalam cadangan untuk ada harga lantai RM3.50, paling tidak-tidak untuk kerajaan memaklumkan kepada rakyat, khususnya pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, berkaitan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Baling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, yang lain duduk dulu. Yang Berhormat Menteri jawab.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang lain minta duduk. Saya ada satu minit saja jawab fasal getah saja, yang mana kita lihat...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Lada turun daripada RM11 ribu kepada RM7 ribu. Hilang RM4 ribu se tan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian. Dari sawit belum sempat getah, sudah pergi lada. *[Ketawa]* Macam ini, Yang Berhormat Menteri hendak jawab apa? Tidak apa, Yang Berhormat Menteri jawapan masih panjang lagi?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, ya. Sikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bukan, bukan. Kementerian panjang lagi tidak jawapan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Sebenarnya ada banyak tetapi saya rasa tidak sempat. Kena...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Kita minta tambah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jika sudah terdapat banyak, masih panjang lagi jawapan, saya bagi masa tambahan 10 minit untuk kementerian.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [Tidak jelas]

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Okey.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik hendak mohon juga sikit penjelasan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, terima kasih.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Fasal getah, getah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Berkenaan dengan getah, Yang Berhormat Baling? Baling. Yang pelaksanaan— Kita sudah laksanakan sekatan eksport getah asli berjumlah 240 ribu tan oleh Thailand, Malaysia dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) melalui *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) yang ke-6 bermula 1 April tahun ini. Yang mana kita juga lihat, ia ada sedikit kesan yang mana menyebabkan harga getah kita ini telah pun naik, khususnya bagi April, Mei dan Jun.

Selepas itu, sekarang ini jatuh sedikit dan kita juga akan cuba lagi akan naikkan harga. Yang Berhormat Baling juga tahu kita ada IPG kan? Insentif Pengeluaran Getah. IPG ini kita sudah tetapkan RM2.50 satu kilogram bagi *cup lump*. Kalau harga ini jatuh di bawah RM2.50, jadi kementerian saya ataupun LGM akan *top up* yang perbezaan itu. Masalah sekarang ialah...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** [Berucap tanpa pembesar suara] Harga lantai.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kita tidak panggil harga lantai. Kita panggil Insentif Pengeluaran Getah yang mana kita tetapkan RM2.50. Ini adalah apa yang kita mampu. Akan tetapi, malangnya ialah ramai pekebun getah, mereka tidak begitu tahu tentang yang sistem IPG ini. Saya hendak galakkan Yang Berhormat Baling kalau mahu tolong, mungkin boleh tolong...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Minta Kuala Krai Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kalau hendak tolong, mungkin boleh tolong...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik mahu juga mohon...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Beritahu, sebarkan maklumat kepada para pekebun getah.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Penjelasan IPG.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, Kuala Krai.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, Yang Berhormat Menteri. Jempol, Jempol.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik mohon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri hendak bagi siapa?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol, Jempol.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Satu soalan berkaitan. Sik, Sik.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai, Kuala Krai.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, saya hendak bagi rakan kita, apa nama?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai, Kuala Krai.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol, Jempol.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol, Jempol.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Jempol.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Selepas ini, Kuala Krai ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang lain duduk. Yang Berhormat Jempol. Dijemput.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Selepas ini, Sik ya.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Soal, Yang Berhormat Menteri jawab tadi, harga lantai ataupun insentif RM2.50, sebenarnya pekebun kecil tidak dapat harga RM2.50 itu. Dia hanya dapat RM1.80 kerana orang tengah ataupun peraih. Jadi, bagaimana lompong RM0.60 ini dapat mengatasi...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Syiling betul. Syilingnya betul.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Syilingnya betul. Bagus Yang Berhormat Menteri buat tetapi tidak dapat kepada pekebun kecil. Apa tindakan kementerian?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Jempol. Mungkin Yang Berhormat Jempol tidak faham apa itu IPG. Maksudnya ialah kita tetapkan harga RM2.50 satu kilogram untuk *cup lump*. Akan tetapi, kalau harga hari ini adalah RM1.80, maksudnya perbezaan ialah RM0.70 yang mana Lembaga Getah Malaysia akan bagi pekebun getah itu 70 sen perbezaan itu. Itu saja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Akan tetapi, penoreh tidak dapat Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab itu, penoreh tidak dapat.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik, Sik hendak mohon Yang Berhormat, penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, kalau ada harga lantai, ikut harga lantai...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Itulah RM2.50.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *So, at both parties will get. Both parties will get the shares.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, bila yang konsepnya Yang Berhormat Menteri memang bagus. Akan tetapi, *they equally* tidak dapat sampai ke bawah. Itulah yang maksudnya. Yang susah ini, penoreh. *There is* tuan tanah dan penoreh. *That is where they are* lompong yang disebutkan Yang Berhormat Jempol...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Point's taken.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tadi minta Yang Berhormat Menteri pantau yang itu. Tolong bantu pantau. Kementerian, *your* kementerian, LGM semua pakar, dia faham, dia orang tahu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Betul. Saya juga tahu. Terima kasih. Ini —kadang-kadang ini adalah persetujuan di antara tuan punya tanah kebun getah dan juga penoreh getah. Ini kerana tuan punya getah dia tidak pergi menoreh getah, yang penoreh getah itu, kadang-kadang mereka kongsi. Ini berbeza-beza dari tempat ke tempat.

Jadi, mungkin Yang Berhormat boleh jadikan orang tenghalah bagi mereka...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Orang tengah tanpa komisen, boleh. Tolong. Orang tengah saya boleh tolong tetapi tidak dapat komisen.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Boleh, boleh.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri, Sik mohon sikit...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Penjelasan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Selagi Yang Berhormat sudi tolong, kita boleh kerjasama.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sedikit saja.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit, ya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sedikit saja. Satu soalan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik dulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Pendang lagi?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik dulu. Sik, Sik.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai, Kuala Krai.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bagi, bagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bagi siapa?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik, Sik.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai, Kuala Krai.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang, Pendang.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Sik, ya?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ya, ya, saya ada soalan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai ada soalan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Sik. Bagi Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Okey, baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Sik. Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Pendang, cukuplah.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ada dua perkara. Apabila saya turun dekat peringkat bawah...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, marah Pendang ini.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Okey Yang Berhormat Menteri, ada dua perkara yang dibangkit oleh para penoreh, pekebun kecil di kawasan saya. Pertama, mereka minta dikaji balik IPG ini. Jumlah RM2.50 sangat tidak mencukupi. Soal kos yang tinggi dan juga kedudukan ekonomi yang sangat teruk. Maknanya, kalaulah dapat dinaikkan sedikit— RM3.00 IPG itu. Perlu dikaji dan dilihat harga ini.

Kedua, tadi Yang Berhormat Menteri sebut, masalah ramai di kalangan penoreh tidak *direct* harga RM2.50 itu. Jadi, saya pernah mencadangkan supaya IPG ini *direct* kepada pengilang. Maknanya, pekebun kecil ini terus dapat menjual harga getah mereka dengan RM2.50. Tidak perlu lagi proses untuk *claim* dengan LGM dan sebagainya. Maksudnya, *direct* harga itu dapat oleh para penoreh dan bukan lagi ada proses orang tengah, peraih dan sebagainya. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Sik. Ya.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Sama, sama juga, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Sik? Yang Berhormat Sik. Berkenaan dengan IPG ini...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Isu yang sama Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya faham RM2.50 bagi orang kampung, mungkin tidak cukup juga. Akan tetapi, ini adalah apa yang kita mampu. Di bawah bekas kerajaan dulu, adalah RM2.20. Selepas saya jadi Yang Berhormat Menteri, baru saya naikkan ke RM2.50. [*Dewan riuh*] Dalam— Ini Yang Berhormat perlu puji saya. [*Dewan riuh*] Atas usaha saya. [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Puji, puji, puji. Hebat, hebat.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Akan tetapi, rakyat tidak dapat Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Puji, Yang Berhormat Arau

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Rakyat tidak dapat kenaikan tersebut..

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Memang puji, memang bagus.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Tidak cukup lagi RM2.50.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Cuma, kami minta RM3.00 saja. Memang puji.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Sebenarnya...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Saya hendak puji, saya hendak puji.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Cameron Highlands, banyak getah kah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Nanti, nanti. Yang Berhormat Sik. Sebenarnya, ini...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kuala Krai hendak puji ini. *[Ketawa]*

#### ■1230

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Masalah sekarang ialah penoreh getah perlu isi borang, pergi ke pusat sana, isi borang dan lepas— Lembaga Getah Malaysia pada akhir bulan, mereka akan bahagikan jumlah, mereka akan masuk ke akaun bank mereka. Ini adalah sistem yang dilaksanakan.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat, Cameron Highlands.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kalau Yang Berhormat hendak tolong lebih, kita boleh bincanglah lepas perbincangan ini. Saya akan minta pegawai saya bagi kerjasama yang penuh kepada Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Okey, baik. Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Oh, Yang Berhormat Cameron Highlands. Okey, Yang Berhormat Cameron Highlands tidak pernah saya dengar dia berucap, okey.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Lepas ini lada hitam, Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti, nanti. Sekarang isu getah, lada nanti. Sila, Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat, minta maaf. Saya balik kepada kelapa sawit. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Gostan* balik lagi.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Terima kasihlah, kepada isu MSPO ini persijilan. Ramai masyarakat Orang Asli di Pahang telah menerimanya. Hanya sekarang ini di Johor, ramai yang merungut mereka masih tidak menerima persijilan ini dan mereka menghadapi masalah untuk menjual. Ini kerana *this* MSPO punya, dengan izin, isu

adalah mustahak dalam *production*, penjualan minyak sawit ini. *Could* Yang Berhormat Menteri, *look into it*, percepatkan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, yang persijilan MSPO ini ada satu proses, yang mana sedang dijalankan setakat pada akhir bulan lepas, kita sudah capai 55 peratus jumlah kawasan penanaman sawit telah dipersijilkan di bawah MSPO. Jadi pada waktu sekarang, tidak mungkin bagi mereka kerana tidak ada sijil MSPO, tidak dapat jual minyak sawit. Akan tetapi mungkin pada tahun depan.

Akan tetapi, sini saya hendak ulang yang pada tahun depan MPOB sebenarnya sudah keluarkan surat kepada semua pemilik tuan tanah sawit ataupun pekebun sawit yang mereka yang mempunyai kawasan sawit lebih 100 ekar, dengar ya, lebih 100 ekar. Kalau mereka enggan menjalani persijilan MSPO, lesen mereka mungkin akan digantung. Akan tetapi, bagi pekebun kecil di Malaysia, pekebun kecil adalah mereka yang mempunyai tanah sawit di bawah 100 ekar. Itu kita akan teruskan, masuk kampung kita akan teruskan menggalakkan mereka menjalani persijilan MSPO kerana kos persijilan itu dibiayai oleh kerajaan, *free of charge*.

Ini adalah hala tuju yang mana kita hendak jadi minyak sawit kita ini minyak sawit yang lima bintang, *five star oil*. Kita mesti tunaikan janji Malaysia kepada dunia yang mana kesemua minyak sawit yang kita eksport kelak adalah dipersijilkan di bawah MSPO *or sustainable palm oil*.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat sikit sahaja.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Yang Berhormat Julau.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya, saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat siapa? Ini hendak bagi siapa?

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai sikit sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini minta hal lain. Masa sudah habis.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, akhirnya Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Bera sudah banyak kali. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Julau, Julau, Julau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Lada hitam daripada 11,763...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sekarang Yang Berhormat Kuala Krai. Ini budi bicara Menteri, ya. Sila, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Lada hitam ini turun 4,363...

*[Pembesar suara dimatikan].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian, jangan ulangi lagi, ya. Sila.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ada pernah ikuti satu laporan bahawasanya pihak kerajaan bercadang



untuk menggunakan getah ini untuk membina lebuhraya ataupun membina jalan. Jadi, bagaimanakah ataupun apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian khususnya bagi membantu pekebun-pekebun kecil? Ini kerana isu ini ialah isu yang boleh membantu mereka sebenarnya, kalaulah isu-isu getah yang di luar negara yang tidak boleh di— dengan harga yang rendah. Jadi, guna atau inisiatif yang boleh dibuat dalam negara kita sendiri kerana ini adalah perkara yang telah di cadang oleh LGM sendiri, pertama.

Kedua, ialah saya cadangkan di masa akan datang, Yang Berhormat kalau boleh jawab getah dahulu kerana sebelum ini saya tengok sawit sahaja, ini pun getah pun masuk lagi bab sawit. Jadi kerana sebelum ini saya ingat Yang Berhormat menjawab isu sawit panjang, hari pun 45 minit jawab sawit, sedangkan saya di Kuala Krai memang rakyat tertunggu-tunggu untuk melihat inisiatif dan juga penyelesaian kepada isu getah yang harga yang terlalu rendah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan, Yang Berhormat ini ada kaitan, ada kaitan...

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Arau?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Itulah getah, saya hendak jawab Yang Berhormat Kuala Krai.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya ada kaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas itu Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian banyak kali bangun, boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang ini, Yang Berhormat Kuala Krai sudah habis —Yang Berhormat Bera. Lepas itu, Yang Berhormat Pontian.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Kuala Krai— saya hendak jawab Yang Berhormat Kuala Krai dulu. Yang Berhormat *Speaker*, yang Yang Berhormat Kuala Krai tanya *rubberized road*, yang jalan diperbuat menggunakan tar, bitumen jenis getah, gunakan *cuplump* itu.

Kementerian Kewangan sebenarnya telah beri RM100 juta dan kita telah mengadakan kerjasama dengan pihak Kementerian Kerja Raya, kita tengah buat dan banyak tempat khususnya saya rasa di kawasan Pahang, Johor dan beberapa negeri yang mana *rubberized road* yang bitumen itu telah pun digunakan. Ini adalah teknologi Lembaga Getah Malaysia dan semua ini tengah dijalankan. Kita berharap yang PBT yang lain, kerajaan-kerajaan negeri yang lain juga akan menggunakan *rubberized road* bagi mereka juga untuk menggetah jalan di negeri-negeri mereka.

Jadi, sekian sahaja Yang Berhormat *Speaker*, saya tahu ramai lagi hendak tanya soalan. Saya...

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Eh! Yang Berhormat, Speaker sudah bagi kebenaran.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, walaupun masa tambahan telah habis. Tadi saya sudah bagi kepada Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Pontian. Menteri habis menjawab selepas dengar kedua-dua soalan ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, Arau. Saya sudah berdiri banyak kali. *Speaker*, saya sudah berdiri banyak kali, sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, bagi peluang kepada Ketua Pembangkang.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Tuan Yang di-Pertua, Julau boleh bagi peluang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, atasan pandangan Speaker, saya bagi peluang lagi, bagi siapa? Yang Berhormat Arau?

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Julau, belakang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bera, getah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bera, lepas itu Yang Berhormat Pontian.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia sebut Arau. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau ada harumanis. Nanti kongsi harumanis dengan Menteri.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Menteri boleh bagi Julau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia sebut Arau, saya belum cakap apa pun hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Menteri hendak bagi siapa?

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Julau, Julau, belakang sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada Yang Berhormat Arau, ada Yang Berhormat Julau.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bagi Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Julau. Lepas itu saya rasa boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu sahaja, yang lain jawapan bertulis.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Arau bayar lebih ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya kena adil kepada kementerian lain.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bera, Pontian, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Julau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Pontian.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sikit sahaja soalnya tentang getah ini, isu *claim*, insentif tadi. Susah hendak *claim*, kerana LGM ini tidak ada di setiap daerah, lebih-lebih kampung, lagi tidak adalah, ia di ibu negeri sahaja, LGM.

Kalau dulu, kita adakan kerjasama dengan RISDA, sebab RISDA bukan sahaja ada di daerah tetapi ia ada stesen satelitnya di kampung-kampung, maknanya lebih mudah untuk penoreh getah untuk *claim* insentif itu di pejabat-pejabat RISDA.

Jadi, adakah pihak kementerian Yang Berhormat mengadakan hubungan dengan RISDA ini supaya duit insentif itu diserahkan kepada RISDA untuk di bayar kepada pekebun-pekebun kecil.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih, Yang Berhormat *Speaker*.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya hendak mengingatkan Yang Berhormat, tidak jawab lagi, boleh jawab secara bertulis. Tadi saya sebut fasal *US sanctions* terhadap dagangan Malaysia dengan Iran ini dan kita ada 500,000 lebih eksport sawit ke Iran, adakah ia termasuk dalam *sanction* tersebut? Itu yang saya hendak tanya tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Pontian dulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih, Timbalan *Speaker*. Pada jawapan di sini disebut oleh Yang Berhormat Menteri, 2 Februari 2018, satu tan lada hitam, 11,763. Akan tetapi pada 1 Oktober 2019 turun kepada 7,400 setan, dengan lain perkataan turun sebanyak 4,363—11,000 turun 7,000 lada hitam — 2 Februari 2018 dan 1 Oktober 2019.

Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan lada hitam ini di Pontian pun ada, di Sarawak lagi banyak, boleh ditingkatkan.

Soalan kedua, tanam semula sudah tiada geran, dulu kita bagi geran, getah ke getah, getah ke sawit, sawit ke getah atau apa juga yang tanam semula ini, kenapa diubah kepada pinjaman? Ini membebankan pekebun kecil, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Kementerian Kewangan mempertimbangkan semula peruntukan kepada kementerian Yang Berhormat. Saya ingat kerjanya cukup besar untuk negara tetapi peruntukan yang dibagi terlampau kecil.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, apakah bentuk promosi yang dibuat di Eutopia, yang ada penduduk 105 juta orang itu, apakah yang dibuat sama seperti Malaysia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada 100 juta.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini di mana kita bagi minum seorang satu camca ataupun bagi— promosi ini memang mahal sedikit tetapi bila orang sudah sehati untuk menerima minyak sawit kita, sudah pasti ia lebih mudah. Apakah Yang Berhormat bercadang

untuk membuat promosi yang lebih agresif? Bukan Yang Berhormat pergi jumpa Yang Berhormat Menteri seorang atau dua orang. Akan tetapi biarlah satu promosi yang kekal lama sedikit sehingga orang sebatu untuk membeli minyak sawit. Saya mencadangkan supaya Menteri Kewangan mempertimbangkan semula Kementerian Yang Berhormat untuk mendapat lebih banyak wang untuk tujuan promosi.

Akhir sekali Yang Berhormat, tidak jawab pun tidak apa tetapi boleh jawab dekat luar. Yang Berhormat *dok* sebut ini industri buluh ini, bila kita hendak buat buluh ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Julau, sila.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Yang Berhormat Menteri, ini berkaitan dengan harga lada kerana di seluruh Malaysia ada 30,000 lebih pekebun kecil. Mengenai isu ini kita belum mendengar lagi dari Yang Berhormat Menteri jawab dalam Dewan ini. Minta Menteri boleh sambungkan.

■1240

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ini soalan terakhir. Jawab dan menggulung ya. Sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada semua yang hendak tanya soalan berkenaan dengan Kementerian saya. Berkenaan dengan *sanction* Amerika Syarikat terhadap Iran sama ada kita masih boleh jual minyak sawit kepada Iran. Jadi, sebenarnya yang jual minyak sawit ini ada dilakukan oleh pihak industri dan selalunya mereka boleh selesaikan. Mereka ada cara mereka iaitu melalui bayaran negara ketiga. Jangan tanya saya macam mana buat, mereka dapat buat dan Iran dapat minyak sawit. Itu sahaja yang saya boleh katakan.

Kedua ialah – Yang Berhormat Arau, terima kasih, kawan baik yang meminta Kementerian Kewangan memberikan lebih peruntukkan kepada Kementerian saya. Saya mengalu-alukan cadangan ini dan tolong panjangkan kepada Kementerian Kewangan apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan menggulung. Kedua ialah tentang buluh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Arau, kain ini adalah dibuat oleh buatan buluh. Ini buatan buluh. Ini memang satu industri baharu yang mana ingin digalakkan oleh Kementerian saya. Jadi, kalau kawasan Yang Berhormat Arau hendak tanam buluh, kita akan bawa pelabur kilang di sana – kita sebenarnya mengalu-alukan dan sentiasa boleh bekerjasama. Ini kerana ini merupakan satu industri di mana kita memang ada pasaran yang cerah khususnya di pasaran Jepun.

Ketiga ialah tentang Yang Berhormat Pontian yang bertanyakan berkenaan penanaman sawit semula, kenapa tidak ada geran dan pinjaman sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, skim tanaman semula.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya hendak jawab ialah dahulu kerajaan ada beri beberapa – di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, pada tahun 2017 memang ada mengeluarkan lebih kurang RM40.98 juta pada tahun 2017 tetapi itu sahaja. Selepas itu tidak berikan lagi

kerana ia mewujudkan sedikit kekecohan di antara pekebun sawit persendirian dan juga mereka yang di bawah *organized smallholder* di bawah FELDA.

Ini kerana di bawah sistem FELDA, mereka pekebun sawit membuat pinjaman daripada pihak FELDA dengan kadar bunga sebanyak empat peratus. Akan tetapi, kalau kita berikan geran kepada pekebun kecil sawit yang bebas (*independent*), ia menyebabkan – ada juga golongan pekebun sawit di FELDA keluar daripada sistem itu tetapi sekarang mereka memohon kepada saya hendak masuk balik. Jadi ada kekecohan seperti ini.

Jadi, sekarang apa yang kementerian saya dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan ialah kita beri pinjaman dengan tidak perlukan cagaran dan tidak perlu penjamin. Kementerian Kewangan mengeluarkan sebanyak RM500 juta sebagai pembiayaan tanam semula pekebun kecil sawit bagi input pertanian pekebun kecil sawit – Kementerian Kewangan beri pinjaman sebanyak RM50 juta. Ini adalah adil bagi pekebun sawit di *organized smallholders and independent smallholders*. Okey, akhir sekali...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Geran ini Yang Berhormat Menteri, sejak saya kecil lagi sudah dapat geran tanam semula ini. Bukan perkara baharu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, Tuan Yang di-Pertua saya rasa saya hendak adil kepada rakan saya hendak jawab nanti. Akhir sekali tentang harga lada yang rendah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Julau. Saya mengakui harga lada rendah. Oleh sebab itu, pada dua minggu yang lepas saya bersama-sama dengan pegawai Lembaga Lada Malaysia pergi ke negara China menjalankan promosi lada dari Malaysia khususnya lada dari Sarawak.

Kita mendapat respons yang positif dan bagi Lembaga Lada Malaysia mereka telah menubuhkan satu anak syarikat untuk memudahkan mereka untuk menjalankan urusan niaga dengan luar negara. Selain itu juga, mereka ingin membuat *packaging* yang lebih menarik supaya kita – mereka juga hendak gunakan semua *research*, produk daripada lada itu bagi mereka untuk eksport ke negara China dan juga negara-negara di Eropah. Saya rasa apa yang penting ialah pasaran eksport bagi lada. Jadi ada banyak isu lagi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat? Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau tidak ada soalan lagi ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak tambah, hendak tambah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang lain hendak jawab - tidak payah tambah, tokok tambah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Arau, nanti kita keluar, kita minum, kita bincang, macam mana tanam lebih buluh di kawasan Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, Yang Berhormat Menteri jawab hari ini bagus. Akan tetapi, masalah peneroka masih belum selesai. Itu maksudnya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya faham.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, tadi saya tengok peneroka-peneroka buat memorandum Yang Berhormat Menteri kena jawab masalah peneroka ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Dulu di bawah Barisan Nasional pun tidak selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau ini isu lada hitam, bukan peneroka.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri jawab bagus, tetapi masalah peneroka tidak selesai. Itu maksud saya. Oleh sebab kementerian ini gagal untuk menyelesaikan masalah peneroka.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Memang tidak selesai kerana ada Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Bera pergi usik, pergi kacau bagi mereka – memang tidak selesai. Lebih baik kita kerjasama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila menggulung. Yang Berhormat Menteri sila menggulung.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bukan kacaulah, bantu. Bantu peneroka, bela peneroka.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey, saya hendak berterima kasih di atas semua ucapan, teguran, soalan yang lain saya tidak dapat jawab itu saya akan hantar jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Industri Utama. Dari Kementerian Industri Utama, sekarang kita beralih kepada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Masa 45 minit Yang Berhormat Menteri.

**12 45 tgh.**

**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang saya hormati sekalian.

Saya meneliti ucapan gulungan tadi oleh Yang Berhormat Menteri MPI dan saya rasa bahawa kalau ada perbahasan-perbahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sepatutnya bahas dalam sesi perbahasan.

**Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul.

**Puan Yeo Bee Yin:** So, kalau boleh izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan memberikan ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu itu dalam perbahasan mereka terlebih dahulu. Selepas itu, 45 minit jika ada masa yang lebih kita boleh buka soalan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak pernah bertanya, tidak pernah bangkitkan isu berkaitan dengan MESTECC tetapi mahu tanya soalan. Akan tetapi, kalau boleh kita hadkan kepada soalan dan penjelasan. Ini kerana, kalau kita hendak adakan perbahasan dan mahu

jawapan daripada Menteri secara menyeluruh, maka, perlulah *patient* sedikit untuk mendengar jawapan, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila. Yang lain tidak bahas, jangan bangkitkan soalan. Sila.

**Puan Yeo Bee Yin:** Sebelum saya masuk kepada maklum balas spesifik berkenaan perbahasan-perbahasan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya memberikan pandangan secara keseluruhannya tentang perkembangan di Parlimen yang berkaitan dengan pemantauan pentadbiran kerajaan di aspek bidang kuasa MESTECC.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana dalam masa satu tahun sahaja, Parlimen telah meluluskan usul-usul untuk menubuhkan banyak Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen supaya boleh memantau pihak eksekutif dalam pelbagai bidang pentadbiran dengan lebih mendalam, komprehensif dan efektif.

Walaupun saya anggota pentadbiran dalam Kabinet dari pihak eksekutif, saya rasa sangat gembira dengan langkah reformasi Parlimen ini untuk memperkukuhkan lagi semak dan imbang legislatif terhadap eksekutif iaitu *separation of power* dengan izin di Malaysia supaya pihak kerajaan lebih *transparent* dan *accountable* dengan Parlimen dan rakyat dan Parlimen bukan lagi menjadi *rubber stamp* kepada pihak eksekutif.

Ini adalah satu langkah ke arah demokrasi yang matang di Malaysia. Ucapan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. “Muafakat Disanjung, Reformasi Didukung”.

**Puan Yeo Bee Yin:** Lebih spesifik lagi, pihak MESTECC mengalu-alukan penubuhan salah satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Sains Inovasi dan Alam Sekitar. Pihak MESTECC akan memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada jawatankuasa supaya bersama-sama kita merangka polisi yang lebih baik dan efektif dalam membangunkan sains dan inovasi serta memelihara alam sekitar di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 13 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu yang berkaitan dengan MESTECC. Walau bagaimanapun, saya telah meneliti dan mendapati bahawa tiada Ahli Parlimen yang telah membangkitkan tentang isu Dasar Sains dan Teknologi. Saya berharap bahawa dengan adanya jawatankuasa pilihan ini, lebih ramai lagi Ahli Yang Berhormat akan aktif dalam polisi *research*, dengan izin. Seterusnya dalam perbahasan di parlimen berkenaan dengan Dasar Sains dan Teknologi.

Jika Malaysia ingin *move out from middle income track* dengan izin, sains dan teknologi adalah faktor yang sangat penting. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak MESTECC sedang giat membangun Dasar Sains dan Teknologi dan telah memperbaharui banyak inisiatif. Belanjawan 2020 ini juga merangkumi banyak aspek yang membantu memperkukuhkan lagi ekosistem Research Development and Commercialization (R&D&C) of Technology.

Saya berharap di perbahasan di sidang Parlimen yang akan datang pihak MESTECC dan kerajaan boleh mendapat lebih banyak lagi input dan idea daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberikan maklum balas berkaitan dengan perbahasan isu yang berkaitan dengan tenaga, alam sekitar dan perubahan iklim yang disentuh oleh Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bentong, Yang Berhormat Arau.

So, hanya Ahli-ahli Yang Berhormat ini yang boleh tanya soalan untuk setakat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sains dan teknologi. Yang Berhormat Arau mana?

**Puan Yeo Bee Yin:** Pertama sekali saya ingin menjawab tentang isu perubahan iklim. Ini kerana kali pertama selepas penubuhan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang paling ramai Ahli Parlimen membangkitkan isu tentang perubahan iklim. Saya rasa ini adalah perkembangan yang baik dan ini menunjukkan bahawa kesedaran Ahli-ahli Parlimen tentang isu perubahan iklim semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah salah satu *signatory* Paris Agreement di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC). Malaysia Nationally Determined Contributions (NDCs), dengan izin, di bawah Paris Agreement ialah kita telah memberikan komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon iaitu pelepasan karbon mengikut KDNK sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2025, relatif kepada tahap 2005. Ini di mana, 35 peratus adalah tanpa syarat, manakala 10 peratus bergantung kepada sokongan antarabangsa dari segi pembiayaan dan pembinaan kapasiti.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini Malaysia dengan sukacitanya saya hendak maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia telah berjaya mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 33 peratus berbanding dengan tahap tahun 2005. Oleh itu, kita agak selesa untuk mencapai sasaran Paris Agreement memandangkan kita ada lagi 11 tahun ke tahun 2030.

Oleh itu, Malaysia sedang mengkaji semula NDC kita dan sasaran baharu sekiranya ada dan akan diumumkan di Conference of the Parties (COP 26) UNFCCC pada tahun 2020 di Glasgow, UK. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dengan tepatnya menegaskan di United Nations General Assembly, dengan izin, berkenaan dengan perubahan iklim. Izinkan saya petikkan di sini, beliau berkata bahawa, "*I think, instead of preparing for war, we should be preparing to combat climate change*". Negara-negara dunia harus mengagihkan sumber ke arah melancarkan peperangan terhadap perubahan iklim dan tidak sebaliknya membazirkan sumber untuk melancarkan peperangan di antara satu sama yang lain.



Tuan Yang di-Pertua, dalam persediaan Malaysia untuk menghadapi perubahan iklim, terdapat dua aspek yang perlu dilihat dengan teliti iaitu mitigasi dan adaptasi. Mitigasi merangkumi cara kita mengurangkan pelepasan karbon dengan tujuan mengehadkan kenaikan suhu global. Adaptasi pula merangkumi cara kita menangani atau menyesuaikan diri daripada impak daripada perubahan iklim seperti peningkatan suhu global, perubahan pola hujan, peningkatan paras laut, peningkatan kekerapan cuaca ekstrem, gangguan terhadap rantaian makanan, kerosakan ekosistem dan sebagainya.

Sebenarnya, World Economic Forum dengan izin, telah mengenal pasti perubahan iklim sebagai risiko kewangan terbesar yang akan dihadapi oleh organisasi di seluruh dunia lebih serius daripada ancaman penipuan data, kecurian dan serangan siber. Malaysia perlu bertindak sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan iklim adalah satu isu yang kompleks yang merentasi pelbagai bidang seperti tenaga, pertanian, pengangkutan, industri, perhutanan, kesihatan, sumber air, pemuliharaan biodiversiti dan lain-lain lagi. Pelaksanaan dan tindakan bagi menangani kesan perubahan iklim di dalam negara dibuat melalui kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan berdasarkan fungsi dan bidang kuasa masing-masing. Walaupun kementerian ini adalah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim tetapi ada banyak tindakan yang dilaksanakan di kementerian masing-masing.

Bagi menangani isu ini secara sistematik, kita perlu membina kerangka kerja institusi serta pengawalseliaan langkah adaptasi dan mitigasi. Kita perlukan satu Pusat Perubahan Iklim Kebangsaan (*National Climate Change Center*) untuk menyelaraskan tindakan menangani perubahan iklim dari pengumpulan data, analisa risiko iaitu *risk analytics*, kerjasama antarabangsa, laporan data perubahan iklim serta mewujudkan kerangka tindakan bagi setiap peringkat kerajaan, sama ada di peringkat Persekutuan, negeri, tempatan ataupun antara kementerian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, baru-baru ini di Ekspo International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference (IGEM), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melancarkan pertubuhan Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGCC), Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia. MGCC adalah hasil daripada *repurposing of* Malaysian Green Technology Corporation Malaysia (MGTC). Daripada menubuhkan satu agensi yang baru yang akan memerlukan dana tambahan daripada kerajaan, MESTECC telah berjaya pada tahun ini untuk mengoptimumkan fungsi dalaman kementerian dan menyerap fungsi National Climate Change Center ini ke dalam agensi yang sedia ada.

Pada masa yang sama, Majlis Koordinasi Kebangsaan untuk Adaptasi dan Mitigasi Perubahan Iklim juga akan ditubuhkan seperti yang dijanjikan oleh manifesto Pakatan Harapan sebelum tahun ini berakhir. MGCC dan majlis ini akan berfungsi sebagai *focal point* dengan izin, bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti mitigasi dan adaptasi perubahan iklim di Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai memohon untuk mencelah.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh tanya sikit? *Climate change*, Paris Agreement. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Puan Yeo Bee Yin:** Paris - Yang Berhormat Bagan Serai tidak ada bangkitkan isu perubahan iklim. Yang Berhormat Rembau...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tadi saya dengar ada sebut nama Bagan Serai...

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang Berhormat Bagan Serai membangkitkan isu yang lain.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Lain-lain ya? Saya rasa macam terpanggil, saya rasa macam terpanggil. Boleh? Sedikit, boleh? *Very short*.

**Puan Yeo Bee Yin:** Nanti saya tidak cukup masa. Nanti *you* tanya. *Saya write down the...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila duduk Yang Berhormat Bagan Serai. Kesabaran adalah sebahagian dari keimanan.

**Puan Yeo Bee Yin:** Untuk perubahan iklim...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Yeo Bee Yin:** Untuk perubahan iklim, Yang Berhormat yang bertanya iaitu Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Bentong, Yang Berhormat Sibu. Tuan Yang di-Pertua, walaupun MGCC tidak diberikan peruntukan bagi tahun 2020 dan Yang Berhormat Rembau yang tidak ada di sini, telah membangkitkan bahawa kenapa kita tiada peruntukan untuk *climate change*.

Akan tetapi, sebenarnya ia akan dibiayai melalui peruntukan semula sebanyak RM10 juta daripada penjimatan perbelanjaan Kementerian MESTECC sendiri pada tahun 2019. Bukan tidak ada peruntukan, tetapi kita menggunakan penjimatan daripada perbelanjaan kita. Ini adalah perbezaan antara Kerajaan Pakatan Harapan dan juga Kerajaan Barisan Nasional.

Selain daripada peruntukan sebanyak RM10 juta, MESTECC juga akan giat membina kapasiti untuk *leverage on* dengan izin, dana antarabangsa seperti Global Environment Facility (GEF), Green Climate Fund (GCF) dan melalui program-program kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta dan juga kerjasama antarabangsa. Contoh-contoh kerjasama antarabangsa MESTECC dengan pihak luar negara adalah program kerjasama International Climate Finance UK Partnering for Accelerated Climate Transitions (ICF UK PACT) yang telah dilancarkan oleh saya bersama dengan British High Commissioner, His Excellency Charles Hay dan UK Special Envoy for Climate Change, His Excellency Nick Bridge pada 16 Mei 2019.

Di antara aktiviti-aktiviti kerjasama yang akan dilaksanakan di bawah program ini adalah kajian skop rangka kerja institusi dan perundangan untuk perubahan iklim, peningkatan kapasiti melalui ajaran dan peminjaman kakitangan teknikal dan penyesuaian UK 2050 *pathway carbon calculator* dengan keadaan Malaysia. Ini adalah bagaimana kita boleh menggunakan sumber-

sumber yang kita ada dan kerjasama dengan antarabangsa untuk mencapai objektif kita dalam menangani isu perubahan iklim di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ada Parlimen pembangkang dan juga Parlimen kerajaan yang telah mengatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak membuat apa-apa langsung dalam menurunkan pelepasan karbon di Malaysia di dalam dan di luar Dewan yang mulia ini dan juga di soalan masing-masing.

So, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk jelaskan bahawa ini adalah tidak benar. Kerajaan Pakatan Harapan amat komited untuk mengurangkan pelepasan karbon. Oleh kerana kesuntukan masa, saya hanya boleh berkongsi sedikit dalam masa 30 minit yang saya ada lagi tentang pembaharuan polisi Pakatan Harapan dalam *renewable energy* iaitu tenaga boleh baharu dan juga kecekapan tenaga, *energy efficiency*. Kita panggil *short form*, RE dan EE.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat jawapan Yang Berhormat Menteri memang menarik. Akan tetapi waktu sudah sampai pukul 1.00, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang dan Menteri akan teruskan penggulungan peringkat Dasar.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

■ 1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat sambung semula dengan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri MESTECC. Masa tinggal lebih kurang 31 minit lagi. Sila.

**2.32 ptg.**

**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya tadi telah membangkitkan bahawa ada ramai Ahli-ahli Parlimen yang katakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak membuat apa-apa untuk menurunkan pelepasan karbon di Malaysia. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kita memang ada banyak dasar-dasar pembaharuan untuk mengurangkan pelepasan karbon di Malaysia, di antaranya *the initiative renewal energy* dan *energy efficiency* kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pecahan pelepasan gas rumah kaca iaitu *greenhouse gases* mengikut sektor menunjukkan bahawa penggunaan bahan api fosil bagi tujuan menjana tenaga termasuk elektrik, pengangkutan dan *thermal energy for* pemanasan dan penyejukan merupakan punca utama atau *key source*, dengan izin, dan menghasilkan 80 peratus daripada inventori gas rumah kaca Malaysia. Punca-punca lain hanya berjumlah 20 peratus daripada inventori gas rumah kaca Malaysia iaitu pengurusan sisa sebanyak sembilan peratus,

proses industri sebanyak enam peratus, pertanian sebanyak empat peratus dan perubahan guna tanah sebanyak satu peratus.

Oleh sebab itu, adalah wajar supaya usaha-usaha mitigasi untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca ditumpukan terlebih dahulu kepada sektor tenaga iaitu peningkatan tenaga boleh baharu (TBB) ataupun RE dan pengamalan kecekapan tenaga atau *energy efficiency* (EE).

Bagi aspek TBB, pada Julai 2018, saya telah mengumumkan sasaran baharu kerajaan baharu seperti yang dijanjikan di manifesto Pakatan Harapan untuk meningkatkan tenaga boleh baharu dalam campuran elektrik daripada dua peratus kepada 20 peratus menjelang tahun 2025 di mana 20 peratus ini tidak termasuk penjanaan kuasa hidro besar melebihi 100 mega watt.

Untuk mencapai sasaran tenaga boleh baharu sebanyak 20 peratus menjelang tahun 2025, selain kapasiti pasang sedia ada 2 giga watt serta projek yang diluluskan 2.8 giga watt, kami memerlukan projek penjanaan TBB sebanyak 4.1 giga watt lagi. Erti kata, dari kini sehingga tahun 2025, kita akan melihat penambahan sebanyak 6.9 giga watt ke dalam sistem kita untuk memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat.

Terdapat tiga dasar yang telah diperbaharui oleh kerajaan baharu untuk mencapai sasaran ini iaitu mekanisme *feed-in tariff*, *net energy metering* dan juga program solar berskala besar, *large scale solar*. Izinkan saya menjelaskan pencapaian kita dalam masa satu tahun pentadbiran ini.

Untuk mekanisme *feed-in tariff* (FiT) iaitu mekanisme di mana kerajaan membayar premium untuk membeli TBB melalui Akaun Amanah Tenaga Boleh Baharu (*RE Fund*), ia telah dilaksanakan sejak 2011 tetapi sejak Julai 2018, kami telah membatalkan 389 projek FiT yang tidak kompetitif, *non-performing projects*, dan ini telah berjaya menjimatkan *RE Fund* sebanyak RM2.16 bilion. Penjimatan ini membolehkan kerajaan untuk membuka semula lebih banyak lagi kuota FiT sebanyak 160 mega watt kepada pengusaha tenaga boleh baharu bukan solar seperti *biomass*, biogas dan hidro kecil.

Selain itu, pada bulan November 2018, buat kali pertama dalam sejarah FiT, kami telah melancarkan sistem e-bidaan (*e-bidding*) untuk mengagihkan kuota biogas FiT. Tahun ini, kami telah memperluaskannya kepada hidro mini. Dengan bidaan kompetitif, kami mampu mendapat harga bidaan yang lebih rendah daripada kadar FiT yang dijadualkan. Justeru, membenarkan kerajaan untuk mengagihkan lebih banyak lagi kuota FiT kepada pengusaha TBB.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai 3.2 juta *landed properties*, 450,000 lot komersial, 90,000 kilang teres, 21,000 kilang *stand alone* dan 1,000 pusat beli-belah. Ini menunjukkan bahawa kita ada banyak saiz bumbung yang besar di Malaysia.

Dasar *Net Energy Metering* (NEM) mampu merealisasikan potensi penjanaan kuasa solar daripada bumbung-bumbung sedia ada, *unlocking the potential of rooftop solar*, dengan izin. Melalui skim ini, pengguna yang memasang sistem penjanaan kuasa solar atas bumbung boleh menjual lebihan tenaga kepada TNB. Program ini sebenarnya dimulakan pada tahun 2016

tetapi sehingga tahun 2018, kadar penyertaan NEM agak rendah disebabkan harga jualan balik kepada TNB amat rendah iaitu *displaced cost*.

Oleh itu, pada Oktober 2018, MESTECC telah mengumumkan penambahbaikan kepada NEM 2.0 di mana pengguna akan menjual balik tenaga kepada TNB pada kadar *one on one offset basis*. Dengan ini, pengguna yang memasang panel solar atas bumbung boleh menurunkan bil elektrik mereka secara signifikan.

Di samping itu, kerajaan juga akan melanjutkan Elaun Cukai Pelaburan Hijau, *Green Investment Tax Allowance* sehingga tahun 2023 seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. *Green Investment Tax Allowance* (GITA) memberi elaun cukai kepada syarikat-syarikat ke atas perbelanjaan CAPEX pemasangan teknologi hijau termasuk sistem solar atas bumbung.

Penjimatan bil elektrik daripada NEM 2.0 bersama dengan GITA membolehkan pemasangan sistem solar atas bumbung menjadi satu pelaburan yang cukup *feasible* terutamanya di premis komersial dan industri yang memiliki bumbung yang besar di mana *payback period* adalah serendah tiga hingga lima tahun sahaja.

Perbelanjaan CAPEX tolak elaun cukai daripada GITA mampu dibayar balik oleh penjimatan bil elektrik selepas tiga hingga lima tahun dan selepas itu pengguna elektrik boleh menikmati penjimatan bila elektrik pada tahun-tahun yang seterusnya. Syarikat bukan sahaja boleh menjadi lebih mesra alam, ia juga boleh membawa penjimatan kewangan dan kerajaan boleh mencapai matlamat kita untuk menurunkan pelepasan karbon.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Yeo Bee Yin:** Saya hendak jawab untuk Sabah sudah. Untuk pengguna elektrik yang tidak mampu membayar perbelanjaan CAPEX tetapi ingin memasang panel solar, kerajaan telah memperbaharui dasar untuk menggalakkan pajakan solar (*solar leasing*). Pada Oktober 2018, MESTECC juga telah mengumumkan penambahbaikan kepada dasar pajakan solar (*solar leasing*) melalui pembaharuan polisi *Supply Agreement of Renewable Energies* (SARE) bagi membolehkan pengguna menikmati manfaat solar tanpa memerlukan jumlah pendahuluan yang tinggi iaitu *zero upfront cost*.

■1440

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Belanjawan 2020 memberi suntikan yang memberangsangkan kepada industri *solar leasing* di Malaysia kerana ia telah merangkumi pengusaha pajak solar, *solar leasing companies* dalam *Green Income Tax Exemption* (GITE). Di mana mereka akan menikmati pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus untuk tempoh sehingga sepuluh tahun. Tuan Yang di-Pertua, sejak polisi NEM bermula pada bulan Januari, kami telah melihat peningkatan pengguna program NEM yang amat menggalakkan. Dalam sembilan bulan ini dari Januari hingga September, kapasiti NEM 2.0 yang telah diluluskan adalah tiga kali ganda jumlah yang telah diluluskan di bawah dasar lama, tiga tahun antara 2016 hingga 2018.

Saya amat yakin dengan ada pelanjutan GITA dan GITE ke tahun 2023 dan perluasan GITE kepada *solar leasing company* seperti yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan, NEM dan solar atas bumbung akan berkembang dengan lebih pesat lagi pada tahun 2020. Oleh sebab dasar NEM ini amat menarik dan hanya dapat dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada tahun ini. Yang Berhormat Kota Kinabalu tadi hendak tanya sudah, juga telah mencadangkan dalam perbahasannya supaya MESTECC meluluskan *Net Energy Metering* untuk Negeri Sabah juga. MESTECC menyambut baik cadangan Yang Berhormat berhubung perkara ini.

Oleh itu, dengan sukacitanya saya ingin mengumumkan di sini bahawa di Mesyuarat *Post-Cap* MESTECC minggu lepas, kami telah memutuskan bahawa untuk meluluskan kuota sebanyak 50 megawatt untuk Program NEM di Sabah dengan jumlah perbelanjaan tambahan kepada kerajaan RM13 juta dan projek ini adalah untuk 10 tahun. Projek NEM di Sabah akan bermula berkuat kuasa Januari 2025. Pembiayaannya akan dibiayai oleh Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE). Jumlah nilai untuk 50 megawatt *net energy metering* ini adalah sebanyak RM200 juta.

Harap Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Sabah, saya nampak ada ramai yang di Dewan yang mulia ini boleh membawa berita baik ini kepada pengusaha-pengusaha solar dan juga pengguna-pengguna elektrik di Sabah. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan Dewan yang mulia...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang Berhormat Arau ada tanya tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau tak tanya.

**Puan Yeo Bee Yin:** Tentang NEM.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Parlimen ini untuk ramai. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab kat lapan orang itu, kita kena buat kat penjuru sana. Akan tetapi, kalau ini untuk semua ya.

**Puan Yeo Bee Yin:** Akan tetapi, kalau...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tadi awal-awal sudah cakap lah Yang Berhormat Arau.

**Puan Yeo Bee Yin:** Hendak tanya kena ada *research* sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kenapa dikuatkuasakan 2025, kenapa tidak 2020 atau 2021? Itu kalau kita umum kat Sabah 2025, bererti lepas pilihan raya.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Menteri tak bagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Lepas pilihan raya kami sudah ambil alih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang ini adalah NEM akan berkuat kuasa dilaksanakan pada tahun 2020, Januari 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa teknologi TBB makin matang. Harganya juga makin kompetitif. Sebagai contoh ya, harga panel solar telah menurun sebanyak 80 hingga 100 peratus sejak 2009. Impak harga kompetitif ini ternyata dalam bidaan terbuka projek solar berskala besar iaitu LSS yang baru sahaja di tutup dan kini di peringkat penilaian teknikal dan pembina yang berjaya akan diumumkan oleh suruhanjaya pada akhir tahun ini.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada harga yang ditawarkan oleh pembida-pembida. Empat projek yang paling murah dalam bidaan ini merangkumi 365 megawatt daripada 500 megawatt yang telah ditawarkan. Mereka telah menawarkan harga kurang daripada 23.22 sen per kilo *one hour* iaitu ini adalah purata penjanaan loji jana kuasa gas di Malaysia. Buat kali pertama dalam sejarah Malaysia, TBB mencatatkan kos generasi yang lebih murah lagi daripada kos penjanaan bahan api fosil iaitu gas.

Saya yakin ini hanyalah titik permulaan kerajaan akan membuka satu lagi pusingan untuk pembinaan LSS dengan sekurang-kurangnya 500 megawatt pada tahun depan dengan spesifikasi tender yang diharapkan boleh mengurangkan kos lagi terutamanya dengan menggunakan tanah kerajaan negeri dan juga tanah yang tidak diguna pakai seperti kolam perlombongan dan lain-lain. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, bukan sahaja perkembangan industri TBB boleh menurunkan pelepasan karbon, tetapi belanjawan ini amat tepat dalam mengenal pasti sektor hijau sebagai industri baharu Malaysia; *green sector as a new frontier of growth*, untuk mencipta peluang pekerjaan dan menarik pelaburan serta meningkatkan aktiviti perniagaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sasaran baharu 20 peratus TBB dalam campuran elektrik menjelang 2025 dianggar boleh membawa pelaburan setinggi RM33.2 bilion serta mencipta lebih daripada 100 ribu peluang pekerjaan, *is killing two birds with one stone*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jasin minta mencelah.

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya, okey.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap tahniah lah sekurang-kurangnya TNB telah melangkah satu jalan yang lebih terbaik untuk menjimatkan kos elektrik yang terus meningkat pada ketika ini dengan adanya solar. Saya telah dimaklumkan baru-baru ini, ada MOU telah ditandatangani di antara TNB dengan sebuah syarikat PLN daripada Indonesia untuk membekalkan elektrik daripada Sumatera ke Melaka sebanyak 600 megawatt. Sama ada ia dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri ataupun kerana kenapakah pihak TNB tidak memaklumkan kepada rakyat. Terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang Berhormat Jasin telah menanyakan tentang ASEAN Power Grid. Ini adalah perbincangan di mana kita hendak menyambungkan semua grid di Asia Tenggara di peringkat ASEAN. Yang untuk pertama sekali adalah LTM. Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang di ASEAN *Summit*, di mana mereka akan menandatangani perjanjian di antara Laos, Thailand dan Malaysia untuk pembekalan *elektric firm energy supply*. Untuk Indonesia, ini adalah satu perbincangan di mana ia akan mengambil masa bertahun-tahun sebelum pembinaan boleh dibuat.

Sebelum pembinaan dibuat, semua perkara akan dibincangkan terutamanya kos dan juga siapa yang akan menjual elektrik kepada siapa. Saya hendak menerangkan di sini bahawa ASEAN Power Grid *is something* —adalah satu inisiatif di peringkat ASEAN untuk meningkatkan *energy security* di rantau ini. Ini adalah supaya kalau kita ada *power plant breakdown*, kita boleh dapatkan bekalan daripada negara lain supaya tidak ada *blackout* di negara masing-masing. Tahap kedua selepas LTM iaitu Laos, Thailand, Malaysia adalah supaya jadi LTMS.

Saya baru sahaja balik daripada *Singapore*, di mana saya berbincang dengan —kita telah mengadakan beberapa perbincangan untuk menyambung Malaysia di JB, menyambung elektrik ataupun kabel dari Singapura ke Malaysia. Kabel ini akan siap —fasa pertama 550 megawatt pada Disember 2019 dan 550 megawatt akan siap pada April tahun depan dan ini adalah kabel di mana adalah kabel yang tidak ada digunakan. Akan tetapi, apabila ada *blackout* kita akan menghantar antara satu sama lain untuk meningkatkan *energy security*. Kita juga ada bincang sama ada kita akan ada *energy trading* terutamanya dari segi tenaga boleh baharu. Ini adalah jawapan saya untuk Yang Berhormat Jasin sebab Yang Berhormat Jasin tanya banyak soalan yang mendalam dari segi rancangan pembekalan elektrik di mana saya akan jawab nanti lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, 500 itu adakah *base* di *Singapore* ataupun di Malaysia?

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang Berhormat Arau, dalam perbahasan dia tidak bahas. Dia tidak buat *policy research*, tetapi dia hendak tanya soalan lepas itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, saya...

**Puan Yeo Bee Yin:** Tidak apa, tidak apa. Saya jawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya Pengerusi IPP Negeri Perlis, saya cukup pakar dalam bidang ini Yang Berhormat Menteri. Jadi jangan memperkecilkan saya ya Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ada soalan cetek ada soalan dalam.

**Puan Yeo Bee Yin:** So, ini adalah kos akan dikongsi di bersama-sama dengan kerajaan negara Singapura dan Malaysia. Di dalam kos grid di Malaysia *transmission and distribution* adalah dimasukkan dalam apa yang kita panggil *Incentive-based Regulation*.



## ■1450

*Incentive Based Regulation (IBR)* adalah satu *regulation framework* di mana kita menggunakan *Incentive Based Regulation (IBR)* untuk mengira berapakah aset yang diperlukan untuk infrastruktur *transmission and distribution*, penghantaran dan pengagihan elektrik di Malaysia. Ia dimasukkan di IBR untuk Malaysia *part of it*. Singapura *part of it, they will* masuk *they own infrastructure cost* di Singapura. Ini adalah satu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, apakah hubungan kita dengan Thailand pula? Oleh sebab IPP Perlis pernah membuat perjanjian untuk *supply* ke Thailand. Akan tetapi sebab perjanjian ini belum dibuat lagi, nampaknya sekarang ini ada masa hadapan. Jadi apakah yang akan berlaku dengan perjanjian yang pernah dibuat?

Saya tanya soalan ini, dulu saya memang pengerusi. Sekarang saya hendak menolong Pengerusi, Yang Berhormat. Jadi saya hendak tanya apakah...

**Puan Yeo Bee Yin:** Lain kali saya mohon Yang Berhormat Arau untuk tanya soalan ini dalam perbincangan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh tapi...

**Puan Yeo Bee Yin:** Akan tetapi kali ini saya boleh jawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tidak bagi soalan saya.

**Puan Yeo Bee Yin:** Okey, boleh. Saya jawab tapi lain kali tolong bahas dulu, buat *research* supaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau lagi tuduh kepada Tuan Yang di-Pertua, lain kali saya tidak bagi. Masa tidak cukup itu bukan masalah Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya. Saya telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Tenaga Thailand tentang adakah Thailand memerlukan tenaga ataupun elektrik daripada Malaysia supaya kita boleh menjana elektrik di Malaysia dan menjual ke Thailand menggunakan grid yang sedia ada ataupun grid yang baharu jika kapasiti itu diperlukan.

Akan tetapi setakat ini, Thailand kata mereka boleh memenuhi keperluan sendiri dan tidak memerlukan penjanaan elektrik daripada Malaysia untuk setakat ini. Akan tetapi perbincangan akan diteruskan. Setiap kali saya jumpa Menteri Tenaga kita akan tanya tentang bagaimanakah kita boleh bekerjasama supaya bersama-sama kita menjadikan ASEAN Power Grid ini *something win-win for everyone*. Di mana kita hendak mencapai kos kompetitif dalam pangkalan elektrik dan juga *most important energy security among all ASEAN countries*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada 10 minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Cuma hendak maklum Yang Berhormat.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekarang di Thailand yang memerintah ialah kerajaan yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau tidak bangkit semasa perbahasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kerajaan dulu memang sudah bersetuju, ini sekarang kerajaan junta ini mungkin ada pandangan lain. Itu sebab Yang Berhormat berhati-hati sebab walaupun Yang Berhormat bincang dengan Menteri, Menteri sekarang. Akan tetapi Menteri dulu sudah bersetuju Yang Berhormat. Hendak beritahu itulah. Tidak payah jawab. Hendak beritahu sahaja.

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya, kita akan terus berbincang dengan Menteri Tenaga, sesiapa mereka ataupun dari kerajaan mana. Tuan Yang di-Pertua, saya ada 34 muka surat sekarang saya berada di muka surat 14 sahaja. Kalau boleh kita *stick to whoever that asked the question*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Puan Yeo Bee Yin:** Selain daripada penggunaan tenaga boleh baharu (TBB), *energy efficiency* juga merupakan kaedah yang amat berkesan bagi tujuan mengurangkan pelepasan gas rumah kaca. Belanjawan 2020 juga telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mengimplementasikan Program *Energy Performance Contracting* (EPC) untuk sektor kerajaan.

Melalui EPC syarikat swasta boleh menjalankan projek *retrofit* di bangunan-bangunan kerajaan untuk menaik taraf kecekapan penggunaan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan dan penjimatan kos tenaga akan dikongsi bersama di antara kerajaan dan syarikat perkhidmatan tenaga ataupun kita panggil *Energy Service Company* (ESCO). Dengan ini *capex* syarikat swasta boleh dibayar balik menjadikan projek-projek EPC *bankable* dan boleh mendapat *private financing* daripada bank swasta.

Pada masa yang sama, MESTECC dalam proses membangunkan Rang Undang-undang *Energy Efficiency and Conservation Act* (EECA). Dalam hal ini mesyuarat bersama pihak berkepentingan telah diadakan pada 7 Oktober yang lepas dan draf laporan akhir dan draf peraturan dijangka siap tidak lama lagi. Saya juga telah membuat satu taklimat bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membincangkan EECA ini. Draf rang undang-undang dijangka dikemukakan kepada pihak EGC pada bulan September 2019 dan kita harap bahawa dapat membentangkan rang undang-undang ini pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rembau telah membangkitkan dalam perbahasan beliau bahawa belanjawan ini tidak menyentuh perkataan perubahan iklim. Akan tetapi ini jelas bahawa belanjawan ini dengan polisi-polisi yang diumumkan, perlanjutan 'GITA' dan 'GITE' dengan program *Energy Performance Contract* semua ini membawa impak positif yang signifikan untuk menurunkan pelepasan karbon di Malaysia. Bukan sahaja RE dan 'EE' boleh menurunkan pelepasan karbon di negara kita tetapi pada masa yang sama industri baharu hijau boleh dibangunkan dengan menarik pelaburan dan mencipta peluang pekerjaan sektor hijau di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Jasin yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan bekalan tenaga elektrik.

Yang Berhormat Kinabalu ada bertanya tentang mengenai perkembangan pengambilalihan *Sabah Electricity Sendirian Berhad* (SESB) daripada kerajaan pusat kepada negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung perkara tersebut Jemaah Menteri telah meluluskan dengan kertas Kabinet yang di bawa oleh MESTECC untuk menyerap balik pemilikan SESB dan juga pengawal seliaan industri elektrik autonomi dalam pengurusan industri elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Pada minggu lepas saya telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Beliau telah *inform* saya bahawa kerajaan negeri telah pun selesaikan kajian *due diligence*, tentang *offer* ini. Sebuah mesyuarat telah pun dijadualkan bersama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah untuk meneliti hasil kajian *due diligence* ini pada 11 November 2019 di Kota Kinabalu. Saya boleh memberi *update* yang lebih terperinci kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah selepas mesyuarat tersebut.

Kita memerlukan penelitian yang terperinci agar pengambil alih operasi SESB oleh Kerajaan Negeri Sabah dapat dilakukan secara lancar. Mengenai cadangan pembinaan *Southern Link*, MESTECC akan terus menyokong jalan penyelesaian terbaik untuk mengatasi isu bekalan elektrik Sabah dalam RMK-12 sama ada melalui pembinaan *Southern Link* ataupun jalan-jalan penyelesaian lain yang lebih sesuai lagi.

Mengenai pembinaan projek hidroelektrik '.....Pedas', MESTECC sedang mengambil tindakan untuk mendapatkan kelulusan bagi melaksanakan projek tersebut.

Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan inisiatif MESTECC dan *Reimagining Malaysian Electricity Supply Industry* (MESI 2.0). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah pun meluluskan pelan MESI 2.0 pada 12 Julai 2019 dan ini telah pun diumumkan oleh saya dan MESTECC pada 17 September 2019. Pelan liberalisasi ini bertujuan meningkatkan persaingan dalam rantaian nilai industri bekalan elektrik, *increase competitions across a value chain of electricity supply* dengan izin. Dengan ini kerajaan dapat memastikan bekalan elektrik yang cekap, terjamin dan berpatutan untuk pengguna. Antara inisiatif di bawah pelan ini pertamanya, rejim IPP akan berolah kepada sistem pasaran terbuka (*merchant market*). Kapasiti *option* pertama dengan izin bagi penjanaan loji jana kuasa terma yang diperlukan pada tahun 2029 akan dilaksanakan pada akhir tahun 2023 kelak.

Sementara itu, *New Enhanced Dispatched Agreement* yang diperbaharui NEDA+ akan dilancarkan pada suku ketiga 2020 sebagai langkah pertama ke arah perubahan rejim IPP. Bahagian runcit industri juga akan di liberalisasi secara berperingkat bermula tahun 2021 sehingga 2029 ke *full retail liberalization* dengan izin. Ini membolehkan peruncit bekalan elektrik baharu untuk membekal elektrik kepada pengguna-pengguna elektrik di Malaysia. Dengan ini TNB bukan lagi satu-satunya pembekal elektrik bermula tahun 2021. Pemain-pemain industri lain juga boleh bersain dengan *retail market of electricity* dengan izin.

Yang Berhormat sekalian, MESI 2.0 adalah *objective driven itself ideologically driven*. Objektif ini adalah untuk mendapatkan kos kompetitif bekalan elektrik. Oleh itu tumpuan MESI 2.0 akan diberi kepada untuk membuka persaingan untuk segmen perolehan bahan api industri

bekalan elektrik bagi membolehkan lebih persaingan bagi menjamin harga bahan api adalah kompetitif.

#### ■1500

Kenapa tumpuan besar diberikan untuk memastikan ada persaingan dalam bekalan perolehan bahan api adalah kerana kalau kita tengok graf ini – kalau kita boleh tengok graf ini adalah struktur tarif di Malaysia di mana kalau kita tengok *across the value chain* yang paling besar, komponen paling besar dalam tarif kita sebenarnya adalah bahan api di mana 42 peratus daripada takrif kita adalah komponen bahan api, 26 peratus komponen penjanaan, 29 peratus komponen grid dan dua peratus sahaja untuk komponen runcit.

Ini jelas menunjukkan kalau kita dapat meningkatkan persaingan dalam perolehan bahan api maka kita memberi impak yang terbesar untuk memastikan harga ataupun tarif adalah lebih kompetitif. Sekarang ini perolehan bahan api adalah dimonopoli, hanya terhad untuk bekalan arang batu adalah TNBF, untuk gas adalah PETRONAS. Oleh itu, dengan pembukaan segmen ini dalam perolehan bahan api iaitu arang batu dan juga gas, kita boleh nampak – kita akan tengok ada impak yang besar dalam menjadikan bekalan elektrik kita lebih kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan isu dua projek penjanaan kuasa di Selangor dan Kedah yang telah pun diluluskan oleh kerajaan lama dan kabinet telah membuat keputusan untuk tidak membatalkan projek-projek ini atas sebab-sebab teknikal, perundangan dan kewangan seperti pampasan yang boleh dituntut oleh syarikat serta pembangunan ekonomi setempat. Walau bagaimanapun, rundingan semula telah pun dijalankan untuk memastikan kos kompetitif.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, dalam pertimbangan kerajaan untuk membuat keputusan tersebut dari segi aspek teknikal. Saya bagi satu contoh sahaja. Yang Berhormat Jasin telah menggunakan *reserve margin* di dalam perbahasannya dan saya sangat menghargai ada perbahasan yang begitu mendalam dari segi polisi kita. Untuk makluman Yang Berhormat Jasin, walaupun negara kita mempunyai *reserve margin* yang tinggi secara purata, ia adalah tidak sama rata dari kawasan ke kawasan.

Sebagai contoh, Zon Tengah Semenanjung (*Central Zone*) termasuk Lembah Klang yang pesat perkembangan adalah *look center* dengan izin. Ia mempunyai permintaan bekalan elektrik yang paling tinggi iaitu 43 peratus daripada keseluruhan permintaan di Semenanjung. Akan tetapi pembekalan kapasiti penjanaannya, *the supplier of it* hanya 16 peratus sahaja, *demand* 43 peratus, *supply* 16 peratus. So, oleh itu untuk memastikan keselamatan tenaga (*energy security*) yang lebih tinggi dan mengelakkan *blackout* di Lembah Klang di mana impak ekonomi akan menjadi tinggi kalau ada gangguan terhadap aktiviti ekonomi dan menurunkan keyakinan pelabur-pelabur, kerajaan perlu menggunakan konsep *what we called* 'i-Lending' dalam memastikan bekalan elektrik yang dijana di sesuatu kawasan adalah cukup untuk permintaan bekalan elektrik di kawasan tersebut.

Oleh itu dalam kajian kita kajian teknikal kita ada keperluan untuk menambah kapasiti penjanaan kuasa di *central zone* sebelum tahun 2024 bagi memastikan bekalan elektrik dijamin

dan tiada *incident blackout* terutamanya sekarang kita ada kekangan oleh sebab projek penaik taraf talian Gerik telah pun *delayed* untuk pada masa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, jawapan masih panjang lagi?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Apa yang saya bangkitkan.

**Puan Yeo Bee Yin:** Akan jawab Yang Berhormat Jasin dan selepas itu saya akan jawab secara jawapan bertulis kepada semua isu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Apa yang saya bangkitkan Yang Berhormat Menteri tentang dua penjana IPP daripada Kedah dan di Selangor secara runding terus. Saya faham apa yang telah Yang Berhormat Menteri terangkan tadi kerana untuk mengurangkan kos. Akan tetapi sekarang, kita ada lebih tenaga sebanyak 40 peratus. Tidakkah ia akan membebaskan kepada pengguna nanti? Terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Seperti yang saya telah katakan tadi, apabila kita tengok *reserve margin, you cannot see reserve margin as an average*. Apabila konsep 'i-Lending' apa itu konsep 'i-Lending' *means let's say for example* kalau ada satu kelompok kita ada tiga zon. Satu zon utara satu zon di tengah dan satu zon di selatan. Kalau kita ada kebanyakan zon *that means 'look center'* kalau di tengah. Kalau dia tiada cukup pembekalannya, kalau apabila *power treatment plant* di zon tengah *breakdown*, dia akan tidak mencukupi elektrik kerana ada had *transmission line* dari zon utara ataupun zon selatan.

Saya katakan tadi sebab Bentong *line is delayed now*. Oleh itu lebih penting kita untuk memastikan bahawa kita ada satu loji penjana kuasa di zon tengah secepat mungkin untuk memastikan bahawa kita tidak ada insiden *blackout* ya di *central region* iaitu di *Klang Valley*. Yang Berhormat lain kalau boleh saya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, saya ada timbul Yang Berhormat saya rasa saya minta jumlah pampasan yang dibayar kepada mangsa di Sungai Kim Kim, saya ada tanya itu soalan Yang Berhormat masa nama saya termasuk di situ.

Keduanya, semasa jerebu berlaku rakyat Malaysia banyak terkesan dan saya di antara orang yang mendapat alahan daripada jerebu. Jadi, apakah syarikat-syarikat yang terlibat dengan pembakaran terbuka sehingga menimbulkan jerebu akan juga memberi apa-apa – dikenakan denda supaya denda itu boleh dijadikan sebagai pampasan kepada mereka yang menjadi mangsa jerebu dan juga mangsa di Sungai Kim Kim.

**Puan Yeo Bee Yin:** Saya ada panjang lebar jawapan untuk isu jerebu dan juga untuk Pasir Gudang akan tetapi terlalu panjang untuk berkongsi di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh buat rumusan.

**Puan Yeo Bee Yin:** Akan tetapi Yang Berhormat Arau tidak memasukkan isu ini dalam perbahasannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa saya bagi lebih masa untuk Yang Berhormat.

**Puan Yeo Bee Yin:** Untuk isu jerebu sekurang-kurangnya saya jawab isu jerebu dan juga secara keseluruhannya jawab tentang isu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sungai Kim Kim.

**Puan Yeo Bee Yin:** Sungai Kim Kim ya akan tetapi memang panjang ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sungai Kim Kim ini telah pun dibayar wang ihsan. Saya hendak tanya berapa jumlah dan berapa ramai terlibat daripada peruntukan NADMA saya mendengar – mendapat maklumat itu.

**Puan Yeo Bee Yin:** Sebagai tanda hormat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu ini dalam perbahasan, mereka tanya saya soalan saya perlu jawab mereka dahulu selepas itu saya jawab Yang Berhormat Arau.

Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Klang telah membangkitkan isu jerebu dalam perbahasannya. Izinkan saya – so, untuk jawapan panjang lebar saya akan bagi satu jawapan bertulis akan tetapi secara keseluruhannya ada beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan semasa jerebu melanda dan juga apakah rancangan jangka masa panjang kita akan buat.

Pertama semasa jerebu, satu bagi tujuan membersihkan atmosfera dan mengurangkan kesan jerebu MESTECC dengan kerjasama daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) Malaysia dan juga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah menjalankan lima kali operasi pembenihan awan di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia pada 16 sehingga 19 September dan juga di Sarawak pada 21 hingga 22 September. Operasi-operasi ini semua dilaporkan berjaya dan menghasilkan hujan dan seterusnya mengurangkan impak jerebu. Di sini saya akan katakan Kerajaan Negeri Sarawak kata ini mereka hendak buat *cloud-seeding* akan tetapi tidak pernah sekali mereka buat *cloud-seeding*.

Kedua, bagi menangani impak jerebu akibat daripada kebakaran tempatan, kerajaan telah menggerakkan anggota-anggota bomba, NADMA dan PBT bagi usaha pemadaman kebakaran. Apabila keadaan membenarkan, kerajaan telah juga melaksanakan operasi pengeboman air seperti pada 15 hingga 22 Ogos di Miri Sarawak dan pada 22 dan 23 September di Sri Aman Sarawak dengan menggunakan pesawat Bombardier 415 yang berjaya mengurangkan kejadian jerebu akibat daripada kebakaran hutan tempatan dan mengelakkan darurat ya, jerebu di Sri Aman.

MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah pun mengutus surat bertarikh 6 September dan juga 11 September kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Pertama sekali, kita meminta pihak Indonesia untuk mengambil tindakan segera dalam memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia.

Kedua, kita menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta dan juga menghulurkan bantuan kepada Kerajaan Indonesia.

**■1510**

Pada 10 September, MESTECC juga telah mengadakan perjumpaan dengan wakil Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia.

Kita juga telah mengutus surat dan mengadakan perbincangan *teleconference* dengan sekretariat ASEAN supaya mesyuarat *teleconference* khas di peringkat Menteri untuk membincang isu jerebu rentas sempadan dapat diadakan dan bagaimana platform ASEAN perlu digunakan dengan lebih efektif lagi untuk menangani jerebu merentas sempadan. Terdapat tiga langkah yang kita sedang ambil oleh kerajaan untuk mengawal masalah jerebu di rantau ini untuk jangka masa panjang.

Pertama, Malaysia akan terus menggunakan langkah-langkah diplomasi. Di peringkat ASEAN, Malaysia akan terus memainkan peranan untuk menggesa negara anggota terutamanya Indonesia untuk mematuhi obligasi di bawah ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution bagi mencegah kejadian jerebu rentas sempadan. Selain itu, negara anggota perlu memberikan perhatian serius bagi merealisasikan Roadmap on ASEAN Cooperation towards Transboundary Haze Pollution Control dan panjang lebar lagi.

Kedua, melalui mesyuarat-mesyuarat di ASEAN ya, Malaysia telah meminta panduan daripada sekretariat ASEAN untuk meneliti instrumen di peringkat ASEAN supaya menjadi lebih berkesan yang boleh dipersetujui secara bersama bagi membolehkan tindakan punitif diambil ke atas individu atau syarikat pemilik tanah yang menjadi punca kejadian jerebu merentas sempadan supaya ia tidak berulang lagi pada masa hadapan.

Kerajaan juga mengkaji keperluan perundangan baharu untuk mengambil tindakan terhadap individu atau syarikat Malaysia yang mengakibatkan jerebu di Malaysia tanpa kira di mana pembakaran tersebut berlaku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MESTECC telah mengadakan mesyuarat dan konsultasi bersama pakar-pakar perundangan dan alam sekitar daripada Jabatan Peguam Negara dan beberapa buah universiti tempatan bagi membincangkan keperluan penggubalan akta pencemaran alam sekitar merentas sempadan. *What we call, Cross Boundary Pollution Act* yang termasuk tetapi tidak dihadkan kepada jerebu merentas sempadan.

Berdasarkan konsultasi ini, satu kajian sedang dijalankan untuk meneliti implikasi akta ini dan menetapkan hala tuju pelaksanaannya bagi memastikan akta yang bakal digubal dapat memenuhi keperluan semasa. Kajian ini, sedang dilaksanakan oleh jawatankuasa khas yang diterajui oleh pakar perundangan dan pakar berkaitan alam sekitar dalam tempoh tiga bulan dan dijangka selesai pada Januari 2020. Seterusnya, kertas pertimbangan akan disiapkan dan dikemukakan kepada Jemaah Menteri, jika Jemaah Menteri meluluskan kertas Kabinet yang dibentangkan oleh MESTECC, maka MESTECC akan terus mendraf RUU Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan. Ini kita boleh mendakwa dan membawa mereka ke mahkamah di Malaysia melalui rang undang-undang baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa teknologi juga memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah jerebu. Oleh itu, langkah jangka masa panjang yang ketiga

untuk menangani jerebu yang akan dijalankan oleh MESTECC ialah MESTECC akan memberi sokongan untuk mempertingkatkan R&D bagi meningkatkan keupayaan teknologi dan pembangunan kaedah yang efektif untuk mencegah ataupun memadam kebakaran di kawasan tanah gambut *peat fire*. Untuk tahun 2020, RM3 juta dana R&D MESTECC akan diperuntukkan untuk tujuan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *peat fire* ataupun kebakaran tanah gambut bukan sahaja memberi impak negatif kepada kualiti udara, bahkan menambah kepada pelepasan gas rumah kaca. Untuk meletakkan perspektif Yang Berhormat-yang Berhormat sekalian, dalam tempoh 10 tahun di antara 1997 hingga 2006, purata pelepasan gas rumah kaca tahunan akibat daripada *peat fire* di Indonesia adalah lima hingga enam kali ganda jumlah keseluruhan pelepasan karbon di Malaysia. Jumlah pelepasan karbon akibat kebakaran *peat fire*, kebakaran tanah gambut iaitu *peat fire* sedunia adalah lebih kurang tiga peratus daripada jumlah pelepasan karbon sedunia. Ini bermaksud bahawa isu jerebu bukan sahaja adalah isu kualiti udara tetapi juga isu perubahan iklim.

Oleh itu, selain daripada RM3 juta yang diperuntukkan daripada dana R&D MESTECC, kementerian juga dalam proses mengenal pasti sumber-sumber kewangan dan institusi antarabangsa yang sudi menghulurkan dana bagi tujuan R&D tersebut. Pada masa ini, kaedah-kaedah yang digunakan oleh semua negara dalam memadam ataupun mencegah kebakaran tanah gambut adalah bersifat konvensional. Semua teknologi yang kita guna adalah sangat lama kerana sudah bertahun-tahun tiada inovasi dalam bidang ini. *We keep repeating what is not effective from year on year*. Saya berharap bahawa dengan R&D '*seek fund*' daripada MESTECC dan juga dorongan Malaysia untuk kerjasama R&D di peringkat antarabangsa. Kaedah yang lebih efektif, murah dan *scalable* dengan izin dapat dicari dengan secepat mungkin.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat. Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebenarnya tidak ada soalan lagi. Masa sudah tamat.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Cepat. Cepat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, ini pasal Yang Berhormat sebut pasal *Bombardier* tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, dia sebut *Bombardier*. Akan tetapi, *Bombardier* bukan dia punya. Yang *Bombardier*, APA yang punya. Yang dalam Tenggara Asia ini cuma ada dua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Semua ada aset kerajaan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi dua biji sahaja.

**Puan Yeo Bee Yin:** Dia kerajaan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, dua biji...



**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini bukan hak milik peribadi, aset kerajaan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya cuma—Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Yeo Bee Yin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Jangan membazirkan masa Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita ada dua biji. Saya hendak cadangkan supaya kita beli 10 biji. Itu maksud saya.

**Puan Yeo Bee Yin:** Jangan bazir masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau boleh derma lapan biji.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan. Dua biji dia Asia Tenggara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau orang kaya kan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Makna kata Malaysia, Indonesia, Thailand semua itu Asia Tenggara hanya ada dua biji di Malaysia dan itu mana boleh tampung seluruh kebakaran yang berlaku Yang Berhormat. Itu maksud saya. R&D RM3 *million*. Akan tetapi, aset yang besar untuk memadam api ini ialah *Bombardier*. Jadi, saya hendak cadangkan supaya *Bombardier* dibeli 10 biji. Salah kah Yang Berhormat? Soalan itu bagus apa. Akhir sekali ialah bilakah kita hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sendiri tanya, sendiri puji.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Bilakah kita hendak hapuskan projek Lynas 100 peratus Yang Berhormat? Lynas.

**Puan Yeo Bee Yin:** Saya rasa Yang Berhormat Arau pergi sini sana, semua dia pergi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, yang tidak berkaitan, tidak perlu dijawab. Betul.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya tanya dengan cepat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey. Soalan terakhir lepas itu Yang Berhormat menggulung.

**Puan Yeo Bee Yin:** Soalan terakhir ya.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya hendak bagi kementerian lain. Sila.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertarik kepada jawapan Yang Berhormat Menteri dan saya sangat setuju dan positif atas langkah yang diambil oleh kerajaan. Saya cuma hendak tanya dalam belanjawan ini hampir

RM50 juta telah diagihkan untuk menangani isu jerebu. Apakah *direction* atau hala tuju yang akan digunakan untuk membelanjakan belanjawan tersebut? Terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Jika kita tengok *satellite data*, saya hendak katakan di sini bahawa saya bagi satu statistik sahaja untuk *satellite data* lah sebab tidak ada masa. Akan tetapi, kalau kita tengok, jumlah titik panas, bilangan titik panas yang dikenal pasti di kesan pada Ogos hingga Oktober tahun ini, jumlah titik panas yang dikesan di Sumatera dan Kalimantan adalah berjumlah 26,801 tetapi kalau kita berbanding dengan bilangan titik panas di Malaysia yang dikesan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre, kita ada 679 titik panas sahaja iaitu Malaysia titik panas di Malaysia adalah 2.5 peratus daripada jumlah titik panas di Sumatera dan Kalimantan.

Oleh itu, satu adalah belanjawan ini tidak ada RM50 juta untuk jerebu dan kedua adalah di mana kita tidak boleh membelanjakan untuk negara jiran kita. Sekarang, yang paling penting adalah bagaimana dalam peringkat antarabangsa kita memerlukan kerjasama daripada negara jiran kita supaya kerja-kerja untuk menangani masalah pembakaran *peat fire* di Indonesia dapat diatasi. Oleh itu, kalau meningkatkan apa pun perbelanjaan di negara kita, kalau tidak boleh digunakan untuk meningkatkan jentera di Indonesia maka ia tidak dapat menangani ataupun menyelesaikan masalah jerebu. Akan tetapi, untuk saya paling penting adalah teknologi. Kalau kita dapat satu teknologi yang baik untuk mencegah dan memadam, maka teknologi *can cross boundary more easily than our machineries* dengan izin. Saya berasa bahawa...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri. Sik. Sik. Ada soalan saya berkaitan dengan Penang South Reclamation (PSR).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang sila menggulung Yang Berhormat Menteri. Yang lain tidak sempat berikan jawapan bertulis.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Mohon menjawab. Kalau tidak dapat, dijawab secara bertulis.

**Puan Yeo Bee Yin:** Sudah tidak sempat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Memang saya dah bagi 15 minit tambahan.

■ 1520

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya Tuan Yang di-Pertua sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan hendak gulung lagi ada empat lagi Yang Berhormat Menteri hendak jawab saya rasa saya akan bagi satu jawapan bertulis secara panjang lebar kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkit isu tentang MESTECC di bawah bidang kuasa MESTECC. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri MESTECC atas jawapan selama 60 minit.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Masa 45 minit sila.

**3.20 ptg**

**Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan sejumlah RM4.776 bilion kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Jumlah ini merangkumi peruntukan perbelanjaan pengurusan sejumlah RM1.276 bilion, dan peruntukkan pembangunan sejumlah RM3.5 bilion Malaysia. Bajet Pembangunan dan Mengurus tahun 2020, kementerian masing-masing telah meningkat sebanyak 23.72 peratus dan 8.85 *percent* berbanding tahun 2019. Ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan pentadbiran Kerajaan Malaysia yang baharu dalam pengurusan isu berkaitan air, tanah dan sumber asli negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian juga turut merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan seramai 24 Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

Saya akan menjawab di atas perbahasan belanjawan ini di Peringkat Dasar mengikut lima isu seperti berikut, banjir; air; tanah; hutan; dan hidupan liar.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan belanjawan tahun 2020 yang diumumkan oleh kerajaan, KATS telah menerima peruntukkan sebanyak RM443.9 juta untuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB), dan RM150 juta untuk menyenggara pengurusan kolam takungan banjir sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Papar, mohon kerajaan menyediakan peruntukkan yang mencukupi bagi melaksanakan Tebatan Banjir di kawasan kampung, di bandar dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 13 projek Rancang Tebatan Banjir (RTB) telah diluluskan di dalam RMKe-11 di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengurangkan risiko banjir di negeri Sabah, dengan jumlah kos projek bernilai RM750 juta. Bagi tahun 2019, peruntukkan sebanyak RM72 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek berkenaan. Peruntukkan ini adalah anggaran keperluan aliran tunai projek bagi tahun 2019 yang antaranya merangkumi peruntukkan bagi melaksanakan kerja-kerja fizikal di tapak, pelantikan perunding, kajian kemungkinan sumber air bersepadu, kerja pengukuran, dan juga penyiasatan tanah.

Yang Berhormat Rantau Panjang dan juga Yang Berhormat Pengkalan Chepa mohon supaya kerajaan menyediakan peruntukkan bagi membina Rancangan Tebatan Banjir di negeri Kelantan, dan seterusnya memohon penjelasan tentang status terkini Tebatan Banjir di Rantau Panjang yang mana kedapatan musim tengkujuh sering menyebabkan berlaku banjir besar dan mengancam keselamatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah banjir di negeri Kelantan, kerajaan telah meluluskan dua projek pembangunan pelembangan sungai bersepadu untuk dilaksanakan oleh

KATS melalui JPS, dalam RMKe-11 iaitu Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan, Fasa 1 dan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu, Sungai Golok Fasa 1.

Projek PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 dilaksanakan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Kalau saya berhenti, saya ada banyak muka surat saya kena habiskan ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit sahaja. Adakah projek itu projek sambungan daripada yang dahulu? Itu soalan.

Yang kedua, saya ingin mengalu-alukan pelajar UITM Melaka daripada Jasin... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya selamat datang. Silakan Yang Berhormat Menteri. Ini soal Kelantan tetapi yang tanya YB dari Johor.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Memanglah ini ialah kerja sambungan daripada dahulu tetapi belum habis lagi, okey.

Projek PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 dilaksanakan secara reka dan bina. Projek telah bermula pada 29 Januari 2018, dan akan mengambil masa 40 bulan dengan siling kos projek sebanyak RM500 juta. Kerja-kerja pembinaan *flat wall* dan *lavi* di Kampung Laut, menaik taraf sistem saliran di Istana Kota Lama, pembinaan *rivers gate* di Sungai 'Kitak', dan Sungai Pinang sedang dilaksanakan di tapak di mana peratusan kerja di tapak adalah sebanyak 26 peratus.

Projek PLSB Sungai Golok Fasa 1 pun telah bermula pada 23 April 2018 dan akan mengambil masa selama 48 bulan dengan siling kos sebanyak RM300 juta yang melibatkan jajahan Tumpat dan jajahan Pasir Mas. Pelaksanaan kerja-kerja ini di tapak adalah sebanyak 11 peratus di mana kerja-kerja pembinaan *rivers gate* di Kuala Jambu dan kerja-kerja awalan pembinaan dan banjir di Sungai Lemak Lanchang sedang dilaksanakan.

Bagi kawasan Rantau Panjang, pelaksanaan projek dijangka akan dilaksanakan dalam fasa PLSB Sungai Golok yang seterusnya Fasa 2 dan Fasa 3, sekiranya diluluskan di bawah RMKe-12, dan Rancangan Malaysia Ke-13. Kawasan Rantau Panjang tidak dapat dilaksanakan di dalam Fasa 1 disebabkan oleh kekangan peruntukkan yang diluluskan, serta keutamaan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Tumpat dan Pasir Mas.

Yang Berhormat Jasin....

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas penjelasan yang telah diberi oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Jadi, kalau kita lihat daripada jawapan Yang Berhormat Menteri di sini maknanya penyelesaian masalah banjir di Rantau Panjang, Pekan Rantau Panjang khususnya, bermakna termasuk dalam Rancangan Malaysia Ke-11, ataupun Ke-13. Maknanya mungkin tiga, empat tahun lagilah rakyat Rantau Panjang mungkin melihat harapan yang dijanjikan oleh kerajaan.

Soalan saya hari ini adalah, apakah persiapan pihak kementerian- sebab dengan siapnya pembinaan Tebatan Banjir di sebelah negara Thailand ini menjadikan kesannya lebih besar lagi apabila hujan itu banyak. Mungkin boleh menyebabkan rumah-rumah di sekitar sungai akan hanyut dan arus makin deras menuju terutama kawasan pekan itu sendiri yang tempat operasi ekonomi rakyat. Jadi, dalam hendak tunggu Rancangan Malaysia Ke-12, Ke-13 tiga empat tahun lagi apa strategi kementerian dalam menangani isu banjir terutama dalam Parlimen Rantau Panjang?

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih. Saya ingat Ahli Parlimen Rantau Panjang telah bertanya kepada saya banyak kali di dalam Parlimen tentang isu banjir dalam kawasan Rantau Panjang. Akan tetapi, Fasa 1 ini kita mulakan Sungai Golok sebab kita hendak air itu keluar cepat, sebab kalau ada air yang deras datang dari atas di Fasa 1 dan 2 ini lebih senang untuk dia keluar sebab itu kita buat di Sungai Golok dan bukan di atas. Kalau kita buat di atas lebih banyak air keluar dan orang yang duduk di bawah akan kena.

Akan tetapi, kita di JPS telah pun siap sedia untuk banjir yang ada di- kalau ada banjirlah, kalau, kalau ada banjir di dalam musim hujan ini yang akan datang, dan saya akan bagi prioriti kepada kawasan-kawasan banjir utama- di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang dalam musim hujan yang akan datang.

Soalan Yang Berhormat Jasin, projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Jasin, Melaka telah diluluskan dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM60 juta dalam *Rolling Plan* Kedua tahun 2017 RMKe-11. Kerja-kerja reka bentuk telah siap dilaksanakan dan dalam peringkat penyediaan dokumen tender. Kerja-kerja pengambilan tanah juga dalam proses bicara tanah di mana urusan perbicaraan berkenaan dibantu oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Melaka. Tender dijangka akan dikeluarkan setelah pengambilan balik tanah diselesaikan pada tahun 2020.

■1530

Saya hendak beritahu kepada Dewan ini, isu pengambilan tanah yang mengambil masa yang sangat lama. Oleh sebab itu, kalau kita tidak selesaikan di dalam projek-projek berkenaan di mana kita hendak mengadakan pengambilan tanah, kita tidak boleh laksanakan projek di dalam kawasan itu. Kita kena sedia dan kita kena luluskan pengambilan tanah dulu. Kita kena selesaikan dengan isu pengambilan tanah sebelum kita boleh mulakan projek di dalam satu-satu kawasan. Oleh sebab itu, ada di dalam beberapa kawasan, kelewatan projek-projek ini adalah disebabkan pengambilan tanah belum diselesaikan lagi.

Yang Berhormat Lenggong mohon kerajaan melaksanakan projek tebatan banjir di Lenggong yang telah diluluskan peruntukan sebanyak RM22 juta pada tahun 2018. Kerajaan telah meluluskan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Perak Fasa 1 untuk dilaksanakan oleh KATS melalui JPS dalam RMKe-11 dengan siling kos projek sebanyak RM250 juta. RTB Lenggong Fasa 1 akan dilaksanakan di bawah projek ini di bawah komponen tebatan banjir dengan anggaran kos projek berjumlah RM20 juta. Projek ini sedang dalam peringkat pelantikan perunding bagi kerja-kerja reka bentuk terperinci. Setelah melantik

perunding reka bentuk terperinci dilaksanakan, maka jajaran skop kerja ukur tanah dan kerja penyiasatan tanah akan dibuat berdasarkan cadangan daripada perunding.

Yang Berhormat Kuala Kedah mohon kerajaan menyegerakan pembinaan projek tebatan banjir di Parlimen Kuala Kedah. Pelaksanaan pembinaan dua buah jambatan adalah antara komponen Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit di bawah Projek 2. Kontrak asal pakej ini telah ditamatkan pada 28 Februari 2019 atas sebab kegagalan kontraktor menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah diberikan.

Sehubungan itu, kerajaan telah menilai semula baki komponen projek tersebut dan telah pun ditender semula pada 29 Ogos 2019 secara tender terbuka. Tender telah pun ditutup pada 7 Oktober 2019 dan kini dalam proses penilaian bagi melantik kontraktor yang baharu. Projek ini dijangka akan dimulakan semula pada bulan Mac 2020 dan dijangka akan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan.

Yang Berhormat Jelutong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ada dalam Dewan.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Mohon kerajaan menyediakan peruntukan bagi projek tebatan banjir Sungai Pinang bagi mengatasi masalah banjir. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang telah diluluskan dalam *rolling plan* kedua tahun 2017 RMKe-11 dengan kos siling sebanyak RM150 juta. Peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2019 adalah RM5 juta di mana kerja-kerja reka bentuk terperinci sedang dilaksanakan. Saya boleh beri jaminan kepada Yang Berhormat Jelutong bahawa projek ini sudah dapat kelulusan dan dijangka akan bermula pada tahun depan, yang akan datang, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji [Jelutong]:** Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih bagi penduduk di kawasan saya kerana ini adalah masalah yang telah dihadapi oleh penduduk di kawasan Sungai Pinang khususnya di Jalan P. Ramlee. Saya benar-benar menerima berita ini sebagai berita yang begitu baik. Akan saya balik ke kampung dan umumkan bahawa Menteri yang kita ada sekarang sungguh prihatin. Bukan sahaja turun ke kawasan...

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji [Jelutong]:** ...Tetapi juga telah mengumumkan peruntukan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Sudahlah. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Menteri, minta mencelah sedikit.

**Tuan Karupaiya a/I Mutusami [Padang Serai]:** Tolong *recommend* Dato'.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Yang Berhormat Segamat.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Beri laluan ya? Segamat ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah jugalah kerana memberi kepada jiran saya iaitu Yang Berhormat Jelutong RM150 juta tetapi pada masa yang sama, masalah banjir ini kalau tengok di negeri Johor, Segamat ini selalu banjir amat teruk. Walaupun dulu sudah buat RM200 juta tetapi pakej terakhir itu tidak buat. Hari itu Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan satu perenggan mengatakan bahawa akan dibuat pada RMKe-12. Akan tetapi, saya ingin nyatakan bahawa projek ini diberikan keutamaan. Adakah Yang Berhormat Menteri sanggup beri jaminan di sini kepada warga Segamat bahawa RTS Sungai Siput di Jementah itu akan dibuat? *Among the priority list, the highest.*

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Saya akan ambil tindakan selanjutnya dalam tahun 2020 untuk habiskan kerja yang sedikit yang ada di Segamat itu. *The missing link* itu, kita akan cuba untuk habiskan.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Maknanya ini adalah janji Yang Berhormat Menteri di Dewan yang mulia ini ya.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya cuba untuk dapatkan. Ini bukan janjinya. Saya akan cuba untuk habiskan *link* itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Segamat, ini akan direkodkan dalam *Hansard*. Jangan bimbang.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Juga kepada Yang Berhormat Puncak Borneo, mohon kerajaan segera menangani masalah banjir yang berlaku di Kampung Bijuray, Kampung Tringgus, Kampung Duras, Kampung Tijirak, Kampung Bratan, Kampung Mambong, Kampung Sikog, Kampung Ma'ang dan Kampung Jambok. Selain itu, Yang Berhormat juga mohon kerjasama kerajaan melaksanakan projek tebatan banjir di Kampung Sebemban yang telah diluluskan sebanyak RM2.7 juta.

Rancangan tebatan banjir bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di semua kampung yang saya katakan tadi telah dimohon di bawah RMKe-11 semasa *rolling plan* ketiga dan *rolling plan* keempat sebanyak RM20 juta. Walau bagaimanapun, permohonan ini tidak diluluskan kerana memberi keutamaan kepada projek-projek yang lain serta kekangan peruntukan. Senarai projek akan dimohon semula dalam perancangan RMKe-12.

Kepada Yang Berhormat Kota Melaka yang memohon kementerian meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta kepada kerajaan negeri bagi menangani isu banjir kilat. Bagi mengurangkan risiko banjir di negeri Melaka, kerajaan melalui kementerian telah meluluskan dua buah projek baharu di dalam *rolling plan* keempat tahun 2020 RMKe-11 iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Melaka Fasa 1 dan pembangunan Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Baru Melaka. KATS melalui JPS telah dan sedang melaksanakan projek menaik taraf sistem saluran bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 2 secara berperingkat yang mengandungi beberapa pakej seperti berikut:

- (i) menaik taraf sistem saluran bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 2 (Pakej 1);

- (ii) menaik taraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 2 (Pakej 2); dan
- (iii) menaik taraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 2 (Pakej 3).

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Menteri, Puncak Borneo hendak minta sedikit penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut beberapa kampung yang projek yang dipohon itu dibatalkan semasa RMKe-11 dan akan dipohon semula untuk RMKe-12. Akan tetapi, saya ingin penjelasan mengenai projek Tebatan Banjir Kampung Sebeban yang telah diluluskan sebanyak RM2.7 juta dan telah pun ditender. Adakah projek itu akan dilaksanakan?

**Dr. Xavier Jayakumar:** Projek dilaksanakan dan juga kita ada projek-projek yang lain untuk tahun depan di dalam kawasan-kawasan tertentu di dalam negeri Sarawak.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Mic, mic.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila buka *mic*.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Yang Berhormat Tangga Batu, kerja penyelenggaraan sungai, parit dan tali air adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan peruntukan mengikut keutamaan dan kawasan-kawasan yang kritikal. Penyaluran adalah berdasarkan permohonan daripada negeri bagi menyelenggarakan sungai-sungai yang berisiko banjir di bawah Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri. Bagi mengurangkan risiko banjir di Parlimen Tangga Batu, peruntukan berjumlah RM4.9 juta juga telah diagihkan melalui JPS negeri. Kerja-kerja telah dan sedang dilaksanakan.

#### ■1540

Yang Berhormat Parit Sulong...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri. Kota Melaka. Yang Berhormat Menteri, tadi dalam jawapan ada mengatakan ada lima projek yang akan dilaksanakan tetapi Yang Berhormat Menteri hanya menyebut dua. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan secara bertulis dengan *detail* yang lebih lengkap.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya bagi secara bertulis.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, ada sedikit. Yang Berhormat Menteri. Saya tidak dapat apa-apa jawapan kepada negeri Kedah terutama sekali di Parlimen Padang Serai yang kerap kali banjir dan didapati tidak ada apa-apa peruntukan yang diberikan. Di samping itu di kawasan Paya Besar, di taman-taman selalu banjir dan perlu dibesarkan dan perlu dipasang *culvert-culvert* untuk saluran air agar saluran air deras. Tolong ambil perhatian Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.



**Dr. Xavier Jayakumar:** Okey, terima kasih. Kepada Yang Berhormat Puncak Borneo. Projek yang disebutkan tadi, banjir di Kampung Sebemban, kos sebanyak RM2.75 juta —pelaksanaan kerja-kerja fizikal telah mula dilaksanakan pada 12 September 2019. Yang Berhormat Parit Sulong tidak ada.

Yang Berhormat Sungai Siput memohon kerajaan segera mengenal pasti masalah banjir di kawasan Parlimen Sungai Siput termasuk di Kampung Tok Sirat. Yang Berhormat juga memohon supaya kerajaan menjalankan kajian bagi memperbaiki sistem perparitan di kawasan Pekan Lintang, Kampung Makmur, Kampung Terosor, Balai Polis Lintang dan SK Lintang yang menyebabkan banjir.

Kerajaan telah meluluskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) ini, Sungai Perak fasa satu untuk dilaksanakan oleh kementerian melalui JPS dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dengan kos sebanyak RM250 juta. Bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan Parlimen Sungai Siput, cadangan menaiktarafkan Sungai Buloh, Sungai Nyamuk akan dilaksanakan di bawah projek ini iaitu dalam komponen saluran mesra alam. Projek ini dalam peringkat proses pengambilalihan balik tanah dan disebabkan itu, ia akan mengambil sedikit masa.

Saya akan *skip* mengenai banjir dan sebagainya, saya akan jawab secara bertulis. Saya terus kepada isu air yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Pertamanya Yang Berhormat Kota Melaka dan juga Yang Berhormat Masjid Tanah yang memohon kerajaan supaya menangani krisis bekalan air di negeri Melaka terutamanya di daerah Melaka Tengah dan dapat melaksanakan projek Empangan Sungai Jernih dengan segera pada tahun 2020.

Yang Berhormat Kota Melaka juga telah mencadangkan supaya kementerian mengadakan pertemuan dan mesyuarat dengan kerajaan negeri berhubung pengurusan dan juga pemantauan sumber air mentah. Yang Berhormat Kota Melaka juga memohon agar kementerian meluluskan peruntukan sebanyak RM260 juta kepada kerajaan negeri bagi melaksanakan sebanyak lapan buah projek bagi meningkatkan sumber bekalan air mentah.

Tuan Yang di-Pertua. Pertama, berdasarkan dasar kerajaan pada masa ini bagi negeri-negeri yang masih belum berhijrah ke Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air, peruntukan bagi pembinaan projek bekalan air dan sumber air adalah melalui pinjaman. Manakala bagi negeri-negeri yang telah berhijrah akan menikmati kemudahan geran Persekutuan bagi pembinaan sumber air dan kemudahan pembiayaan pengurusan aset air bagi projek infrastruktur bekalan air.

Satu pertemuan di antara Ketua Setiausaha kementerian dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah diadakan pada 3 Oktober 2019. Pada sesi pertemuan ini, kedua-dua pihak antara lain telah membincangkan berkenaan cadangan enam projek sumber bagi meningkatkan bekalan air negeri Melaka berjumlah RM591.2 juta. Buat masa ini, sebanyak dua projek sumber yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 ialah *river project —Off River Storage* Melaka berjumlah RM350 juta dan projek pembinaan Empangan Sungai Jernih yang telah

diluluskan sebanyak RM163.2 juta. Kedua-dua projek ini akan siap pada tahun 2023 dan mampu menampung permintaan bekalan air Melaka, masing-masing sehingga tahun 2040 dan 2052.

Bagi projek pembinaan Empangan Sungai Jernih, Kementerian telah melaksanakan makmal kejuruteraan nilai bagi projek ini pada 1 hingga 5 Julai 2019. Hasil daripada makmal tersebut mendapati terdapat penambahan kos sebanyak 22.55 per cent iaitu peningkatan sebanyak RM36.7 juta berbanding kos yang telah diluluskan iaitu sebanyak RM163.2 juta. Dalam hal ini, Kementerian sedang dalam tindakan untuk mendapatkan kelulusan pertambahan kos tersebut daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Sekiranya kelulusan pertambahan kos diperoleh pada bulan November 2019, pelaksanaan tender dijangka akan diadakan pada bulan Januari 2020.

Manakala kerja-kerja pembinaan bermula April 2020. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada September 2022. Tempoh *Defect Liability Period* (DLP) sehingga September 2023. Terkini, Kementerian telah menerima permohonan projek penyaluran air dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Durian Tunggal dengan kosnya RM45 juta dan masih dalam pertimbangan pihak Kementerian.

Walau bagaimanapun, kajian harus dilaksanakan terlebih dahulu untuk mengetahui secara terperinci keperluan sebenar sama ada air mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru mampu menampung keperluan Empangan Durian Tunggal iaitu sebanyak 160 juta liter sehari. Selain itu, Kerajaan Negeri Melaka juga perlu membuat permohonan rasmi bagi projek-projek sumber yang lain untuk dipertimbangkan oleh pihak Kementerian bagi Rancangan Malaysia Ke-12.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan di sini bahawa pertama kali di dalam negara kita dua buah negeri sudah pun menerima untuk mengadakan *boundary* mereka telah diselesaikan iaitu di antara negeri Melaka dengan Negeri Sembilan. Oleh sebab itu, kita boleh menggunakan ini untuk mendapatkan sumber air dari Sungai Linggi juga untuk kemajuan negeri Melaka dan juga Negeri Sembilan.

Daripada Yang Berhormat Papar memohon kerjasama menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan bekalan air pinggir bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.5 bilion bagi projek perbekalan air di Sabah iaitu di Lahad Datu, Telibong, Kota Marudu, Semporna, Tawau, Kota Kinabalu, Kundasang, Ranau, Keningau dan juga Beaufort.

Kesemua projek yang berkenaan telah ditawarkan kepada pembida yang berjaya dan pelaksanaan fizikal projek dijangka siap dalam tempoh tiga tahun. Selain itu, terdapat juga projek-projek di bawah Rolling Plan Keempat 2019 yang baru diluluskan iaitu projek naik taraf loji Kogopon dari 400JLH kepada 80JLH dengan kos berjumlah RM312 juta dan juga projek sistem saluran agihan paip dan pembinaan tangki simpanan di Sandakan dengan kos berjumlah RM100 juta.

Walau bagaimanapun kedua-dua projek ini masih dalam perancangan di mana urusan menandatangani pinjaman antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sedang

dimuktamadkan. Di samping itu sebanyak lima telaga tiub telah siap dibina di negeri Sabah pada tahun 2019 bagi membekalkan air ke loji rawatan air di kawasan yang mengalami *water stress* iaitu dua di Kota Marudu dan masing-masing satu di daerah Ranau, Pitas dan Kota Belud.

■1550

Kepada Yang Berhormat Tuan Larry Soon dari Julau telah mohon kerajaan menjelaskan status terkini projek menaik taraf infrastruktur asas seperti air di negeri Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, peruntukan yang telah diluluskan bagi negeri Sarawak adalah sebanyak RM1.8 bilion berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Peruntukan yang telah diluluskan bagi pelaksanaan projek RP4 Tahun 2020 bagi negeri Sarawak adalah sebanyak RM123 juta. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 16 projek bekalan air bagi negeri Sarawak, sebanyak 12 buah projek dalam peringkat pembinaan, sebanyak satu projek dalam peringkat perolehan, sebanyak satu projek dalam peringkat perancangan dan sebanyak dua projek telah siap.

Yang Berhormat Tuan Ma'mun bin Sulaiman dari Kalabakan telah memohon kerajaan segera menangani masalah bekalan air di kawasan Parlimen Tawau dan Kalabakan. Memandangkan projek pembinaan dan empangan air Jalan Gudang 4 telah diluluskan sebelum ini. Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju untuk menyambung semula projek Skim Bekalan Air Tawau fasa 3. Reka bentuk dan pembinaan empangan air yang telah ditangguhkan sejak Ogos 2018. Projek ini telah mula dilaksanakan pada 1 Ogos 2019 dan dijangka siap pada tahun 2023.

Projek ini merupakan projek pembinaan empangan air berkapasiti 30,000 juta liter bagi tujuan menjamin sumber bekalan air mentah di Daerah Tawau. Di samping itu juga, empangan air ini akan berfungsi sebagai tebatan banjir bagi mengelakkan masalah banjir yang sering berlaku di Bandar Tawau ketika musim hujan.

Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi dari Kluang mohon kerajaan segera mengkaji supaya struktur Empangan Sembrong boleh menampung paras air melebihi lima meter berbanding hanya 8.5 meter bagi menstabilkan bekalan air di kawasan Simpang Renggam. Empangan Sembrong di Batu Pahat, Johor merupakan empangan tanah yang berfungsi sebagai empangan tebatan banjir fungsi utama dan bekalan air fungsi kedua. Pada masa ini, Syarikat Air Johor (SAJ) mengambil sejumlah 2 juta liter air sehari dari empangan untuk tujuan rawatan air bagi bekalan domestik melalui loji rawatan Sembrong Barat.

Empangan ini direka bentuk bagi menampung paras air normal ataupun *normal pool level* pada positif 8.5 meter dan boleh dinaikkan secara maksimum sehingga aras positif 13.8 meter sewaktu hujan lebat bagi menampung pertambahan air larian permukaan dan dilepaskan secara beransur-ansur. Dengan ini risiko banjir terhadap penduduk-penduduk di dalam kawasan hiliran empangan dapat dikurangkan dengan ketara.

Cadangan untuk menaikkan taraf NPL dari positif 8.5 meter ke paras melebihi sembilan meter ini memerlukan kajian. Kemungkinan *feasibility study* yang komprehensif bagi memastikan tahap selamat empangan dipatuhi. Kajian ini akan mencadangkan kaedah-kaedah kejuruteraan yang mampan dan bersesuaian untuk menaik taraf struktur empangan bagi menambah kapasiti

tanggungjawab. Memandangkan kerja menaik taraf empangan memerlukan perbelanjaan yang tinggi, kajian ini perlu melihat skop kerja yang optimum dengan kos yang berpatutan untuk memberikan hasil *outcome* dan faedah yang maksimum demi kesejahteraan rakyat. Kita kena buat *feasibility study* untuk yang diminta, untuk dimasukkan di dalam RMKe-12.

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan dari Pontian memohon kerajaan segera membaiki Empangan Machap. Empangan Machap di Kluang, Johor merupakan empangan tanah yang berfungsi sebagai empangan tebatan banjir dan juga bekalan air. Pada masa ini, Syarikat Air Johor mengambil sejumlah 2 juta liter sehari dari Sungai Machap untuk tujuan rawatan air bagi bekalan domestik.

Buat masa sekarang, tiada kerja-kerja membaiki empangan yang dilaksanakan oleh kementerian. Walau bagaimanapun, kementerian melalui JPS akan melaksanakan kajian *formal safety inspection of Machap Dam Johor* pada tahun— sudah pun melaksanakan pada tahun 2015 bagi memastikan empangan adalah selamat dan dalam keadaan yang baik.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Dari Kluang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, saya bangkitkan mengenai Empangan Machap dalam Parlimen Simpang Renggam ini kerana ia memberikan air untuk kawasan Simpang Renggam dan juga untuk kawasan saya Pontian. Baru-baru ini, hampir dua bulan air dicatu. Selama dua hari air tidak ada, selama satu hari air ada. Begitu lama rakyat terseksa kerana catuan air ini. Ia tidak pernah berlaku seumur hidup kami, baru zaman PH ini berlaku [*Dewan riuh*]. Jadi... eh! Betul, betul saya tidak bohong.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Adakah *you blame* kita sebab ini jadi?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya mencadangkan agar loji penapisan air di Sungai Benut atau Sungai Pontian Besar dibina dan kemudian loji air di Simpang Renggam itu juga kapasitinya hendaklah diperbaiki. Pembenhiran awan wajar dibuat jika perkara itu berlaku. Baru-baru ini banciaan air bukan hanya di kawasan kami tetapi ada banyak tempat lagi di negeri Johor. Terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Memang Johor ini kita buat kajian semula untuk kita siap sedia untuk 50 tahun ke hadapan yang akan datang. Kita ada beberapa perkara di Johor. Satunya adalah air mentah dan juga *pollution* yang sekarang nampak di Johor yang sangat tinggi. Di kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat, *pollution* oleh ammonia ini sebab itulah kita kena tutup sekali sekala untuk mendapatkan air di dalam kawasan. Akan tetapi, pada masa yang sama kita sedang membina satu loji baru untuk kita siapkan di dalam kawasan itu.

Pada masa yang akan datang, saya boleh janji kepada Yang Berhormat bahawa negeri Johor, kita akan beri tumpuan untuk selesaikan masalah air di dalam RMKe-12 yang akan datang. Ini bukan sebab PH ambil alih Johor. Ini adalah masalah besar yang lalu yang tidak diberi perhatian oleh Kerajaan Barisan Nasional. [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dahulu tidak ada catuan air.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Itu adalah masalah *climate change* yang kita hadapi sekarang. Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi dari Kluang mohon kerajaan segera melaksanakan pembinaan loji rawatan air di Empangan Kahang. Projek pembinaan Empangan Kahang di Daerah Kluang, Johor yang berkapasiti 21 juta meter padu telah dilaksanakan oleh kementerian ini dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan secara geran dengan kos keseluruhan berjumlah RM105 juta. Empangan Kahang yang siap sepenuhnya pada 14 Mei 2017 ini bertujuan untuk membekalkan sumber air mentah yang mencukupi untuk penduduk di Daerah Kluang hingga tahun 2035.

Sumber air dari Empang Kahang ini pada asalnya di cadang untuk disalurkan ke Loji Rawatan Air Kahang yang mana kedua-dua projek ini disasarkan untuk siap pada masa yang sama. Cadangan pembinaan LRA Kahang dan sistem agihan telah diluluskan dalam rancangan Ranhill SAJ di bawah tempoh operasi kedua dengan anggaran kos sejumlah RM160 juta untuk memberikan kapasiti tambahan sebanyak 40 juta liter sehari bagi mengatasi isu krisis bekalan air yang kerap berlaku di Daerah Kluang semasa musim kemarau.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek LRA Kahang tertangguh ekoran hasrat Kerajaan Negeri Johor untuk melaksanakan projek pembinaan LRA Kahang dan sistem agihan berkaitan dan oleh itu, Empangan Kahang pada masa ini menyalurkan air mentah ke LRA Kahang Timur.

#### ■1600

Kementerian telah meneliti perkara ini dan berpendirian bahawa projek pembinaan LRA Kahang dan sistem agihan berkaitan sewajarnya diserahkan oleh SUK Johor kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

Soalan oleh Yang Berhormat Pontian juga mohon kerajaan segera membaiki loji air di Simpang Renggam dan melaksanakan pembinaan loji penapisan air di Sungai Benut ataupun Sungai Pontian Besar. Saya sudah jawab soalan itu tadi dan kita akan kaji semula untuk isu air di dalam negeri Johor. Saya ada satu isu sahaja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang, telah mohon kerajaan menjelaskan status tanah Kerajaan Persekutuan yang terlibat dengan tapak projek RTS di Bukit Cagar yang difahamkan terlepas kepada pihak lain.

Merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang seperti semua sedia maklum, Projek *Rapid Transit System (RTS)* antara Johor dan Singapura akan terus dilaksanakan dan tanah tersebut akan digunakan untuk pelaksanaan projek RTS ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit lagi sahaja tentang isu hutan dan juga hidupan liar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Dari Yang Berhormat Gerik, ini ialah isu hutan. Mohon kerajaan menjelaskan perbelanjaan bagi peruntukan sebanyak RM48 juta ini di bawah insentif pemuliharaan hutan kita yang difahamkan hanya negeri Perak dan Kelantan sahaja terlibat. Selain itu, Yang Berhormat Gerik juga mohon penjelasan, adakah pemuliharaan hutan ini melibatkan kawasan Hulu Perak, Gerik. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM48 juta

seperti Belanjawan 2020 di bawah inisiatif pemuliharaan hutan kita adalah bagi melaksanakan program-program memulihara kehasilan hutan dan biodiversiti di seluruh negara dan bukannya hanya untuk negeri Perak dan Kelantan sahaja.

Yang Berhormat Bentong pula mohon kerajaan mempertimbangkan cadangan supaya ditubuhkan satu jawatankuasa bebas, telus dan perwakilan yang meluas yang menganggotai oleh NGO serta pakar-pakar tempatan dan luar negara serta menggunakan teknologi terkini untuk membuktikan kepada dunia, komitmen negara untuk mengekalkan 50 peratus liputan hutan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli komited dalam menyokong Kempen Sayangi Sawitku yang merupakan inisiatif oleh Kementerian Industri Utama untuk menanam kebanggaan serta penghargaan terhadap sumbangan dan faedah minyak sawit Malaysia kepada negara dan dunia.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992, Malaysia telah menyatakan komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus dari keluasan tanah negara dengan kawasan berhutan. Perkara ini telah ditegaskan di pelbagai platform dan forum antarabangsa termasuk di *74th session of the United Nations General Assembly* yang telah diadakan di New York, Amerika Syarikat pada bulan September 2019.

Mesyuarat ke-66 Majlis Tanah Negara pada 1 Disember 2010 juga telah membuat keputusan untuk menggesa semua kerajaan negeri supaya memberikan komitmen dan sokongan berterusan ke arah mencapai komitmen tersebut. Yang Berhormat Arau tak ada sini. Kalau tak, ada dia mesti tanya saya soalan. *[Ketawa]* Data-data mengenai keluasan kawasan berhutan yang telah dilaporkan oleh negara di peringkat antarabangsa bagi tahun-tahun sebelum ini telah mengguna pakai di dalam laporan antarabangsa seperti *Global Forest Resources Assessment* di bawah *Food and Agriculture of Organization (FAO)*, *Biennial Update Report (BUR) to the United Nations Framework Convention on Climate Change* dan *Reducing Emissions Start Deforestation dan Forest Degradation (REDD+)*.

Data-data ini perlu melalui proses verifikasi dan juga pengesahan sebelum ia digunakan sebagai data rasmi negara di peringkat antarabangsa. Proses verifikasi dan pengesahan melibatkan ke semua Jabatan Perhutanan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kesemua data-data kawasan perhutanan yang dihantar kepada badan-badan antarabangsa tersebut akan diaudit dan Malaysia perlu menjawab sekiranya terdapat sebarang percanggahan data sebelum ia diterbitkan secara rasmi. Selain di dalam laman web rasmi KATS...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Data-data kawasan hutan tersebut juga boleh diakses di laman web rasmi badan-badan antarabangsa tersebut. Sehubungan itu, kementerian berpandangan

platform sedia ada yang melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan adalah mencukupi. Pihak kerajaan juga akan sentiasa komited dalam melaksanakan usaha-usaha untuk mengekalkan kawasan perhutanan di negara kita dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Menteri, sini Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Saya hendak tanya masalah banjir di Klang Valley, Lembah Klang. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Masa telah tamat. Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri Setiu. Yang Berhormat Menteri, Setiu?

**Dr. Xavier Jayakumar:** Boleh saya jawab sekejap ya.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri, Setiu ada sebut berkait dengan hakisan dalam ucapan baru-baru ini tetapi hendak minta.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Isu yang akhir, saya akan jawab di sini ialah isu iaitu hidupan liar yang telah pun diminta oleh Yang Berhormat Gerik, memohon kerajaan menjelaskan tindakan kerajaan bagi menangani masalah kepupusan harimau belang di Hutan Royal Belum akibat daripada kegiatan pemburu haram dari negara luar misalnya negara Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) amat serius dalam usaha membanteras kegiatan pemburuan haram hidupan liar termasuk Harimau Malaya. Pelbagai strategi dan pendekatan telah dilaksanakan bagi membanteras kegiatan pemburuan haram hidupan liar terutamanya oleh warga asing.

Antara tindakan yang dijalankan adalah menjalankan operasi penguatkuasaan atau Ops Belang bermula pada Februari hingga September 2019 yang merupakan salah satu Program *Save Our Malayan Tiger*. Operasi ini berkonsepkan *boots on the ground* dengan rondaan perjalanan kaki di habitat utama Harimau Malaya untuk membanteras pencerobohan hutan, pemburuan haram dan menghapuskan jerat. Kejayaan yang telah dicapai semasa Ops Belang adalah sebanyak sembilan kes ditangkap yang melibatkan 11 warga asing terdiri dari enam orang warga Myanmar, tiga orang warga Kemboja, dua orang warga Vietnam dan 12 orang warga negara tempatan.

Suspek yang ditahan telah pun dibawa ke mahkamah atas pelbagai kesalahan jenayah pemilikan pelbagai spesies hidupan liar, memiliki jerat dan memasuki taman negara tanpa permit. Jumlah denda dan penjara tertinggi yang direkodkan adalah sebanyak RM1.56 juta dan penjara 18 tahun atas kesalahan berkaitan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Seksyen Kuala Terengganu.

Selain itu, sejumlah 429 jerat hidupan liar telah berjaya ditemui dan dimusnahkan di dalam kawasan *hotspot* pemburuan haram. Nombor dua, menjalankan program kesedaran awam *Save Our Malayan Tiger* di seluruh Semenanjung Malaysia dengan mengadakan pameran

berkaitan hidupan liar di kawasan tumpuan awam seperti di pusat membeli belah, pasar malam, hotel, perkampungan dan juga lapangan terbang.

Nombor tiga, bermula Oktober 2019 Ops Belang telah diperkasakan dengan penglibatan Polis Diraja Malaysia dan pelbagai agensi lain seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Perbadanan Taman Negeri Perak dan badan bukan kerajaan (NGO).

#### ■1610

Operasi bersepadu ini dinamakan sebagai Operasi Bersepadu Khazanah (OBK). Kejayaan keseluruhan yang dicapai di dalam OBK sehingga kini adalah tujuh kes tangkapan yang melibatkan 16 orang iaitu 10 orang asing terdiri daripada tiga orang warga Thailand dan tujuh orang warga Kemboja, manakala enam orang warga tempatan. Baru-baru ini juga pada 19 Oktober 2019, tangkapan seramai enam orang penceroboh warga Kemboja di Hutan Simpan Tembat, Hulu Terengganu dan pada 26 Oktober 2019, tangkapan dua orang pesalah warganegara Malaysia di Kelantan kerana memiliki hidupan liar.

Antara kejayaan OBK di Taman Negara Royal Belum pula adalah dua tangkapan melibatkan tiga orang warganegara Thailand yang menceroboh Taman Negara Royal Belum iaitu pada 10 September 2019 dan 11 Oktober 2019. Penceroboh warga Thailand ini telah memasang jerat dan mengambil hasil khazanah negara seperti kayu gaharu, landak, musang pulut, kura-kura, burung kuang raya, burung murai batu dan ayam hutan. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM30,000 dan 24 bulan penjara bagi kes tangkapan pertama dan hukuman denda sebanyak RM60,000 dan 28 bulan penjara bagi kes tangkapan kedua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat, saya bagi pihak penduduk Gerik hendak mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah mengambil tindakan bersungguh-sungguh ekoran daripada rungutan dan sungutan rakyat di Gerik dan saya berharap tindakan-tindakan seperti yang telah dinyatakan diteruskan bagi menjamin khazanah dalam negeri dan dalam negara dapat diselamatkan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya berharap bahawa kita dalam masa yang terdekat, kita akan bawa Akta PERHILITAN kepada Dewan ini untuk kita buat perolehan untuk tambahkan ia punya hukuman yang lebih berat kepada orang-orang yang ditangkap untuk— mengenai tentang isu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, masa telah tamat. Kalau boleh, rumuskan Yang Berhormat.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Ya, akhir sekali saya hendak jawab kepada Yang Berhormat Kepong tentang isu banjir di dalam Klang Valley ini. Saya ingat kita hadapi sebuah fenomena di dalam isu Klang Valley ialah sebab pembangunan dan penduduk yang pesat di dalam kawasan, kita kena beri perhatian kepada infrastruktur yang ada sekarang. Kita nampak bahawa kalau hujan turun di dalam Klang Valley ini, kita ada fenomena baru yang kita kata *cloudburst*. *Cloudburst* ini bawa hujan yang luar biasa, boleh jadi dalam sekali dalam 25 tahun. Baru-baru ini



di Segambut yang hujan yang turun itu ialah dekat 105 milimeter air dan kita tidak ada keperluan untuk kita atasi masalah *cloudburst* ini dengan cara *climate change* yang kita hadapi.

So, sebab itu JPS sekarang membuat kerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk kita atasi masalah di dalam Wilayah Persekutuan dan kita belanja besar dengan projek-projek dalam Wilayah Persekutuan. Oleh sebab itu, kita anggarkan bahawa kita kena dapatkan dekat RM54 juta untuk *maintenance* sahaja dengan projek-projek yang telah dilaksanakan di dalam Wilayah Persekutuan untuk atasi masalah banjir untuk masa depan akan datang dan kita bekerjasama dengan MoF dan juga Wilayah Persekutuan untuk kita bersama-sama atasi masalah ini untuk masa depan yang akan datang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan sikit sahaja. Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat akan jawab bahawa kita tidak ada kuasa tentang hutan di seluruh negara sebab hutan hak negeri. Akan tetapi, saya hendak tanya Yang Berhormat, kuasa Yang Berhormat ialah alam sekitar, apakah Yang Berhormat bercadang untuk mengambil tindakan kepada semua negeri yang melanggar peraturan alam sekitar termasuk kawasan tanaman sayur-sayuran yang lebih daripada 30 darjah termasuk kawasan hutan yang dibuka secara berleluasa dan sebagainya— menggunakan alam sekitar ini Yang Berhormat boleh buat isytiharkan perang kepada negeri-negeri yang membiarkan tanah mereka diteroka secara haram.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, sila Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Selalu dia siap dengan perang sahaja. Terima kasih, tetapi isu itu ialah kepada Kementerian MESTECC yang jaga alam sekitar, sebab itu saya— kita akan kerja bersama-sama untuk atasi masalah ini tetapi adalah *loopholes* di dalam akta-akta sekarang, di mana syarikat-syarikat besar yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau ini, di mana mereka gunakan *loophole* di dalam akta ini untuk dia tidak sedia dengan EIA, bila ada sesuatu kawasan projek yang lebih dari 100 ekar dan sebagainya. So, mereka pecahkan ini kepada 100 ekar dan dia tidak payah keluarkan EIA. So, kita kena adakan rundingan dengan MESTECC, untuk kita buat perubahan di dalam akta yang ada sekarang.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya hendak habiskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Setiu ada bertanya yang lebih awal daripada Yang Berhormat Arau.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tentang hakisan, memerlukan peruntukan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, dia seru nama saya tadi.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** ...darurat ataupun segera bagi mengatasi masalah hakisan di Pengkalan Maras, Batu Rakit, hendak minta penjelasan.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya difahamkan bahawa isu itu telah dibangkitkan di dalam perbincangan saya dengan agensi kerajaan. Kita akan bagi tumpuan kepada hakisan.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih, Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya faham...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat ada...

**Dr. Xavier Jayakumar:** ...Saya kena habiskan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa pun telah tamat, lama sudah saya telah beri masa tambahan.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya kena habis Yang Berhormat Arau.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Saya jemput Menteri datang tengok kawasan hakisan ini.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, saya hendak tanya, kerajaan telah bagi duit kepada kementerian sebanyak RM30 juta lebih untuk membanteras pembalakan haram di Janda Baik. Jadi, Yang Berhormat jawab bertulis, cukuplah...

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya sudah jawab tadi, *you* minum kopi di luar, saya sudah jawab tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tidak minum kopi, saya pergi solat Yang Berhormat, saya pergi solat.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Ya, saya faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Itu sahaja untuk sekarang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Kementerian Pengangkutan untuk memberi jawapan. 45 minit. Terima kasih.

#### 4.17 ptg.

**Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat petang. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2020 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menjawab berkenaan dengan isu pelaksanaan projek *Rapid Transit System* (RTS) dari Johor Bahru ke Singapura. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menandatangani pada 21 Mei 2019, satu perjanjian tambahan untuk menangguhkan projek RTS Link di antara Johor Bahru dan Singapura untuk tempoh selama enam bulan dari 1 April 2019 sehingga 30 September 2019.

Di atas permintaan dan semangat kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara, maka Singapura bersetuju untuk melanjutkan tarikh akhir penangguhan tersebut sehingga 31 Oktober 2019 tanpa mengenakan sebarang kos tambahan kepada Malaysia. Dalam tempoh penangguhan tersebut, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah melaksanakan beberapa siri

kajian dan sesi libat urus yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan, pakar industri dan pemegang-pemegang taruh untuk menilai dan membuat penilaian yang terbaik. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan amat berterima kasih kepada kepercayaan dan juga maklum balas positif yang dikemukakan oleh Kerajaan Singapura.

Pada 18 Oktober 2019, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri untuk meneruskan projek RTS Link dengan perubahan kepada struktur, skop dan spesifikasi projek. Keputusan Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan projek RTS Link ini telah diumumkan secara rasminya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Oktober yang lalu sewaktu membuat lawatan ke bangunan CIQ di Johor Bahru.

Dalam pengumuman tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai kos keseluruhan projek yang baru dan dianggarkan kos tersebut dapat dikurangkan dari RM4.93 bilion kepada RM3.16 bilion iaitu penjimatan sebanyak RM1.77 bilion ataupun 36 peratus lebih rendah daripada kos asal sewaktu projek ini di bawah pentadbiran yang lalu.

#### ■1620

Satu ciri penting di dalam struktur projek RTS Link yang telah disemak semula adalah mengenai penglibatan pemilik tanah Bukit Chagar untuk membiayai dan membolehkan projek ini diteruskan dengan kos tanah yang dikecualikan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Soalan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Digabungkan dengan kos pembinaan dan sistem *railway* yang dioptimumkan, kerajaan berjaya mencapai penjimatan yang ketara, sekali gus menjadikannya lebih berdaya maju dari segi kewangan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia ingin merakamkan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh?

**Tuan Loke Siew Fook:** ...Setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar kerana perkenan Tuanku Baginda untuk menyerahkan tanah di Bukit Chagar dan sebidang tanah yang lain untuk membolehkan projek RTS Link ini dibangunkan untuk kesejahteraan rakyat Johor. Terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Dalam pengumuman yang sama...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya.

**Tuan Loke Siew Fook:** ...Kerajaan Persekutuan turut mengumumkan Prasarana Malaysia Berhad sebagai wakil Malaysia dalam syarikat usaha sama pengendali kereta api JV OpCo manakala MRT Corp atau anak syarikatnya dilantik sebagai syarikat pemilik infrastruktur kereta api InfraCo yang bertanggungjawab di dalam pelaksanaan dan penyiapan projek tersebut.

MRT Corp dan Prasarana Malaysia Berhad adalah merupakan dua entiti korporat yang mempunyai rekod prestasi yang baik dalam pembangunan dan pengoperasian rel transit di Lembah Klang dan keduanya, dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan.

Sekali lagi ditegaskan, Kerajaan Persekutuan amat komited untuk menangani isu kesesakan trafik antara Johor Bahru dan Singapura secara komprehensif dengan bekerja rapat dengan Singapura. RTS Link akan menjadi pilihan pengangkutan untuk puluhan ribu orang yang mahukan perkhidmatan yang pantas, boleh dipercayai dan berpatutan untuk perjalanan harian mereka. Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri tadi menyebut bahawa penjimatan 36 peratus. Persoalan saya ialah adakah sewaktu Kerajaan BN dahulu kosnya telah dimuktamadkan? Kalau telah dimuktamadkan, barulah kita tahu ada penjimatan yang tepat. Itu soalan pertama.

Kedua ialah apabila RTS Link ini dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Langkawi, adakah jambatan bengkok akan diteruskan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi? Sebab, itu idea asal beliau dan RTS Link ini idea Yang Berhormat Pekan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, ini adalah anggaran oleh kerajaan terdahulu. Kos projek RM4 bilion tidak termasuk dengan kos tanah. Kalau termasuk dengan kos tanah di Bukit Chagar itu, kosnya hampir RM4.9 bilion. Itu pun telah pun dianggarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat terdahulu semasa kita mengambil alih.

Apabila kita melihat balik projek ini, kita diberikan taklimat dan angka RM4 bilion itu pun pernah diumumkan oleh kerajaan terdahulu dan RM4 bilion itu tidak termasuk kos tanah. Kalau termasuk kos tanah, angkanya akan mencecah RM4.9 bilion. Jadi, itu tidak dapat dinafikan, Yang Berhormat Pontian. Jadi, jangan menafikan itu. Itu adalah angka-angka yang telah pun menjadi pengetahuan umum.

Berkenaan dengan jambatan bengkok, itu adalah isu lain. Kita meneruskan isu RTS Link ini. Sama ada isu pembinaan jambatan itu akan diteruskan atau tidak, itu adalah isu lain. Sepertimana yang kita ketahui, Kerajaan Malaysia memang mengharapkan pembinaan satu lagi jambatan menghubungkan Johor Bahru dengan Singapura. Akan tetapi, itu kita mestilah berbincang dengan Kerajaan Singapura dan perbincangan dengan pihak Kerajaan Singapura akan diteruskan untuk meneruskan pembinaan jambatan itu. Akan tetapi, sama ada jambatan itu dibina atau tidak, RTS Link ini akan diteruskan. Okey?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terus, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya tertarik dengan Yang Berhormat kata fasal harga. Boleh Yang Berhormat beritahu, mengapakah dulu mahal,

mengapakah sekarang ini murah? Adakah konsultan yang berbeza ataupun skop ia dikurangkan? Itu Yang Berhormat boleh jelaskan?

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya, yang pertamanya, kos yang telah dianggarkan sebelum itu tidak mengambil kira kos tanah. Itu yang pertama. Keduanya, sistem yang dicadangkan sebelum itu ialah sistem MRT menggunakan sistem MRT di Singapura. Jadi, bagi kita, itu mungkin tidak menguntungkan bagi negara kita. Jadi, apa yang kita cadangkan ialah kita melihat balik dan kita lihat bahawa skop atau perubahan skop ataupun spesifikasinya boleh ditukar. Kalau kita boleh menggunakan sistem LRT dan komponen LRT itu, ia kepada lebih mirip macam LRT di Kuala Lumpur dan kita boleh mengadakan *maintenance* dan juga depot itu di Malaysia. Jadi, itu boleh mengurangkan kos.

Jadi, itu telah pun dicadangkan kepada Kerajaan Singapura dan bukannya dicadangkan selepas kita membuat keputusan ini. Memang dicadangkan berbulan-bulan sebelum ini dan kita masih mengadakan perbincangan lanjut untuk memuktamadkan perjanjian ini.

Akan tetapi, mereka telah mengadakan satu *positive response* kepada apa yang kita cadangkan. Ini kerana pihak Kerajaan Singapura juga memahami bahawa untuk memastikan projek ini dapat berjalan lancar, kos itu mesti diturunkan. Ini kerana kos bukan sahaja dari segi kos pembinaan tetapi juga dari segi kos operasi. Jadi, itu kita kena faham. Spesifikasi yang telah dipersetujui terlebih dahulu ialah menggunakan sistem MRT. Kalau sistem MRT, itu memang sistem yang digunakan di Singapura. Itu sebabnya kosnya lebih tinggi.

Jadi, kita harap dengan perubahan skop ini, bukan sahaja ia dapat meringankan kos tetapi kita harap kadar tambang yang dikenakan kepada penumpang juga dapat dikurangkan. Jadi, itu jawapan daripada Kementerian Pengangkutan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, sikit lagi, Yang Berhormat Menteri. MRT dan LRT...

**Tuan Loke Siew Fook:** Tidak puas hati lagi?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** MRT ialah *mass rapid transit*. LRT ialah *light rapid transit*. Kegunaannya mungkin ada perbezaan yang tertentu. Kenapa skop itu diubah sedangkan kegunaannya cukup lasak dari segi jumlah orang yang menggunakannya dan sebagainya? Saya tidak berapa faham tentang 'M' dengan 'L' ini. Boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan apa beza *mass* dengan *light*?

**Tuan Loke Siew Fook:** 'M' itu MRT lah. 'L' itu LRT.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tahu. Kenapa buat 'M'? Kenapa buat 'L'?

**Tuan Loke Siew Fook:** Tidak apa, tidak apa. Saya jelaskan. Saya tahu Yang Berhormat Pontian tidak faham.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian, ini pun tidak tahu kah, Yang Berhormat Pontian?

**Tuan Loke Siew Fook:** Tidak apa. Duduk, duduk.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kefahaman saya, 'M' ini untuk yang lebih kuasa tinggi, 'L' itu ialah untuk yang tidak berapa ramai penggunaannya.

**Tuan Loke Siew Fook:** Bukannya soal kuasa tinggi. Yang Berhormat kena faham, projek RTS ini ia hanya dua stesen.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian, ini pun tidak faham.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ia hanya dua stesen sahaja. Stesen ini...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Hei! Yang Berhormat Jelutong, bodoh! [*Dewan riuh*]

**Tuan Loke Siew Fook:** Bagilah saya peluang untuk jawab Yang Berhormat Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong dengan Yang Berhormat Pontian, jangan ganggu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, projek RTS ini, ia menghubungkan dua stesen sahaja iaitu Bukit Chagar di sebelah Johor Bahru di Malaysia dan Stesen Woodlands di Singapura. Jadi, dua stesen itu jaraknya empat kilometer sahaja. Ia tidak menghubungkan ke tempat-tempat lain. Jadi, kita merasakan bahawa empat kilometer itu, kalau kita menggunakan sistem LRT, itu pun mencukupi.

Soal ia hendak sambung MRT di Singapura itu, ia akan ada kesinambungan. Akan tetapi, bukan menggunakan sistem yang sama. Apabila turun daripada RTS Link ini, penumpang itu juga boleh menggunakan MRT. Ia ada satu *linkage* ataupun *connectivity* di antara stesen RTS dengan stesen MRT di Woodlands. Jadi, tidak ada masalah dari segi kesinambungan. Akan tetapi, stesen ini hanya dua stesen. RTS ini hanya dua stesen. Bukit Chagar dengan Woodlands. Kerana ia melibatkan CIQ juga.

Jadi, saya rasa tidak ada masalah. Apa yang kita harapkan ialah ia dapat membawa penumpang sehingga 10 ribu penumpang setiap jam, setiap haluan. Itu sebabnya kita merasakan bahawa— dan pihak Singapura mengatakan bahawa mereka tidak ada masalah kalau kita mencadangkan sistem LRT, selagi ia boleh membawa penumpang secara ramai. Itu jadi pertimbangan yang telah pun kita ambil.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini amat jelas dan tidak ada persoalan lain. Saya teruskan kepada isu yang lain.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tidak apalah. Arau tidak ada RTS lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tanya sikitlah. Jangan...

**Tuan Loke Siew Fook:** Ini dekat Johor.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sikitlah. Sikitlah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ini berkenaan Johor, bukan Perlis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya duduk Tanjong Piai. Sekarang saya orang Tanjong Piai.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat Arau.

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini saya hendak tanya Yang Berhormat...

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah ambil 10 minit untuk satu isu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jambatan bengkok ini...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Arau hendak pergi Siam dengan RTS.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau tidak dapat kebenaran daripada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri hendak teruskan, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, satu soalan saja.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya berkaitan dengan infrastruktur pengangkutan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenom dengan peruntukan sebanyak RM50 juta...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya mendendami Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook:** ...Yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf landasan kereta api kawasan *George Line* antara Stesen Halogilat ke Tenom.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi peruntukan RM50 juta seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa pembentangan bajet yang lalu, ia adalah merupakan peruntukan bagi kerja-kerja tambahan menaik taraf kawasan *George Line* di antara stesen Halogilat Kilometer 111 ke stesen Tenom Kilometer 137.9 yang sedang dilaksanakan Jabatan Keretapi Negeri Sabah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of Order 36(12).*

**Tuan Loke Siew Fook:** Ia bukannya peruntukan tambahan mahupun projek baharu. Selain itu, Kementerian Pengangkutan sedia maklum akan keperluan menaiktaraf landasan dari Tenom ke stesen Tenom sejauh 1.8 kilometer serta cadangan penggantian *slipper* daripada kayu kepada konkrit daripada stesen Beaufort kepada stesen Halogilat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order.*

**Tuan Loke Siew Fook:** Oleh itu, pihak Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi pelaksanaan dua projek ini dan ia masih dalam pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat...

**Tuan Loke Siew Fook:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tenom. Yang Berhormat Tenom ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tenom? Yang Berhormat Tenom tidak ada.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey, projek masih diteruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, fasal jambatan bengkok ini. Jambatan bengkok. Kita terkeliru dengan jawapan tadi. Jadi, saya minta diperbetulkan sekali lagi sama ada jambatan bengkok ini akan dibina ataupun tidak? Kalau tidak, kami terkeliru tadi. Sebab, MRT dengan LRT itu ialah sistem yang akan dipakai tetapi jambatan itu, kena buat jambatan dulu sebelum ada sistem itu.

■1630

Jadi, apakah jambatan bengkok ini akan dibina? Saya menyokong supaya jambatan bengkok ini dibina oleh Yang Berhormat Langkawi. Apakah Yang Berhormat tidak bersetuju? Yang Berhormat sebagai bakal setiausaha agung menggantikan Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat kena jawab bagi betul ini.

**Tuan Loke Siew Fook:** Cerita politik tidak payahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, teruskan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Berkenaan jambatan itu, bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Saya rasa Yang Berhormat Arau sebagai mantan Menteri pun kena faham. Ini pembinaan jambatan, bukannya di bawah Kementerian Pengangkutan. Sudah tentunya...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Itu sebab dia kalah lah. *[Ketawa]*

**Tuan Loke Siew Fook:** ...satu jambatan, satu infrastruktur, satu *wire duct* perlu dibina. Kalau tidak ada jambatan, bagaimana kereta api boleh melintas dengan Tambak Johor itu? Jadi, kena fahamlah jambatan mesti dibina untuk landasan kereta api.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Yang Berhormat bersetuju bahawa jambatan bengkok akan dibina?

**Tuan Loke Siew Fook:** Bukan, jambatan bengkok itu isu lain. Isu lain dan projek lain, projek berasingan. Jadi, sama ada bina atau tidak itu bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Jadi, fahamlah saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau, terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** ...Tidak payahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dia sudah jawab tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak apa, tidak apa. Jadi, makna kata bukan di bawah Kementerian Pengangkutan. *All right* lah, okey. Jangan tanya faham atau tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, baik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, cakap elok-elok ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau. Teruskan.



**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri, Beaufort. Ada disebut tadi Beaufort fasal landasan kereta api daripada Beaufort ke Halogilat terus ke Tenom itu. Saya mintalah bagi pihak saya dan Yang Berhormat Tenom tadi supaya dipastikan peruntukan dapat untuk menaiktarafkan landasan dan *slippers*. Di samping itu juga, kita minta supaya dapat ditambah— diberi peruntukan untuk membeli kereta-keretanya. Ini kerana laluan ini adalah selalu digunakan oleh para pelancong datang daripada luar negara juga dari dalam negeri Sabah sendiri yang kawasannya tidak mempunyai kereta api memang tidak mempunyai laluan, kami memerlukan sangat Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya, Yang Berhormat Beaufort memang kita faham. Memang Yang Berhormat Tenom pun telah mengemukakan permohonan kepada pihak kementerian untuk mendapatkan peruntukan tambahan untuk membantu Jabatan Keretapi Negeri Sabah untuk menyiapkan projek tersebut. Memang seperti yang saya katakan, permohonan itu telah pun kita sampaikan kepada Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, dan kita memerlukan kelulusan daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebelum peruntukan itu dapat disalurkan kepada Jabatan Keretapi Negeri Sabah. Jadi, memang Kementerian Pengangkutan menyokong permohonan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kementerian ini mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Kota Kinabalu. Yang Berhormat Kota Kinabalu ada? Mengenai projek LRT dan BRT untuk dilaksanakan di Bandaraya Kota Kinabalu bagi menyokong sistem pengangkutan awam di bandar raya tersebut. Berdasarkan Senarai 11A, tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak di dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Ia telah menetapkan bahawa perkara-perkara berkaitan Keretapi Negeri Sabah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Maka, sebarang perancangan berkaitan pembangunan rangkaian landasan kereta api termasuk pembinaan LRT adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini pihak Kementerian Pengangkutan masih belum menerima sebarang cadangan dan permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah bagi pembangunan LRT di Kota Kinabalu. Sebagaimana maklum, pembangunan infrastruktur pengangkutan berasaskan rel akan melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Justeru itu, sebarang pembangunan baharu infrastruktur ini perlulah disokong dengan kajian yang menyeluruh agar pembangunan tersebut memberikan pulangan yang optimum kepada rakyat.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dengan pembangunan pengangkutan awam di negeri Sabah dan masih terbuka bagi menerima apa-apa cadangan daripada pihak swasta ataupun melalui Kerajaan Negeri Sabah sekiranya terdapat pihak yang berminat untuk mencadangkan pembinaan laluan tersebut. Kerajaan Persekutuan juga bersedia untuk menilai dan mempertimbangkan sekiranya terdapat cadangan yang bersesuaian dari segi modal pembiayaan dan modal perniagaan sama ada secara inisiatif kewangan swasta (PFI)

ataupun kerjasama awam swasta. Dengan cara ini, kerajaan percaya ia akan mampu mengurangkan bebanan kewangan sedia ada kepada Kerajaan Persekutuan.

Dalam memastikan pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam di Sabah sentiasa diberi perhatian, Kementerian Pengangkutan melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah sedang merangka untuk membuat kajian berhubung penambahbaikan sistem bas berhenti-henti di Sabah khususnya di Bandaraya Kota Kinabalu. Perbincangan bersama pihak-pihak yang berkaitan sedang dijalankan untuk mendapatkan maklum balas dan bantuan kepakaran dalam melaksanakan kajian tersebut. Selain itu, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu juga telah merangka Pelan Pengangkutan Awam Kota Kinabalu termasuk kajian untuk BRT.

Untuk isu seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Bandar Kuching ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada.

**Tuan Loke Siew Fook:** Mengenai pelaksanaan *stage bus services transformation* (SBST) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa kementerian mengambil perhatian ke atas cadangan dan isu yang dibangkitkan mengenai pelaksanaan *stage bus services transformation* di Kuching. Dalam hubungan ini, kementerian akan meneliti semula perkara tersebut dengan melibatkan semua pihak yang terlibat dalam usaha untuk mengenal pasti kebolehlaksanaan perkhidmatan tersebut.

Antara aspek yang akan diberi perhatian dalam sesi kajian dan perbincangan adalah aspek peruntukan kewangan, penglibatan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dan laluan-laluan yang bersesuaian. Perkara ini adalah rumit dan sedang dalam pertimbangan oleh kementerian. Untuk makluman mengenai perkara ini akan dibuat sebaik sahaja semua proses perbincangan dan kajian itu dimuktamadkan. Saya mengucapkan terima kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat Bandar Kuching.

Seterusnya Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Taiping ada? Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Beruas tidak ada. Kalau tidak ada, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bertulis.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tukar atau alih ke tajuk yang lain. Yang Berhormat Johor Bahru saya difahamkan beliau baru melahirkan anaknya. Jadi... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Isterinya.

**Tuan Loke Siew Fook:** Isterinya melahirkan anaklah. Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli Parlimen Johor Bahru di atas kelahiran anaknya. Beliau membangkitkan isu KVDT, saya akan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Johor Bahru.

Seterusnya saya hendak beralih ke isu berkaitan dengan maritim. Maritim Yang Berhormat Beruas tidak ada, saya akan memberikan jawapan bertulis. Memang isu yang dibangkitkan pernah pun saya jawab iaitu berkenaan dengan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, tolong jawab soalan ini. Saya hendak dengar sebab saya Ahli Parlimen, saya berhak mendengar maritim. Saya hendak dengar.

**Tuan Loke Siew Fook:** Yang Berhormat Masjid Tanah. Yang Berhormat Masjid Tanah ada membangkitkan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Parlimen hanya hendak jawab kepada orang yang hadir, kami hadir buat apa?

**Tuan Loke Siew Fook:** Isu cadangan pembangunan Kota Tinggi International Port.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kami keluar sekejap dahulu— baru masuk. Kena jawab untuk semua.

**Tuan Loke Siew Fook:** ...yang telah pun saya jawab pada pagi ini secara panjang lebar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau tidak, buat Parlimen dekat penjuruan sana. Kalau tidak— tolong kami hendak dengar itu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Yang Berhormat Arau ini ikutlah peraturan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jawablah, kamu bakal setiausaha agung.

**Tuan Loke Siew Fook:** Yang Berhormat Arau ini mantan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kamu hendak jadi setiausaha agung atau tidak? Jawab dahulu perkara ini.

**Tuan Loke Siew Fook:** Faham, fahamlah peraturan perintah tetap.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Maritim ini kena jawab, saya hendak dengar itu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sebelum Tuan Yang di-Pertua memberikan kebenaran, janganlah berucap.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, tolong jawab maritim, saya hendak dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya diberikan hanya 45 minit dan sekarang tinggal 25 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada 25 minit sahaja lagi, baik.

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya ada 20 muka surat lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi maritim ini penting.

**Tuan Loke Siew Fook:** Jadi kalau yang tidak ada itu, saya tidak jawablah. Saya berikan jawapan secara bertulis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Maritim ini penting Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ada perkara lain maritim ini, bukannya tidak ada.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ada perkara lain yang saya jawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Akan disebut kemudian ya.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kenapa berdegil-degil dengan saya ini?

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya jawab Yang Berhormat Lanang dahulu. Duduk, duduk. Industri pembinaan kapal di Sibu, Sarawak...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Boleh beri laluan?

**Tuan Loke Siew Fook:** Seterusnya saya ingin menjawab soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Lanang tentang industri pembinaan kapal di Sibu, Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kimanis, tunggu sekejap.

**Tuan Loke Siew Fook:** Industri pembinaan dan pembaikan kapal, *ship building and ship repair* (SBSR) di Malaysia adalah sebahagian daripada industri marin. Industri ini menggunakan sekitar 113,000 orang yang tidak termasuk sub kontraktor dan perkhidmatan berkaitan SBSR yang lain. Pendapatan industri SBSR di Malaysia dibahagikan kepada lima kumpulan penyumbang iaitu *shipyard, classification, manufacturer, design and manufacture, repair and overhaul* (MRO). Jabatan Laut sentiasa memberikan kerjasama kepada kementerian yang mengawal selia SBSR iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan *Malaysia Industry Group for High Technology* (MIGHT) dalam memacu industri tersebut di seluruh Malaysia termasuk di negeri Sarawak.

Kerjasama ini diperkukuhkan melalui platform Majlis Perkapalan dan Pelabuhan Kebangsaan, *National Shipping And Port Council* (NSPC) dengan izin yang bertujuan menggubal dan melaksanakan program dalam memperkasakan sektor perkapalan, pelabuhan dan industri hiliran maritim termasuk SBSR. *Maritime fund* adalah dana di bawah Bank Pembangunan Malaysia Berhad khusus kepada pembangunan sektor maritim di Malaysia. Mandat yang diberikan kepada Bank Pembangunan adalah untuk memudahkan pinjaman pada kadar faedah rendah bagi tujuan pembinaan dan pembelian kapal. Melalui *National Shipping And Port Council*, dana ini dicadangkan untuk diperluaskan kepada *shipyard*, khususnya di Malaysia.

Selaku Ahli Majlis *International Maritime Organization* (IMO), Malaysia mendapat peluang untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perkembangan standard pembinaan kapal melalui *Sub-Committee on Ship Design and Construction*. Ini memberikan Kerajaan Malaysia satu peluang untuk bekerjasama dengan badan klasifikasi dan industri pembinaan kapal dan pembinaan kapal tempatan untuk bersiap siaga dengan keperluan industri maritim semasa dan masa hadapan.

Yang Berhormat Lanang juga membangkitkan isu berkenaan cadanganewartakan Bintulu sebagai zon bebas. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lanang, untukewartakan Bintulu sebagai zon bebas, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa zon bebas adalah satu kawasan yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan di bawah peruntukan seksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990 dan tujuan utamanya ialah untuk menggalakkan perniagaan entrepot dan perkembangan industri yang berorientasikan eksport. Sebelum

pengisytiharan sesuatu zon bebas, kajian yang teliti perlu dibuat terlebih dahulu untuk memastikan perkara-perkara berikut iaitu:

- (i) kesesuaian kawasan.
- (ii) penyediaan kemudahan infrastruktur.
- (iii) langkah-langkah keselamatan.
- (iv) menentukan pihak berkuasa zon dan keperluan-keperluan berkaitan.

■1640

Permohonan untuk menubuhkan zon bebas hendaklah dimajukan kepada Kementerian Kewangan dan sesalinan kepada Bahagian Perkastaman di Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Kementerian Pengangkutan berpandangan buat masa ini tidak ada keperluan mendesak bagi Pelabuhan Bintulu dijadikan sebagai zon bebas memandangkan komoditi utama yang dikendalikan di pelabuhan tersebut adalah gas cecair asli (LNG). Namun begitu, berdasarkan operasi sedia ada, Pelabuhan Bintulu turut mengendalikan kargo dan kontena melibatkan aktiviti import dan eksport dan *trash shipment* walaupun pelabuhan tersebut bukan berstatus zon bebas.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan serta wujud aktiviti nilai tambah di Pelabuhan Bintulu pada masa akan datang, maka kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memberikan status zon bebas kepada Pelabuhan Bintulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya bagi Yang Berhormat Lanang dulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Lanang tidak tanya, saya tanya. Saya tanya fasal Lanang. Yang Berhormat, syarat untuk jadi zon bebas ada empat Yang Berhormat sebutkan tadi. Keempat-empat syarat ini Bintulu layak untuk dipertimbangkan kerana ia memenuhi empat-empat syarat. Yang Berhormat kena ingat bahawa kalau kita tidak bagi ia zon bebas, ia akan melibatkan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat berlaku di sana termasuklah penyeludupan minyak dan sebagainya. Jadi dengan memberi kawasan zon bebas, ia akan meningkatkan usaha kerajaan untuk menjaga keselamatan.

Jadi saya cadangkan supaya zon bebas diberi kepada Bintulu dan kita nak beritahu bahawa kami puak-puak Barisan Nasional dan juga Muafakat Nasional menyokong supaya Sarawak diberi satu zon bebas di Pelabuhan Bintulu. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan tidak bersetuju dengan kami?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Penggerak Belia Tempatan (MPKJ) dari Kajang, Selangor yang bersama-sama dengan kita. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Selamat datang.

**Tuan Loke Siew Fook:** Soal penyeludupan itu Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita ada zon bebas ataupun tidak, itu soal penguatkuasaan. Kita mesti mengambil tindakan sama ada itu

zon bebas atau tidak. Cadangan untuk mewujudkan zon bebas itu datang daripada Yang Berhormat Lanang dan sudah tentunya kalau ada keperluan, pihak Lembaga Pelabuhan Bintulu akan membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan. Bagi kita di peringkat Kementerian Pengangkutan, kita tidak ada masalah. Selagi ia memenuhi syarat-syarat dan juga dipersetujui dan diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan, memang Kementerian Pengangkutan akan mengalu-alukan sebarang keputusan tersebut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar, Sabah yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Kota Kinabalu. Yang Berhormat Kota Kinabalu, ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Naik Taraf Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar merupakan projek yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan sebelum ini. Pelaksanaan projek ini sejajar dengan hasil Kajian Pelan Induk Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar dan Pelan Perniagaan (*Sepanggar Bay Port Masterplan and Business Study*) pada tahun 2017 dan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa PEMANDU sebelum ini. Projek ini adalah sebahagian daripada projek-projek dalam *Sabah Development Corridor* di bawah pengurusan *Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)*.

Satu kajian tanah dan kerja ukur tanah (*topographical survey, hydrological survey and utility mapping*) telah dilaksanakan. Manakala kajian impak alam sekitar (EIA) kini sedang dijalankan. Setakat kini pihak SEDIA telah mengemukakan permohonan bagi pelantikan perunding bagi kerja *detail engineering design* yang merupakan antara sebahagian daripada EIA dan ianya kini dalam peringkat pertimbangan dan kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Kementerian Pengangkutan berpandangan keperluan untuk menaik taraf pelabuhan bukan hanya dinilai melalui jumlah kren yang disediakan oleh operator pelabuhan sahaja. Terdapat beberapa faktor lain yang perlu diambil kira, antaranya jenis kargo yang dikendalikan di sesuatu pelabuhan, tahap kecekapan pengendalian, perkhidmatan sokongan dan sebagainya. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan tersebut, Kementerian Pengangkutan berpendapat satu kajian teknikal atau kebolehlaksanaan perlu dilaksanakan dahulu yang antaranya menilai kadar dan indeks pengendalian kren di Pelabuhan Sepanggar.

Seterusnya, Yang Berhormat Kota Kinabalu juga membangkitkan isu pemberhentian perkhidmatan feri daripada Zamboanga, Filipina ke Sandakan, Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan feri dari Zamboanga, Filipina ke Sandakan perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh IMO iaitu *International Ships Safety and Security Standard* dan *ASEAN MoU on Non-Convention Sized Ships* memandangkan kapal feri yang digunakan sekarang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut.

Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Malaysia telah meminta operator feri berkenaan untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan kerana ia melibatkan keselamatan penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Kementerian Pengangkutan juga melalui platform BIMP-EAGA sentiasa mengalu-alukan sebarang

permohonan perkhidmatan feri baru daripada negara anggota dan syarikat sekiranya ia mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh IMO, Kementerian dan Jabatan Laut Malaysia.

Seterusnya, isu berkenaan dengan *aviation* ataupun operasi penerbangan. Yang Berhormat Beruas tidak ada, saya akan memberikan jawapan bertulis. Begitu juga Yang Berhormat Jasin, tidak ada ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jasin? Tidak ada.

**Seorang Ahli:** Ada.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya, Yang Berhormat Jasin ada. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin mengenai operasi penerbangan di Malaysia yang saya sentuh akan membangkitkan isu berkenaan dengan kejatuhan saham MAHB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab terhadap Dasar Pengangkutan Udara dan kawal selia operasi semua lapangan terbang di Malaysia. Pada masa yang sama, Kerajaan Pakatan Harapan mengamalkan dasar mesra pelabur di mana anggota pentadbiran kerajaan sentiasa bersedia berbincang, berkongsi dan mendapat maklum balas daripada para pelabur dan industri berkenaan dengan cabaran industri hala tuju dasar secara terbuka.

Dalam pada itu, saya dijemput oleh bank CIMB, sebuah institusi kewangan tempatan yang terkemuka yang dimiliki oleh Khazanah Nasional untuk bertemu dengan komuniti pengurus Khazanah dan industri perbankan pada 17 Oktober yang lalu di Kuala Lumpur. Saya menyentuh dasar kerajaan sekarang yang lebih cenderung kepada memupuk kemasukan pelaburan swasta (*private investment*) ataupun pelabur institusi-institusi dalam sektor pembangunan dan pengurusan lapangan terbang di Malaysia secara am pada masa hadapan.

Kemasukan pelabur-pelabur yang baru adalah dialu-alukan dan mereka ada potensi untuk menjadi rakan kongsi ataupun *partner* kepada MAHB yang setakat ini merupakan pemegang konsesi kepada pengurusan semua lapangan terbang di Malaysia. Ini bukan perkara baru, ia telah dibincangkan di beberapa tempat secara terbuka. Tujuannya adalah untuk kepentingan industri penerbangan Malaysia. Lapangan terbang adalah aset negara yang strategik dan sudah tentu kerajaan akan menilai dari semua aspek. Hanya syarikat-syarikat yang betul-betul mempunyai kepakaran dan kelayakan dapat mengambil bahagian dalam pembangunan ataupun pengurusan lapangan kapal terbang.

Saya juga ingin mengingatkan semua bahawa pemegang saham utama MAHB adalah Khazanah Nasional. Saya yakin dengan pimpinan Khazanah Nasional yang profesional yang sentiasa membuat penilaian secara menyeluruh serta menjaga kepentingan negara dalam merangka strategi pertumbuhan jangka panjang syarikat MAHB. Secara dasarnya, kerajaan tidak memberi komen ke atas isu naik turun saham sesebuah syarikat di Bursa Malaysia kerana di pasaran saham memang itu adalah isu biasa.

Fokus Kementerian Pengangkutan adalah supaya fungsi kawal selia industri penerbangan dijalankan dengan lebih mantap, lebih adil dan lebih berdaya saing. Industri

penerbangan di Malaysia adalah amat besar. Tugas kita adalah untuk memastikan kerangka kawal selia sentiasa sesuai dengan perkembangan industri dan cabaran global semasa supaya Malaysia dapat bergerak ke hadapan, bersaing dengan negara lain sebagai hab penerbangan yang terpilih di rantau ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook:** Apabila potensi itu dapat dicapai, rakyat akan menikmati perkhidmatan yang lebih baik. Industri penerbangan dan syarikat lapangan terbang di Malaysia tentu akan berkembang dengan lebih pesat dan memperoleh keuntungan yang lebih banyak.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Arau. Sila Yang Berhormat Jasin dulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi saya, MAHB adalah merupakan aset strategik negara yang seharusnya dipertahankan. Kalau kita Malaysia berkeupayaan untuk mentadbir lapangan terbang di luar negara, kenapakah kita mesti panggil kepakaran daripada luar untuk sama-sama mentadbir? Saya faham tentang pelabur-pelabur tetapi janganlah hendaknya MAHB kita terlepas kepada tangan asing. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sambungan itu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tak apa, saya jawab dulu Yang Berhormat Jasin. Kita memang tahu bahawa aset lapangan terbang dan MAHB itu adalah aset strategik kerajaan yang diperolehi oleh Khazanah Nasional. Memang Kerajaan Pakatan Harapan tidak sesekali akan menjual aset MAHB itu kepada wakil asing. Akan tetapi kena faham, MAHB sekarang ini juga merupakan *public listed company* yang juga ada syer-syer pemegang saham daripada asing. Sebenarnya 30 peratus saham MAHB pada hari ini dipunyai oleh pemegang-pemegang saham daripada negara asing.

Jadi tidak soal, kita akan memastikan bahawa syer majoriti itu akan dipegang oleh Malaysia, oleh kerajaan melalui Khazanah Nasional. Sudah tentunya kepentingan MAHB dan kepentingan aset strategik lapangan terbang negara tidak akan terlepas di tangan orang lain.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Menteri, saya sambung sikitlah. Ini yang membimbangkan kita kerana MAHB adalah sebuah syarikat yang telah diapungkan. Kita sebenarnya mempunyai *majority shareholders* dan hendaknya kalau boleh kita masih lagi memegang *majority shareholders* dan jangan sekali-kali diambil oleh orang lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, sambungan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Yang Berhormat Jasin tak perlu bimbang. Memang sekarang ini pun kita adalah *majority shareholder* melalui Khazanah dan juga institusi-institusi yang lain



termasuk EPF dan sebagainya. Akan tetapi apabila diapungkan ataupun disenaraikan dalam pasaran saham, sudah tentunya ia juga boleh dibeli oleh pihak institusi. Saya rasa Yang Berhormat Jasin faham dalam perkara ini. Akan tetapi memang dari segi penguasaan pemegang sahamnya, utamanya ialah di peringkat institusi oleh Kerajaan Malaysia dan jangan lupa bahawa Kerajaan Malaysia melalui MOF ada *golden share* dalam syarikat tersebut.

■1650

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, jadi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu saya cukup berbangga sebagai rakyat Malaysia ini bila saya pergi Turki baru-baru ini, *airport* yang di antara yang terbesar dalam dunia dan yang kedua terbesar diuruskan oleh MAHB dan juga dibina oleh MAHB, saya cukup berbangga.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya bukan hendak tegurlah, saya sebab kita masih berkawan belum gaduh lagi, tiap-tiap kali Yang Berhormat Bagan bercakap saham kita jatuh tetapi Yang Berhormat hari itu, Yang Berhormat mungkin tersalah cakap sedikit tiba-tiba saham *airport* kita jatuh lebih 5 percent. Jadi pada pandangan saya pegawai-pegawai yang di belakang itu nasihat Yang Berhormat Menteri macam mana hendak jawab benda itu. Jangan-kita ini pemain-pemain kecil '*pantes*' ini menghadapi masalah jatuh 50 sen adalah satu kebakaran tangan yang luar biasa.

Jadi apakah boleh supaya kenyataan Yang Berhormat Menteri itu tidak mendatangkan kesan kepada pasaran dan sebaliknya memberi satu ke lonjakan yang luar biasa. Saya tanya soalan ini Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat jawab dengan elok sekejap lagi. Pasaran saham akan naik balik kerana Malaysia *Airport* terkenal di seluruh dunia terutamanya di Turki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Tuan Look Siew Fook:** Adakah Yang Berhormat Arau ini pemegang saham MAHB?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Satu lot, satu lot.

[*Dewan ketawa*]

**Tuan Look Siew Fook:** Ya, terima kasihlah. Isu berkenaan dengan naik jatuh itu perkara biasa dalam pasaran saham. Namun hari ini saya tengok tadi pun harga saham MAHB juga ada meningkat. Jadi tidak timbul soal bahawa ini adalah kita hendak menjual kepentingan negara, tidak. Kerajaan akan terus memegang kepentingan dalam syarikat lapangan terbang. Saya rasa itu yang telah saya jawab secara umumnya dan memang keputusan-keputusan itu terletak di bawah pengurusan Khazanah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada 10 minit lagi.

**Tuan Look Siew Fook:** Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terus kepada isu yang seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibu. Yang Berhormat Sibu ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Sibu, ada.

**Tuan Look Siew Fook:** Yang Berhormat Sibu ada. Yang Berhormat Sibu membangkitkan mengenai penerbangan terus daripada Sibu ke Singapura dan harga tambang pelajar dan tambang warga emas dari Semenanjung ke Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk makluman, MAVCOM pada 24 Julai 2019 telah memberikan kelulusan kepada syarikat penerbangan AirAsia untuk memulakan perkhidmatan penerbangan langsung bagi laluan Sibu–Singapura pada bulan Oktober 2019 dengan kekerapan sebanyak tiga kali seminggu. Dalam hubungan ini, syarikat AirAsia memaklumkan mereka masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan untuk beroperasi daripada pihak berkuasa penerbangan Singapura.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sibu, memang peringkat kerajaan kita telah meluluskan, cuma dari segi *short approval* itu kita memerlukan kelulusan dari pihak Singapura yang masih syarikat AirAsia belum dapat lagi tetapi mereka telah memberikan surat kepada saya dan saya juga cuba akan membantu untuk berhubung dengan pihak Kementerian Pengangkutan Singapura supaya *facilitate* dan memberikan kelulusan dalam *flight* daripada Sibu ke Singapura ini.

Selanjutnya kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan Malaysia seperti Malaysia Airlines dan AirAsia Berhad dan Malindo untuk menawarkan perkhidmatan tambang pelajar ataupun *student fare* dan *senior citizen fare* pada rakyat Malaysia. Dalam hubungan ini, AirAsia Berhad dan Malindo memaklumkan bahawa mereka akan meneliti dan mempertimbangkan cadangan ini manakala MAB memaklumkan bahawa mereka telah pun memperkenalkan portal web *MH Explorer* pada Oktober tahun lalu yang menyasarkan para pelajar universiti berumur di antara 18 hingga 26 tahun untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan MAB. Antara keistimewaan yang ditawarkan ialah pengurangan tambang penerbangan sehingga 20 peratus daripada tambang penerbangan biasa.

Di samping itu juga, MH Explorer turut menawarkan lain-lain keistimewaan seperti elaun bagasi tambahan sebanyak 10 kilogram, perubahan tarikh penerbangan secara percuma, mata ganjaran *Enrich* untuk program pelajar, diskaun khas untuk hotel terpilih dan tambang teksi melalui ejen-ejen yang dilantik oleh pihak MHB. Selain itu mulai 31 Julai 2019 yang lalu, program MH Explorer telah diperluaskan lagi kepada para pelajar berusia di antara 13 hingga 26 tahun termasuk para guru dan ahli akademik yang berusia sehingga usia 60 tahun yang masih aktif bekerja di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan tinggi.

Jadi saya menerima baik cadangan daripada Yang Berhormat Sibu, memang kita sedang mengusahakan supaya diadakan satu *student fare* untuk khususnya pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak dan memang perkara ini saya mempunyai minat secara peribadi kerana saya melihat bahawa ramai pelajar kita daripada Sabah dan Sarawak mereka terpaksa berulang alik untuk mereka pergi ke universiti.

Memang perkara ini adalah sesuatu yang perlu dibantu kerana mereka tidak ada pilihan, mereka tidak ada alternatif, mereka mesti terbang di antara Sabah dan Sarawak ke Semenanjung. Jadi kita akan cuba bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan untuk menetapkan satu kadar tambang yang berpatutan kepada para pelajar sekurang-kurangnya ialah dua kali setahun supaya mereka boleh berulang alik di antara Sabah dan Sarawak ke Semenanjung ataupun sebaliknya.

Seterusnya harga tambang penerbangan daripada Semenanjung ke SibU pada musim perayaan. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lanang, mengenai usaha kementerian untuk mengatasi masalah kenaikan harga tambang yang didakwa melampau terutama bagi musim perayaan, pihak kerajaan dalam mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 antara lainnya telah memutuskan kerajaan tidak menetapkan harga siling ataupun harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik bagi tujuan mengelakkan sebarang manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mana purata harga tiket akan menjadi lebih tinggi walaupun di luar musim perayaan sekiranya ia dilaksanakan.

Walaupun bagaimanapun, bagi mengurangkan kenaikan kadar harga tambang sempena musim perayaan, kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh tujuh hari sebelum musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi termasuklah bagi laluan Semenanjung ke SibU dan ke tempat-tempat lain.

Dalam hubungan ini, orang ramai disarankan untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian pada saat akhir.

Berhubung dengan cadangan untuk menetapkan harga tambang penerbangan, kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menetapkan sebarang harga tetap bagi mana-mana laluan penerbangan, sebaliknya akan terus membenarkan harga tiket ditentukan oleh pasaran semasa yang mana syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Pada masa yang sama, kerajaan juga tidak berhasrat untuk menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik bagi tujuan mengelakkan sebarang manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mana purata harga tiket akan menjadi lebih tinggi walaupun di luar musim perayaan sekiranya kita meletakkan harga siling.

Bagi maksud untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan tambahan bagi laluan Semenanjung ke SibU pada waktu siang berbanding waktu tengah malam, syarikat-syarikat penerbangan hanya mendapat menawarkan perkhidmatan penerbangan tambahan tersebut pada waktu malam kerana terdapat kekosongan slot dan ketersediaan pesawat pada waktu itu. Kebanyakan pesawat telah digunakan sepenuhnya pada waktu siang.

Dalam hubungan ini, kementerian akan turut mendapatkan kerjasama daripada operator lapangan terbang, syarikat pengendalian darat, perkhidmatan ERL dan teksi untuk melanjutkan operasi di lapangan terbang yang berkaitan khususnya semasa musim perayaan. Kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwing ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Kerajaan juga akan sentiasa memantau dan menetapkan siling kepada harga tambang ini agar kemudahan ini dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan luar bandar pada harga yang munasabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang untuk perkhidmatan MASwing kita ada satu senarai jadual di mana setiap laluan itu ada harga silingnya kerana untuk MASwing itu mereka diberikan subsidi oleh kerajaan melalui *rural air services*. Jadi harga siling itu memang ada tetapi kadang-kadang itu ada isu kenaikan harga.

**Datuk Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit. Sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan, Yang Berhormat Kanowit.

**Datuk Ago Dagang [Kanowit]:** Mungkin saya salah dengar, Yang Berhormat Menteri cakap kalau kita beli tiket penerbangan satu minggu sebelum perayaan, mungkin kita dapat tiket lebih murah bukan? Satu minggu *before* perayaan. Tidak ada. Oleh sebab sekarang, *even now if you want to buy* sekarang kita mahu beli tiket untuk Krismas, dia punya tiket sudah tiga empat kali lebih mahal, cuti sekolah pun sama. Ini apa strategi kerajaan dalam mengurangkan harga tiket musim perayaan dan cuti ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kanowit.

**Tuan Look Siew Fook:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu bahawa adalah masa-masa apabila ada *peak period* dan sebagainya sudah tentunya ada kenaikan cuma kita secara dasarnya kita telah menetapkan supaya kalau kita meletakkan harga siling, ia akan menyebabkan harga purata pada waktu biasa akan menjadi lebih tinggi, itu pertimbangan kita.

Akan tetapi, kita juga memantau kalau ada peningkatan harga yang terlalu tinggi maka kerajaan akan *intervene* dan kita akan cuba menasihatkan syarikat-syarikat penerbangan supaya memastikan harga tambang itu kekal berpatutan. Strategi kita ialah supaya meluluskan lebih banyak penambahan penerbangan. Kalau dahulu ada kompelin daripada syarikat penerbangan bahawa kalau mereka hendak menambah *flight*, tidak mendapat kerjasama daripada pihak-pihak berkuasa.

Jadi, kita dalam perkara ini saya telah mengarahkan supaya semua pihak termasuklah lapangan terbang, CAAM kerana apabila ada pertambahan *flight* itu, maka operasi kita juga perlu dipanjangkan termasuklah *air traffic controller* dan sebagainya. Jadi dalam hal itu memang untuk musim perayaan kita telah mengarahkan supaya semua agensi yang terlibat mesti memberikan kerjasama sepenuhnya kepada syarikat penerbangan apabila mereka memohon untuk menambah bilangan penerbangan.

#### ■1700

Jadi, apabila bilangan penerbangan itu bertambah, maka kita harap harga puratanya akan menurun. Jadi, itu strategi yang kita telah guna pakai. Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Lanang.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya tentang tadi Menteri kata, kalau boleh rakyat perlu membeli tiket terlebih dahulu supaya dapat tiket yang lebih murah atau dengan harga yang lebih *affordable*. Akan tetapi, kita

belum tahu pada musim perayaan yang *additional flight* itu, kita pun belum tahu apa harga. Jadi, macam mana kita boleh pelan *earlier* dan bukan beli setelah pengumuman *additional flight* dan kadar penerbangan kadar tetap itu? Masih banyak rakyat masih menunggu *additional flight* dan *fix fare ticket*, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Loke Siew Fook:** *Additional flight* akan diumumkanlah, tetapi seperti yang kita tahu memang *additional flight* itu memerlukan perancangan dan sebagainya. Memang saya pun telah minta supaya syarikat penerbangan membuat perancangan awal supaya mereka dapat menguar-uarkan mempromosikan tambahan-tambahan *flight* itu kepada rakyat supaya mereka dapat membeli tiket-tiket kapal terbang mereka.

Jadi saya rasa dalam seminggu dua ini, mungkin ada pengumuman daripada syarikat-syarikat penerbangan kerana kita tahu untuk musim Krismas, musim Tahun Baru Cina yang akan datang tidak lama lagi memang ada keperluan-keperluan yang meningkat dan kita harap syarikat penerbangan akan *follow up* dan mereka akan dapat memberikan tawaran-tawaran yang baik kepada pihak penumpang. Dalam perkara ini, saya akan *follow up* dengan syarikat penerbangan supaya mereka boleh memberikan *announcement* ataupun pengumuman kepada para penumpang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu minit lagi Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan dengan satu, dua lagi. Yang Berhormat Beruas dengan Yang Berhormat Taiping tidak ada, saya rasa Yang Berhormat Bagan Serai punya lapangan terbang saya sudah jawab.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Taiping sudah masuk?

**Tuan Loke Siew Fook:** Yang Berhormat Taiping ada, tetapi ini bukan isu baru lah. Yang Berhormat Taiping pun tahu apa jawapan saya. Yang Berhormat Bagan Serai itu boleh terus cuba, tetapi kerajaan belum bersedia untuk adakan lapangan terbang di Bagan Serai.

Berkenaan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang untuk projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu sedang dilaksanakan secara tender terbuka dan projek dijadualkan dimulakan pada tahun 2020 dan dijangka siap pada Disember 2023.

Seterusnya Yang Berhormat Kota Kinabalu, berkenaan dengan Pelan Induk Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sedia ada menampung kapasiti maksimum sehingga 21 juta penumpang yang dijangka akan mencapai had kapasiti maksimum tersebut pada tahun 2037. Pada ketika ini, kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina LTAKK yang baru mengambil kira pelaburan sebanyak RM1.6 bilion pada tahun 2006 yang telah dilaburkan oleh kerajaan untuk menaik taraf lapangan terbang tersebut.

Kerajaan mempunyai perancangan menaik taraf LTAKK sedia ada bagi meningkatkan lagi kapasiti sedia ada bagi menampung perkembangan industri penerbangan. Bagi melaksanakan projek naik taraf tersebut, kerajaan perlu membuat proses pengambilan tanah

milik Kerajaan Negeri Sabah. Jadi proses untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa KK ini akan diteruskan dan kita harap ini mendapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri hendak umum, hendak umumkan. Hendak buat pengumuman. Hendak buat pengumuman hasil daripada jawapan yang baik, pasaran saham terkesan. Sekarang ini Malaysia Airport naik 12 sen. Bintulu Port *out of the blue* setelah berehat begitu lama, hari ini naik 26 sen. Ini cara jawab dengan elok, kalau jawab merapu itu habis kita. *Thank you very much.*

**Tuan Loke Siew Fook:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ini Dewan Rakyat, bukannya pasaran saham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau, terima kasih Yang Berhormat Arau .

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, nasib baik dia tutup pukul 5.00, kalau tidak jatuh balik ini.

**Tuan Loke Siew Fook:** Cukuplah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, berhati-hati sebab pasaran saham kita sensitif. Jadi Yang Berhormat Menteri jawab elok hari ini, pasaran saham kita naik dan kita hendak bagi tahu bahawa apa pun kita buat di sini, kalau pasaran saham kita jatuh, jatuh kita. Akan tetapi, kalau pasaran saham naik, naik, pegawai kerajaan pun gembira dapat bonus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey Yang Berhormat Arau, terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Thank you very much.*

**Tuan Loke Siew Fook:** Timbalan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kita balik kepada perbahasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Dak*, hendak bagi tahu cara menjawab.

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya ada satu, dua perkara lagi. Saya rasa kalau Yang Berhormat Putatan ada? Yang Berhormat Putatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada Yang Berhormat Putatan, silakan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Bagi saya lima minit lagi, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh, sila.

**Tuan Loke Siew Fook:** Untuk makluman Yang Berhormat Putatan, Kementerian Pengangkutan melalui Malaysia Airport Holdings Berhad mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan dan menaik taraf perkhidmatan Lapangan Terbang Tawau melalui Pelan Pemodenan Lapangan Terbang Tawau. Pelan ini antara lain akan meningkatkan kapasiti pengendalian penumpang Lapangan Terbang Tawau daripada 1.5 juta penumpang setahun

kepada 2.5 juta penumpang setahun dan dianggarkan dapat menampung kapasiti penumpang sehingga tahun 2027.

Pelan Pemodenan Lapangan Terbang Tawau ini sedang diteliti oleh kerajaan. Dalam pada itu, MAHB juga sedang dalam proses untuk melantik juru perunding bagi menjalankan kajian mengemas kini Pelan Induk Lapangan Terbang Tawau. MAHB telah mengeluarkan tender kerja pada 22 Mac yang lalu, kajian ini akan dilaksanakan dalam tempoh tujuh bulan dan dijadualkan akan siap sepenuhnya dalam suku pertama tahun 2020. Skop kerja untuk kajian ini adalah merangkumi keperluan pembangunan berfasa yang teratur dan strategik untuk tempoh masa 30 tahun yang akan datang.

Bagi Lapangan Terbang Sandakan pula, pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM80.9 juta di bawah RMKe-11 bagi projek pembesaran Lapangan Terbang Sandakan. Projek ini akan melibatkan pemanjangan landasan dari 2,133 meter kepada 2,500 meter. Pembinaan *connecting taxi way* baru, pelebaran kawasan memarkir pesawat dan dikonfigurasi menyediakan *precision approach light* baru serta kerja-kerja berkaitan. Sehingga Oktober 2019, kerja-kerja awalan projek yang melibatkan pelaksanaan kajian impak alam sekitar dan pengambilan tanah sedang dilaksanakan oleh perunding utama projek.

Kerja-kerja fizikal dijangka bermula pada awal tahun 2020 dan tempoh pelaksanaan selama 18 bulan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu berkenaan dengan Ahli Parlimen Pendang dan Sik ada? Mengenai isu projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim yang tidak disebut oleh Yang Berhormat Bagan semasa pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah mengumumkan persetujuan berhubung cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim melalui kaedah pelaburan swasta.

Walau bagaimanapun, cadangan ini masih di peringkat awal dan sedang melalui proses-proses yang berkaitan sebelum ia dilaksanakan. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Pengangkutan yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada 24 Januari 2019 telah memutuskan supaya kertas cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. MPFN akan meneliti cadangan pembinaan KSP ini dan akan mengemukakan nasihat berkaitan seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Loke Siew Fook:** Kementerian Pengangkutan seterusnya akan mempertimbangkan permohonan pembinaan KSP.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan sedikit.

**Tuan Loke Siew Fook:** Setelah mengambil kira nasihat daripada MPFN tersebut. Mengikut makluman awal daripada Kerajaan Negeri Kedah, pembinaan KSP ini akan

dilaksanakan secara pembiayaan swasta dan tidak melibatkan dana daripada Kerajaan Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih, jawapan yang baik. Cuma sekarang ini Kerajaan Negeri Kedah telah Yang Berhormat Menteri telah masuk Kerajaan Negeri Kedah, telah memasukkan pembinaan KSP ini dalam Bajet 2020 Kerajaan Negeri Kedah. Jadi agak bertentang sekarang dalam proses perbincangan, yang sini sudah masuk macam sudah luluskan. Walaupun kita tahu peruntukan daripada swasta, tetapi *allocation* dia untuk infra dan sebagainya mesti dia melibatkan Kerajaan Pusat. Itu yang saya tanya peranan Kerajaan Pusat dalam Kementerian Pengangkutan dalam pembinaan KSP ini, macam mana komen.

**Tuan Loke Siew Fook:** Seperti yang kita katakan, projek KSP ini adalah pelaburan swasta. Jadi dia tidak melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, mungkin peruntukan daripada kerajaan negeri untuk menyediakan prasarana awalan untuk pembinaan projek tersebut. Saya rasa tidak ada percanggahan dalam perkara itu. Memang itu adalah diusahakan oleh Kerajaan Negeri Kedah bersama-sama dengan pihak swasta. Kita di peringkat Kerajaan Persekutuan termasuklah Kementerian Pengangkutan bersedia untuk memberikan sokongan teknikal dan kelulusan-kelulusan yang sepatutnya. Jadi dalam soal itu, saya rasa tidak ada apa-apa pertindihan.

Seperti mana yang saya katakan, projek itu akan dibentangkan dan juga akan perlu diperhalusi oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara yang akan bersidang dua, tiga kali setahun. Saya harap itu akan dapat dikemukakan kepada MPFN dalam masa terdekat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah menjawab keseluruhan perbincangan dan juga soalan-soalan dan juga cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Segala cadangan, kritikan, saranan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian yang serius oleh Kementerian Pengangkutan dan semoga Ahli-ahli Parlimen terus memberikan cadangan-cadangan yang bernas untuk kebaikan sektor pengangkutan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Menteri Pelancongan. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, 45 minit. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.



**5.09 ptg.**

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020 peringkat dasar di Dewan ini yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

**■1710**

Kementerian telah diluluskan peruntukan sejumlah RM1.1 bilion pada tahun 2020 yang mana hanya sejumlah RM90 juta adalah dikhaskan untuk meningkatkan kesedaran, promosi dan program bersempena kempen Tahun Melawat Malaysia 2020. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Tahun Melawat Malaysia 2020, pertama saya ingin menjawab mengenai kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 atau *Visit Malaysia 2020* yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Sekijang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian akan mengadakan satu sesi taklimat berkenaan dengan pelaksanaan kempen VM2020 kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada 19 November 2019, di Parlimen. Pertanyaan lanjut berhubung kempen VM2020 boleh dikemukakan semasa sesi tersebut. Walau bagaimanapun soalan yang dikemukakan yang terdahulu daripada itu saya akan jawab di pembentangan ini.

Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Masjid Tanah telah membangkitkan isu mengenai tempoh persiapan dan pengisian VM2020. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, persiapan bagi VM2020 telah digerakkan oleh kementerian ini sejak awal tahun 2018. Di mana objektif dan hala tuju kempen ini telah disusun semula agar ia selari dengan wawasan kerajaan baharu yang menekankan mengenai pelancongan, budaya *or cultural tourism* dengan izin dan ekopelancongan melalui promosi dan pemasaran secara digital.

Antara promosi awal yang telah dilaksanakan ialah melalui penyertaan Tourism Malaysia di pameran-pameran pelancongan antarabangsa, di negara-negara terpilih dan pasaran utama dan ia dilaksanakan secara berterusan. Seterusnya di peringkat domestik, kementerian akan mengadakan Majlis Pelancaran Perdana VM2020, pada penghujung tahun 2019 bagi meningkatkan publisiti terhadap *Visit Malaysia* bermula Januari 2020.

Selain itu, majlis sambutan di pintu-pintu masuk utama negara yang terpilih akan turut diadakan bagi menyambut ketibaan pelancong asing pada hari pertama *Visit Malaysia 2020*. Tuan Yang di-Pertua, bagi isu berkenaan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri dan pihak swasta bagi persiapan VM2020. Kementerian ini sememangnya menitikberatkan kerjasama dengan setiap negeri untuk bersama-sama menjayakan kempen VM2020 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan, Pelancongan dan

Kebudayaan bersama Exco pelancongan kerajaan negeri yang telah diadakan pada 19 Mac dan 16 Oktober yang baru lalu iaitu bagi membincangkan mengenai pelaksanaan dan strategi kerajaan dalam menjayakan misi nasional Tahun Melawat Malaysia 2020.

Bagi tujuan itu kementerian telah mengerakkan jentera jaringan hubungan bersama kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan melalui penubuhan Jawatankuasa Kerja Tahun Melawat Malaysia 2020 dan sembilan jawatankuasa kecil berikut:

- (i) keselamatan dan kecemasan;
- (ii) kemudahan pelancongan, infrastruktur keceriaan dan kebersihan;
- (iii) pengangkutan;
- (iv) publisiti dalam negara;
- (v) APEC 2020;
- (vi) EXPO Dubai 2020;
- (vii) promosi;
- (viii) latihan dan kualiti perkhidmatan; dan
- (ix) acara pelancongan dan kebudayaan.

Kerjasama turut diadakan dengan pengusaha pelancongan domestik dan antarabangsa.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan sikit.

Pendang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri hendak teruskan dulu? Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Satu soalan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Biarkan saya habiskan dulu ini Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tunggu Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kalau habis dulu, tidak payah tanya.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tidak, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sebab adanya isu penting.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya ingin menjawab soalan semua Ahli Yang Berhormat. Kena bagi laluan pada saya. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Boleh.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Jadi saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan dulu. Yang Berhormat Pendang, tidak apa.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kerjasama turut diadakan dengan pengusaha pelancongan domestik dan antarabangsa termasuk persatuan pelancongan utama seperti *Malaysia Inbound Tourism Association* (MITA) dan *Malaysian Association of Tour and Travel Agents* (MATTA) serta pengusaha *homestay* dalam membangunkan dan mempromosikan pakej-pakej domestik dan antarabangsa.

Skim insentif dalam bentuk geran sepadan dikenali sebagai Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN) telah diperkenalkan bagi tujuan menggalakkan aktiviti promosi pelancongan negara. Kesedaran pelbagai pihak berkepentingan di dalam industri pelancongan dan masyarakat di peringkat akar umbi juga amat penting kerana mereka merupakan nadi penggerak kepada segala aktiviti dan program di bawah Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 ini.

Tuan Yang di-Pertua, turut disentuh adalah mengenai dana atau peruntukan bagi tujuan pembangunan infrastruktur dan promosi.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua, Kimanis, Bebas.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani..

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri, boleh bagi laluan? Satu negeri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya tahu satu negeri Yang Berhormat, saya mohon maaf kerana kalau saya bagi laluan, Yang Berhormat tadi saya tidak bagi laluan, nampaknya tidak adil. [*Tepuk*] Saya mohon maaf Yang Berhormat.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Saya cuma...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ini Menteri bagus.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya mahu perkara dibuat dengan secara adil.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kalau saya bagi Yang Berhormat laluan, saya bagi Yang Berhormat tadi laluan juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa, sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat, saya cuma mahu bantu Yang Berhormat selaku rakan daripada negeri Sabah dan saya mahu bertanya memandangkan...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya habiskan ini dengan cepat, saya minta Yang Berhormat tadi dan Yang Berhormat juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Pendang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya memberikan keutamaan.

#### ■1720

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang, Pendang.

**Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Kalau sudah habis, habislah Yang Berhormat.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

**Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Jangan keluar tajuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan dahulu kita *reserve* Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Kimanis kemudian. Yang Berhormat Menteri habiskan dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Kimanis dan Arau. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinamis.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya habis macam mana? Habis topik itu ataupun sebab...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, serupa juga. *[Ketawa]* Kalau saya tidak bagi laluan kepada Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat duduk dahulu.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Saya faham Yang Berhormat Menteri

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat duduk dahulu.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Saya faham Yang Berhormat Menteri, tidak maksud saya kalau Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak ada pilihan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya tidak adil kalau saya bagi Yang Berhormat peluang, yang dua Yang Berhormat tidak.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tidak, saya bukan hendak bertanya sekarang saya hendak tanya dari segi topik, macam mana topik.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** *No, I'm not giving* laluan.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri jawab sahajalah Menteri, bagi *chance* sahaja.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Mengikut topik atau selepas habis semua.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya teruskan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri, teruskan

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Turut disentuh adalah mengenai dana atau peruntukan bagi tujuan pembangunan infrastruktur dan promosi. Yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Puncak Borneo, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kerajaan melalui Kementerian Kewangan akan meneruskan pengagihan cukai pelancongan sebanyak 50 peratus kepada kerajaan negeri yang mana peruntukan tersebut boleh digunakan bagi tujuan:

- (i) penyelenggaraan dan penyediaan kemudahan pelancongan;
- (ii) promosi pemasaran destinasi pelancongan; dan

- (iii) penambahan baik terhadap laporan statistik pelancongan.

Kementerian ini tidak memperuntukkan sebarang peruntukan khusus kepada setiap negeri bagi tujuan promosi. Namun demikian, kementerian komited mempromosikan produk-produk pelancongan termasuk produk pelancongan di luar bandar, produk pelancongan minat khas, sukan ekstrem, pelancongan, seni dan budaya orang asal, kawasan bersejarah, tapak arkeologi dan sebagainya secara berterusan melalui:

- (i) pelaksanaan Program Mega Farm atau Mega Familiarization;
- (ii) kerjasama dengan kerajaan negeri sebagai usaha mempromosikan keunikan dan keaslian budaya warisan negeri;
- (iii) mendapatkan gambar-gambar yang menarik untuk dimuat naik di dalam laman sesawang dan dikemas kini di dalam risalah-risalah pelancongan terbitan TM;
- (iv) memuat naik e-risalah kalendar acara-acara pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 di laman sesawang; dan
- (v) penyebaran maklumat mengenai produk pelancongan di setiap negeri kepada pelancong-pelancong melalui pejabat-pejabat Timbalan Menteri di seluruh negara dan melalui media sosial seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter* milik Telekom Malaysia (TM).

Peranan kementerian untuk mempromosikan Malaysia tidak hanya tertumpu kepada penganjuran acara dan program-program sahaja malah, kementerian turut memberi perhatian dalam usaha untuk menambah baik tempat-tempat pelancongan yang ada di negara ini. Bagi memastikan keselamatan dan keselesaan kepada para pelancong yang datang mengunjung, sebanyak 86 projek pembangunan melibatkan kawasan pelancongan telah dan bakal disiapkan dari tahun 2016 hingga 2019 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 atau RMKe-11. Dengan memperuntukkan berjumlah RM192.5 juta bagi tahun 2020, kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM187 juta untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah sektor pelancongan dan kebudayaan.

Selain itu, kementerian turut bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan semua kerajaan negeri dalam memastikan semua infrastruktur dan kemudahan pelancongan termasuk tandas awam dan sebagainya berada dalam keadaan baik dan sempurna di samping memastikan aspek kebersihan dan keceriaan di bandar-bandar dan tempat tumpuan pelancong turut diberi perhatian.

Berkenaan peruntukan sektor seni dan budaya pula sektor ini turut diberi keutamaan dalam Belanjawan 2020 seperti intensif potongan cukai untuk syarikat yang menaja aktiviti seni, budaya, dan warisan dalam negara yang mana ia telah dinaikkan daripada RM700,000.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Yang Berhormat Menteri, Jelevu Yang Berhormat Menteri. Boleh saya baca pantun sedikit pantun.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tidak payahlah pasal kalau saya bagi laluan Yang Berhormat banyak Yang Berhormat saya tidak bagi laluan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya bagi pantun sahaja.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya tidak berupa macam adil kepada Yang Berhormat yang lain.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat Jelebu, pantun tidak pantun.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, saya tidak perlu pantun saya teruskan dengan ini dahulu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tidak boleh saya sedikit pun tidak boleh Yang Berhormat sedikit sahaja.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Pantun tidak laku.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat sedikit sahaja pun tidak boleh, sedikit sahaja.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tidak bolehlah Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sebelum kita masuk tajuk lain.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kalau Yang Berhormat boleh, saya bolehkan yang lain itu patut saya bolehkan. Tolonglah Yang Berhormat kita mahu adil kepada semua.

**Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Baik *Minister, fine Minister, Minister* yang terbaik.

**Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tidak apalah saya ikut.

**Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Saya tidak ambil giliran untuk bagi pada Yang Berhormat Jelebu lah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Hah? Saya? Okey terima kasih. Tuan Yang di-Pertua bagi?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan. Yang Berhormat Jelebu kemudian nanti. Bagi dia habiskan dahulu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Kemudian? Terima kasih *Minister* yang terbaiklah. Terima kasih saya tunggu ya.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Baik.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya mohon maaf Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Langkah ini diharap dapat menarik lebih banyak lagi penglibatan pihak swasta dalam penajaan aktiviti berkaitan seni budaya. Penggiat industri

pelancongan juga memohon insentif pengecualian cukai daripada kementerian ini dalam usaha mengiktiraf pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha yang melabur dalam sektor pelancongan.

Insentif ini diberikan kepada pengusaha projek penginapan dan projek bukan penginapan melalui pemberian sijil pendaftaran projek pelancongan yang membolehkan pengusaha projek pelancongan mendapatkan pengecualian cukai daripada *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) dengan izin.

Selain daripada kemudahan pembiayaan, kementerian ini juga membantu pengusaha industri pelancongan melalui insentif potongan cukai pendapatan menerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi syarikat-syarikat pengendalian pelancongan di Malaysia yang mengendalikan pakej pelancongan asing melebihi 750 orang dan pakej-pakej pelancongan domestik melebihi 1,150 orang melalui surat sokongan kepada syarikat.

Berkaitan cadangan pemberian geran sempadan untuk penglibatan sektor pelancongan. Tiada peruntukan bagi tujuan tersebut namun secara umumnya mereka boleh memohon kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Bagi status peruntukan RM100 juta yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi membina sistem kereta kabel baharu di Bukit Bendera, Pulau Pinang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah, ada Yang Berhormat Masjid Tanah sini? Kementerian ini masih menunggu maklumat lanjut daripada Kementerian Kewangan Malaysia berhubung peruntukan bagi tujuan tersebut.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan pertanyaan oleh Yang Berhormat Batu Kawan. Ada Yang Berhormat Batu Kawan di sini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada juga.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kementerian sememangnya tidak sesekali mengabaikan aspek keselamatan rakyat dan menyokong segala usaha bagi menangani segala jenis jenayah termasuk jenayah terhadap kanak-kanak terutamanya ke arah pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2020 ini. Oleh yang demikian, kementerian akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Polis Diraja Malaysia.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh? Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan usul daripada Yang Berhormat Bukit Bintang. Ada Yang Berhormat Bukit Bintang di sini?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri. Sedikit penjelasan soalan saya tadi.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Jelevu ada sini Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, sini.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Ya.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri. Soalan saya tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan bertulis lah saya ingat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Yang Berhormat Menteri. Jelevu.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kalau bagi sana Yang Berhormat Jelevu...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Tak yang saya tanya Yang Berhormat...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** ...Kena bagi Pendang. Pendang minta dulu tadi.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Soalan saya tadi Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang yang minta dulu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Minta, minta. Mana?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Berkenaan usul daripada Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tadi Batu Kawan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Ada Yang Berhormat Bukit Bintang sini? Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Bintang tidak ada.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Yang Berhormat Bukit Bintang tidak ada.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tadi Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Jelevu ada sini.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tidak ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bertulis.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Saya buat secara bertulis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tadi isu Batu Kawan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Dan saya teruskan. Bagi meningkatkan sifat keramahan rakyat Malaysia, kementerian sentiasa memberikan latihan berbentuk hospitaliti kepada penggiat industri di Malaysia terutama kepada kakitangan barisan hadapan mengguna model mesra Malaysia.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, bila boleh tanya ini?



**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, banyak-banyak Ahli Yang Berhormat sudah mengemukakan soalan tetapi saya tidak bagi laluan. Kalau saya bagi laluan kepada Yang Berhormat, baiklah saya bagi laluan Yang Berhormat yang terdahulu daripada Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Betul, setuju Yang Berhormat. Saya dah dulu Yang Berhormat.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Jadi, kerjasamalah dengan saya untuk keadilan semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya setuju. Saya setuju Yang Berhormat.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah jelas dan tegas.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya setuju Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan kacau Yang Berhormat lagi ya.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya mohon teruskan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus, teruskan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *You are the man.*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** *Point of order.*

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** *Thank you. Thank you, thank you.*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** *Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Point of order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Point of order. Ya.*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya minta Yang Berhormat Beluran balik ke kerusi lah. Mana boleh tukar-tukar kerusi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ah, Yang Berhormat Jelebu *come on* lah. Sila duduk.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ya lah saya hendak minta penjelasan Menteri, Menteri tidak bagi. Apa lagi yang saya perlu buat selain daripada suruh dia balik.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan menghabiskan masa.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya minta celahan.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat Jelebu duduk lah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta celahan...

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Hari itu dia merayau, merayau.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** ...Ini soal untuk Tahun Melawat Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, jangan hiraukan mereka. Silakan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Baca. Baca order yang mana itu?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya teruskan. Selain itu, modul ini turut memupuk dan menerapkan nilai-nilai hospitaliti kepada mereka. Sehingga 30 September 2019, sebanyak 717 penggiat industri telah pun menghadiri kursus ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usul daripada Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Sibuti ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada. Ada.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Oh! Masih, okey. Untuk membawa masuk artis terkenal daripada luar negara. Yang Berhormat, saya rasa kita bagus kerjasama menaikkan artis tempatan daripada luar negara. [*Dewan riu*] Tidak ada kurangnya, kelebihan artis tempatan ini kalau dibandingkan dengan luar negara. Jadi, kerjasama lah kita tingkatkan kebolehan artis-artis kita.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Betul, setuju.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Okey, Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jelutong boleh jadi artis.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk meneruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Isu kemudahan kemudahsampaian atau *connectivity*. Seterusnya, saya akan menjawab usul berkenaan isu kemudahsampaian atau *connectivity* dengan izin ke tempat-tempat pelancongan yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani, Hulu Rajang, Tawau dan Bukit Bendera.

Tourism Malaysia sememangnya mengadakan pelbagai program kerjasama melalui inisiatif promosi secara *smart partnership* dengan syarikat-syarikat penerbangan asing dan pengusaha pelancongan antarabangsa bagi menggalakkan lebih banyak penerbangan terus dan secara sewa khas dengan izin *charter* ke Malaysia. Inisiatif promosi *charter* khususnya diusahakan di bandar-bandar '*tide*' dua dan tiga seperti di China untuk meningkatkan kapasiti, kemudahsampaian kerana tiada perkhidmatan penerbangan berjadual dari dengan izin *departing city*.

Di samping itu, inisiatif ini juga menampung keperluan terutamanya pada musim kemuncak percutian bagi membolehkan pelancong berkunjung ke Malaysia. Bagi menambah ke mudah sampaian, *Singapore Airlines* dan *Malaysia Airlines* akan mengadakan kerjasama yang melibatkan juga syarikat-syarikat *subsidiary Singapore Airlines* dan MAB yang melibatkan penyelarasan *corporate frequent flyer* dengan izin dan jadual penerbangan di samping program *codeshare*.

Berkenaan isu syarikat penerbangan antarabangsa ke Malaysia, Tourism Malaysia telah mengadakan kerjasama dengan syarikat penerbangan antarabangsa termasuk *Condor Airline*, *Air Arabia*, *Air Busan*, *China Airlines* dan *China Southern Airlines* melalui *Joint International Development Tourism Programme* dengan izin Tuan Yang di-Pertua dengan memberi kemudahan dan bantuan bagi penerbangan sulung dan penerbangan *charter* ke arah mempromosikan pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kajian perbandingan dan dasar berkaitan sektor pelancongan. Seterusnya saya akan menjawab usul yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tidak ada.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat Jeli...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada ya.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tidak ada.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Ada Yang Berhormat Sungai Petani?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sungai Petani tidak ada di sini.

**Beberapa Ahli:** Tidak ada.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Oh, tiada. Yang Berhormat Jeli?

**Beberapa Ahli:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jeli pun tidak ada.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat Bukit Bintang?

**Beberapa Ahli:** Tiada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Okey. So, ini kita akan jawab secara bertulis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bertulis.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*] Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah melaksanakan kajian yang menyeluruh tentang industri pelancongan negara dan seterusnya telah menggubal Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020 hingga 2030 yang bakal dilancarkan dalam masa terdekat. DPN merupakan satu kerangka galakan besar yang mempunyai agenda transformasi yang memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan usaha kerjasama dan pelaburan, memperkasa masyarakat setempat dan mengukuhkan daya tahan serta kemampuan industri pelancongan negara. Penggubalan dasar pelancongan negara telah melibatkan berapa siri *focus group discussion* dan sesi libat urus yang dilaksanakan di 14 buah negeri dan wilayah di seluruh negara...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, Arau.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Yang dijalankan sepanjang tahun 2018 dan melibatkan lebih daripada 1,100 peserta.

#### ■1740

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, sebab saya ingat ada masa 14 minit, kalau Yang Berhormat – kami semua sayang Yang Berhormat Menteri ini. Tidak ada di antara kami yang – Kami minta supaya Yang Berhormat Menteri beri peluang untuk soal jawab sedikit di peringkat 15 minit yang terakhir. Jawapan Yang Berhormat Menteri *perfect*. Ini adalah jawapan yang terbaik yang pernah mana-mana Menteri berikan. Jadi...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jawapan fotostat sahajalah, edarkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi saya minta supaya...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Boleh fotostat Yang Berhormat Menteri? Boleh fotostat dan edarkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jawapan ini boleh diedarkan. Boleh atau tidak saya hendak tanya satu soalan? Satu sahaja Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi sebab saya sudah tanya yang penghabisan, Yang Berhormat Menteri benarkan yang awal dahulu. Mungkin Yang Berhormat Kimanis atau Yang Berhormat Pendang. Sepatutnya yang terakhir, bagi soal jawab sedikit, sedikit sahaja.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, saya paling hormati – Yang Berhormat ini adalah Yang Berhormat yang saya hormati.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya. [*Tepuk*]

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Akan tetapi Yang Berhormat, masalahnya kalau saya beri laluan kepada Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, tidak, tidak. Saya tidak mahu.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya berupa tidak adil kepada yang lain.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya tidak mahu. Yang Berhormat Menteri beri kepada orang lain dulu, saya penghabisan. Saya *no problem*. Saya akan makan yang penghabisan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Baiknya Yang Berhormat. Kalau kita boleh kerjasama, saya jawabkan soalan semua ini dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, beri *chance* yang...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kemudian saya akan beri laluan kepada semua Yang Berhormat yang ingin bertanya nanti.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya, ya. [*Tepuk*]

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh, boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk meneruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya, silakan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kajian perbandingan – Selain itu, lebih daripada 30 konsultasi juga telah diadakan bersama dengan pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan penggiat industri.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Dasar Pelancongan Negara adalah berteraskan tiga elemen utama iaitu daya saing, lestari dan inklusif sebagai pemangkin kepada transformasi industri pelancongan negara. Terdapat enam teras strategi utama yang telah dikenal pasti iaitu:

- (i) transformasi tadbir urus;
- (ii) mewujudkan zon pelaburan pelancongan;
- (iii) digitalisasi pelancongan;

- (iv) meningkatkan pengalaman dan kepuasan pelancong;
- (v) memperkukuhkan komitmen terhadap pelancongan lestari; dan
- (vi) meningkatkan kapasiti modal insan.

Mengenai saranan Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Bukit Bintang tidak ada di sini, saya jawab melalui bertulis supaya saya dapat beri laluan untuk soalan-soalan.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri, soalan Yang Berhormat Bukit Bintang itu sama juga dengan soalan yang saya mahu dengar. Boleh beri jawapan kepada soalan itu?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Daripada?

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Soalan Yang Berhormat Bukit Bintang itu, saya juga mahu bertanya tentang soalan Yang Berhormat Bukit Bintang. Akan tetapi oleh kerana kita menjimatkan masa, kita tidak mahu berulang.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tidak lagi Yang Berhormat, fasal ia di sini mengenai saranan ini iaitu daripada Yang Berhormat Bukit Bintang, bukan daripada Yang Berhormat Kimanis.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Ya, tetapi saya tidak mahu menerangkan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Jadi, saya tidak boleh melencong jawapan orang lain diberi peluang kepada orang lain Yang Berhormat.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya mengutarakan soalan yang sama.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Fakta Yang Berhormat, saya akan tulis ini beri kepada Yang Berhormat kerana ini di sini dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri yang ada di sini.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Dan bukan Yang Berhormat Kimanis. Kalau Yang Berhormat Kimanis, saya jawab untuk Yang Berhormat Kimanis. Yang Berhormat Bukit Bintang untuk Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Pernah atau tidak Yang Berhormat Menteri untuk bertanya satu-satu soalan yang orang lain sudah utarkan?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya tahu Yang Berhormat, tetapi saya mesti ikut peraturan.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Bukan. Ini bukan peraturan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kalau dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang, saya jawab untuk Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kalau untuk Yang Berhormat Kimanis, saya jawab untuk Yang Berhormat Kimanis.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tunjukkan Yang Berhormat yang mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ikut peraturan, Yang Berhormat yang lain tidak boleh dijawab. yang Berhormat yang memberi soalan Yang Berhormat Bukit Bintang ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan? Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, mintalah laluan sedikit. Sekurang-kurangnya kita boleh tanya, Menteri boleh jawab.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, dia begini Yang Berhormat...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Masa sudah habislah Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Soalan tadi itu daripada Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Betul.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Jadi, saya tidak boleh memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat kawasan yang lain...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Betul.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kerana tertulis di sini Yang Berhormat Bukit Bintang, bukan daripada Yang Berhormat Kimanis.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Betul Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri berilah saya peluang.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Akan tetapi saya akan tulis, saya akan beri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk meneruskan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, tinggal sembilan minit sahaja lagi. Berilah saya peluang Yang Berhormat. Sedikit sahaja, bukan banyak.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya tidak adil Yang Berhormat, fasal ramai Yang Berhormat yang lain ini saya tidak beri laluan. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat ini kawan baik saya, tetapi saya mesti berlaku adil.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Betul, betul. Saya tidak jadilah kata, "Yang Berhormat Menteri yang terbaik". Tidak jadilah. Saya tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Fotostat sahajalah.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** *Special Tourism Investment Zones.* Berkaitan *Special Tourism Investment Zones*, Yang Berhormat Kota Melaka. Ada Yang Berhormat Kota Melaka di sini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Melaka tidak ada, bertulis.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kalau tidak ada, saya bertulis supaya kita cepat habis di sini. *[Dewan riuh]* Tengoklah ini Yang Berhormat, terpaksa saya potong-potonglah ini.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua. *Point of Order, please.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** 37(2).

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Point of Order.* Kena dengar *Point of Order.*

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** 37(2) Tuan Yang di-Pertua. Mohon saya baca?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** *"Pengerusi boleh tidak membenarkan mana-mana ahli meminta penjelasan sekiranya didapati bahawa Majlis Mesyuarat tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk menyelesaikan urusannya atau jika Pengerusi mempercayai bahawa niat ahli yang meminta penjelasan adalah semata-mata untuk mengacau ahli yang sedang berucap".* Jadi, *it is up to Speaker to* benarkan atau tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terpulang kepada Menteri untuk...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya tidak memberi laluan Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, selepas. Tidak ada masalah kalau...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *Steady-lah* Yang Berhormat Menteri. *You are the man.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal tambah sedikit masa untuk menjawab...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap kawan baik saya daripada Yang Berhormat Kimanis, Ahli Yang Berhormat...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Saya mahu membantu Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kawan baik, saya mahu bantu dia.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih atas bantuan Yang Berhormat...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Belum bantu lagi.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Akan tetapi saya yang sebetulnya...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Belum bantu lagi.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tidak berlaku adil kalau Yang Berhormat yang pertama yang di sana itu saya tidak beri laluan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang yang pertama, Pendang.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Itu mesti saya beri laluan kepada Yang Berhormat yang pertama, yang kedua, yang ketiga.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan hendaklah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Ini barulah dikatakan adil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Akan tetapi kalau saya pilih Yang Berhormat yang mana saya boleh terima, yang mana saya boleh tolak, apa nama dia itu yang di...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Apa Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, mengenai ini berapa lama lagi?

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Apa keputusan Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana Yang Berhormat Menteri bukan boleh membuat keputusan, yang membuat keputusan Tuan Yang di-Pertua sendiri. Saya mahu tanya, apakah keputusan?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak beri laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Laluan hadiahkanlah...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Takkan *you* tidak beri laluan kepada Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dibenarkan oleh orang yang bercakap iaitu Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya bercakap tetapi saya tidak memberi laluan dan saya ingin meneruskan dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ikut peraturan, kalau Yang Berhormat Menteri duduk, itu ertinya beri laluan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Pemeliharaan dan pemuliharaan aset kebudayaan dan warisan. Mengenai perhatian dan peruntukan bagi memelihara dan memulihara aset kebudayaan dan warisan yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka, tetapi Yang Berhormat Kota Melaka tidak ada di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** So, kita cepatkan.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Masjid Tanah pun ada tanya soalan yang sama Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kalau Yang Berhormat Masjid Tanah saya jawab, semua ini saya jawablah ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, teruskan, teruskan. Jangan pedulikan soalan mereka. Teruskan baca Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat, saya bertanya fasal warisan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Isu berkaitan warisan negara. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu-isu yang dibangkitkan di bawah bidang kuasa Jabatan Warisan Negara oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada – Yang Berhormat Kota Melaka, tidak ada. Yang Berhormat Masjid Tanah, tidak ada bukan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada, ada di belakang.



**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Masjid Tanah, sudah lima kali Yang Berhormat Menteri sebut. Saya hendak tanya soalan boleh Yang Berhormat Menteri? Tadi Yang Berhormat Arau...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, saya tidak menerima soalan untuk dijawab. *[Dewan riuh]*

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Lima kali Yang Berhormat Menteri panggil nama Masjid Tanah.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya sekarang ini sedang menjawab soalan Ahli Yang Berhormat. Duduk dulu Ahli Yang Berhormat. *I am not giving. This is my floor. I think you sit down.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang PH ganggu, tidak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri teruskan, teruskan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Jabatan Warisan Negara, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Sibuti, yang Gerik dan Yang Berhormat Batu Gajah.

Yang Berhormat Masjid Tanah menyentuh mengenai Kumpulan Wang Warisan bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan. So Yang Berhormat Masjid Tanah, tolong duduk, sekarang saya menjawab. *[Ketawa]* Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Masjid Tanah duduk.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Pada masa ini, tiada lagi peruntukan yang diberikan kepada Kumpulan Wang Warisan. Walau bagaimanapun, tujuan memelihara budaya dan warisan bandar Think City telah diberikan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi tujuan tersebut.

■1750

Kementerian berharap *Think City* dapat memulihara, memelihara dan melindungi tapak warisan bandar termasuk di negeri Melaka, tempat Yang Berhormat daripada Masjid Tanah.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Atas jawapan itu, saya hendak tanya sedikit sahaja lagi.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Okey. Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan ketawa]* Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Sibuti...

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat Menteri tidak layan saya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Adakah Yang Berhormat ini ada di sini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gerik ada, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Grik ada.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti ada.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Sampai hati Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Meminta kementerian untuk menyatakan status Royal Belum serta membantu usaha kerajaan negeri mengangkat Gua Niah sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Mengenai status pencalonan Taman Negeri Royal Belum sebagai Tapak Warisan Dunia, borang tentatif telah dihantar pada 31 Januari 2017 kepada pihak UNESCO untuk penyenaaraian Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama pihak berkuasa negeri Perak dan pakar-pakar tempatan sedang melengkapkan *dossier* dan pelan pengurusan pemeliharaan tapak ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf pertama *dossier* pencalonan telah pun disiapkan oleh Jabatan Warisan Negara.

Kementerian ini juga sedang berunding dengan pihak Kementerian Kewangan untuk menyalurkan peruntukan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak bagi tujuan pelantikan perunding untuk memperkemaskan dokumen *dossier* dan pelan pengurusan pemeliharaan sebelum dapat diangkat kepada pihak UNESCO.

Sebagai usaha untuk mencalonkan Taman Negara Niah sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, Jabatan Warisan Negara telah mengadakan mesyuarat bersama pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak pada 20 Jun 2019 bagi cadangan mewartakan Taman Negara Niah sebagai Tapak Warisan di bawah Akta 645 untuk memenuhi salah satu keperluan pencalonannya sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Selain itu, satu bengkel dengan kerjasama Jabatan Muzium Sarawak...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya hendak cadangkan supaya dimasukkan Tasik Kenyir dan Beting Patinggi Ali dalam urusan pengiktirafan UNESCO. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** *Insyallah*, Yang Berhormat Arau, tetapi kalau boleh, Yang Berhormat tulis sedikit memo kepada saya selepas ini... [*Ketawa*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya. Saya akan tulis surat.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Supaya saya tidak lupa. [*Ketawa*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ikhlas, saya isytiharkan Yang Berhormat adalah Menteri yang baik.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh tanya soalan tak? Yang Berhormat Menteri tidak adil bagi Yang Berhormat Arau dahulu. Saya sudah bangun dahulu, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Selain itu, satu bengkel dengan kerjasama Jabatan Muzium Sarawak telah diadakan bagi mengenal pasti kepentingan Taman Negara Niah di peringkat dunia sebelum pernyataan nilai keunggulan sejagat atau, dengan izin, *outstanding universal value* boleh disediakan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, hendak habis masa itu.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Sepertimana lain-lain pencalonan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Bagi Tapak Warisan Dunia yang ada...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Hilang semua penyakit-penyakit yang ada dalam Dewan ini kalau ada Menteri macam ini.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Okey, kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada masa lagi.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Berapa minit lagi?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ada dua saat lagi.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sudah habis.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya buka untuk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Untung Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasihlah. Kalau ada Yang Berhormat Menteri yang macam ini, kita semua yang sakit-sakit pun *release tension*, boleh sihatlah saya ingat. Jangan macam Yang Berhormat Jelutong.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tapi, Yang Berhormat, saya lagi, *you know*, kalau sudah saya jawab ini, yang lain ini saya tidak jawab, saya sudah bersalah, tahu? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Apa macam itu, Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mungkin 10 minit lagi.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang baik. Ini saya hendak tanya sedikit berkenaan dengan pameran tahun hadapan yang nampak cantik, bagus sekali, tetapi katanya, saya difahamkan hendak bawa pameran berkenaan artifak Firaun Mesir, Ramses II dan juga Tutankhamun ini ke Malaysia pada Tahun Melawat Malaysia tahun hadapan. Akan tetapi, saya tengok kenyataan daripada Timbalan Menteri kata sudah bincang, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tidak tahu apa lagi. Adakah ini satu...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya jawab, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Nanti sekejap, sekejap. Saya tidak habis lagi. Keduanya, apakah peruntukan dalam bajet telah dimasukkan untuk program bawa Firaun ini? Keduanya, apakah hasrat tujuan pameran ini? Adakah untuk menyindir kawan-kawan sebelah sana...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Jangan banyak-banyak soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** ...Dahulu yang menyebut, yang memanggil 'mahafiraun' dan sebagainya dahulu?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya bagi peluang yang lain lagi ini.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Adakah ini satu *cynical*? Jadi, apakah kaitan sejarah Firaun dengan Malaysia ini?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab dahulu soalan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Apa kaitan sejarah Firaun dengan kita rakyat Malaysia ini?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Okey.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tujuan dia. Kalau ada, minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya tambah sedikit.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya tambah sedikit.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya jawab soalan Yang Berhormat Pendang dahulu. Sebetulnya, Yang Berhormat, saya yang menandatangani surat untuk meminjam Firaun itu didatangkan ke Malaysia. Masalahnya di sini, apabila mendapat kelulusan, saya tidak diberitahu oleh Ketua Pengarah Muzium... [*Dewan riu*] Apabila saya tidak diberitahu bahawanya itu sudah lulus, bermakna saya tidak tahu apa yang dijawab 'Ya' atau 'Tidak'.

Secara kebetulan pada hari tersebut, Ketua Pengarah Muzium dan Timbalan Menteri saya apabila ditanya cara bercerita dengan pemberita, terkeluar cerita bahawasanya kelulusan ada. Waktu itu, Yang Berhormat, saya di Sarawak, kalau saya tidak silap. Apabila saya diajukan soalan berkaitan ini, saya menjawab terus terang, benda yang saya tidak tahu, saya jawab tidak tahu, kalau tahu, saya jawab saya tahu. Akan tetapi, saya tidak tahu, saya jawab *I am in darkness*. Itulah dia.

*The next day*, saya diberitahu pula lulus. Saya panggil saya punya Ketua Pengarah, kenapa kalau sains surat, saya dicari, tetapi kalau ada kelulusan, lambat diberitahu. Dia minta maaf pada saya tetapi perkara kecil...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pecatlah.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Kita bermaafan. *So, it a miscommunication*, Tuan Yang di-Pertua. *So*, saya harap ini tidak dijadikan satu isu yang agak besar. Kalaulah kita dapat... [*Disampuk*]

Oh ya, tentang peruntukan. Sebetulnya, itu belum dimasukkan peruntukan oleh sebab belum pun— sebetulnya waktu kita menulis itu, kita belum masukkan peruntukan adakah Menteri Kewangan— saya tidak ada minta peruntukan. Ini kerana saya belum tahu ini boleh lulus atau tidak boleh lulus. Okey Yang Berhormat ya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Apa tujuan? Kami hendak tahu, kenapa dibawa Firaun ke sini?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** *No. Hang on*. Siapa tadi yang nombor dua bertanya? *I think* Yang Berhormat Kimanis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kimanis. Ya, silakan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat Kimanis, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Batu Kawan, jangan ganggulah.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Soalan saya naik, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lupa soalan yang saya mahu kemukakan... *[Dewan ketawa]* Oleh sebab saya mendengar gelagat— Tuan Yang di-Pertua, saya begitu bangga sekali fasal Yang Berhormat Menteri daripada Sabah tetapi saya lupa soalan yang hendak saya kemukakan. *[Dewan ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Apabila Yang Berhormat ingat, tulislah.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya jemput Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau tadi nombor tiga, kalau saya tidak silap, dia hendak tanya.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nombor berapa?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Ada soalan?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya mahu tanya soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin dua lagi, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu, saya mahu...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sini, sini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, tidak jawab lagi soalan saya tadi. Apa tujuan bawa Firaun?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri ini adalah seorang yang cukup ikhlas. Saya ucap tahniah. Dia tidak cakap bohong. Dia cakap betul. Terima kasih. Ini Menteri yang cukup ikhlas dan bercakap benar.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan saya tadi. Apa tujuan bawa Firaun ke Malaysia? Apa kaitan dengan Malaysia? Itu yang kita tanya tadi.

■1800

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tidak ada. Ini yang sebetulnya, baru-baru ini kita pun ada membawa juga dipanggil *Golden Man*. Ini bertujuan untuk- pameran tersebut merangkumi sejarah tamadun, inilah surat Ahli-ahli Yang Berhormat. Harap saya boleh baca, kalau tidak boleh baca tulisan pun saya tidak bacalah. Sejarah nabi-nabi dan nilai moral yang tinggi serta kehebatan manusia, tajaan akan dilakukan melalui syarikat-syarikat yang berminat. Firaun merupakan nama gelaran Raja, dan bukan semua firaun jahat dan kejam *[Ketawa]* Ini dalam surat ini...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Itulah yang tidak betul Yang Berhormat Menteri, itu pegawai sudah tipulah.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Firaun Malaysia, firaun Malaysia perlu disebut. Firaun Malaysia dahulu. Maha firaun yang disebut dahulu, itu baik *kot*.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Itu maha firauun barangkali dia ada...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya ingat dahulu Yang Berhormat Pokok Sena pun dia tidak hendak sebut.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Menteri, bagi jawapan bertulis Yang Berhormat.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, ada lagi Yang Berhormat tadi...

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Saya Tuan Yang di-Pertua, saya ada tanya tadi Yang Berhormat Menteri.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Batu Kawan tanya.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** *It is not you...*

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Saya ada tanya tadi.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Menteri tidak habis jawab lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Kangsar, soalan yang penghabisan. Silakan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tuan Yang di-Pertua, panggil yang keempat Yang Berhormat Batu Kawan ...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Minta penjelasan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan. Tidak lagi baca, sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terakhir, yang terakhir. *The last one.*

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Okey.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, isu penting. Saya minta Batu Kawan diberikan satu peluang.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Okey.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan jawapan yang telah diberikan. Saya faham Yang Berhormat Menteri katakan bahawa tanggungjawab untuk memastikan *border* kita selamat daripada penjenayah seksual kanak-kanak masuk dan mengeksploitasikan kanak-kanak di kongsi bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Akan tetapi, dengan izin, *the onus is on Ministry of Tourism*. Yang Berhormat Menteri saya ingin tahu sebab dua bulan sahaja lagi sebelum kita menerima pelawat-pelawat 20 juta yang akan masuk ke dalam negara. Daripada itu...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, saya potong sedikit. Apa yang sebetulnya Yang Berhormat punya soalan ini jauh lari daripada sasaran... *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tidak ada soalan ya.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ini daripada...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat faham tidak?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Ucapan saya Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ucapan saya. Tanggungjawab...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Kementerian saya ini bukan tukang menjaga gangguan seksual kanak-kanak... [*Dewan riuh*]

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ini mengenai...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** *You* baik-baik tanya Yang Berhormat, *you* memalukan kementerian saya.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Iklan daripada kementerian. Yang Berhormat Menteri, ini daripada iklan...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat duduk, *I think ...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...*These are advertisements from the ministry ...*

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat ini duduk.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...*Tourism for prevent child sexual exploitation* Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ... Tidak ada kaitan kementerian saya dengan gangguan seksual... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, masa pun habis. Masa sudah habis.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, ini untuk Tahun Melawat Malaysia...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** So, saya Yang Berhormat memohon...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tadi Yang Berhormat Menteri jawab soalan saya.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Untuk membuat penutupan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Akan tetapi sekarang kata lain. Jadi...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya tidak bagi laluan sudah, cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, cukup. Masa sudah habis. Jadi terima kasih Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya memohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, manalah tahu silap salah, kasar kah dalam bahasa...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Dimaafkan Yang Berhormat Menteri. Sini Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Saya minta maaf.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kamu maafkan, kami maafkan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya sokong Yang Berhormat Menteri. Saya sokong Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

### 6.03 ptg.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri memerlukan berapa lama?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa lama yang diperlukan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu jam setengah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akur. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh tentang hal-hal di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan.

Belanjawan 2020 adalah berpandu kepada Wawasan Kemakmuran Bersama dengan tema seperti yang telah disebutkan ialah untuk '*Memacu Pertumbuhan Dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama*'. Di sini kita lihat secara ringkasnya supaya kita boleh mendapat satu gambaran yang tepat tentang tujuan Belanjawan 2020 iaitu untuk memastikan bahawa untuk mencapai kemakmuran bersama, kita mesti menjana kemakmuran supaya ada kemakmuran untuk dikongsi bersama.

Untuk menjana kemakmuran, pihak kerajaan telah pun mengambil pendekatan di mana kerajaan hendak mewujudkan satu ekonomi berdasarkan keusahawanan menerusi 4P *partnership* berkaitan dengan sektor awam, swasta, profesional dan juga rakyat. Satu lagi teras lain ialah untuk memastikan bahawa dari segi fiskal dan juga dari segi kewangan, rasionalisasi dan juga konsolidasi dapat terus kekal dijalankan supaya Malaysia dapat kembali ke landasan yang betul pada 2021 selepas menghadapi pelbagai skandal-skandal kewangan sehingga Malaysia digelar sebagai kleptokrasi global.

Teras ketiga ialah untuk memastikan bahawa golongan yang daif, yang mundur, yang miskin dan juga yang memerlukan bantuan sekurang-kurangnya mendapat perhatian daripada pihak kerajaan sungguhpun mungkin dari segi jumlah bantuan yang diberikan sudah tentu tidak memadai secara keseluruhannya. Akan tetapi sekurang-kurangnya diberikan perhatian supaya kerajaan yang berjiwa rakyat ini iaitu Pakatan Harapan dapat memberikan satu ingatan atau satu inspirasi dan motivasi kepada golongan tersebut bahawa kerajaan tidak lupa dengan mereka dan masalah mereka sentiasa dekat dalam hati kerajaan berjiwa rakyat ini.



Teras keempat iaitu yang juga sama pentingnya ialah proses pendigitalan. Ini kerana suka atau tidak suka, mahu atau tidak mahu, rela atau tidak rela kita kena akui bahawa dalam dunia digital atau *economy digital* sekarang, Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang kecil perlu membuat adaptasi dan juga transformasi serta peralihan kepada pendigitalan. Sekiranya tidak dapat dilakukan, maka ini akan membawa mudarat ataupun membawa parah kepada ekonomi untuk masa depan.

Itulah sebabnya teras ekonomi ini dalam proses pendigitalan. Bukan sahaja menggalakkan sektor perniagaan malah juga masyarakat supaya melibatkan diri atau menceburkan diri dalam proses pendigitalan. Inilah sebabnya inisiatif *e-wallet* atau disebut sebagai satu stimulus mini digital dijalankan tahun depan untuk memberikan satu jumlah sebanyak RM30 kepada semua yang mendaftarkan diri dalam perkhidmatan *e-wallet* atau e-dompot. Sudah tentu perbincangan telah diadakan oleh Khazanah untuk melihat sama ada bahawa sumbangan yang lebih boleh diberikan oleh pihak swasta mungkin tidak terhad kepada RM30 setiap yang mendaftar.

Kerajaan menjangkakan sekurang-kurangnya 15 juta rakyat Malaysia akan mendaftarkan diri dalam skim e-dompot ini. Sekiranya ia berjaya, ini bermakna sekurang-kurangnya RM450 atau RM500 juta akan dibelanjakan untuk membolehkan hampir semua yang berumur lebih 18 tahun dapat menikmati perkhidmatan e-dompot ini.

So, kalau kita lihat dari segi empat teras ini, ia adalah suatu belanjawan yang agak holistik supaya kita dapat menyentuh semua rakyat Malaysia dan di sini, kita berdasarkan angka dan fakta. Saya hendak sebut di sini. Selalunya apabila kita lihat pandangan-pandangan yang diketengahkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya perhatikan bahawa mereka berdasarkan angka dan fakta yang tidak tepat termasuk daripada Ketua Pembangkang.

#### ■1810

Ketua Pembangkang menyatakan atau menanyakan mengapa peruntukkan untuk padi dikurangkan. Bila sebenarnya ia telah pun dinaikkan sebanyak RM445 juta berbanding dengan belanjawan tahun 2019. So, inilah yang kita harap. Marilah kita berhujah berdasarkan angka dan fakta bukanlah berdasarkan fitnah, tohmahan ataupun yang direka dan dilakarkan sesuka hati.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point Of Order.* Tuan Yang di-Pertua, *Point Of Order.* Saya tidak mahu timbul tetapi sebab Yang Berhormat Menteri mula...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak bagi jalan kepada Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat boleh bangkitkan *Point Of Order.* Tidak apalah. Kalau macam ini hanya *Point Of Order* sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya tidak mahu ganggu Yang Berhormat Menteri sebab saya hendak bertenang hari ini tetapi Yang Berhormat Menteri mula membuka laluan untuk kita berperang. Jadi apa salahnya kita terus berperang. Peraturan Mesyuarat 36(12). Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa kerajaan dahulu itu perompak telah dibetulkan oleh PAC bahawa kita tidak merompak. Yang Berhormat Menteri boleh tidak tarik balik perkataan perompak itu untuk membolehkan kami mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri

dengan tenang? Bila kita jawab itu adalah fakta bahawa faktanya kita tidak merompak tetapi kenapa merompak itu digunakan? Jadi, saya minta *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua apakah boleh perkataan perompak digunakan? Kalau boleh saya hendak kata Yang Berhormat Jelutong adalah perompak nombor satu ganggu orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini keluar daripada arus perbahasan. Kalau hendak bincang perkara ini kita bincang pada hari terakhir apabila saya akan membenarkan usul Ketua Pembangkang di bahas...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini perkataan perompak dapat digunakan dengan hebatnya di Parlimen ini. Terima kasih. *Thank you very much.*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya habis...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat sebut nama saya tadi. Dalam ucapan...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bagi kepada Ketua Pembangkang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Okey.

**Tuan Lim Guan Eng:** Singkat dan ringkas.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya lihat dari segi dari buku bajet ini yang saya lihat dari segi peruntukkan di Kementerian Pertanian memang banyak dipotong secara keseluruhannya dipotong.

Saya beri contoh, peruntukkan pertanian daripada RM194 juta diturunkan kepada RM180 juta. MARDI di bawah Kementerian Pertanian diturunkan bajet daripada RM215 juta kepada RM212 juta. Begitu juga untuk peruntukkan Industri Agro Makanan dan Usahawan Tani diturunkan daripada RM262 juta kepada RM244 juta. FAMA daripada RM182 juta kepada RM121 juta. Maknanya yang saya sebutkan tadi bahawa peruntukkan untuk Kementerian Pertanian terutamanya agensinya diturunkan. Macam mana Yang Berhormat Menteri kata saya bercakap tanpa fakta dan fitnah semata-mata.

**Tuan Lim Guan Eng:** Masalahnya untuk Yang Berhormat ialah bahawa Yang Berhormat tidak lihat dari segi keseluruhan peruntukkan yang telah pun diberikan kepada Kementerian Pertanian. Biar saya berikan maklumat yang tepat dan betul. Kementerian Pertanian, peruntukkan untuk Kementerian Pertanian telah meningkat 11 peratus daripada RM4.4 bilion kepada RM4.9 bilion. Dan untuk padi ialah daripada RM1.1 bilion kepada RM1.55 bilion. Itulah hakikat itulah fakta. Ini sama dengan apa yang disembarkan dalam media sosial bahawa bantuan untuk usahawan bumiputera hanya RM50 juta tetapi mereka hanya ambil sebahagian daripada bantuan keseluruhan dan bila ia dibandingkan dia juga mainkan sentimen-sentimen.

Dibandingkan dengan untuk usahawan Cina RM100 juta yang diberikan buat kali pertamanya. Dia cakap mengapa hanya RM50 juta untuk usahawan bumiputera? Bila sebenarnya yang diberikan bantuan ialah sebanyak RM1,445 juta. Akan tetapi, mereka hanya angkat agensi dan ini telah disembarkan dan ditohmah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab

ini. So, bila baca secara keseluruhannya jangan hanya tangkap satu, anggap ia adalah menunjukkan gambaran secara keseluruhannya. Ini saya rasa amat tidak bertanggungjawab.

Saya hendak rujuk kepada jawapan yang diberikan tentang beberapa perkara berkaitan dengan 1MDB. Ini saya rasa satu perkara yang amat penting di mana tidak ada jawapan. Jawapannya ialah tidak ada jawapan. Ini kerana, kita boleh lihat macam mana teruknya kedudukan fiskal Malaysia kerana skandal-skandal tersebut. Ini adalah satu kenyataan. Sehingga hari ini ada orang yang menafikan masalah 1MDB yang menyatakan 1MDB bukan masalah bahawa itu satu penipuan. Bila ini adalah satu kenyataan, satu hakikat di mana Jho Low kawan baik pihak sana sendiri *settle* untuk buat bayaran. Kalau tidak salah mengapa buat bayaran?

Akan tetapi, di sini pihak kerajaan hendak tegaskan pembayaran hampir USD1 bilion ini tidak bermakna beliau akan terlepas daripada pendakwaan untuk kesalahan salah laku yang dilakukan oleh beliau ini. Ketua Polis Negara sendiri menyatakan bahawa dia sekarang sudah ada *plastic surgery, cosmetic surgery*. Nanti, nanti duduk dahulu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini sekejap. Perkara Yang Berhormat Menteri sebut Jho Low ada kena mengena kah Jho Low dengan...

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya habis dahulu?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bukan, Yang Berhormat Menteri cakap mengenai Jho Low...

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat saya tidak pernah nafikan- duduk dulu. Nanti saya bagi.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak Yang Berhormat Menteri setuju Jho Low ini mungkin agen-agen kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia adakan *cosmetic surgery*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat tadi disebut...

**Tuan Lim Guan Eng:** Nampak macam...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Cakap dahulu sebab Yang Berhormat Menteri janji hendak tangkap Jho Low, tangkaplah Jho Low. Dahulu Yang Berhormat Menteri duduk di sini, Yang Berhormat Menteri kata hendak tangkap Jho Low, kenapa Yang Berhormat Menteri tidak tangkap Jho Low? Tangkap Jho Low bawa ke sini, kita pun sokong dan dakwa. Janganlah cakap benda yang tidak ada fakta.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yalah tetapi Jho Low kawan siapa, semua tahu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kawan Yang Berhormat Menteriilah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak payah sebutlah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kawan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya pun tidak sebut nama Yang Berhormat, mengapa Yang Berhormat melenting?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bukan melenting. Yang Berhormat Menteri cakap, apa kena mengena Jho Low dengan bajet kita?

**Tuan Lim Guan Eng:** Bila kita lihat kedudukan sedemikian...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri tidak boleh cakap macam itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kedudukan sedemikian...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri kalau tidak mahu kena kacau, Yang Berhormat Menteri jangan cakap pasal politik, benda yang tidak betul.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu adalah satu masalah yang besar.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kalau Yang Berhormat Menteri cakap pasal politik saya akan kacau.

**Tuan Lim Guan Eng:** Di mana bukan sahaja Jho Low tetapi skandal-skandal. Saya rasa bukan macam ini berbasalah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak boleh, Yang Berhormat Menteri ini bajet. Ia tidak ada kena mengena dengan Jho Low lah Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat sebut Jho Low, Jho Low daripada dahulu. Daripada Yang Berhormat Menteri duduk di sini sehingga Yang Berhormat Menteri duduk sana cakap pasal Jho Low, mana Jho Low?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tangkap pun tidak, kalau boleh jamin tangkap, tidak apa cakap fasal Jho Low.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sesi ialah sesi Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan terlanjur.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** 1MDB Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan terlanjur, sudah, sudah. Biar saya habis dahulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** 1MDB. Selepas itu, beri peluang kepada saya mengenai 1MDB.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bila kita lihat tentang kedudukan skandal ini...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, mengenai skandal 1MDB. Saya hendak tanya selepas ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang terbesar di mana antaranya melibatkan skandal-skandal lain *multi-product pipeline* sehingga hari ini tidak ada satu jawapan mengapa kontrak yang dibayar 88 peratus RM8.3 bilion sungguhpun tidak ada sebarang kemajuan kerja dijalankan. Itu adalah sesuatu yang kita hendak tahu sebabnya. Akan tetapi, tidak ada sebarang jawapan di sini dan kita terpaksa bergantung pada...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya hendak tanya 1MDB ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Menteri rujuk kepada perbincangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Ataupun prosiding-prosiding perundangan untuk mendapatkan jumlahnya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Menteri, rujuk kepada perbahasan. Jangan bawa isu 1MDB...

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekarang 1MDB sudah datang...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Perbahasan yang dibangkit.

**Tuan Lim Guan Eng:** 1MDB sudah datang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, saya ingin bertanya mengenai 1MDB...

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua sila duduk. Beri Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya hendak tanya tentang 1MDB...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Besar, sila duduk.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ramai jadi jurucakap Jho Low di sini ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri amaran, sila duduk. Yang Berhormat Baling sila duduk. Sila duduk. Ya, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Lim Guan Eng:** Teras kedua yang saya sebut tentang perlunya kita ada konsultasi dan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri saya hendak bertanya tentang 1MDB.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order.*

**Tuan Lim Guan Eng:** Adalah kerana skandal 1MDB ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa orang hendak bangkitkan *point of order*, tiga orang?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dua orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Point of order* yang sama?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, tidak saya hendak- *sat ni* Yang Berhormat Pekan datang, Yang Berhormat Bagan kata 1MDB dah datang. Jadi, sangkaan jahat. Mahkamah belum tentukan lagi... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa, apa saya tidak dengarlah, apa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia kata 1MDB datang. Jadi macam mana pun Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat Menteri telah senaraikan semua perkara yang Yang Berhormat Menteri memikirkan salah laku, boleh tidak kita masukkan terowong dan juga banglo sebagai salah sebahagian daripada...

**Beberapa Ahli:** Setuju, setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskanlah Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan hendak tanya tentang 1MDB ini. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri sudah timbulkan tentang 1MDB saya hendak tanya. Takut kah Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, biar saya jelaskan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri takut kah dengan soalan saya? Takut? Kalau- takut atau tidak Yang Berhormat Menteri?

■1820

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya habis dulu duduk.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Takut atau tidak saya hendak tanya ini?

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduklah, tak faham duduk kah!

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kalau saya tak mahu duduk, kalau saya tak mahu duduk?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian, ikut adab bermesyuarat, adab berucap, biar Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua *point of order*.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ini hendak minta *point of order* ya untuk dua jam?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** *Point of order* 36(6).

**Tuan Yang di-Pertua:** *Point of order* baik saya akan dengar *point of order*. Berapa?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Peraturan 36(6), bila ada perkataan yang mengeluarkan sangkaan jahat Speaker mesti terlebih dahulu membuat *ruling*, jangan dibiarkan begitu sahaja. Kalau Speaker tak mahu ambil peranan itu Dewan ini kecoh...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Buang *mic*, boleh buang *mic* Tuan Yang di-Pertua. Buang *mic*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri. Dia kata 36...

**Tuan Lim Guan Eng:** Sangkaan jahat apa?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Peraturan 36(6) tadi Yang Berhormat Menteri sewaktu Yang Berhormat Pekan berjalan masuk telah menyatakan itu 1MDB sudah datang. Itu sangkaan jahat yang jelas!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak, tidak, tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat Menteri tarik baliklah, kes masih dalam mahkamah. Duduk, duduk, duduk... [*Dewan riuh*]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Dan itu perkataan yang bersikap kurang ajar dalam Dewan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Speaker buat tuduhan Speaker. Itu tuduhan bukannya yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tarik baliklah Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Speaker...

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa salahnya dengan 1MDB, apa masalahnya dengan 1MDB?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Speaker bukan Yang Berhormat Menteri keluaran, saya yang keluaran, bukan Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa masalahnya dengan 1MDB?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya boleh tarik balik *no problem*, saya tarik balik.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat seorang Ahli Parlimen yang lama. Yang Berhormat boleh... [*Dewan riu*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua duduk, semua duduk. Sila duduk! Yang Berhormat tarik baliklah sebab kes dalam mahkamah ya.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih speaker.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Tarik balik.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tarik balik.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri, tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya hormat Tuan Yang di-Pertua. Kalau 1MDB dianggap yang sesuatu yang mudarat, memang memudaratkan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tarik baliklah, apa hendak syarat pula tarik baliklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apabila 1MDB ditubuhkan, ada pelbagai mudarat kepada negara.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tarik balik sangkaan jahat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tarik balik, tarik balik apa hendak bisingnya. Tak payah jawablah kita tau lah politik banyak. Menteri Kewangan ini main politik... [*Dewan riu*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Akan tetapi saya hendak tahu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak dapat dengar, Yang Berhormat Kota Baharu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi Yang Berhormat ada sebut perkataan kurang ajar kah.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kita semua sudah fahamlah semua tarik baliklah...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon sikit, Kubang Kerian mohon sikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya ada sebut kurang ajar? So, ini budiman kah?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Ketereh.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Speaker, Speaker... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, semua duduk, semua duduk. Yang Berhormat Menteri tarik baliklah "1MDB sudah datang", dan...

**Tuan Lim Guan Eng:** Okey saya akur kepada Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tak perlu tarik balik.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua saya, Kubang Kerian mohon sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Saya tarik balik... Bertindak dengan cara yang betul.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tak boleh dengar, ada tarik balik tak?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya minta itu Yang Berhormat tarik balik perkataan "kurang ajar"

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Saya ulang, tanpa diarah saya tarik balik sebab Yang Berhormat buat cara yang betul iaitu tarik balik tuduhan tak *unparliamentary*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tarik balik perkataan "kurang ajar". Okey baik. Itu cara yang terbaik.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Okey Tuan Yang di-Pertua saya mohon oleh kerana penggulungan Yang Berhormat Menteri Kewangan dia mempunyai masa yang panjang dan banyak persoalan yang ditimbulkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya- nanti, nanti. Saya tetap...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya fikir tidak perlu banyak sangat politik *straight* pada dijawab apa yang dibangkit oleh Ahli Parlimen. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak sebutkan di sini bahawa suka tak suka- 1MDB adalah satu masalah yang amat besar kepada negara.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya ingin bertanya tentang 1MDB ini...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Guan Eng:** Di sini, sehingga sekarang...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Eh! Yang Berhormat Bagan takut kah saya hendak tanya soalan 1MDB, takut kah?



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian! Yang Berhormat sila duduk, beri kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Jangan gunakan Peraturan Mesyuarat sebagai dalih ya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bukan ini Speaker, Tuan Speaker saya Peraturan Mesyuarat, ini peraturan lain...

**Tuan Lim Guan Eng:** Akan tetapi tak apa kerana pihak sana tidak mahu jawab tentang 1MDB sudahlah, sudahlah. Saya pun tidak mahu ungkit perkara ini lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk... [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya hendak bagi soalan. Yang Berhormat Bagan, eh Menteri takutkah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang di sini mySalam...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** 1MDB, 1MDB saya hendak tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian! Yang Berhormat Pontian, ini bukan bahasa *Parliamentary* ya! Saya beri amaran! Amaran pertama, atau nasihat pertama. Ya Peraturan Mesyuarat. Apa dia, ya?... [*Dewan riuh*]

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya ada sikit 36(2), supaya kita lebih aman, supaya tidak hendak kecoh, jelas mengatakan perkara yang dalam pertimbangan mahkamah ini janganlah kita bincang. Jadi, 1MDB ini di dalam mahkamah, jadi kalau dia bangkit, dia langgar Peraturan Mesyuarat saya takut nanti kita lagi kecoh. Boleh tak janji jangan sebutlah fasal 1MDB? Siapa yang ada bangkit isu 1MDB ini? Jawab apa yang kami bangkitlah. Jangan Yang Berhormat hendak *create* sendiri. Ini Peraturan Mesyuarat saya bangkitkan. Kalau kita tidak mahu ikut peraturan mesyuarat mesti kecoh benda ini. Kita kecoh macam ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Siapa makan cili dia rasa pedaslah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bukan siapa yang bangkit?

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Bangkit isu terowong sama, terowong, banglo jawab sama.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri kena jawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen. Siapa yang ada bangkit isu 1MDB? Saya tak tahu siapa yang bangkit sebelah sini? Tak ada, janganlah macam itu Yang Berhormat, peraturan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri jawab soalan-soalan yang dibangkitkan. Yang Berhormat Tanjong Karang, sila duduklah, sila duduk.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya minta dengan baik saya ingin bertanya persoalan 1MDB ini. Kenapa tidak dibuat siasatan Diraja tentang 1MDB ini sedangkan itu adalah merupakan janji Pakatan Harapan satu daripada 10 janji, siasatan...

**Tuan Lim Guan Eng:** Siapa yang rasa pedas. Saya hendak sebut di sini tentang Program mySalam di mana ia adalah satu inisiatif oleh pihak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian amaran kedua tolong ya. Saya bercakap dengan baik. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya merujuk kepada Program mySalam yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya berkaitan dengan tujuan dan juga liputan inisiatif mySalam ini yang bertujuan untuk memberikan satu perlindungan yang tidak pernah diberikan sebelum ini kepada golongan B40 yang menghadapi penyakit kritikal.

Seperti yang dinyatakan dalam ucapan belanjawan, liputannya telah diperluaskan kepada 45 jenis penyakit daripada 36 jenis dan juga telah pun diperluaskan kepada golongan M40 iaitu mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM100 ribu setahun. Akan tetapi tentu jumlah bantuan bukanlah RM8,000 untuk...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua jam tak berjalanlah. Tak berjalan daripada tadi lagi macam mana ini dua jam pun tak habis.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudah 10 minit tak jalan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Baru masuk ada lah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ini macam ada mati oh! Ini macam mati oh!

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tengok, tengok.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tadi kan mula satu jam setengah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, jam pun rasa terharu mendengar perbincangan. Ya kita...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Malu lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini Yang Berhormat Kota Bharu jadi *time keeper* sekarang lah. Baguslah tahniah. Peranan baharu untuk Yang Berhormat Kota Bharu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat pun kena beli.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Boleh *time keeper* untuk *you* lah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang itu mySalam yang saya sebut tadi selain daripada golongan M40 iaitu khususnya untuk mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM100 ribu setahun. Diberikan RM4,000 dan ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa memang kerajaan mengambil berat tentang golongan M40 yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM100 ribu setahun. Usaha ini adalah untuk selain daripada memberikan sedikit bantuan tetapi yang penting sekali seperti saya sebut tadi menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada mereka yang menghadapi masalah.

Kita tahu bahawa untuk mereka yang menghadapi penyakit kritikal bukan sahaja pesakit itu susah, keluarga pun amat menyedihkan. Oleh sebab itu keprihatinan ini kita harap dapat menunjukkan bahawa sedikit sebanyak kerajaan tahu tentang masalah mereka. Itulah sebabnya skim ini dirangka supaya kita dapat tubuh satu tabung yang di mana rakyat secara amnya dapat manfaat dan bukanlah hanya untuk satu golongan kecil sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu sebut panjang lebar...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Yang Berhormat Menteri saya yang tanya mySalam saya tanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya, nanti, nanti. Saya tak mahu sebut panjang lebar tentang...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Isunya ialah kenapa ramai tak dapat untuk tahun ini?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Isunya boleh tidak Yang Berhormat Menteri jawab kenapa dalam RM400 juta yang ditawarkan untuk tahun ini, kenapa sedikit sahaja yang dapat pada tahun ini untuk mySalam?

**Tuan Lim Guan Eng:** RM400juta?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Ya, you kata RM2 bilion untuk lima tahun Skim mySalam, RM2 bilion disebut tahun 2019 tetapi rupanya diserakkan kepada lima tahun. Maknanya *one year RM400 million* tetapi untuk tahun ini berapa banyak dapat sebenarnya? Adakah ini bulan November?

■1830

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu bukanlah diagihkan mengikut tahun. Kita lihat dari segi permintaan. Kalau sesuatu tahun ia kurang, kuranglah. Akan tetapi kalau tahun lain ia lebih, tentu kita akan ikut apa yang sedia ada. Akan tetapi di sini saya hendak sebutlah sekiranya ada pihak yang susah untuk mendapat kelulusan apabila mereka layak, tolong bagi maklumat ini kepada Bank Negara ataupun kepada kementerian saya, kita akan siasat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Okey.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bagi itu maklumat. Sila.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya menunggu jawapan untuk MySalam. Saya rasa dalam perbincangan saya bangkitkan dua perkara. Pertama ialah kesusahan untuk mendapat tuntutan. Setakat ini hanya RM3 juta. Oleh kerana terlalu susah, setiap penyakit kena cari doktor yang berkenaan keluarkan satu notis ataupun satu laporan pemeriksaan. Setiap satu bayar RM40. Akhirnya, belum tentu seseorang itu dapat buat tuntutan.

Di kawasan saya dalam satu hari empat orang semua tidak dapat kecuali RM200 hanya diberi. Maksudnya yang RM8,000 mereka tidak dapat. Oleh sebab itulah sampai hari ini baru RM3 juta dan Yang Berhormat juga membuat satu kenyataan iaitu RM400 juta yang selebihnya akan dipulangkan. Saya telah syorkan dalam Dewan, saya rasa mungkin pegawai Yang Berhormat sudah catat. Apa yang perlu dilihat ialah cara jangan menyusahkan mereka yang hendak buat tuntutan. Kena minta laporan polis, laporan doktor, kena tunggu dua hingga tiga minggu, kena beratur jumpa doktor. Setiap penyakit kena cari satu-itu jadi masalah.

Kedua, apa yang saya bangkitkan satu isu lebih besar. Kenapa MySalam yang diberikan kepada *Great Eastern* yang dimiliki oleh syarikat Singapura iaitu oleh Bank OCBC? RM2 bilion ini adalah harga yang patut dibayar. Kenapa dia gunakan duit daripada *policy holders* di Malaysia yang mempunyai surplus RM10.2 bilion dan bukan menggunakan wang daripada Singapura yang sepatutnya merupakan pemilik demi membayar balik pampasan iaitu 30 peratus yang sepatutnya diagihkan kepada kepentingan Malaysia, *local content*. Jadi soalan saya, kenapa tidak di bawa

daripada Singapura wang itu dan menggunakan *participating fund* yang merupakan duit *policy holder accumulated fund*? Itu pertama.

Kedua, apabila kita bagi macam ini, satu garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara sendiri iaitu JPI 29 2004, saya sudah bangkitkan dalam perbahasan, menyatakan dengan jelas prinsip 90:10 yang sepatutnya diamalkan iaitu mana-mana keuntungan daripada *policy holder fund*, 90 peratus kena diagih kepada *policy holder* iaitu serata-rata rakyat Malaysia. Sejumlah 10 peratus adalah syarikat insurans itu. Kalau dalam konteks 30 peratus yang patut diagihkan demi menampung kepentingan tempatan 30 peratus, 27 peratus dinikmati oleh rakyat Malaysia. Kalau wang itu tidak di bawa dari Singapura. Saya minta penjelasan Yang Berhormat apa yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat kurang faham bahawa apabila kita bercakap untuk pastikan bahawa pegangan ekuiti dikurangkan daripada 100 kepada 70 peratus ialah untuk memberikan peluang kepada golongan rakyat Malaysia untuk memegang ekuiti dalam syarikat tersebut supaya mereka dapat terus mengurus niaga ataupun berniaga di Malaysia.

Di sini Yang Berhormat kena faham, bahawa apabila kita buat inisiatif ini pihak kerajaan rasa selain daripada menguntungkan beberapa rakyat Malaysia sahaja, mengapa tidak bahawa ekuiti atau nilainya 30 peratus dapat dikongsi bersama dengan rakyat Malaysia iaitu golongan B40 dan juga golongan M40. So, dengan ini kita dapat pastikan bahawa manfaatnya dapatlah dinikmati oleh lebih ramai orang. Bukanlah hanya beberapa orang sahaja. Itulah maksudnya kemakmuran bersama di mana kita dapat...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak mahu cakap panjang lebar.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, saya bersetuju mungkin Yang Berhormat salah faham...

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk, duduk dahulu. Biar saya habis, biar saya habis.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Maksud saya ialah kenapa wang tidak dari Singapura?

**Tuan Lim Guan Eng:** So, di sini tidak bermakna sekiranya kita hanya tumpukan kepada beberapa orang. Itulah sebabnya apabila kita lihat dari segi jumlah atau nilainya dapat dinikmati oleh mereka yang menghadapi penyakit kritikal. Saya rasa itu adalah satu inisiatif yang baik di mana lebih ramai dapat menerima faedah dan manfaatnya. Apa salahnya bahawa kita bantu pesakit-pesakit penyakit kritikal?

Saya rasa ini lebih bermakna dan sekurang-kurangnya seperti Yang Berhormat sebut, "Oh, tuntutannya susah diperoleh." Ini kita tidak nafikan perkara ini. Itulah sebabnya saya berikan jawapan yang sama tadi. Sekiranya ada kes-kes tersebut, tolong rujuk kepada Bank Negara ataupun pihak kementerian. Dari segi kaedah-kaedah yang ditetapkan, kita akan menilai semula, melihat macam mana kita boleh kurangkan kesulitan ataupun kesukaran yang dihadapi oleh pemohon. Itu adalah masalah awalan yang dihadapi, itu biasa. Akan tetapi yang penting ialah kita akan cuba memberikan kemudahan kepada pemohon-pemohon supaya mereka yang benar-

benar layak dapatlah buat tuntutan dan juga dapat diluluskan. So, itu kita akan menilai dan mengkaji.

Tuan Yang di-Pertua, berpaling kepada cadangan yang dibuat berkaitan dengan beberapa Ahli Yang Berhormat khususnya berkaitan dengan Sabah dan Sarawak. Saya hendak berikan jawapan tentang Sabah dan Sarawak ini kerana- itu adalah sesuatu perkara yang penting. Saya tidak mahu kalau sebelum ini kita berikan jawapan hanya pada akhir ucapan penggulungan saya.

Saya ingin menyatakan bahawa belanjawan ini adalah kali pertama di mana penekanan yang lebih diberikan kepada Sabah dan Sarawak yang kita lihat dari segi perbelanjaan pembangunan. Kalau sebelum ini tidak sampai pun 30 peratus, tetapi di bawah Kerajaan Pakatan Harapan seperti mana yang dinyatakan dalam Manifesto Pilihanraya Umum, di mana sekurang-kurangnya 30 peratus hendaklah diperuntukkan kepada Sabah dan Sarawak. Kita lihat di sini Sabah RM5.2 bilion perbelanjaan pembangunan. Sarawak RM4.5 bilion, menjadikan jumlah keseluruhannya RM9.7 bilion. Akan tetapi pula disebut di sini, bahawa mengapa RM9.7 bilion hanya kalau dibandingkan dengan RM56 bilion untuk perbelanjaan pembangunan, tidak sampai pun 20 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, itu tidak tepat. Ini kerana kita kena akui daripada RM56 bilion untuk perbelanjaan pembangunan, ia tidak boleh dipecahbelahkan mengikut negeri kerana ada banyak yang digunakan secara bersama baik untuk pihak keselamatan, PDRM ataupun Angkatan Tentera Malaysia, ia digunakan secara bersama. Tidak boleh dipecahbelahkan ikut negeri. Akan tetapi, yang kita boleh pecah belah kan ikut negeri adalah kira-kira RM30 bilion di mana ia diberikan secara khusus untuk negeri tersebut. Sekiranya kita kira RM9.7 bilion daripada jumlah keseluruhan RM30 bilion yang diagihkan kepada semua negeri, jelas sekali ia melebihi 30 peratus seperti mana yang dijanjikan.

Saya harap bahawa janganlah kita cuba keruhkan perbincangan ini. Biarlah kita berdasarkan angka dan fakta seperti yang saya sebut tadi. Bahawa sememangnya pihak Kerajaan Pakatan Harapan telah memberikan pengiktirafan tentang peranan penting yang dimainkan oleh Sabah dan Sarawak. Itulah realiti, itulah hakikatnya. Bukan sekadar perbelanjaan pembangunan...

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Juga dalam aspek- nanti saya habis dahulu. Juga dalam aspek geran yang telah dinaikkan sebanyak 100 peratus. Sebelum ini tidak pernah pun dinaikkan tetapi dinaikkan 100 peratus di bawah Kerajaan Persekutuan, Pakatan Harapan.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Kanowit dahulu, Kanowit dahulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bagi pada yang belakang.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** *Yes. all right.* Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kanowit ya.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Ya. Tadi Yang Berhormat Menteri jawab berkenaan dengan peruntukan untuk Sarawak RM4.5 bilion. Bolehkah Yang Berhormat Menteri dengan ringkas senaraikan di mana peruntukan ini dibelanjakan untuk masa hadapan 2020 yang *RM4.5 billion*? Oleh sebab saya pun cuba cari-cari tidak sampai pun *RM4.5 billion*. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri cakap ini tidak termasuk yang *share expenses* macam *military or whatnot*. Okey.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan berikan secara bertulis senarai projek-projek untuk Sarawak, kan? Untuk Sarawak, projek-projek di bawah Perbelanjaan Pembangunan. Baik, saya akan berikan secara bertulis.

■1840

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Menteri, mengenai peruntukan di bawah- yang geran tadi, yang telah digandakan dari RM16 *million* kepada RM32 *million*. Apa yang saya faham bahawa, dalam Jawatankuasa PEMANDU, Yang Berhormat Menteri juga tahu bahawa ia perlu dipersetujui dulu dari segi mekanismenya. Bukannya terus dibawa ke dalam bajet pada kali ini.

Jadi, kita hendak tahu, bagaimanakah mekanisme Yang Berhormat Menteri gunakan? Ini kerana ia selepas RM16 juta di bawah *Article 112D* ini Yang Berhormat. Selepas itu, dalam masa lima tahun, RM32 juta. Tolong Yang Berhormat terangkan di sini. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Pihak kerajaan cuba membetulkan apa yang tidak dilakukan oleh kerajaan terdahulu. Akan tetapi, oleh sebab kekangan kewangan, kita naikkan ke kadar 100 peratus. Itu pun sudah kira sesuatu tindakan yang dibuat secara suci hati atau *in good faith* kepada Sarawak.

Di sini...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Akan tetapi...

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Saya hendak menyatakan bahawa Yang Berhormat dalam ucapan menyatakan bahawa saya menyatakan "Sarawak adalah pengemis- *beggar*."

**Beberapa Ahli:** ...Tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak pernah sebut kenyataan tersebut Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Itu kita akan bincang semasa urusan itu saja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak apa, tetapi...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Akan tetapi, pada masa ini Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa itu perkara penting...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa itu perkara penting. Duduk, duduk.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tidak Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Akan tetapi, Yang Berhormat tahu bahawa soalan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak diberikan laluan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begini tidak diberikan laluan, selalunya macam mana kita hendak tahu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri sebab ini telah dipersetujui di dalam mesyuarat tetapi Yang Berhormat Menteri tidak mematuhi...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Dia tidak ada jawapan sebab itu dia pusing.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU. Tolong jelaskan... *[Tepuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu sekali lagi sesuatu yang saya rasa- Yang Berhormat bukan Ahli Jawatankuasa. So, janganlah bawa perkara-perkara dalam jawatankuasa yang sebenarnya sulit. Itu perkara yang sulit.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat, saya mempunyai kepentingan di sini. Saya mempunyai kepentingan sebagai orang Sarawak Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak mahu bincang tentang perkara dalam Mesyuarat Jawatankuasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sudah menjawab atas isu itu. Jadi, teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak sebut di sini bahawa apabila kita lihat tentang geran yang pihak kerajaan telah tambah, 100 peratus yang tidak dibuat atau dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu. Apabila dinaikkan 100 peratus, ia tidak- kalau tidak puji tidak apa. Akan tetapi, mengapa dikritik pula? Itu yang kita tidak faham... *[Dewan riuh]* So, saya rasa...

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Boleh, boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu sesuatu yang amat tidak patut sekali oleh pihak pembangkang.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Guan Eng:** Akan tetapi, biarlah kita berdasarkan...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Kalau Yang Berhormat Menteri bertanya kepada saya, saya jawablah.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Cakap fasal Sarawak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ada sebut tentang Sabah dan Sarawak?

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Sarawak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Akan tetapi, dalam ucapan ada sebut tentang Sabah dan Sarawak?

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Ada Sarawak sikit saja fasal *education* atau pendidikan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Akan tetapi, saya tengok ucapan Yang Berhormat tidak ada.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Berkaitan dengan pendidikan. Boleh sebut sikit?

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukanlah...

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Dalam kewanganlah. Dalam kewangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Akan tetapi, minta maaf Yang Berhormat tidak sebut tentang Sabah dan Sarawak. Saya hendak berpandu kepada soalan-ucapan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri bertanya kepada saya, saya hendak jawab.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Tidak boleh, sikit?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak, saya hendak rujuk kepada...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Menteri tidak mahu menjawab, tidak apa.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri pun tidak pernah ada masa kami bahas dulu. Jadi, macam mana Yang Berhormat Menteri boleh tahu? Kami bahas tiap-tiap hari...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Menteri tidur, Yang Berhormat Menteri tidur.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri tidak ada, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiausaha Politik tidak ada. Hari ini, ketiga-tiga muka ini ada. Hendak tunjuk hebat. Tidak patut!

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang boleh sahkan sama ada saya ada atau tidak ada bila beliau berikan ucapan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Clear.

**Tuan Lim Guan Eng:** So, itu sudahlah. Yang Berhormat, kalau hendak tunjuk-tunjuk, biarlah macam itu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kami cakap yang betul. Tidak bohong Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Berkaitan dengan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya fasal peruntukan Sabah dan Sarawak- RM27 bilion Pan Borneo...

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat, saya tidak ada nama Yang Berhormat tentang Sabah dan Sarawak.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak akan Yang Berhormat Menteri tidak boleh hendak jawab? Apa standardnya Yang Berhormat Menteri ini? Yang Berhormat Menteri tidak standardlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa kita rujuk kepada mereka yang membangkitkan perkara ini dalam ucapan mereka. Janganlah kita membuang masa di sini.



**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri- BEBAS, Kimanis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kimanis, ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Boleh saya tanya perkara 112C, 112D, Sabah. Di mana Kerajaan Pusat, saya percaya Yang Berhormat menghormati Perlembagaan kita dan apatah lagi selaku Ahli Yang Berhormat dan Menteri Kewangan, bahawa negeri Sabah berhak menerima 40 peratus daripada cukai-cukai yang dikutip di negeri Sabah.

Yang Berhormat sendiri telah pun sewaktu pilihan raya yang lalu berhujah bahawa Yang Berhormat bersetuju untuk mengembalikan 50 peratus daripada cukai-cukai yang dikutip itu. Yang Berhormat juga mengatakan untuk mengembalikan atau membayar 20 peratus royalti. Bilakah agaknya, Yang Berhormat selaku akauntan juga, betullah. Selaku akauntan, berapakah jumlah yang tertunggak? Bilakah agaknya akan diselenggarakan, dibayar dan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat?

*I believe you are not a compulsive liar but I believe I have every confidence that you will fulfilled what you have said, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. What you have said, what you have promised as Menteri Kewangan dan juga Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya bagi laluan *in good faith*. So, I think you asking in a good faith too. Not by making unsubstantiated allegations. So, di sini memang pihak Kerajaan Pakatan Harapan tidak lari daripada apa yang dijanjikan dalam manifesto. Akan tetapi kita kena akui bahawa kedudukan kewangan tidak mengizinkan. Itu sebab saya menyatakan bahawa skandal-skandal kewangan seperti ini termasuk 1MDB... *[Dewan riuh]* Itu yang menjadikan kita susah untuk melaksanakan dasar-dasar...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Termasuk terowong dengan banglolah, kan?

**Tuan Lim Guan Eng:** So, kalau kita lihat- nanti saya jawab, saya jawab.

Kalau kita lihat daripada janji-janji ini, tentu pihak kerajaan masih mahu melihat macam mana kita seberapa yang boleh memenuhi janji-janji yang telah pun ditetapkan. Yang lebih baik daripada apa yang dilakukan oleh kerajaan terdahulu. Ini tidak boleh dinafikan sama sekali.

Kalau kita lihat tentang royalti, itu sedang dibincangkan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Sarawak. Ekoran susulan daripada MA63. Tentang itu bahawa dari segi pemulangan atau kembalinya bayaran cukai yang dibuat oleh negeri Sabah dan Sarawak iaitu dengan syarat bahawa Sabah dan Sarawak mengambil-alih semua perbelanjaan berkaitan dengan hospital, kesihatan dan juga pendidikan sekolah-sekolah.

Akan tetapi, kerana ia melibatkan satu perbelanjaan yang agak besar, perkara ini harus dibincangkan dengan lebih mendalam lagi. Akan tetapi, sekarang keutamaannya ialah macam mana kita boleh memenuhi aspirasi supaya Sabah dan Sarawak dapat menikmati apa yang

disebut tadi, royalti. Ini dibincangkan secara mendalam di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Sarawak susulan...

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bagan...

**Tuan Lim Guan Eng:** Susulan daripada apa yang dibincangkan- nanti, nanti. Saya akan bagi.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Menteri Bagan, saya minta sikit penjelasan saja. Penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya akan bagi. Saya habiskan ini.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Sikit saja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Susulan daripada apa yang dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat tersebut. Yang Berhormat bukanlah ahli dalam MA63. Saya hendak nyatakan di sini, mesyuarat MA63 ini, kita bincang secara panjang lebar dengan penuh suci hati. Dengan penuh keyakinan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kedua-dua negeri.

Akan tetapi, terpulanglah kepada negeri masing-masing sama ada mahukan ia dijalankan dengan tujuan untuk memanfaatkan rakyat bukan saja di Malaysia tetapi juga di Sabah dan Sarawak ataupun hendak bermain politik dalam perkara ini. Saya bagi kepada Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puncak Borneo silakan. Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat, saya cuma minta penjelasan.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Okey, Yang Berhormat Bagan. Saya difahamkan pada zaman Barisan Nasional, Yang Berhormat Batang Sadong juga mempengerusikan jawatankuasa *negosiasi* MA63 ini. Jadi, kenapa benda ini tidak terjadi semasa Barisan Nasional? Apa kekangannya?... [*Dewan riuh*] Saya berharap kalau- saya hendak sokong Yang Berhormat Batang Sadong ini. Kalau Yang Berhormat berjuang untuk Sarawak, saya akan sokong Yang Berhormat!

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tidak payah. Itu politik saja.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Saya akan...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat, oleh sebab Batang Sadong disebutkan, saya hendak jawab di sini.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Saya akan bantu dan berkorban apa saja demi jiwa dan bangsa. Saya akan bantu Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Saya hendak jawab Yang Berhormat itu. Soalannya pun sudah salah.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Akan tetapi, saya akan berjuang sekiranya untuk Sabah dan Sarawak!... [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Ini Yang Berhormat Puncak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Batang Sadong, pergi Parlimen yang dekat luar [*Ketawa*] Silakan, ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya setuju dengan...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Saya hendak jawab pun takut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak sebut...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Akan tetapi...

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Dalam mesyuarat MA63, kita mula dengan *ground zero*- Kertas Putih. Kita tanpa ada rujukan...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Apa yang dibincangkan sebelum ini, kita mula. Itu yang saya rasa *on the clean slate*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, oleh kerana Batang Sadong disebutkan saya hendak jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya lah. Patuh kepada Tuan Yang di-Pertua lah. Apa yang kita tahu, *settle* dekat luar.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Puncak Borneo, kerana soalan Yang Berhormat Puncak Borneo itu silap sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi Yang Berhormat Menteri, sila menjawab pada soalan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Saya hanya menganggotai *devolution of power committee*. Itu saja. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, bolehkah kita minta...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, boleh bagi laluan?

#### ■1850

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batang Sadong, kesempatan telah diberikan kepada Yang Berhormat Batang Sadong untuk bertanya...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sudah jawab tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di antara Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Batang Sadong...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat, apabila membuat janji-janji itu, adakah Yang Berhormat secara ikhlas...

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah saya sudah bagi, saya tidak mahu bagi lagi.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Saya dalam ini belum jawab lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Yang Berhormat Kimanis. Tadi Yang Berhormat Kimanis merujuk saya kepada Peraturan Mesyuarat 37 tetapi Yang Berhormat baca setengah sahaja baru.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat, perkara ini adalah penting untuk rakyat negeri Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan telah diberikan. Ada banyak perkara yang ingin dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Saya mahu bertanya, minta penjelasan, saya mahu minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk dulu Yang Berhormat. Kalau laluan tidak diberikan sepatutnya...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh buat begitu, saya selaku Ahli Parlimen yang mewakili negeri Sabah, saya mahu bertanya demi untuk kepentingan rakyat Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri akan memberikan laluan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi saya tidak bagi laluan...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Saya mahu tanya jawapan satu sahaja? Adakah Yang Berhormat ikhlas menunaikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bagi laluan. Sila duduk Yang Berhormat Kimanis, kita ikut peraturan. Antara lain sebab Yang Berhormat yang membangkitkan peraturan itu tadi, peraturan yang sama, saya guna peraturan yang sama. Sila duduk.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Akan tetapi isunya berbeza, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Sila duduk.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Macam mana dengan rakyat Sabah... [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Berkaitan dengan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ikut peraturan.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bagan Serai iaitu mengenai aktiviti penyeludupan rokok. Kerajaan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri mahu jawab atau tidak mahu jawab, saya mahu tanya sahaja?

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Sentiasa memandangi tinggi penguatkuasaan dan melaksanakan operasi berterusan seperti Operasi *Outlet* Rokok yang telah diadakan sejak tahun 2010...

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** *He's trying to evade the question.*

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Bertujuan untuk menyekat penyeludupan dan penjualan rokok di *outlet* dan premis yang menjual rokok tidak sah.

Selain itu, operasi Ops Pacak terus dilaksanakan bertujuan untuk membanteras pengedaran rokok tidak sah dan mengawal rantaian bekalan rokok seludup di tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai *hotspot*. Sebenarnya kita tahu bahawa ini adalah satu masalah besar

berkaitan dengan duti yang tidak dapat dikutip kerana aktiviti tersebut. Di sini saya juga ingin menyatakan Tuan Yang di-Pertua, bahawa bukan sahaja sekadar iaitu aktiviti penyeludupan rokok yang menyebabkan kerugian untuk negara dalam aspek kutipan duti dan juga eksais.

Akan tetapi kalau kita lihat laporan daripada McKenzie yang menyatakan bahawa *shadow economy* ataupun ekonomi bayangan iaitu kegiatan-kegiatan haram adalah sebanyak setinggi 21 peratus daripada GDP. Ini adalah satu jumlah yang agak besar dan juga kerugian yang maha besar kepada negara. Tindakan akan diambil supaya kita dapat kurangkan ekonomi bayangan yang saya sebut ini. Sekiranya boleh dikurangkan sebanyak separuh atau 50 peratus, pulangan kepada negara adalah mencecah sekurang-kurangnya lebih 20 ataupun RM20 bilion ini.

So, itu adalah sesuatu yang akan diberikan penekanan oleh pihak kerajaan. So, dalam aspek ini, memang dari segi percukaian selain daripada usaha-usaha yang dibuat untuk memastikan pematuhan, pihak kerajaan akan mengambil tindakan dengan kerjasama daripada JKDM dan juga daripada PDRM, pihak polis supaya kita dapat kurangkan ekonomi bayangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, soalan *shadow economy*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya diberitahu oleh dua bekas Ketua Pengarah Kastam bahawa *shadow economy* di Malaysia ini adalah RM30 bilion setahun dan daripada RM30 bilion itu, apabila GST dilaksanakan, RM20 bilion boleh diselamatkan. Apabila kembali kepada SST, *shadow economy* kembali kepada RM30 bilion. Kenapa pihak Pakatan Harapan membuang GST yang boleh menutup *shadow economy* RM20 bilion ini?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak tahu macam mana Yang Berhormat dapat maklumat bahawa *shadow economy* ini adalah kerana pelaksanaan ataupun penggantian GST dengan SST, ini satu perkara baharu. Kalau Yang Berhormat baca istilah *shadow economy*, ia berkaitan dengan kegiatan-kegiatan haram, bukanlah sistem percukaian yang dilaksanakan. Kalau kita lihat *shadow economy*, SST pun tidak dapat dikutip, GST pun tidak dapat dikutip, yang jadi isu ialah aktiviti haram. Bukan sahaja dari segi perjudian haram dan juga penyeludupan tetapi juga merangkumi rasuah. Itu pun sebahagian daripada ekonomi bayangan.

So, di sini memang tidak ada kaitan dengan sistem percukaian GST ataupun SST. Saya tahu Yang Berhormat ingin menyokong ataupun mencadangkan bahawa GST dikembalikan tetapi seperti yang saya nyatakan sebelum ini bahawa pihak Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan mengembalikan GST... [Tepuk] dan kita akan bergantung kepada SST...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Soalan kedua?

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Dan apa yang kita dapat itu maklumat daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia bahawa kutipan daripada SST adalah melebihi jangkaan. Ini adalah satu prestasi yang amat menggalakkan kerana memang menunjukkan bahawa bukan sahaja ekonomi terus membangun tetapi pada masa yang sama dari segi pelaksanaan kita telah berusaha

sesungguhnya untuk memastikan bahawa *loopholes* yang wujud seperti yang selalu dibangkit oleh pihak sana- kita sekarang telah lama-kelamaan telah menutup *loopholes* tersebut...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya. GST.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini terakhir, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya rasa bekas Ketua Pengarah Kastam itu tidak ada sebab untuk berbohong pada saya, apabila dia menyebut dalam SST *shadow economy, the black economy* ini, RM30 bilion, dan GST boleh menutup RM20 bilion daripada RM30 bilion, itu.

Adakah Yang Berhormat tidak bersetuju dengan saya bahawa sebanyak 170 negara daripada 194 negara yang laksana sistem GST ini tidak betul kerana Malaysia mengikut sistem SST, GST sebenarnya yang lebih betul. Itu sebab sebanyak 170 daripada 194 negara ataupun 88 peratus negara dalam dunia ini melaksanakan GST? Cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat saya tidak faham, saya pun- kalau hendak jawab pun dari segi angka pun tidak betul. Sebanyak 21 peratus daripada GDP bukan RM30 bilion, 21 peratus GDP ialah kira-kira RM260 bilion. So, di sini pun kira pun tidak betul. So, kalau kita lihat dari segi itu cukai yang boleh dikutip ialah lebih daripada RM40 bilion. So, kalau Yang Berhormat tidak hendak sebut tentang perkara ini, saya tidak boleh buat apa-apa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang peratus itu Yang Berhormat sebut, saya tidak sebut peratus. Saya tidak sebut peratus itu, yang sebut peratus itu Yang Berhormat, bukan saya. Saya tidaklah sebodoh itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan apa yang ditanya tentang pengenaan levi perlepasan. Ini adalah salah satu usaha yang kerajaan ambil untuk memastikan bahawa cukai yang kita kutip daripada para pelancong dapat disalurkan balik untuk sektor pelancongan.

Seperti yang saya sebut dalam ucapan belanjawan ini, apa yang kita jangka kutip, kita harap selepas kos-kosnya diambil kira, sebahagian besar akan disalurkan kepada MOTAC, Kementerian Pelancongan untuk membolehkan Kementerian Pelancongan menjalankan projek-projek infrastruktur pelancongan. Kita harap bahawa ini akan dapat menarik balik- ini akan menarik lebih banyak pelancong-pelancong ke negara kita kerana seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan, kita perlu adakan tarikan baru dari segi produk baru, daripada segi *event* baru dan daripada segi pengalaman baru supaya bukan sahaja pelancong-pelancong baru datang ke Malaysia tetapi mereka akan kembali semula ke Malaysia.

Tentang itu CKHD, itu RPGT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taiping. Sememangnya, ada permintaan daripada pelbagai pihak bahawa kita kembali kepada sistem asal. Akan tetapi saya hendak terus terang di sini Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan bahawa kita memperluaskan asas percukaian. Di antaranya ialah untuk mengenakan satu sistem *wealth tax*, atau cukai kemakmuran. Tentu bila kita sebut tentang *wealth tax*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini adalah syor untuk mengenakan cukai warisan.

So, di antara cukai warisan dan cukai CKHD, saya rasa cukai keuntungan hartanah ini lebih boleh diterima oleh rakyat. Berbanding dengan cukai warisan kerana kalau kita hendak lihat apa yang diamalkan oleh negara-negara lain, kebanyakan negara ada cukai warisan tetapi kesan dan impaknya kepada rakyat amat besar.

#### ■1900

So, itulah sebabnya pendekatan yang diambil oleh kerajaan ialah sekiranya terpaksa memilih antara cukai warisan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah, saya rasa rakyat akan memilih Cukai Keuntungan Harta Tanah.

Dalam belanjawan lepas, kita telah longgarkan syarat supaya tahun rujukan, bukanlah tahun 2000, tahun rujukan ialah tahun 2013 dan Cukai Keuntungan Harta Tanah hanya untuk lima peratus dikira berdasarkan keuntungan yang diperolehi. Saya percaya bahawa sungguhpun tidak ada mana-mana rakyat, mana-mana rakyat pun tidak mahu dikenakan cukai. Akan tetapi sekurang-kurangnya ini adalah lebih lembut atau lebih boleh diterima berbanding dengan cukai-cukai lain seperti cukai warisan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan tentang apa yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tentang ekonomi bayangan ataupun cukai gelap. Saya yakin bahawa pihak kerajaan dengan *Special Voluntarily Disclosure Programme* (SVDP) di mana satu program untuk mengisytiharkan cukai secara sukarela. Ia telah memberikan satu peluang kepada pembayar cukai untuk membetulkan pelaporan cukai mereka dan pada masa yang sama membolehkan kerajaan untuk mengutip cukai yang lebih.

Di sini perlu disebutkan bahawa sehingga sekarang, sungguhpun tidak ada satu jumlah muktamad tetapi pihak LHDN masih nak memuktamadkan dan memuktahirkan jumlah tersebut. Akan tetapi laporan awal ialah jumlah yang dikutip daripada SVDP adalah melebihi RM7 bilion. Jumlah ini saya rasa menunjukkan bahawa sememangnya ini satu peluang yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk membolehkan pembayar cukai selain daripada membetulkan cukai ataupun pelaporan cukai mereka tetapi pada masa yang sama membolehkan mereka memberikan sumbangan kepada negara.

Oleh itu, saya rasa ini adalah sesuatu yang amat penting kerana ini selalu menjadi satu isu Tuan Yang di-Pertua apabila ditanyakan oleh syarikat penarafan kredit antarabangsa. Seperti yang disebut, "Oh apabila GST digantikan dengan SST", asas percukaian telah pun menjadi lebih sempit. Macam mana kita boleh pastikan bahawa kita ada hasil yang mencukupi untuk menggantikan apa yang kehilangan. Di sini dengan tambahan daripada SST yang melebihi apa yang dijangka diterima, juga daripada sumber-sumber lain oleh kerana kutipan pun lebih sedikit sungguhpun kita menghadapi banyak cabaran, kebanyakan syarikat penarafan kredit amat yakin dengan pengurusan yang diamalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Itulah sebabnya sungguhpun dari segi hasil yang diterima dipertikaikan sama ada mencukupi dan dengan beban hutang yang menambah, syarikat penarafan kredit antarabangsa ini masih kekal rating kredit untuk negara Malaysia.

Itu sesuatu yang amat penting Tuan Yang di-Pertua kerana...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Dengan pengekal *rating grade* ini menunjukkan mereka yakin tentang pengurusan dan juga kemampuan pihak kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Langkawi...

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Minta izin.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Untuk terus menguruskan ekonomi dengan baik termasuk membayar hutang-hutang supaya Malaysia tidak berada dalam keadaan *default*. Yang Berhormat, mata sudah sembuh ya?... [Bertanya kepada YB Pekan] [Dewan riuh]

Mata sudah sembuh ya?...

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Apa dia?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Apa kaitan mata pula?

**Tuan Lim Guan Eng:** Mata sudah baik ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Apa kaitan Yang Berhormat Bagan?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Mata satu hari sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okey baik.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Prihatinlah... [Dewan riuh]

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Terima kasih.

Tadi Yang Berhormat Bagan sebut tentang hutang negara. Saya nampak hutang negara dalam pentadbiran PH ini bertambah lebih pantas daripada zaman Barisan Nasional. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, unjuran hutang negara sehingga tahun 2023 yakni pada akhir tempoh Kerajaan PH ini, berapa banyak tambahan hutang negara yang telah diandaikan setakat ini? Ia sebab hutang negara daripada peratus KDNK sudah hampir mencecah 53 peratus berbanding dengan *KDNK debt to GDP ratio*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan kita tahu *limitation* ialah 55 peratus.

Jadi saya hendak tanya, trend ini pada kesudahannya tahun 2023, berapa banyak agaknya hutang negara yang sudah pun diandaikan oleh Kerajaan PH?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Yang Berhormat memang tahu bahawa apabila Yang Berhormat sebut tentang hutang, hutang yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat hanya hutang langsung atau *direct debt* Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat tidak mahu ambil kira jaminan kerajaan yang telah pun komited iaitu jaminan kerajaan yang telah pun lapuk di mana pihak kerajaan terpaksa menanggung bayaran hutang sebagai penjamin.

Di samping itu, ada liabiliti-liabiliti kontingen seperti PPP di mana terpaksa juga ditanggung oleh pihak kerajaan. Apa yang kita sebut kalau anda lihat keseluruhan hutang dan juga liabiliti kerajaan, bukanlah hanya hutang langsung sahaja. Kita tentu tahu bahawa ia tidak melebihi 55 peratus. Akan tetapi kalau kita lihat jaminan hutang kerajaan yang telah pun *in default* dan terpaksa dibayar oleh pihak Kerajaan Persekutuan adalah lebih daripada itu...

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, saya habis dulu, duduk, duduk saya habis dulu.



**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Yang Berhormat Bagan ni berpusing-pusing...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya habis dulu.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** ...Saya tanya, berapa andaian sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya habis dulu, saya nak jelaskan dulu.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Senang saja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ya biar saya habis dulu.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Dia tidak ada jawapan tu, dia pusing tu.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Berpusing-pusing jawapan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya jelaskan dulu. Bila kita lihat daripada segi angka 2000...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Saya sebut 2017.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebut andaian 2023.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sebut 2017. Tahun 2017 daripada segi peratusan kepada GDP sebenarnya adalah 80 peratus, bukanlah 52 peratus seperti yang diuar-uarkan oleh Yang Berhormat pada masa itu.

Untuk pertengahan 2019, pihak Kerajaan PH sungguhpun kita terpaksa pinjam untuk membiayai perbelanjaan pembangunan, pihak Kerajaan PH telah berjaya kurangkan daripada 80 peratus kepada 77 peratus GDP... *[Dewan tepuk]*

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jumlah 76.2...

**Tuan Lim Guan Eng:** So di sini kita tidak elak daripada hakikat bahawa dari segi hutang langsung memang ada naik, itu benar ada naik tetapi naik pun kurang daripada 55 peratus. Akan tetapi ini hanyalah sebahagian daripada keseluruhan hutang dan liabiliti kerajaan, kena ambil juga jaminan kerajaan komited...

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Kena ambil juga *contingent liability*.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Saya tanya satu angka saja...

**Tuan Lim Guan Eng:** Mengapa kita...

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** ...Itu pun dia tak boleh jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Bukan, duduk dulu.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Berpusing-pusing.

**Tuan Lim Guan Eng:** Mengapa kita kena ambil kira perkara ini, kerana ia adalah ditanggung oleh pihak kerajaan sekarang. Yang Berhormat tanya tentang 2023, unjuran 2023. Itulah yang kita nyatakan, kita cuba kurangkan seberapa yang boleh. Kalau nak disebut sasaran-sasaran kalau boleh kita boleh kurangkan menjelang selepas 2023. Sasaran ialah sampai 65 peratus, kalau kita boleh capai tahap itu.

Yang lebih penting sekali Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Pekan kena tahu perkara ini. Sungguhpun pihak kerajaan telah membuat pendedahan yang terbuka kepada peringkat antarabangsa, *credit rating* kita masih dikekalkan... [*Tepuk*] Sungguhpun sekarang kita nyatakan bukan seperti yang diuar-uarkan sebelum ini 52 peratus, sebenarnya 80 peratus, pihak syarikat penarafan kredit antarabangsa faham dan terima dan mereka tahu kita komited dalam segi reformasi institusi supaya ketelusan dan akauntabiliti dapat dipertingkatkan dan skandal-skandal seperti 1MDB kita akan menangani dan menyelesaikannya. Itulah sebab kita terus kekalkan rating kita...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya minta tolong perjelaskan...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tak bagi jalan, saya tak bagi jalan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Hutang langsung dan juga hutang jaminan kerajaan.

#### ■1910

Yang Berhormat cerita. Yang Berhormat jangan cakap di awang-awangan, cerita. Berapa hutang langsung?... [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak mahu buang masa, lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, cerita berapa hutang langsung dan berapa hutang jaminan kerajaan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, jaminan itu untuk projek apa Yang Berhormat Bagan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekarang kami mendengar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Jaminan untuk projek apa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kami bukan bodoh tahu, ini- kami cerdik.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Projek MRT? Pan-Borneo? UITM? Sekolah-sekolah? Jaminan untuk projek apa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Cerita balik Yang Berhormat. Hutang langsung berapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini saya sudah jelaskan banyak kali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, atau Yang Berhormat Pontian hendak bercakap ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oleh sebab dia sebut 80 peratus daripada GDP.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak bagi jalan, tidak bagi jalan. Saya sudah jelaskan banyak kali.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini adalah sesuatu yang amat memeranjatkan saya. Kalau benar, kita kena ambil tindakan. Sebanyak 80 peratus Yang Berhormat, bankrap negara ini. Yang Berhormat kena cerita berapa hutang langsung, berapa hutang jaminan kerajaan, kami hendak dengar, angka. Ini sebab Yang Berhormat telah curi duit

Petronas sebanyak RM82 bilion, dan jual harta RM30 bilion... [Disampuk] [Dewan riuh] Shut up you!!!... [Dewan riuh]

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Rompak, rompak!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, *warning*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak. Dia ganggu saya hendak tanya soalan. Saya seorang dapat *warning*? Tuan Yang di-Pertua, *thank you*.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau...

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahasa yang tidak- *unparliamentary* ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Mana saya ada curi wang Petronas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia orang *parliamentary*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah memberi peringatan hari itu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** So, hendak suruh saya keluar sekarang?

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Perkataan "*shut up you*" dan sebagainya tidak boleh digunakan... [Dewan riuh]

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya minta Yang Berhormat tarik balik- saya curi wang Petronas. Mana ada / curi wang Petronas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tarik balik, tarik balik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Maaf, bukan curi. Menjarah, menjarah... [Dewan riuh]

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat, minta tarik balik "curi".

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini berkaitan ya, berkaitan Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lebih kuranglah, tarik baliklah menjarah atau mencurikah...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya... [Dewan riuh]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tarik balik, tarik balik.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tarik balik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tarik balik perkataan "curi" kepada menjarah- "menjarah" pun tarik balik kepada merompak, okey... [Dewan riuh]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Menteri, ini saya berkaitan ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau nampaknya bermain-main dengan peraturan dan arahan Speaker. Sila tarik balik... [Dewan riuh] Sila tarik balik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perkataan "merompak" pun tidak boleh pakai?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam konteksnya, mencuri...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Bagan sudah lama menggunakan perkataan “merompak”. Yang Berhormat Bagan pun kena tarik balik Yang Berhormat. Jangan tidak...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*  
*[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tunggu hari terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah rompakan berlaku pada duit Petronas?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Yes, very good. Thank you* Tuan Yang di-Pertua. Adakah rompakan berlaku kepada duit GST yang telah disebutkan itu? Itu soalnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu akan dibahaskan hari terakhir, laporan PAC dan sebagainya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau begitu, kita akan bahaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tarik baliklah, Yang Berhormat Arau. Tidak payah berselindung, tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tarik balik... *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tarik baliklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak dengar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak dengar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oleh kerana Yang Berhormat Bagan telah menarik perkataan “rompak”, saya pun tarik perkataan “rompak”...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bagan, ini berkaitan dengan tadi, hutang...

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Hutang jaminan dan liabiliti.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak nyatakan di sini...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya ingin tanya, berapa banyak aset Kerajaan Malaysia?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak bagi laluan, saya tidak bagi laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Aset Kerajaan Malaysia ini berapa banyak Yang Berhormat Bagan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak jelaskan bahawa tiga sebab mengapa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 37(1)...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kedua, jaminan ini untuk projek apa Yang Berhormat Bagan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Hutang langsung kerajaan boleh naik ialah kerana...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Aset Kerajaan Malaysia ini berapa banyak Yang Berhormat Bagan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian, sila duduk.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Kita terpaksa buat pinjaman untuk projek-projek mega dan pada masa yang sama, untuk itu perbelanjaan pembangunan. So, bila kita sebut tentang LRT dan MRT ini, kita perlukan pinjaman. So, itu sebab hutang langsung naik. So, ini pun telah berlaku sebelum ini dan kerajaan tidak mahu buat sorok-sorok ataupun sembunyi seperti kerajaan terdahulu. Kita tidak mahu buat menerusi jaminan kerajaan ataupun PPP. Kita hendak buat secara terbuka dan telus, itulah perbezaannya... [Tepuk]

So, kalau ini pun tidak faham, susahlah. Apa yang penting ialah syarikat penarafan kredit, mereka memang tahu bahawa kerajaan ikhlas itu sebabnya *credit rating* kita terus dikekalkan sungguhpun menghadapi cabaran sedemikian... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Bahawa kerajaan sekarang, kita menghadapi banyak cabaran.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Aset negara Malaysia ini berapa banyak?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, saya habis dahulu, duduk. Duduk, saya habiskan dahulu.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Saya hendak tanya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Hanya cerita hutang, liabiliti, jaminan. Aset berapa banyak?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Pontian hendak jual asetlah itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Menghadapi cabaran kerana kalau kita lihat dalam iklim perang perdagangan...

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Menjual aset negara ini menguntungkan negara atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Dalam iklim perang perdagangan, sungguhpun ada negara-negara...

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tuan Yang di-Pertua, menjual aset negara ini menguntungkan kita ataupun tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita tengok baru-baru ini Perdana Menteri Singapura telah menyatakan bahawa, kalau Singapura boleh mencatatkan pembangunan ekonomi, pertumbuhan ekonomi yang positif, mereka sudah bertuah atau bernasib baik. Inilah kedudukan ekonomi global sekarang.

Akan tetapi sungguhpun kita menghadapi apa yang disebut sebagai cabaran-cabaran ekonomi global yang lembap, kerajaan masih tegas dan juga kekal dalam rancangan kita untuk

menjalankan konsolidasi dan rasionalisasi tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi. So, itulah yang telah pun berjaya dilakukan oleh pihak kerajaan. Di sini saya harap bahawa pihak pembangkang, marilah kita kalau boleh mengakui hakikat ini. Apa yang berlaku sebelum ini memang menyusahkan, malah memudaratkan ekonomi negara. Oleh kerana tanpa masalah tersebut, saya rasa Malaysia akan berada dalam ekonomi yang lebih baik kalau kita tidak terpaksa menghadapi hutang-hutang, jaminan komited dan sebagainya.

Saya hendak berikan ini sebagai terakhir...

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak mahu buang masa.

Hutang langsung saya hendak sebut 52.7 peratus, *committed guarantee* 11 peratus, 1MDB 2.1 peratus dan juga liabiliti lain 12 peratus, menjadikan kesemuanya 77.4 peratus. Selalu disebutnya, "Oh, ini liabiliti besar. Kita ada hutang besar, tetapi jangan lupa kita ada aset besar". Aset apa ini? Sebut TRX. TRX pada asalnya, tanah adalah milikan kerajaan...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Betul, betul.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau tanah ini bukan milikan kerajaan, ini boleh dikira sebagai aset. Akan tetapi bila ini tanah asalnya milikan kerajaan, mengapa daripada tangan kiri ke tangan kanan cakap ini aset yang kita untung?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Dia hendak juallah itu, dia hendak jual.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini hanya kelirukan diri sahaja. Mula disebut tentang *unit of assets* yang dipegang dalam bank-bank di Singapura, hampir USD1 bilion. Mana pergi unit aset itu? Ini semua ialah satu rekaan. *It is all a fakement of your imagination*, dengan izin.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Bagan, minta sedikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak lain tidak bukan, satu tindakan penipuan kepada rakyat dan negara di mana negara kita kerugian dan kehilangan besar sehingga digelar sebagai kleptokrasi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, saya tanya tadi aset Kerajaan Malaysia.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Bagan, minta sedikit Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Aset Kerajaan Malaysia tidak pernah kira?

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerajaan telah menyediakan galakan cukai pendapatan kepada syarikat-syarikat...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sentiasa diceritakan hutang, liabiliti, jaminan. Aset negara Malaysia berapa- berapa trilion?

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Yang melaksanakan aktiviti-aktiviti yang digalakkan di bawah status *Multimedia Super Corridor*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian, sila duduk. Amaran terakhir.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Termasuklah aktiviti-aktiviti ICT.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kangar minta sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bagi laluan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Di bawah status MSC, syarikat-syarikat disediakan insentif, pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya untuk tempoh 10 tahun atau *allowance* cukai pelaburan sebanyak 100 peratus untuk tempoh lima tahun.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kangar minta sedikit, boleh?

**Tuan Lim Guan Eng:** Selain itu, kerajaan turut menyokong transformasi digital syarikat pengilang kepada *Industry4WRD Readiness*...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Kangar, duduk, duduk.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Yang menyediakan pelbagai insentif termasuk cukai dan bukan cukai untuk menaik taraf kemudahan pengilangan pintar serta *allowance* model dipercepatkan bagi pembelian mesin dan peralatan serta potongan cukai dua kali bagi meningkatkan kemahiran pekerja melalui latihan.

Proses pendigitalan ini adalah sesuatu yang amat penting. Kalau kita lihat insentif-insentif dianggarkan yang telah pun diperkenalkan oleh pihak kerajaan dalam Belanjawan 2020 untuk lima tahun yang akan datang adalah melibatkan jumlah sebanyak RM21.6 bilion. Ini tidak mengambil kira *National Fibreisation and Connectivity Plan*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di mana kita cuba untuk menghubungi seluruh pelosok negara untuk menikmati jalur lebar yang pantas dengan kelajuan sedaya upaya, sedaya mungkin untuk capai peringkat antarabangsa. Ia melibatkan jumlah sebanyak RM21 bilion. So, kalau kita lihat dua-dua sekali, ia melibatkan lebih RM42 bilion untuk lima tahun akan datang supaya kita dapat terus memangkinkan pertumbuhan ekonomi.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, galakan juga diberikan kepada semua sektor. Baik belia, baik wanita, baik juga daripada peniaga-peniaga kecil dan yang penting sekali ialah golongan yang menganggur khususnya anak muda dan juga graduan-graduan yang menganggur. Sungguhpun Malaysia mempunyai kadar pengangguran yang agak rendah iaitu 3.3 peratus dan yang dianggap dalam tahap *full employment*, dengan izin.

#### ■1920

Akan tetapi, kerajaan memang akui bahawa di kalangan anak muda, kadar pengangguran mencecah 11 peratus. Ini termasuk juga graduan-graduan yang tidak dapat mencari kerja.

Untuk menangani masalah ini, kerajaan dengan berani telah melancarkan program #MalaysiaKerja. Ini sangat penting untuk mereka yang tidak mempunyai kerja dengan memberikan insentif gaji bukan sahaja kepada itu pekerja-pekerja Malaysia tetapi juga insentif gaji kepada majikan untuk menggalakkan mereka untuk mengambil pekerja-pekerja tempatan.

Kita harap dengan cara ini, dengan inisiatif ini yang selain daripada Malaysia Kerja merangkumi juga wanita, perantis dan juga belia untuk menggantikan pekerja-pekerja asing,

kerajaan harap dalam lima tahun dapat mewujudkan 350 ribu pekerjaan dalam sektor swasta untuk mengambil pekerja tempatan dan memberikan apa yang kita percaya sebagai satu pekerjaan yang amat bermakna dan membolehkan mereka menyara hidup keluarga mereka.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya ingin bertanya dengan baik fasal pekerjaan. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut dalam masa lima tahun, 350 ribu pekerjaan. Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ada di belakang itu. Tadi dia sebut pada kami sehari, dua yang lepas, sekarang ini ada 600 ribu lebih kerja kosong. Adakah itu termasuk dalam 350 ribu yang ingin diwujudkan?

Kemudian, Yang Berhormat Menteri, PH mencadangkan cuma satu juta peluang pekerjaan. Kami mencadangkan tiga juta peluang pekerjaan. Kenapa begitu jauh beza?

**Tuan Lim Guan Eng:** Pihak-pihak...

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Boleh saya tambah sedikit mengenai pekerjaan tadi?

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat sebut mengenai dengan jumlah pekerjaan 350 ribu yang akan disediakan, sepertimana yang kita ketahui, pertumbuhan ekonomi bukan sahaja di Malaysia tetapi di rantau ini nampaknya berada pada kadar yang perlahan. Sementara itu, ada pula perang dagang antara Amerika dan China. Ini ada satu isu yang berbangkit saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri iaitu sejauh mana keyakinan Yang Berhormat Menteri bahawa bank Malaysia berhadapan dengan risiko kemampuan pembayaran hutang korporat?

Jadi kalau Yang Berhormat Menteri sebut ada pembukaan kepada domestik, perniagaan tempatan untuk mengambil risiko untuk meminjam di bank sedangkan ekonomi berada pada kadar yang perlahan dan ada pula *trade war*, ini akan memberi satu masalah kepada syarikat daripada segi *debt* untuk *repayment capacity* kepada bank. Adakah bank mampu untuk bagi pada kilang dan sektor-sektor yang berhadapan dengan suasana ekonomi sukar ini, seperti *oil and gas* dan juga *construction* yang disebut oleh Moody's dalam *report-nya*? *Thank you*, terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Bagan, sedikit. Boleh?

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan.

Persoalan yang saya bangkitkan berkaitan Malaysians@Work ini. Yang Berhormat Bagan cadangkan supaya RM500 itu dimasukkan ke dalam EPF. Bagaimana mungkin Yang Berhormat Bagan boleh buat *adjustment* supaya RM500 itu dipulangkan melalui pembayaran untuk PTPTN? Ini kerana Pakatan Harapan menjanjikan pendidikan percuma tetapi gagal disebabkan hendak salahkan kerajaan terdahulu.

Jadi, mungkin RM500 itu tidak diletakkan di dalam EPF tetapi dibuat secara bayaran kepada PTPTN supaya jumlah yang menghadapi kerja yang ada berhutang dengan PTPTN ini dapat dikurangkan supaya *revolving fund* dalam PTPTN itu dapat *sustainable*.



**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Tadi, Yang Berhormat- saya mula dengan Yang Berhormat terakhir, Yang Berhormat muda dulu. Tentu itu satu syor tetapi pihak kerajaan mahu pastikan bahawa *disposable income*, dengan izin, iaitu wang yang dapat dalam tangan pekerja itu dapat digunakan oleh pekerja. Itu sebab kalau kita tolak daripada hutang ini, dari segi *disposal income* pun serupa juga.

Tadi saya hendak jawab Yang Berhormat Pontian bahawa kita sebut ialah penganggur. Kita nak kurangkan kadar pengangguran. Memberikan peluang kepada mereka yang menganggur selama ini untuk mencari kerja. So, bila kita sebut tentang 350 ribu pekerjaan, tidak bermakna bahawa hanya 350 ribu pekerjaan akan diwujudkan dalam tempoh ini. Syarikat swasta yang lain, dia pun akan wujudkan itu pekerjaan, baik daripada pelaburan dalaman ataupun pelaburan luar negeri. Akan tetapi, inisiatif ini adalah khusus di mana kita hendak mewujudkan peluang untuk mereka yang tak dapat cari kerja sebelum ini agar dapatlah peluang untuk bekerja. Salah satu faktor ialah kerana gaji dianggap tidak mencukupi. Itu sebab kita bagi insentif gaji supaya mencukupi mereka untuk mahu mempunyai motivasi untuk bekerja.

**Seorang Ahli:** [Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti. Saya habis dulu, saya habis dulu. Saya belum habis lagi.

Supaya mereka ada motivasi untuk kerja. Kalau kita lihat gaji minimum, ada banyak yang sebut gaji minimum RM1,200 macam mana hendak hidup. Saya setuju, tetapi itu minimum. Tak bermakna itulah gaji yang sepatutnya dibayar. Itu sebab kita tambah RM500, sekurang-kurangnya RM500. Kalau boleh sampai sekurang-kurangnya RM2,000 atau RM2,000 lebih, itu sekurang-kurangnya ialah satu jumlah yang kita anggap sebagai *living wage*.

**Seorang Ahli:** [Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya belum habis lagi. Saya habis, saya bagi. Sabar sedikit.

Itulah sebabnya kita hendak galakkan lebih banyak yang menganggur untuk dapat mencari kerja.

Pada masa yang sama, bila kita hendak lebih banyak itu yang penganggur cari kerja, kita pun mesti memberikan galakan kepada majikan untuk mengambil pekerja-pekerja tersebut. Itu sebab kita bagi insentif kepada itu majikan. Tentang formula, ini akan diuruskan oleh KWSP, bukan oleh kerajaan, kerana kita mahu satu agensi yang berkepakaran dalam aspek ini untuk menguruskannya supaya ia dapat berjalan dengan lancar. Wang yang akan dimasukkan, dikreditkan sekiranya cukup untuk pembayaran sumbangan KWSP, bakinya boleh diambil keluar oleh pekerja tersebut. Ini adalah itu akaun khas khusus untuk perkara ini.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang dulu atau Yang Berhormat Ayer Hitam dulu?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan. Sebenarnya dalam perbahasan saya, saya tanya apa yang Yang Berhormat kata tadi, *first- disposal income*. Akan tetapi, kenapa pula dimasukkan ke dalam KWSP RM500? Kemudian, KWSP buat satu kenyataan, dia kata kita akan tengah fikirkan satu mekanisme untuk membenarkan mereka keluar.

Jadi, semasa perbahasan, saya bertanya, adakah cara ini dengan RM500 kepada pekerja, pekerja tidak dapat terus, akan ditahan sehingga usia 55 tahun dan kalaulah dibenarkan mereka keluar daripada KWSP, ada mekanisme tertentu? Persoalannya, kalau dua orang keluar daripada institusi yang sama, seorang menganggur, seorang terus masuk kerja di syarikat yang sama, apa akan berlaku?

Pertama, majikan akan menghadapi satu masalah. Kalau gaji dia dapat RM500 lebih tinggi, dia mesti buat penyelarasan. Kos untuk perniagaan akan meningkat.

Kedua, saya tengah meneliti jawapan komponen yang RM300 kepada majikan. Kenapa perlu diberi kepada majikan? Kalau bagi pada majikan, bermaksud ada *unfair advantage* sebanyak RM800. Bayangkan, dua dari satu kelas masuk syarikat yang sama, ada perbezaan RM800. Ini akan mendatangkan *spin-off effect* kepada mereka yang sudah dalam pekerjaan.

Jadi, saya bertanya kepada kerajaan, apakah ini dapat mengatasi masalah asas? Masalah asasnya ialah *mismatch*, ketidakpadanan. Itu masalah. Bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini yang merupakan masalah pokok? Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti. Saya jawab dulu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tambah sedikit sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti. Saya akan bagi kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah kita kena lihat masalah ini dalam sudut jangka pendek ataupun jangka panjang. Kalau dari segi jangka panjang, *mismatch* dan juga perkara-perkara ini, saya setuju. Akan tetapi, masalah yang kita hadapi sekarang ialah apakah yang kita harus bertindak untuk mengatasi masalah ini sekarang? Bukanlah jangka panjang. So, itulah sebab kita cadangkan dan syorkan inisiatif yang sedemikian.

Tadi, Yang Berhormat, mungkin saya tidak tahu mana dapat maklumat bahawa bila kita bagi RM500, ia hanya boleh dikeluarkan selepas umur 55 tahun. Tidak.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya baca dalam buku, perenggan 94. Yang Berhormat Menteri baca.

■1930

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sudah sebut bahawa bila kita masuk ini, selepas ditolak itu sumbangan KWSP- baik untuk majikan ataupun itu pekerja yang bakinya bolehlah dikeluarkan oleh pekerja dan majikan untuk kegunaan mereka. Kalau tidak, apa gunanya kita bagi insentif gaji yang tidak boleh dinikmati oleh pekerja.

Kedua, tentang masalah-masalah yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Ayer Hitam. Memang itu adalah satu cabaran tetapi itulah sebabnya pihak kerajaan menyerahkan kepada KWSP untuk laksanakannya kerana mereka adalah agensi yang berkepakaran dan itulah sebabnya bila mereka rangka mekanisme.

Saya percaya bahawa masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat akan diatasi, yang pentingnya ialah kita hendak berikan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia

yang menganggur dan juga kepada majikan supaya mereka ada lagi satu pilihan bukan hanya semata-mata bergantung kepada pekerja asing tetapi juga kepada pekerja tempatan.

Bila seramai 350 ribu orang ini yang dulunya penganggur sekarang dapat pekerjaan, saya rasa itu adalah sesuatu yang amat bermakna bila seseorang bekerja ia akan dapat rasa harga dirinya- dapat diberikan penghargaan. So, itu yang penting.

Yang Berhormat dari Ketua Pembangkang.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Perenggan 93, bukan 94.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang dulu kalau tidak saya tidak akan...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya hendak minta penjelasan sikit. Daripada segi insentif kepada majikan itu Adakah majikan itu akan dapat insentif itu apabila merujuk pekerjaan baharu ataupun *existing job* yang sudah ada sebab kalau dia perlu, dia hendak mendapat insentif RM300. Akan tetapi merujuk kepada pekerjaan baharu jadi adalah seolah-olah satu bebanan pula kepada majikan tadi sebab dia terpaksa membayar gaji minimum RM1,100, yang dia dapat daripada kerajaan hanya RM300.

Jadi adakah munasabah perkara ini. Saya takut tidak ada majikan yang akan mewujudkan pekerjaan baru hanya hendak mendapatkan RM300 insentif daripada kerajaan tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu ialah dari segi pelaksanaan mekanisme. Itu sebab saya sebut tadi ia akan dipertanggungjawabkan kepada KWSP sebagai agensi yang berkepakaran dalam aspek ini. Saya rasa biar mereka rangka itu mekanisme lepas ini boleh dijelaskan dengan lebih lanjut. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pihak sana ada minat, saya boleh aturkan apabila mereka siap selain daripada kerajaan saya boleh aturkan satu sesi di mana mereka pun boleh berikan penjelasan.

Itulah satu usaha yang kita hendak usahakan secara murni dan ikhlas untuk semua pihak dan di sini saya hendak nyatakan bahawa seperti mana yang kita sebutkan di sini bahawa inisiatif ini bukan hanya terhad kepada anak muda ataupun graduan ataupun perantis. Akan tetapi juga kepada wanita kerana pihak kerajaan benar-benar hendak meningkatkan penglibatan dan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Itu amat penting.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, minta bagi laluan Yang Berhormat sikit. Baling.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak tanya soalan saya yang hari itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ada dua perkara hendak bertanya dengan Yang Berhormat, mohon penjelasan sebab isu ini agak penting.

Pertama sekali berkali-kali Yang Berhormat pernah ulang di luar dan juga di sini berkaitan dengan pembelian tanah Tabung Haji dengan TRX yang berharga RM188 juta. Sekejap Yang Berhormat, bagi saya peluang sebab...

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak ada kaitan. Saya sebut tentang #MalaysiaKerja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya ada bahas. Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan jadi saya tengok tinggal tujuh minit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah. Sudah saya rasa.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya..

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sudah cakap 1MDB tadi. So, saya tidak berminat untuk ulangi atau balik ke 1MDB.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Izinkan saya tanya apa salahnya bagi saya tanya. Saya hendak tanya tanah itu sudah jual dengan harga RM400 juta dan memperoleh untung RM220 juta.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya teruskan dengan jawapan saya?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *I think it's not fair.* Bagilah saya peluang tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Laluan tidak diberi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Keduanya, Tabung Haji tidak ada.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya teruskan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya tahu Tabung Haji itu sudah jual dan untung RM212 juta saya tahu. Cuma Yang Berhormat Menteri tidak mahu cakap tidak apa. Keduanya, berkaitan dengan bajet RM100 juta Yang Berhormat umum fasal *cable car* di Bukit Bendera tapi di dalam buku tidak ada. Jadi Yang Berhormat bahas tetapi dalam buku tidak ada, macam mana itu.

Adakah itu dilaksanakan atau tidak sebab saya tanya sebab saya tanya dalam perbahasan saya, tolong rujuk. Saya tanya berkaitan dengan Bukit Bendera di Pulau Pinang dan saya kata jurang RM100 juta di antara bandar dan luar bandar, RM100 juta diberikan kepada *cable car* di Bukit Bendera walhal kawasan luar bandar untuk memperbaiki rumah seluruh negara RM100 juta.

Yang Berhormat Pekan bagi dulu RM340 juta turun RM240 juta- tidak apa tapi hari ini Bukit Bendera tidak ada dalam buku itu sebab saya hendak tanya. Apa penjelasan dan ulasan. Jangan main-main, tolong jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya kesal bagi laluan kepada Yang Berhormat Baling [*Ketawa*] Akan tetapi di sini saya hendak nyatakan kalau kita lihat dari segi peruntukan yang diberikan untuk pembangunan luar bandar, telah dinaikkan daripada RM9.7 bilion di bawah Belanjawan 2019 kepada RM10.9 bilion di bawah belanjawan ini... [*Tepuk*] So, inilah hakikat. Jangan cuba memperkotak-katikkan usaha kerajaan untuk memperbaiki kehidupan rakyat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat jangan kelirukan Dewan. Perbandingan saya berkaitan dengan baiki rumah untuk orang miskin.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya di sini saya tidak mahu bagi jalan lagilah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jumlah RM100 juta dengan RM100 juta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk. Sila duduk... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Pertanyaan pun kena betul juga sila. Sila duduk.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, tolong betulkan. Saya tanya betul. Saya tidak main-main dengan soalan saya dan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Saya bahas. Ada dalam *Hansard*. Ia ada dalam *Hansard*. Kalau hendak tolong Yang Berhormat Menteri pun... [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya bahas susah-susah masuk *Hansard*, minta jawapan pun tidak boleh. *Come on* lah Yang Berhormat Menteri jangan berpolitik sangat Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi saya sebut tentang tumpuan yang diberikan oleh pihak...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Satu jam setengah kami duduk sini dengar ceramah politik DAP...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peluang sudah diberikan, Yang Berhormat Menteri sudah menjawab.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Dia tidak betul.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita sebut tentang...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bila mengelirukan Dewan, hak saya sebagai Wakil Rakyat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah keterlaluan, tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat. Saya telah memberi kesempatan yang penuh... [*Dewan riuh*] Tidak payah diusir keluarlah sebab terlampau banyak masalah [*Ketawa*]

Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat minta laluan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berkaitan dengan peruntukan...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya belum hujah lagi berkaitan apa tidak boleh suka hati punya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berkaitan dengan peruntukan untuk ...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh #MalaysiaKerja sikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dinaikkan sebanyak 3.2 peratus daripada RM2.4 bilion kepada RM2.5 bilion.

Di sini saya ingin menyatakan penghargaan ke atas usaha oleh pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan kerana salah satu daripada perbelanjaan ini,

selain daripada bantuan dan juga memperkasakan usahawan wanita adalah untuk membina taska khususnya di premis-premis kerajaan dan apabila asalnya RM10 juta diperuntukkan.

Apa yang dijangkakan ialah sebanyak- *how many?* Sebanyak RM30 juta kan tapi dibina ialah lebih daripada jumlah itu. Ini menunjukkan saya rasa satu prestasi yang baik iaitu melebihi jangkauan bilangan taska yang akan dibina. Tentu dalam belanjawan kali ini jumlah ini telah ditingkatkan kepada RM30 juta untuk membina taska kerana ini amat penting untuk menggalakkan lebih ramai wanita untuk menceburi semula pasaran buruh.

Di sini kami harap bahawa dengan insentif-insentif yang diberikan- selain daripada Program iSuri juga di mana semua suami-suami digalakkan untuk membuat sumbangan bagi pihak isteri mereka, kita harap bahawa lebih ramai wanita akan bekerja semula supaya dapat bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini tidak juga melupakan tentang peranan penting yang dimainkan oleh pasukan keselamatan. Di sini saya ingin menyatakan penghargaan kepada usaha yang dijalankan oleh pasukan keselamatan untuk memastikan negara kita terus aman dan tenteram. Pada masa yang sama untuk memastikan bahawa prinsip kedaulatan undang-undang dihormati supaya negara kita yang sekarang tidak- bukan lagi kleptokrasi tetapi sebuah negara demokrasi yang berpandukan undang-undang.

Adalah penting bahawa hak asasi manusia juga dihormati dan saya juga ingin menyatakan penghargaan atas usaha dan sokongan untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) yang telah pun diminta selama ini.

#### ■1940

Pada masa yang sama, penubuhan *ombudsmen* supaya rakyat apabila tidak puas hati tentang sesuatu tindakan ada ruang dan juga ada jalan untuk memastikan masalah mereka bukan sahaja diberikan perhatian tetapi diberikan layanan yang sewajarnya. So, dalam aspek ini kerajaan ingin teruskan usaha supaya Malaysia bukanlah sahaja sebuah negara yang maju dan makmur akan tetapi juga aman dan tenteram di mana hak dan rakyat semua warganegara akan dihormati, tidak dipecahbelahkan oleh sentimen-sentimen perkauman ataupun ekstremisme yang dimainkan oleh pihak tertentu kerana kita kena ingat Malaysia adalah milik semua rakyat Malaysia.

Tidak ada perbezaan, tidak ada diskriminasi- tentu ada masalah yang kita terpaksa hadapi... [*Tepuk*] Akan tetapi hanya dengan kita bersatu padu baharulah kita boleh mencapai kemakmuran bersama. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya, kenapa DAP campur tangan dalam kes LTTE ya.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat isu Kelantan tidak jawab lagi, royaltilah banyak lagi kita bangkitkan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita membuat sebarang keputusan, saya ingin merujuk kepada Perkara 67 iaitu satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota pada Parlimen

Penggal Ke-12 iaitu kita melihat angka ini mestilah tepat, dalam mana-mana perbelanjaan ianya mesti ditulis dengan tepat.

Saya sehingga hari ini saya belum lagi mendapat jawapan daripada Kementerian Pendidikan tentang RM1.6 bilion Program Sarapan Percuma. Akan tetapi ia termaktub di sini Rancangan Makanan Tambahan RM295 juta. Persoalannya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan minta Tuan Yang di-Pertua membuat satu pertua. Jumlah yang kita luluskan di Parlimen Peringkat Dasar selepas jawatankuasa ini kena ikut setiap kementerian berdasarkan apa yang telah kita luluskan.

Saya ingin bertanya RM1.6 bilion seperti mana yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak termaktub dalam buku bajet ini di bawah Perkara Bantuan Pendidikan 25 item dan juga *one-off* tidak ada. Saya ingin mendapatkan kepastian, apabila kita lulus di Parlimen, adakah lulus dengan perbelanjaan itu tanpa memasukkan RM1.6 bilion. Kalau itulah caranya, saya rasa kita kena memperbaiki apa cara kita persembahkan belanjawan ini. Ini kerana ianya pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota semasa mereka duduk di sini dan disokong oleh pembangkang pada masa itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini akan kita lihat pada peringkat Jawatankuasalah sudah tentu. Apabila butir-butir...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, ini yang pada masa itu saya masih ingat lagi kalau jumlah yang kita luluskan, Jawatankuasa dia tidak boleh lari. Dia mesti ikut apa yang kita luluskan jumlah besar itu.

Jadi saya rasa mesti ada satu asas untuk kita luluskan berapa jumlah yang kita luluskan. Adakah kita lulus ini tanpa Program Sarapan Percuma? Kalau itulah berdasarkan kepada Kertas yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri, maka Yang Berhormat Menteri Pendidikan apa yang dia jawab itu tidak termasuk dalam bajet.

Kalau apa yang Yang Berhormat Menteri Pendidikan umumkan itu betul, bermaksud terlupa pula Yang Berhormat Menteri Kewangan masukkan dalam ini. Jadi ini adalah perkara prosedur. Saya minta supaya dibuat satu penambahbaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya sekarang ialah Rang Undang-undang Perbekalan. Apa yang tersebut dalam Rang Undang-undang Perbekalan adalah apa yang akan diputuskan hari ini. Itu yang daripada segi teknikalnya.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Maksudnya apa yang ada di sini ialah Rancangan Makanan Tambahan RM295 juta, dan tanpa sebarang butiran tentang Program Sarapan Percuma ya, itu yang ada dekat sini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seperti yang saya sebut itu yang akan diputuskan melalui dan akan diteliti semasa peringkat Jawatankuasa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak boleh. Ini Dasar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada. Itu kita akan luluskan Rang Undang-undang Perbekalan. Daripada segi prosedurnya itu yang tepat ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendak disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Diputuskan,*

*Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:*

*“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 5 November 2019.

*Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh, dan kita berjumpa esok pagi.*

***[Dewan Ditangguhkan pada pukul 7.46 malam]***